

*Institusi Bendahara;*  
*Permata Melayu Yang Hilang*

**Dinasti Bendahara  
Johor-Pahang**

**Susunan:**  
**(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman**  
**BEC., Australia National University, Canberra**  
**Ahli Persatuan Sejarah Malaysia**  
**cawangan negeri Johor**

**Judul :**

INSTITUSI BENDAHARA; PERMATA MELAYU YANG HILANG

**Judul kecil:**

DINASTI BENDAHARA JOHOR-PAHANG

**Susunan :**

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman

**Layout :**

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad

**Hiasan Kulit :**

(Tun) Abdul Razak (Tun) Abdul Rahman

**Diterbitkan oleh:**

PUSTAKA BSM ENTERPRISE

6-1, Jln 1A/6, Taman Setapak Indah,

53300, Kuala Lumpur

Tel : 013-3944609, 013-3597286

Fax : 03-78473427

Cetakan Pertama September 2002

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tun Suzana Tun Othman, 1965-

Institusi Bendahara; Permata Melayu yang hilang ; Dinasti Bendahara

Johor-Pahang/Tun Suzana Tun Othman

Bibliografi : ms

ISBN 983-40566-6-4

1. Johor-History-19<sup>th</sup> century 2. Johor-Politics and government-

19<sup>th</sup> century. 3. Pahang-History-19<sup>th</sup> century 4. Pahang-Politics

and government-19<sup>th</sup> century. I. Judul

959.5119

**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PUSTAKA BSM ENTERPRISE

759.5119  
757

# *Institusi Bendahara; Permata Melayu Yang Hilang*

## Topik

## Ms

Pendahuluan ... .. 5

### **BAHAGIAN PERTAMA :**

### **INSTITUSI BENDAHARA DAN KESULTANAN JOHOR LAMA**

#### **Bab I : Institusi Bendahara Sebagai Permata Melayu**

Institusi Bendahara sebagai tunjang di bawah pemerintahan

Raja-Raja Melayu tradisi ... .. 10

Fungsi Adat Melayu dalam lanskap pemerintahan Melayu tradisi ... .. 14

Adat Raja-Raja Melayu dan kepentingannya ... .. 17

Adat Melayu Melaka; Usul perlantikan raja ... .. 21

Salasilah bendahara-bendahara Melaka-Johor-Pahang & kaitan

kekeluargaan dengan Raja-Raja Melayu Melaka ... .. 22

Daulat Bendahara Daulat Raja ... .. 28

Dinasti Bendahara dalam Kesultanan Johor-Pahang ... .. 31

#### **Bab II : Perpecahan Kesultanan Johor Lama**

Perjanjian Persetiaan Melayu-Bugis ... .. 45

Kelumpuhan Institusi Bendahara ... .. 52

British '*menangguk di air keruh*' ... .. 60

Siasah Yam Tuan Muda Riau berterusan ... .. 64

Pasca Perjanjian Inggeris-Belanda 1824M ... .. 65

Bendahara Siwa Raja Tun Ali membawa haluan ... .. 68

#### **Bab III : Adat Tradisi Raja-Raja Melayu Dalam Kemelut**

Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan Orde Melayu Lama... .. 71

Temenggong Ibrahim melawan Tengku Ali ... .. 75

Pemakzuan Sultan Mahmud di Lingga ... .. 79

Belanda menjajah Kesultanan Riau-Lingga ... .. 81

Perlantikan Sultan Sulaiman II melanggar adat Melayu ... .. 84

2 DEC 2002

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01083773

**BAHAGIAN KEDUA :  
PERANG BENDAHARA PAHANG**

**Bab IV : Perang Pahang Peringkat Pertama**

Surat wasiat Tun Ali ... ..	87
Realiti Kesultanan Johor dan pendirian Bendahara Tun Mutahir ... ..	87
Persaingan Kerabat-Kerabat Diraja ... ..	91
Perang Orang Kemaman... ..	93
Pemberontakan Wan Embong... ..	103

**Bab V : Perang Pahang Peringkat Kedua & Ketiga**

Perang Endau dan Kuantan ... ..	108
Faktor Siam ... ..	113
Faktor Temenggong Abu Bakar ... ..	117
Perang Temai ... ..	121

**Bab VI : Adat Melayu disanggah, Bangsa Melayu di 'tulah' !**

Terkuburnya Institusi Bendahara... ..	126
Post Mortem : Berakhirnya Empayar Johor ... ..	130
<b>Penutup</b> ... ..	134
<b>Syair : ' Permata Melayu yang hilang'</b> ... ..	138

**Lampiran :**

Lampiran I : Teori Alternatif Identiti Mani Purindan ... ..	165
Lampiran II : Ringkasan sejarah kedatangan kaum Arab, Parsi dan ahlul-bait Rasulullah SAW serta pengaruh mereka di Gujerat, India ... ..	177
Lampiran III : Kehilangan Dato' Bendahara selama lebih 60 tahun di istana Johor Lama ... ..	181
Lampiran IV : Surat Bendahara Siwa Raja Tun Ali kepada Sultan Mahmud Muzaffar Shah dalam tahun 1855M ... ..	188
Lampiran V : Sultan-sultan Johor yang tidak ditabal Bendahara ... ..	191
<b>Bibliografi</b> ... ..	192
<b>Mengenai penulis</b> ... ..	194
<b>Judul-judul lain dari penulis</b> ... ..	195



Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sebagaimana di zaman Kesultanan Melayu Melaka dahulukala, Kesultanan Melayu Johor Lama yang meliputi tanah besar Johor, Pahang, Singapura dan pulau-pulau yang terletak di sebelah selatan Singapura termasuk Riau dan Lingga tidak dapat lari dari kepentingan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Institusi Bendaharanya. Institusi Raja-Raja Melayu dan Institusi Bendahara warisan Melaka sebenarnya adalah seperti 'sebadan', iaitu saling memerlukan dan lengkap memperlengkapi. Jika fungsi Institusi Raja-Raja Melayu adalah sebagai 'payung' atau tunggak bagi bangsanya, maka Institusi Bendahara pula menjadi tunjang di bawah kedaulatan Institusi Raja-Raja Melayu itu. Ini berdasarkan hakikat bahawa tanggungjawab terpenting seorang Bendahara bukan sahaja dalam memastikan raja yang memerintah mempunyai kelayakan yang diperlukan, tetapi juga berperanan sebagai 'Penabal Raja' (*King Maker*), penjaga adat Raja Melayu serta 'memerintah, memberi kebijakan atas bumi yang dilingkari raja itu.'<sup>1</sup>

Bendahara dibantu oleh para pembesar tradisi Melayu seperti Temenggong, Laksamana, Penghulu Bendahari dan Orang-Orang Kaya<sup>2</sup> yang lainnya. Jawatan para pembesar Melayu yang terpenting bersifat warisan, sedangkan yang lain merupakan jawatan kurnia. Dalam struktur pemerintahan Raja-Raja Melayu tradisi dengan segala adat, adab dan protokolnya yang cukup kemas dan teratur, masing-masing Raja, Bendahara dan para pembesar negeri sedia tahu bahagian kuasa masing-masing, tanggungjawab yang perlu dilaksanakan serta batasan dan pantang larang yang perlu dipatuhi. Perlantikan kuasa mengikut kaedah adat Melayu dan syariat Islam serta pengagihan kuasa yang teratur mampu membendung gejala percaturan politik yang amat memudaratkan. Dalam hal ini, muafakat Raja dan para pembesar Melayu amat dititik beratkan bagi memelihara perpaduan negeri yang dapat menjamin kelancaran urusan pemerintahan. Kesatuan hati yang terbit dari amalan muafakat juga mampu menjadi benteng teguh dari ancaman musuh-musuh bangsa dan agama.

Ikhtiar untuk mendapatkan kefahaman mengenai sejarah pergolakan politik yang melanda Kesultanan Johor Lama mulai abad ke 18M tidak akan mencapai maksudnya jika kita tidak terlebih dahulu cuba menghayati kepentingan peranan Institusi Bendahara sebagai Penabal Raja dan penjaga adat Raja-Raja Melayu tradisi. Pengkajian pada sejarah politik Johor Lama dalam era tersebut memperlihatkan pada kita bahawa peristiwa-peristiwa yang berlaku banyak berkisar pada kepentingan peranan yang dimainkan oleh Institusi Bendahara ini, yang menyebabkan pihak-pihak yang berkepentingan cuba mengeksploitasi kedudukan institusi tersebut bagi mencapai matlamat mencari kuasa. Eksploitasi berlaku apabila fungsi Bendahara sebagai penjaga adat Raja-Raja Melayu mulai lumpuh dalam tahun 1722M akibat berlakunya suatu peristiwa yang di luar kawalan Raja Johor dan para pembesar baginda.

---

<sup>1</sup> Tardjan Hadidjaja, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm 73

<sup>2</sup> Seperti Orang Besar Berempat, Berlapan, Enam Belas dan Tiga Puluh Dua

Hakikatnya, apabila fungsi Institusi Bendahara menjadi lumpuh, peranan sebagai penjaga adat Raja-Raja Melayu tidak lagi dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Bak kata pepatah Melayu, 'keruh di hulu, keruhlah di hilir'. Semenjak kelumpuhan Institusi Bendahara Johor, benteng teguh yang selama ini mampu membendung gejolak siasah dalam urusan pemerintahan bangsa Melayu mula retak. Maka secara berperingkat bangsa Melayu, khususnya golongan bangsawan mulai terdedah kepada siasah yang melarat-larat, yang semakin lama menjadi semakin membelit, mencemar lagi memudaratkan itu.

Pengkajian buku-buku sejarah mengenai pergolakan yang berlaku dalam Kesultanan Johor Lama memperlihatkan bahawa pengkisahan yang dibuat dalam era tersebut seringkali diolah dari perspektif pembesar Bugis yang memainkan peranan penting dalam sejarah Kesultanan Johor mulai awal abad ke 18M. Apabila buat pertama kalinya pembesar Bugis dapat berkongsi kuasa dengan pembesar tradisi Melayu dalam urusan pemerintahan kerajaan Johor Lama, saingan yang berlaku diantara kedua pihak ini telah menyebabkan munculnya riwayat-riwayat yang memperihalkan pensejarahan dalam era tersebut, samada yang pro-Bugis, atau pro-Melayu. Dalam hal ini, riwayat *Tuhfat-An-Nafis*, sebuah karya yang diketahui amat pro-Bugis dan berat sebelah banyak mendapat perhatian kerana ditulis oleh pembesar dan pengarang Bugis yang terkenal di Riau, yang mendapat 'cerita dalam' mengenai sejarah politik Kesultanan Johor Lama dalam era tersebut. Atas kepentingan yang diletakkan pada riwayat *Tuhfat-An-Nafis* maka para pencinta sejarah tanah air seringkali disogokkan dengan pensejarahan Kesultanan Johor Lama melalui perspektif pembesar Bugis, yang sedikit sebanyak telah dapat menenggelamkan cerita dari pihak pembesar Melayu pada masa itu pula.

Malangnya, 'suara' dan perspektif pembesar Melayu menjadi tenggelam terus apabila para akademik dan sejarahwan masakini pula cuba menggarap pensejarahan zaman tersebut dari perspektif moden, iaitu dengan mengikut kayu ukur sistem pemerintahan hari ini yang sama sekali berbeza dengan corak pemerintahan Melayu tradisi di zaman dahulu.

Hakikatnya, bukan sahaja sistem pemerintahan orang Melayu zaman silam amat berbeza dengan sistem pemerintahan yang terdapat dalam negara kita pada hari ini, malahan orang Melayu dari resam yang saya panggil 'Orde Melayu Lama' (iaitu warisan Kesultanan Melayu Melaka) ini begitu berbeza pemikiran, pegangan dan idealismenya berbanding orang Melayu dari resam 'Orde Melayu Baru' bawaan penjajah British itu, yang lebih kita ketahui dan lazim sekarang. Bezanya seperti langit dan bumi. Perbezaan resam, pemikiran dan pegangan para penguasa Melayu zaman dahulu kala ini telah menyebabkan perspektif, respon, kawalan dan tatacara yang digunakan dalam urusan pemerintahan bangsa Melayu dahulu kala juga amat berbeza dari keadaannya masakini. Seperti langit dan bumi.

Dalam hal ini, apabila kayu ukur yang digunakan untuk memahami serta menghayati realiti tradisi pemerintahan golongan Melayu Lama adalah sikap, tindak tanduk dan idealisme barat yang menjadi pegangan dan amalan kuat para penguasa Melayu hari ini dari resam Orde Melayu Baru itu, maka sudah tentu kita sukar menggarap dan membaca

pemikiran serta tindak tanduk para penguasa Melayu silam yang mewarisi pemerintahan legasi Kesultanan Melaka yang cemerlang itu.

Begitu juga apabila kita cuba menilai dan mengadili pegangan dan amalan orang Melayu Lama, mahupun kepimpinan, tatacara serta tindak-tanduk para penguasa mereka dari kacamata ataupun ukuran resam Melayu Baru zaman ini, maka kesannya, pengolahan sejarah akan menjadi tidak tepat, penilaian sejarah menjadi berat sebelah dan prejudis (iaitu lebih bersimpati kepada pihak penjajah barat) dan generasi nenek moyang bangsa Melayu tidak dapat diadili pada tempatnya yang sebenar. Oleh itu bagaimana kita boleh mengenali diri kita yang sebenar, mencari kekuatan dan kelemahan bangsa serta menjadikan sejarah bangsa Melayu sebagai *'iktibar mana yang baik dan sempadan mana yang buruk'??*

Lebih mengkalutkan lagi keadaan apabila segelintir ahli akademik dan pengkaji sejarah tanah air kita terikut-ikut pula rentak penghayatan, kepengarangan dan pengolahan golongan orientalis barat dalam mengupas dan mengadili sejarah bangsa Melayu dan raja-rajanya. Adakah golongan orientalis barat lebih faham akan jatidiri, hakikat, agama, budaya, resam dan adat istiadat orang Melayu dari generasi nenek moyang kita sendiri? Adakah kita dapat jamin bahawa golongan orientalis barat ini bersikap neutral, tidak prejudis, *'bias'* mahupun menyembunyikan agenda tertentu untuk mencapai kepentingan *'penganjur'* mereka dalam memperihalkan sejarah bangsa kita??

Dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, maka buat pertama kalinya buku yang berjudul *"Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang"* ini telah cuba mengupas pensejarahan Kesultanan Johor Lama di zaman terdirinya Dinasti Bendahara Johor-Pahang dari perspektif bendahara-bendaharanya sebagai penghulu kepada para pembesar tradisi Melayu. Apabila pihak pembesar Bugis, golongan akademik dan sejarahwan moden tanah air serta golongan orientalis barat mendapat ruang untuk mengketengahkan pensejarahan Kesultanan Johor Lama dari perspektif masing-masing, maka tibalah masanya bangsa Melayu melihat era tersebut dari kacamata pembesar Melayu tradisi, khususnya dari pihak Bendahara. Perspektif tersebut dapat digarap dari pemahaman adat Raja-Raja Melayu serta penelitian kepada peranan tradisi seorang Bendahara. Respon di pihak Bendahara kepada pergolakan-pergolakan yang berlaku dalam kerajaan Johor Lama serta penelitian surat-surat persendirian yang ditulis oleh Bendahara juga boleh menolong mencapai maksud tersebut.

Hakikatnya, era keruntuhan Dinasti Bendahara Johor-Pahang merupakan era yang amat penting dalam sejarah pemerintahan bangsa Melayu di tanah air, kerana buat pertama kalinya muncul golongan penguasa dari resam Orde Melayu Baru yang didokong oleh penjajah British. Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali (Pahang; 1847-1863M) yang merupakan bendahara terakhir daripada Kesultanan Melayu Johor Lama dan simbol kepada legasi pemerintahan Melayu tradisi warisan Melaka itu, telah menjadi korban pertembungan dua fahaman penguasa Melayu di zaman itu, iaitu bangsawan dari resam Orde Melayu Baru yang cuba dinaikkan British dengan golongan penguasa dari resam Orde Melayu Lama yang cuba dihapuskan mereka. Sesungguhnya, dengan kemangkatan Tun Mutahir sebagai pelarian dalam tragedi Perang Bendahara Pahang yang berakhir

dalam tahun 1863M, baginda telah membawa bersama jasadnya saki-baki dari cebisan Orde Melayu Lama.

Saya harap penerbitan buku "*Institusi Bendahara; Permata Melayu Yang Hilang*" ini bukan sahaja dapat mengembalikan kedudukan Institusi Bendahara di tempatnya yang patut, tetapi juga dapat memertabatkan semula penguasa-penguasa Melayu tradisi zaman pra penjajah yang banyak difitnah onar oleh pensejarahan bangsa Melayu moden acuan orientalis barat itu. Saya juga berharap buku ini sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan dalam membantu generasi hari ini membentuk perspektif dan persepsi baru yang lebih simpatisan pada generasi nenek moyang orang-orang Melayu dahulu kala. Sesungguhnya, orang Melayu zaman pra penjajah lebih rukun, beradab, cemerlang, kuat dan berdaulat berbanding dengan kedudukan kita pada hari ini yang pada zahirnya nampak merdeka, tetapi terjajah diri dan bumi dalam genggamannya 'tangan-tangan cemar yang tersembunyi'.....

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang membantu saya sehingga terbitnya buku ini. Khususnya kepada bonda saya Hjh Moliiana Afidah atas galakan dan kepercayaannya, Mak Long saya YM Bonda Tun Hjh Zabedah, waris tertua kepada Al-Marhum Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, sepupu-sepupu saya khususnya (Tun) Salleh Hj Ahmad, merangkap Pengerusi Badan Waris Kerabat Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali, (Tun) Hjh Zaleha, (Tun) Nasir, (Tun) Norazah dan yang lainnya, yang sentiasa bersama saya, susah dan senang dalam mengharungi perjuangan mengembalikan maruah nenek moyang kami dari keluarga bendahara itu. Tak lupa juga (Tun) Abdul Razak yang tidak jemu membantu saya dalam menghulurkan sumbangan kreatif dalam menghias dan merekabentuk muka hadapan pada kesemua buku-buku terbitan syarikat saya dan suami saya.

Akhirnya, tidak lupa saya berterima kasih kepada suami yang amat dikasihi, Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad yang merupakan penggalak, pengkritik dan pembimbing pertama dan utama bagi saya, serta kunci saya kepada kefahaman hakikat sejarah dan jatidiri orang-orang Melayu zaman silam yang merupakan bakat semulajadi anugerah Allah SWT atasnya. Mustahil untuk saya melangkah jauh dalam perjuangan keluarga (meletakkan kembali Institusi Bendahara pada tempatnya) tanpa restu, kepercayaan, dokongan, kerjasama dan 'input' yang amat berharga yang sentiasa diberikannya kepada saya. Mustahil kami sanggup bersama dalam meredah pahit getir perjuangan demi memertabatkan bangsa dan agama tanpa berkongsi satu cita-cita, wawasan serta kesatuan hati.

Semoga buku ini dapat dimenafa'ati bersama serta dapat dijadikan iktibar mana yang baik, dijadikan sempadan mana yang buruk.

Selamat membaca dan wassallam.

## **BAHAGIAN PERTAMA :**

# **INSTITUSI BENDAHARA DAN KESULTANAN JOHOR LAMA**

### Institusi Bendahara Sebagai Permata Melayu

#### *Institusi Bendahara sebagai tunjang di bawah pemerintahan Raja-Raja Melayu tradisi*

Institusi Bendahara merupakan sebuah institusi Melayu tradisi yang amat kurang dimengerti, apatah lagi dihargai oleh orang-orang Melayu hari ini. Walaupun institusi yang pernah mewarnai lanskap pemerintahan bangsa Melayu semenjak zaman Melaka di awal abad ke 15M sehingga terhapusnya institusi tersebut selepas berakhirnya tragedi Perang Bendahara Pahang yang berlaku diantara tahun 1857-1863M itu terlalu umum diketahui, namun ianya sering disalah ertikan. Kesilapan yang amat ketara dalam iktiar cuba mencari kefahaman mengenai Institusi Bendahara ialah apabila cuba menyamakan peranan Bendahara dengan jawatan Perdana Menteri seperti yang terdapat dalam corak pemerintahan negara kita hari ini, hanyasanya berdasarkan fakta bahawa salah satu tanggungjawab Bendahara ialah menjadi ketua bagi para pembesar negeri sebagaimana fungsi seorang Perdana Menteri. Namun realitinya, jawatan Bendahara adalah jauh lebih besar daripada peranan dan tanggungjawab seorang Perdana Menteri !

Hakikatnya, pengkajian kepada asal-usul bangsa Melayu dapat membuktikan bahawa tuan asal kepada bangsa Melayu (Melaka) itulah 'Bendahara'nya. Menurut catatan *Sejarah Melayu*, sebuah karya agung yang disusun oleh Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad, atau lebih dikenali dengan nama Tun Seri Lanang, Raja-Raja Melayu Melaka berasal dari Palembang di sebuah tempat yang bernama Bukit Siguntang. Riwayatnya bermula apabila Demang Lebar Daun<sup>3</sup> yang menjadi raja di negeri tersebut, yang merupakan anak cucu Raja Sulan dari keturunan Iskandar Zulkarnain<sup>4</sup> telah dipertemukan dengan tiga orang putera bangsawan yang telah datang ke tempatnya. Ketiga-tiga putera raja ini juga berasal dari titisan Raja Sulan. Bagaimanapun, mereka telah menunjukkan beberapa tanda-tanda kekeramatan yang luar biasa. Tanda-tanda kedaulatan yang juga terserlah ujud pada diri ketiga-tiga anak raja itu telah menyebabkan Demang Lebar Daun ingin mengambil 'berkat' dari mereka, lalu dijadikan sebagai anak-anak angkatnya. Peristiwa tersebut kemudiannya menjadi buah mulut orang sehingga wakil dari alam Minangkabau dan negeri Tanjung Pura telah datang untuk meminta dua dari putera raja tersebut menjadi pemerintah di negeri-negeri mereka.

<sup>3</sup> Rujuk Syair '*Permata Melayu yang Hilang*' di dalam buku ini bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kisah Demang Lebar Daun.

<sup>4</sup> Iskandar Zulkarnain dikatakan berasal dari keturunan Nabi Sulaiman AS. Baginda merupakan penakluk agung di suatu masa dahulu dan mempunyai empayar yang amat luas di bumi timur dan barat. Kisahnya ada disebutkan dalam kitab Al-Quran (surah Al Kahfi). Menurut beberapa riwayat sejarahnya, keturunan Iskandar Zulkarnain telah turun dari daerah Yunani (Rom lama), menjelajah ke negeri-negeri di Asia Barat, China dan seterusnya sampai ke daerah Palembang dalam sebuah tempat yang dikenali sebagai Bukit Siguntang yang terdapat Sungai Melayu.

Putera ketiga yang bernama Sang Nila Utama pula kemudiannya ditabalkan sendiri oleh Demang Lebar Daun sebagai Raja Palembang bagi mengambil tuah dan berkat daulatnya itu, sedangkan dirinya diletakkan pada suatu kedudukan yang kemudiannya dipanggil Bendahara<sup>5</sup>, yang membawa erti *'tempat perbendaharaan bagi segala rahsia raja'*<sup>6</sup>.

Dalam hal ini, tindakan Demang Lebar Daun merajakan Sang Nila Utama sebagai Raja Melayu yang pertama membawa makna bahawa tunggak Melayu (dari Bukit Siguntang) yang selama ini terbeban di atas pundak Demang Lebar Daun telah diserahkan kepada Sang Nila Utama sebagai suatu amanah yang sakaral, kerana Demang Lebar Daun ingin mengambil 'berkat daulat' yang ujud dalam diri Sang Nila Utama itu. Malahan bagi memperteguhkan kedudukan Sang Nila Utama sebagai seorang Raja Melayu, suatu wa'ad atau perjanjian sumpah setia<sup>7</sup> telah dibuat diantara Demang Lebar Daun dan Sang Nila Utama. Sebagai tuan asal kepada bangsa Melayu dari Bukit Siguntang yang menyerahkan amanah pemerintahan rakyat jelata kepada Sang Nila Utama, Demang Lebar Daun telah meletakkan beberapa syarat kepada baginda dan keturunannya dalam hal memelihara kebajikan umat Melayu. Sebagai balasan kepada persetujuan Sang Nila Utama, Demang Lebar Daun pula bersetuju supaya *'hamba Melayu tidak akan derhaka kepada rajanya'*. Bagaimanapun, kedua-duanya telah bersetuju bahawa jika keturunan daripada mana-mana pihak<sup>8</sup> melanggar wa'ad yang dibuat, maka pihak yang lain tidaklah terikat lagi dengan perjanjian sumpah setia itu.

Bagi mengukuhkan jalinan ikatan diantara mereka dalam hubungan sebagai Raja-Bendahara, Sang Nila Utama telah dikahwinkan dengan puteri Demang Lebar Daun yang bernama Radin Chandra Puri. Dari perkahwinan ini telah memberanakkan keturunan Raja-Raja Melayu Melaka dan meletakkan batu asas kepada adat Melayu dalam hal perkahwinan seorang Raja Melayu dan puteri Bendahara, yang diharapkan bakal melahirkan waris pemerintah yang gahara. Demang Lebar Daun jugalah yang memberi gelaran 'Yang Dipertuan' kepada Raja, 'berpatik, bertuanku' dengan baginda serta meletakkan beberapa lagi adat Raja Melayu yang lainnya.

Kesimpulannya, untuk menyamakan peranan Bendahara tradisi dengan jawatan Perdana Menteri seperti yang ujud dalam corak pemerintahan moden di tanah air kita adalah terlalu naif dan merupakan kesilapan yang besar. Perbandingan diantara peranan Bendahara tradisi dengan jawatan Perdana Menteri dapat memperlihatkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya empat perbezaan yang ketara, iaitu;

<sup>5</sup> Sang Nila Utama telah diambil sebagai anak angkat oleh Raja Perempuan di Bentan (kemudian dipanggil Riau) yang bernama Wan Seri Beni dan dinobatkan sebagai raja di situ. Wan Seri Beni pula memberi gelaran Bendahara kepada Demang Lebar Daun.

<sup>6</sup> Tarjan Hadidjaja, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm 73

<sup>7</sup> Perjanjian persetiaan ini pernah diberi jolokan sebagai 'magna carta' bangsa Melayu

<sup>8</sup> Sebahagian ahli akademik dan sejarah moden telah mentafsirkan waad di atas sebagai perjanjian taat setia diantara seorang Raja Melayu dengan Bendahara yang bertindak sebagai 'wakil' bagi rakyat jelata, sebagaimana seorang Perdana Menteri adalah wakil rakyat. Bagaimanapun, andaian ini tidaklah tepat kerana Demang Lebar Daun membuat waad dalam peranannya sebagai tuan asal kepada bangsa Melayu yang mengamanahkan tanggungjawab menjaga dan melindungi hamba Melayu kepada pihak Raja Melayu (Sang Nila Utama). Dalam hal ini, Institusi Bendahara sama sekali tidak boleh disamakan dengan jawatan seorang Perdana Menteri, kerana asal semua Bendahara Melayu adalah dari titisan Demang Lebar Daun, tuan asal kepada bangsa Melayu dari Bukit Siguntang itu.

**Pertama:** Bendaharalah asalnyanya tuan sebenar kepada bangsa Melayu yang datang dari Bukit Siguntang di Tanah Palembang. Walaupun kemudiannya tunggak Melayu diserahkan kepada Sang Nila Utama dan keturunannya sebagai Raja-Raja Melayu bagi mengambil berkat dari daulatnya yang terserlah, namun Demang Lebar Daun telah meletakkan dirinya sebagai Bendahara Melayu pertama yang berperanan sebagai 'Penabal Raja' serta memastikan Raja Melayu memerintah dalam batasan adat yang telah digariskan. Peleburan darah Raja -Bendahara melalui perkahwinan puteri Demang Lebar Daun dengan Sang Nila Utama yang melahirkan keturunan Raja-Raja Melayu Melaka juga telah meletakkan kedudukan Bendahara dalam keadaan unik, utama dan terpenting dalam lanskap pemerintahan bangsa Melayu tradisi secara turun temurun.

Maka oleh kerana Bendahara dan Sultan adalah dari satu jurai salasilah, atau dari darah yang sama, adat Melayu lama menegaskan bahawa jikalau raja yang mangkat tiada meninggalkan waris, maka Bendahara boleh naik takhta menggantikannya.

Perkara yang sama tidak boleh dikatakan mengenai jawatan seorang Perdana Menteri yang terdapat dalam corak pemerintahan moden di tanah air kita.

Menurut buku *Adat Raja-Raja Melayu*<sup>9</sup>, dalam struktur pemerintahan Melayu Melaka, di bawah raja ada empat menteri, pertama: *Paduka*, kedua: *Seri*, ketiga: *Maha*, keempat: *Raja*, maka jika dikurniakan keempat nama itu pada seseorang, jadilah ia Bendahara, iaitu seperti Dato' Bendahara Paduka Seri Maha Raja. Dalam lain perkataan, selepas raja yang memerintah, jawatan Dato' Bendahara diletakkan dalam suatu kedudukan yang unik sebagai penghulu bagi sekalian jemaah para pembesar negeri. Selepas Bendahara, barulah diwujudkan empat menteri kanan yang mana utamanya bergelar Perdana Menteri.

**Kedua:** Jawatan Bendahara merupakan hak tradisi turun temurun keluarga Bendahara daripada zaman Demang Lebar Daun sebagaimana menjadi Raja adalah hak turun temurun keluarga raja yang memerintah dari masa Sang Nila Utama. Sedangkan jawatan Perdana Menteri bukan warisan sesebuah keluarga, tetapi boleh dipegang oleh sesiapa pun yang terpilih tertakluk kepada undang-undang perlembagaan negara.

**Ketiga:** Jawatan Bendahara dipegang dengan tiada tempoh yang terhad, sedangkan jawatan Perdana Menteri boleh dipegang untuk tempoh yang tertentu sahaja. Pemilihan semula seorang Perdana Menteri adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang digariskan oleh perlembagaan negara.

**Keempat:** Bendahara bertanggungjawab menjadi pemangku bagi raja yang masih kecil. Sedangkan Perdana Menteri sama sekali tidak boleh menjadi pemangku raja.

Dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, kedudukan Bendahara yang unik menyebabkan Bendahara juga mendapat nobat, cuma lagu nobatnya berbeza dengan raja. Jikalau Sultan bergelar Duli Yang Maha Mulia (DYMM), Bendahara pula bergelar Duli Yang Teramat Mulia (DYTM), iaitu gelaran yang sama digunakan kepada Tengku

---

<sup>9</sup> Tarjan Hadidjaja, *Adat Raja-Raja Melayu*, hlm 73



Besar<sup>10</sup>, iaitu waris raja yang bakal mewarisi pemerintahan negeri. Walaupun Bendahara ber 'Patik' dan ber 'Tuanku' dengan raja, tetapi pada hamba Melayu Bendahara ber 'Beta' sebagaimana baginda.

Kesimpulannya, keunikan Institusi Bendahara adalah terletak pada fungsinya yang bersifat 'separuh raja separuh pembesar', yang menyebabkan status Bendahara setaraf Raja tetapi dalam masa yang sama tetap berperanan sebagai hamba Melayu yang taat pada baginda Sultan. Jika fungsi Institusi Raja-Raja Melayu adalah sebagai pelindung atau 'payung' bagi bangsanya, maka Institusi Bendahara pula menjadi tunggak pemelihara kedaulatan institusi tersebut. Dalam lain perkataan, Institusi Bendahara adalah tunjang di bawah Institusi Raja Melayu tradisi yang berdaulat.

Perhatikan; Bendahara gunanya menabal Duli Yang Dipertuan (Sultan) mengikut hukum adat dan syarak (dengan bimbingan ulamak<sup>11</sup>), menabalkan baginda, menasihati baginda, melaksanakan titah baginda, menjaga sakit pening baginda, menyelenggara jenazah baginda, mengganti Al-Marhum Duli Yang Dipertuan, memangkuriba raja yang masih kecil (iaitu menjadi Pemangku Raja) serta menjadi ketua bagi para pembesar tradisi Melayu.

Bendahara juga bertanggungjawab menyelenggara majlis diraja, menyelia para pembesar negeri, bermuafakat dengan mereka dalam hal ehwal pentadbiran negeri serta melaksanakan titah Duli Yang Pertuan dalam hal pelaksanaan syariat Islam dengan mendapat bimbingan mufti kerajaan dan alim ulamak negeri. Dalam adat Raja-Raja Melayu, permuafakatan Raja dan para pembesar diutamakan kerana '*muafakat menjadi kuat dan membawa berkat*'. Siasah tidak ada tempatnya dalam adat Melayu, kerana adat membawa telus sedangkan siasah subur dalam kabur.

Apabila Raja melanggar adat, adalah menjadi tugas Bendahara untuk memperbetulkan khilaf baginda. Jika berlaku perebutan takhta di kalangan kerabat Duli Yang Dipertuan, Bendaharalah yang diharapkan menggunakan hikmah untuk menangani masalah tersebut, umpama '*menarik rambut di tepung*', supaya jangan sampai kerabat raja ter'aib di mata hamba Melayu. Apabila raja mangkat tanpa warisnya, Bendaharalah galang gantinya dengan syarat mendapat muafakat dan restu dari para pembesar negeri, kerana Bendahara bernobat sebagaimana raja, juga sedarah dengan Duli Yang Dipertuan.

Seperti yang telah disebutkan, mengikut adat Raja Melayu, puteri Bendahara menjadi calon permaisuri Sultan selain calon dari kalangan puteri raja sendiri. Adat ini dipelihara dengan kerasnya di zaman Kesultanan Melayu Melaka bagi memastikan waris Sultan

---

<sup>10</sup> Sekarang disebut Tengku Mahkota

<sup>11</sup> Dalam hirarki pemerintahan Raja-Raja Melayu, kedudukan ulamak (mufti negeri) diletakkan sama taraf dengan para pembesar tradisi Melayu. Bimbingan ulamak diperlukan bagi memastikan seseorang raja memenuhi syarat kelayakan yang diperlukan untuk menjadi *Ulil Amri* (pemerintah umat Islam) seperti baligh, berakal, Islam dan tidak *gharib*. Ulamak juga boleh campurtangan untuk menyingkirkan seorang raja yang terkeluar kelayakannya sebagai *Ulil Amri*, contohnya menjadi murtad, gila, menghalang kerja dakwah, pelaksanaan syariat Islam dan sebagainya.

yang bakal menyambung pemerintahan baginda tetap berdarah gahara<sup>12</sup>. Itulah sebabnya hampir keseluruhan Raja-Raja Melayu Melaka mempunyai hubungan kekeluargaan yang akrab dengan Bendahara, iaitu samada sebagai menantu, anak saudara ataupun cucu.

Moleklah jika kita huraikan adat Melayu dan kepentingannya dalam corak pemerintahan bangsa Melayu tradisi, khususnya yang berkaitan dengan adat Raja-Raja Melayu Melaka. Dalam hal ini, hakikatnya moraliti bangsa Melayu tradisi digariskan dalam hukum adat resam. Diatas sifat Bendahara sebagai pemelihara adat, maka tidaklah keterlaluan untuk merumuskan bahawa Institusi Bendaharalah yang sebenarnya menjadi 'moral guardian' kepada bangsa Melayu.

Apabila Institusi Bendahara dapat melaksanakan fungsinya sebagai penjaga adat Melayu dan raja-rajanya dengan baik, lancar dan berkesan, hasilnya terbukti apabila ia telah mampu melahirkan bangsa Melayu yang beradat, beradab dan berdaulat sehingga menerbitkan Kesultanan Melayu Melaka yang begitu hebat, cemerlang dan berprestij.

### *Fungsi Adat Melayu dalam lanskap pemerintahan Melayu tradisi*

Bangsa Melayu awal yang datang ke Semanjung Tanah Melayu telah membawa bersama mereka kebudayaan unik dan tersendiri yang meliputi keseluruhan cara hidup mereka. Kebudayaan ini dikenali sebagai adat yang ditakrifkan sebagai tatacara dan peraturan hidup seharian individu-individu dalam masyarakat yang dapat mengujudkan kerukunan, kesentosaan serta keharmonian di dalam konteks hidup bermasyarakat. Adat juga melingkungi tatacara ataupun *ritual* yang diamalkan dalam institusi-institusi perayaan dan majlis-majlis resmi.

Di awal tamaddun bangsa Melayu, adatlah yang menjadi paksi utama dalam mengatur masyarakatnya. Bagaimanapun adat kemudiannya secara terus-menerus mengalami proses perubahan dengan berlalunya masa, perubahan suasana dan tempat, khususnya dalam era kemunculan Islam di rantau ini. Dengan kedatangan Islam, undang-undang adat telah membuat penyesuaian di dalam suasana dan persekitaran Islam sehingga adat Melayu dan aturan Islam menjadi saudara kembar dalam lanskap pemerintahan umat Melayu. Ini jelas terbukti dalam satu perbilangan adat yang berbunyi;

*Adat bersendikan syarak,  
Syarak bersendikan kitab Allah,  
Syarak mengata, adat memakai,  
Cermin yang tidak kabur,  
Pelita yang tidak padam*

---

<sup>12</sup> Iaitu dari keturunan mulia, atau bangsawan. Keturunan Raja-Raja Melayu disebut sebagai mulia kerana mempunyai susur galur dari percampuran darah Nabi Sulaiman AS, Iskandar Zulkarnain dan Nabi Muhammad SAW sendiri. Dalam hal ini, Raja-Raja Eropah juga memastikan bahawa pertalian susur galur keluarga mereka daripada keturunan Nabi Daud AS (*King David The Conquerer*) tetap dipelihara dengan kerasnya sebagai pra syarat untuk melayakkan diri menjadi pemerintah dan penaung bagi agama Kristian. Darah gahara dapat memberikan 'daulat zuriat' kepada pemerintah.

Di dalam konteks hukum adat, individu-individu dalam masyarakat dapat digabungkan di bawah satu sistem norma dan nilai yang seragam. Adat bukan sahaja dapat menghapuskan bibit-bibit konflik diantara ahli-ahli masyarakat yang berbagai darjat dan karenah itu, malahan ianya juga berfungsi dalam membentuk peribadi dan jatidiri sesuatu bangsa, contohnya bangsa Melayu. Dalam hal ini, walau dimana pun kedapatan mereka, orang Melayu dapat dibezakan dengan bangsa lain kerana mereka mempunyai adat yang unik dan terkhusus, iaitu keseragaman nilai dan norma yang menjadi sebahagian dari perilaku dan identiti diri mereka sebagai satu bangsa. Contoh nilai yang menjadi pegangan bersama bangsa Melayu ialah konsep beriman, muafakat, bergotong-royong, budi, adab, sabar, santun, setia, hormat, takzim dan banyak lagi.

Menurut tafsiran ahli akademik dan sejarahwan, adat dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian<sup>13</sup>, iaitu ;

**i. Adat yang sebenarnya adat atau dikenali juga sebagai *adatullah*.**

Ditakrifkan sebagai hukum tabii yang dicipta Allah. Contohnya adat harimau mengaum, adat kambing mengembek, adat api membakar, adat air membasah dan sebagainya. Ianya juga diertikan sebagai hukum adat yang hampir mutlak didasarkan pada hukum dan peraturan Islam, contohnya konsep muafakat dan masyuawarah yang ujud dan amat diberatkan dalam corak pemerintahan bangsa Melayu.

**ii. Adat yang diadatkan**

Meliputi adat *muhakamah* dan *adatunnah*. Adat *muhakamah* (adat yang baik) ialah hukum adat yang digubal oleh nenek moyang bangsa Melayu yang menjadi pemuka-pemuka masyarakat bagi menjamin kerukunan serta keharmonian di dalam konteks hidup dalam satu kelompok bangsa. Ianya berbentuk aturan-aturan umum yang mengikat rakyat kepada perlembagaan masyarakat. Undang-undang adat ini menjadi paksi utama undang-undang bangsa Melayu di rantau ini dan lazim disebut sebagai istilah *kanun*. Contoh undang-undang adat yang terawal dapat dilihat pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22hb Februari 1303M bersamaan 14hb Rejab 702 Hijrah. Pada Batu Bersurat Terengganu terpahat beberapa peruntukan undang-undang jenayah dan perniagaan Islam. Selain itu terdapat juga *Risalah Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang*, *Hukum Kanun Dato' Star*, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan*, *Hukum Kanun Brunei* dan banyak lagi.

Dari perspektif ajaran agama Islam, adat *muhakamah* dikira mengikat dan wajib dipatuhi selama mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syariat

---

<sup>13</sup> Baca kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan dalam satu seminar sejarah bertajuk 'Seminar Adat Melayu Serantau/Serumpun, 9-11 September 1996, anjuran Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Antara yang menjadi rujukan utama dalam topik di atas ialah daripada Norazit Selat, 'Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan' dan Muhammad Hakim Nyak Pha, 'Adat Melayu Acheh'.

kerana adat *muhakamah* dibuat untuk mengatur masyarakat dengan baik dan memelihara kesentosaan negeri.

*Adatunnah* atau lazim diistilahkan sebagai resam ialah adat dan hukum adat yang bersumber dari kebiasaan-kebiasaan masyarakat setempat yang dinilai sebagai murni, bermenafaat dan tidak bersalahan dengan hukum Islam serta tidak menyimpang dari konsep *adatullah* dan adat *muhakamah*. Contohnya golongan muda menghormati golongan tua, konsep bergotong royong dalam hal kenduri-kendara, ziarah menziarahi, rumah yang sentiasa terbuka untuk tetamu, memberi buah tangan, berbudi bahasa, mempelajari ilmu persilatan bagi anak-anak muda, bermusafir mencari ilmu dan sebagainya. Kebiasaan-kebiasaan terpuji ini kemudiannya diperkukuhkan oleh petinggi adat setempat sebagai hukum adat atau adat istiadat yang harus berlaku dalam pergaulan hidup sehari-hari masyarakat.

### iii. Adat istiadat

Adat istiadat pula ialah ritual-ritual yang sering dilakukan dalam institusi-institusi perayaan atau majlis-majlis yang dianggap rasmi, contohnya adat berkenduri-kendara, adat nikah-kahwin, adat menghadiri majlis diraja dan sebagainya. Adat istiadat ini dibuat dengan tujuan untuk membesar dan memuliakan perayaan atau majlis tersebut.

### iv. Adat jahiliyyah

Adat istiadat yang bersumber dari amalan-amalan yang dibawa dari zaman pra Islam, yang umumnya bercanggah dengan hukum Islam. Walaupun Islam telah lama berakar umbi dalam kehidupan masyarakat Melayu, adat istiadat jahiliyyah masih lagi diamalkan oleh sebahagian mereka. Bagaimanapun para pemimpin dan pemuka Islam telah mengupayakan secara berterusan berbagai cara yang dapat menghapuskan saki baki amalan adat istiadat jahiliyyah yang masih wujud dalam masyarakat Melayu, contohnya 'Perayaan Mandi Safar', mengambil berkat pada perkuburan-perkuburan keramat, beberapa ritual dalam majlis persandingan dan sebagainya.

Kesimpulannya, di dalam masyarakat Melayu takrif adat sebenarnya memenuhi suatu ruanglingkup yang besar, yang bukan sahaja meliputi tatacara penyelenggaraan kehidupan bermasyarakat, ianya juga tidak dapat dipisahkan dari agama, politik, ekonomi dan pembangunan bangsa. Agama Islam yang syumul telah berjaya mengasli serta mentulenkan banyak hukum adat yang dibawa dari zaman pra Islam, sehingga di sesetengah tempat di rantau ini perlanggaran Islam dianggap sebagai perlanggaran adat Melayu. Seperti yang disebutkan, hakikat adat Melayu ini jelas terbukti dalam suatu perbilangan lama yang berbunyi '*adat bersendikan syarak*'.<sup>14</sup> Dalam hal ini, sering

---

<sup>14</sup> Malangnya, terdapat segolongan pihak yang mengandaikan bahawa adat bermakna adat istiadat semata, langsung telah menuduh orang Melayu zaman silam sebagai zalim kerana berpegang pada pepatah '*biar mati anak, jangan mati adat*', yang ditakrifkan sebagai sanggup membunuh anak semata-mata untuk

dianggapkan seseorang yang masuk Islam disebut sebagai 'masuk Melayu' kerana Melayu sudah diidentikkan dengan Islam, dan beriman dikira sebagai adat pertama dan utama dalam identiti seorang yang berbangsa Melayu.

Hakikatnya, adat bukan sahaja menjadi paksi utama tamaddun bangsa Melayu sejak dari awal lagi, malahan selepas kedatangan Islam, banyak hukum adat dan agama yang serasi dan seragam telah lebur dan sebatu menjadi sebahagian dari identiti, pakaian dan jatidiri orang-orang Melayu<sup>15</sup>. Apatah lagi ajaran agama Islam sendiri telah menetapkan bahawa adat sesuatu bangsa itu dikira mengikat selama mana ianya tidak bercanggah dengan aturan dan hukum Islam kerana adat diciptakan untuk menjamin kesentosaan, perpaduan, persefahaman dan kerukunan masyarakat. Dalam konteks sejarah bangsa Melayu, amalan adat dan syarak terbukti telah dapat membentuk satu bangsa yang beriman, beradab, halus, luhur dan bermaruah. Kesan darinya lahirlah kekuatan, keunggulan dan kedaulatan bangsa Melayu.

Dalam hal ini Kesultanan Melayu Melaka yang merupakan kerajaan Melayu pertama yang diasaskan atas gabungan aturan hukum adat Melayu dan perundangan Islam menjadi contoh ideal. Keunggulannya menjadi sebutan kerajaan-kerajaan lain di rantau ini, sehingga satu persatu daulah-daulah ini tunduk di bawah naungan istana Melaka, langsung mengambil juga segala adat, aturan dan budaya Melaka sebagai ikutan ataupun dimodifikasikan mengikut keperluan negeri masing-masing. Maka jadilah rantau ini rantau Melayu yang kuat, beradat dan berdaulat.

### *Adat Raja-Raja Melayu dan kepentingannya*

Adat Raja-Raja Melayu mempunyai asalnya dari zaman pra Islam, khususnya dalam era Demang Lebar Daun yang meletakkan beberapa adat apabila menobatkan Sang Nila Utama sebagai Raja Melayu (Bukit Siguntang) yang pertama. Adat Raja-Raja Melayu yang dibawa oleh keturunan Sang Nila Utama yang turun ke Bentan, Singapura dan Melaka terus diperkembangkan. Kedatangan Islam kemudiannya telah merombak beberapa adat Raja-Raja Melayu dengan disesuaikan pada hukum dan aturan Islam sedangkan adat yang tidak bercanggah tetap diteruskan. Maka kalau mengikut adat pra Islam, Raja dianggap sebagai penjelmaan dewata-dewata yang mempunyai kekeramatan dan kekuatan yang luarbiasa, tetapi Islam meletakkan Raja Melayu sebagai khalifah, atau payung Allah bagi umat Islam di mukabumi ini. Kalau di zaman pra Islam kedudukan raja dikaitkan dengan unsur-unsur kudus dan suci, maka ianya kemudian digantikan dengan istilah berunsur Islam yang dipanggil daulat, iaitu secara ringkasnya diistilahkan sebagai kuasa, keistimewaan, keutamaan, keluhuran dan sebagainya yang dikaitkan

---

mempertahankan adat istiadat yang lapuk dan tidak bermenafaat seperti adat bersanding, berinai, melenggang perut, bercukur dan sebagainya. Sedangkan hakikatnya adat yang dimaksudkan dalam pepatah ini meliputi undang-undang atau perlembagaan yang dapat menjamin kesentosaan, kerukunan serta keharmonian bangsa Melayu. Maka adat inilah yang mesti dipatuhi oleh semua golongan dan tidak harus dikompromi walaupun yang terpaksa dihukum itu anak sendiri kerana melanggar peraturan undang-undang.

<sup>15</sup> Kebanyakan negeri di Tanah Melayu telah menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat yang mengiktiraf adat sebagai saudara kembar kepada perundangan Islam

dengan keperibadian serta jatidiri raja-raja disamping keunggulan Institusi Raja-Raja Melayu yang merangkumi raja itu.

Kebanyakan adat Raja-Raja Melayu dapat diletakkan di bawah takrif *adatullah*, adat yang diadatkan dan adat istiadat.

#### i. Adatullah

Seorang Raja Melayu berperanan dalam mendirikan agama, membela orang yang dizalimi dan menyempurnakan segala hak. Dalam memenuhi kelayakan sebagai seorang *Ulil Amri*, baginda dituntut memenuhi ciri-ciri seperti baligh, lelaki, tidak *gharib* dan berakal. Menurut ajaran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, melantik raja hukumnya fardhu kifayah seperti melantik kadhi<sup>16</sup>. Begitu pentingnya hal melantik raja, maka adat Raja-Raja Melayu telah menetapkan bahawa perlantikan seorang raja sebagai pengganti mustahak didahulukan daripada mengebumikan raja yang baru mangkat<sup>17</sup>.

Adat muafakat dan persetujuan para pembesar dalam urusan pemilihan raja juga tergolong dalam *adatullah* kerana ianya mempunyai asasnya dalam ajaran agama Islam<sup>18</sup>.

Adat pertabalan seorang raja Melayu juga merupakan suatu *adatullah*. Dalam majlis pertabalan, lafaz sumpah mengambil tanggungjawab sebagai *Ulil Amri* (penguasa umat Islam) dan disertakan dengan alat kebesaran mempunyai asas yang kukuh dalam ajaran agama Islam. Ianya bertujuan menyambung ikatan kerohanian diantara daulah-daulah Islamiyyah yang berantai dari zaman Rasulullah SAW. Upacara pertabalan seseorang raja merupakan suatu majlis yang sakaral kerana ianya merupakan pengiktirafan agama kepada kedudukannya sebagai seorang Raja Islam yang mendapat mandat dari Allah SWT. Sebagai seorang raja bagi umat Islam yang berdaulat, ianya dapat menjamin payung Allah dibuka atas kerajaannya<sup>19</sup>.

Bimbingan Mufti dan Fakih diperlukan apabila terjadi masalah, contohnya raja yang terkeluar dari kelayakan sebagai seorang *Ulil Amri* seperti menjadi gila, menentang pelaksanaan syariat, terlalu zalim dan sebagainya. Institusi Ulamak juga menjadi pembimbing istana dalam memastikan Institusi Beraja

<sup>16</sup> Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Md Zain Hj Serudin, *Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan*, 1998.

<sup>17</sup> Rasulullah SAW sendiri tidak dimakamkan terlebih dahulu selepas baginda wafat sehingga dibuat perlantikan Sayyidina Abu Bakar RA sebagai khalifah ummah.

<sup>18</sup> Dalam adat Melayu, permuafakatan dan para persetujuan para pembesar Melayu merupakan suatu syarat pengesahan perlantikan seorang Raja Melayu. Persetujuan para pembesar ini lazimnya dizahirkan melalui ungkapan "kami suka!". Adat ini sebenarnya mempunyai asasnya dalam ajaran agama Islam. Perlantikan Khulafa'-Ar-Rashidin disahkan melalui ungkapan "kami redho!" oleh para sahabat yang lainnya. Semenjak itu ianya menjadi amalan dalam perlantikan khalifah-khalifah dan raja-raja Islam

<sup>19</sup> Bagi pembacaan lanjut mengenai bab ini, rujuk penulisan Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad dan (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Ahul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman*, 2002

tetap teguh peranannya sebagai pendiri dan penegak corak pemerintahan Islam dalam kesultannya.

## ii. Adat yang diadatkan

Sebagaimana resam adat yang diadatkan yang mempunyai asal-usul serta penjaganya, adat Raja-Raja Melayu di bawah kategori ini berasal dari zaman pemerintahan Demang Lebar Daun dari Bukit Siguntang di Tanah Palembang. Apabila Demang Lebar Daun memberi amanat kepada Sang Nila Utama untuk menjadi tunggak dan payung kepada umat Melayu, dan meletakkan dirinya sebagai Bendahara Melayu pertama yang berfungsi sebagai '*tempat perbendaharaan segala rahsia raja*', Demang Lebar Daun juga telah meletakkan beberapa adat yang dapat menzahirkan kemuliaan dan kebesaran Sang Nila Utama sebagai seorang Raja Melayu yang berdaulat. Dari sinilah juga puncanya kedudukan Bendahara sebagai penjaga adat Raja-Raja Melayu.

Perkahwinan raja dengan puteri bangsawan yang diharapkan dapat melahirkan waris pemerintah merupakan fitrah raja-raja dari zaman awal tamaddun manusia. Adat kuno ini dikekalkan dalam adat Raja-Raja Melayu. Kedatangan Islam yang mengutamakan kemuliaan zuriat (tidak *gharib*) sebagai satu ciri kelayakan menjadi pemerintah bertanggungjawab dalam menjamin adat ini terus dikekalkan dalam lanskap pemerintahan Raja-Raja Melayu. Demang Lebar Daun mengembangkan lagi adat ini dengan mengasaskan adat perkahwinan raja dengan puteri Bendahara. Maka dalam adat Raja-Raja Melayu, darah Raja, Bendahara dan keturunan Rasulullah SAW atau Sayyid ditakrifkan sebagai darah gahara. Adat ini juga sebenarnya dapat dimasukkan dalam kategori *adatullah* kerana ianya amat serasi dengan aturan Islam.

Suatu lagi adat yang diadatkan yang juga mempunyai asas yang kukuh dalam Islam ialah konsep '*pantang anak Melayu derhaka pada rajanya*'. Dalam ajaran Islam, seorang *Ulil Amri* wajib dipatuhi selama mana perintahnya tidak melanggar batasan syariat. Begitu jugalah halnya dengan seorang Raja Melayu yang merupakan pemerintah bagi umat Islam berbangsa Melayu; jika baik raja itu, hamba Melayu mestilah taat, sedangkan bagi raja yang zalim telahpun termaktub dalam perbilangan '*Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah*'.

Pemilihan waris tertua sebagai pengganti raja yang mangkat merupakan suatu lagi adat yang diadatkan, dibuat bagi mengelakkan konflik diantara kerabat diraja dalam urusan menaiki takhta. Bendahara, jemaah menteri serta beberapa kerabat diraja yang tertua akan memutuskan hal pengganti raja jika tercetus masalah yang berkaitan dengan perlantikan raja seperti ketiadaan waris.

Pertabalan seorang Raja Melayu yang dibuat oleh Dato' Bendaharanya juga adalah tergolong dalam adat yang diistiadatkan, yang mana ianya berasal dari pertabalan Sang Nila Utama sebagai Raja Melayu oleh Demang Lebar Daun. Begitu juga dengan adat Melayu yang menyatakan bahawa takhta pemerintahan

bangsa Melayu perlu 'dikembalikan' kepada Bendahara jika ditakdirkan raja mangkat tanpa berwaris. Adat ini sudah tentu berasaskan kepada hakikat bahawa Bendahara merupakan tuan asal kepada bangsa Melayu dari Bukit Siguntang, yang mana bangsa Melayu dari sinilah yang kemudiannya membentuk ciri-ciri peradaban, identiti, budaya dan jatidiri Melayu apabila rajanya membuat kerajaan di Melaka.

Penggunaan bahasa yang khusus kepada keluarga diraja seperti 'berpatik' dan 'bertuanku', protokol serta ketertiban yang dituntut dalam berhubungan dengan mereka termasuk dalam perkara adat yang diadatkan.

## ii. *Adat istiadat*

Sebagaimana amalan adat istiadat Melayu yang berperanan memberi kebesaran serta memuliakan institusi-institusi perayaan dan majlis-majlis resmi, adat istiadat Raja-Raja Melayu juga diadakan bagi memberi kemuliaan, keunggulan dan kebesaran pada kedudukan raja sebagai tunggak kedaulatan bangsa Melayu. Apabila kebesaran dan kemuliaan seorang raja dapat dizahirkan, maka peranannya sebagai tunggak bangsa Melayu yang berdaulat dapat dilaksanakan dengan baik, lancar dan berkesan. Perkara yang termasuk dalam kategori ini ialah penyelenggaraan serta tatacara majlis-majlis diraja yang dibuat dengan terperinci, penuh adat dan kebesaran; contohnya upacara pertabalan, menghadap, pertunangan, persandingan, pemakaman dan sebagainya.

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah dirumuskan bahawa fungsi Institusi Bendahara dalam corak pemerintahan Melayu tradisi sebagai pengatur, penetap dan penjaga adat Raja-Raja Melayu adalah terlalu besar untuk dinilai. Oleh kerana adat dan resam menjadi pakaian bangsa Melayu dan penjaganya merupakan petinggi adat setempat yang mendapat mandat dari Rajanya, sedangkan Dato' Bendahara itu menjadi penasihat Raja yang pertama dan utama, maka tidaklah keterlaluan untuk merumuskan bahawa Institusi Bendahara itulah penjaga jatidiri Melayu yang hakikat. Di sinilah letaknya perbezaan dasar yang terbesar diantara jawatan Bendahara dan Perdana Menteri seperti yang terdapat dalam sistem pemerintahan negara kita pada hari ini. Ruanglingkup peranan seorang Perdana Menteri hanyalah dalam mengatur urusan zahiriyyah pemerintahan sesebuah negara, sedangkan Institusi Bendahara bertanggungjawab juga dalam memelihara dan melindungi nilai, norma, hukum adat dan resam tradisi bangsa Melayu dari sebarang unsur pencemaran.

Dalam lain makna, atas sifatnya sebagai penjaga adat Melayu, khususnya adat raja-raja, maka Institusi Bendahara berfungsi sebagai tunjang di bawah Institusi Raja-Raja Melayu yang berdaulat. Sedangkan Institusi Raja-Raja Melayu yang berdaulat pula memainkan peranan penting dalam mendaulat, mengutuh serta menguatkan identiti dan jatidiri bangsa Melayu. Ringkasnya, Institusi Bendahara mempunyai peranan dan kepentingan secara langsung dalam mendaulatkan bangsa Melayu dan raja-rajanya.



Di bawah ini kita akan ringkaskan beberapa adat Raja-Raja Melayu Melaka, khususnya yang berkaitan dengan usul perlantikan raja. Penghayatan mengenai peranan Bendahara dalam menjaga tata tertib aturan perlantikan raja akan dapat memahami kita tentang kepentingan tanggungjawab Bendahara dalam corak pemerintahan Melayu tradisi.

## ***Adat Melayu Melaka; Usul Perlantikan Raja***

### **Qaulu Al-Haq Wa Kalimatus Saddiq**

*Bismilahirrahmanirrahim*

*" Maka sebermula bicara ini dengan memuji Allah rabbul izzat yang padaNya empunya semua alam ini serta isi kandungannya, Raja kepada semua raja-raja, salawat dan salam kepada junjungan mulia Hadrat Mustafa Rasulullah SAW wa Habibullah, yang mana tanpa berkatnya tiadalah rahmat akan alam ini, sanjungan kepada sahabatul akram, moga-moga dirahmati dan disinari pusara-pusara mereka.*

*Adapun maksud kita ini hendaknya berbincang akan adat Raja-Raja Melayu Melaka Darul 'Azim agar beroleh faedah bagi kita serta darah daging kita. Raja-Raja Melayu itu berasal dari Bukit Siguntang dan bernobat dari Mekah, kuat dan berdaulat selagi diikut adat dan resamnya. Itulah maksud pepatah 'Biar mati anak jangan mati adat'. Berdaulat Raja, berdaulatlah hamba-hamba Melayu semuanya.*

*Syahadan yang mula-mula sekali akan peraturan memilih Raja itu haruslah diperhatikan darahnya dan yang paling aula itu biarlah Raja itu berbangsa Raja. Jika tiada waris berbangsa Raja hendaklah yang berbangsa Bendaharalah selayak-layaknya lagipun Bendahara itu paman Raja. Ataupun boleh juga dipilih yang berbangsa Sayyid lagi pula Quraisy kerana mulianya Sayyid itu disebut kitab.*

*Adapun yang menabalkan Raja itu Bendahara. Diberi akan Raja itu alat-alat kebesaran sebagai tanda pertabalan, dipersalin akan yang Dipertuan, diisytihar oleh Bendahara dan diucap 'Daulat Tuanku' Maka selepas itu semua hamba-hamba Melayu serta Orang-Orang Kayapun sukalah dan jikalau gering atau mangkatnya Duli Yang Dipertuan, terbebanlah ia di atas batu kepala Bendaharalah akan urusan itu dan jikalau Raja itu masih anak-anak maka dipangkuriba Bendahara akan Raja itu dan Bendaharalah memutus sabda dan sabda Bendahara itu sabda Raja jua. Raja itu dipegang atas baginda kerja zilullah fil 'alam setera Allah dan RasulNya dan digelar dengan selayaknya diucap 'Daulat Tuanku' dan didoakan kesejahteraan Duli Yang Dipertuan di khutbah-khutbah Jumaat.*

*Syahadan pekerjaan Bendahara itu teramat besar maka itulah sebabnya Bendahara diberi kuning dan bernobat jua, cumanya berbeza dengan Raja paluannya dan lagunya. Bahkan hamba-hamba Melayu sekalian serta jua Orang-Orang Kaya berpatik dengan Bendahara. Maka Duli Yang Dipertuan tidak akan memutuskan sesuatu melainkan dipinta dahulu sabda Bendahara dan adat Raja tidak melanggar sabda dan adapun Bendahara itu menjunjung titah.*

*Jikalau Duli Yang Dipertuan telahpun mengadakan Raja Muda, maka dijunjung oleh semua Orang Besar dan hamba-hamba Melayu akan baginda sekiranya mangkat Duli Yang Dipertuan, maka Raja Muda itulah ganti Tuanku. Adapun Raja Muda itu bangsanya Raja lagikan gahara kerana jikalau dinaikkan anak gundik binasalah negeri. Syahadan demikian maka adalah Raja Perempuan itu puteri Raja, kecil atau besarnya, ataupun puteri Bendahara.*

*Jika diperbinasa Raja itu akan adatnya, maka kerabatnya yang lain itulah terlebih aula ikut suka Bendahara serta Orang-Orang Kaya sekeliannya nescaya dipelihara Allah SWT akan Bangsa Melayu. Dan jika keluarga Raja kehilangan semuanya, Bendahara serta keturunannya ialah teraula kerana Bendahara dan Raja itu sebangsa. Dan jika waris Raja itu perempuan semuanya maka hendaklah dipilih mana-mana yang berlakikan raja akan lakinya atau anakanda puteri Almarhum dari bangsa raja tersebut supaya kelak tidak binasa akan negerinya. Maka dalam semua perihal ini moleklah Bendahara bermuafakat dengan Orang-Orang Kaya kerana bila muafakat datanglah kuat dan juga bijaksana manapun Raja itu dimanakah akan ditunjukkan kebijaksanaan kalau tidak dalam muafakat.*

*Maka demikianlah serba-sedikit akan adat memilih Raja warisan nenek moyang kita yang suatu masa dahulu dipelihara dengan kerasnya kerana biar mati anak jangan mati adat dan inilah akhirnya bicara hamba yang da'if ini barang diampunkan Allah akan khilaf dan bebalnya kerana Allah mengampun semua melainkan mensyarikatkanNya jua.*

*Sekian dari hamba, Hj Muzaffar ibni Dato' Haji Muhammad, cucu Almarhum Dato' Panglima Dalam Dewan Undang Rembau, Negeri Sembilan.*

### ***Salasilah bendahara-bendahara Melaka-Johor-Pahang dan kaitan kekeluargaan dengan Raja-Raja Melayu Melaka***

Kesultanan Melayu Melaka dan Johor telah melahirkan ramai keturunan bendahara yang bukan sahaja telah mewarnai dan mencerikan lanskap pemerintahan orang-orang Melayu dahulu kala, tetapi juga terkenal dengan ketokohan dan keunggulan mereka. Ketokohan bendahara-bendahara Melaka, Johor dan Pahang ini dapat dikaitkan dengan asal-usul mereka dari keturunan mulia, iaitu dari titisan Iskandar Zulkarnain yang masyur itu.

Dari kalangan keluarga bendahara lahir tokoh-tokoh yang berwibawa seperti Tun Perak dan Tun Mutahir, pahlawan-pahlawan Melayu perkasa seperti Tun Tepok (di zaman mudanya) dan Tun Jenal, tokoh yang menjadi pelopor budaya Melayu seperti Tun Hassan Temenggong, pujangga Melayu terunggul seperti Tun Isap Misai dan Tun Seri Lanang, tokoh yang berjasa menyelamatkan maruah Institusi Beraja seperti Raden Anum, Tun Habib Abdul Majid dan Tun Habib Abdul Jalil (kemudian menjadi Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV) dan ramai lagi tokoh lain seperti Tun Khoja Ahmad, Tun Abdul Majid, Tun Ali dan sebagainya. Malahan dari titisan bendaharalah lahirnya serikandi-serikandi Melayu terbilang seperti Tun Kudu, Tun Fatimah, Tun Che' Ayu (Serikandi Riau), Tun

(Wan) Puteh (Serikandi Mandailing), serta wanita Melayu tercantik iaitu Tun Teja (puteri Bendahara Pahang yang berasal dari Melaka)<sup>20</sup>.

Bendahara Melaka yang pertama bernama Tun Perpatih Tulus, muncul dalam zaman pemerintahan Raja Iskandar Shah (1390?-1414M). Dari segi pertalian darah, Bendahara Tun Perpatih Tulus adalah bapa saudara dan mertua kepada Raja Iskandar Shah itu. Raden Bagus atau Tun Perpatih Bermuka Berjajar (Seri Wak Raja) menjadi Bendahara Melaka yang kedua diikuti dengan Raden Anum dan kemudiannya Tun Perpatih Sedang<sup>21</sup>.

Bendahara Melaka yang ketiga dan paling terbilang, iaitu Bendahara Paduka Raja Tun Perak muncul di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446-1456M). Tun Perak bersusur galur nasabnya dari keturunan keluarga bendahara awal Melaka, dan juga mempunyai pertalian kekeluargaan dengan raja-raja yang memerintah di masa itu.

Kemunculan seorang putera Pahili dari Kesultanan Gujerat yang bernama Mani Purindan<sup>22</sup> di istana Melaka pada awal abad ke 15M telah membuka lembaran baru dalam sejarah pemerintahan bendahara-bendahara Melaka<sup>23</sup>. Baginda bolchlah disebut sebagai '*patriach*', atau bapa kepada semua keturunan bendahara-bendahara Melaka selepas Tun Perak. Melalui puteranya Penghulu Bendahari Seri Nara Diraja Tun Ali lahirlah bendahara-bendahara Melaka dari jurai Mani Purindan bermula dengan Tun Mutahir, iaitu salah seorang dari Bendahara Melaka yang termasyhur.

Beberapa contoh perkongsian nasab di antara keluarga bendahara dan keluarga raja Melaka ialah seperti berikut;

- Sultan Muzaffar Shah (1446-1456M) merupakan putera hasil dari perkahwinan saudara perempuan Seri Nara Diraja Tun Ali (putera Mani Purindan) yang bernama Tun Ratna Wati dengan Sultan Muhammad Shah (1424-1444M).
- Sultan Muzaffar Shah pula kemudiannya berkahwin dengan puteri Bendahara Seri Amar Diraja (Raden Anum) dan dari perkahwinan ini mendapat Raja Abdullah yang kemudiannya menaiki takhta dengan gelaran Sultan Mansur Shah (1456-1477M).

---

<sup>20</sup> Sila baca puisi '*Permata Melayu yang Hilang*' dalam buku ini untuk penghayatan lebih lanjut.

<sup>21</sup> Dr Muhammad Yusuff Hasyim dan Dr Aruna Gopinath, *Pahang Darul Makmur, 1800-1930, Salasilah Kesultanan Negeri Pahang Darul Makmur; Lampiran 1*

<sup>22</sup> Mani Purindan merupakan seorang bangsawan Gujerat yang banyak difitnah onar oleh sebahagian ahli akademik moden yang menuduhnya tidak lebih dari seorang saudagar Tamil yang berjaya masuk ke istana Raja Melayu Melaka dan Pasai atas helah dan tipudayanya. Bagi pembacaan lanjut mengenai kajian salasilah Mani Purindan, sila rujuk pada Lampiran I pada buku ini.

<sup>23</sup> Mani Purindan yang mempunyai salasilah daripada istana Farsi yang kemudiannya telah membentuk Kesultanan di wilayah Gujerat telah muncul di istana Melayu dengan membawa banyak pengaruh yang diambil dari istana Farsi. Adat istiadat istana, peribahasa serta ungkapan-ungkapan Farsi banyak digunakan selepas zaman kemunculan Mani Purindan di istana Melaka. Malahan, mulai zaman pemerintahan cucu cicit baginda sebagai raja-raja Melaka, saudagar-saudagar serta para pendakwah dari Kesultanan Gujerat mulai datang berbondong-bondong ke Melaka.

- Sultan Muzaffar Shah (Marhum Seluyut; 1564-1570M) berkahwin dengan Tun Mas Jiwa, cucu Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, puteri Tun Hassan Temenggung.
- Sultan Alauddin Riayat Shah (1477-1488M) berkahwin dengan saudara perempuan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang bernama Tun Senaja dan memberanakkan Sultan Mahmud Shah I.
- Sultan Mahmud Shah I (1488-1511M di Melaka, 1516-1528M di Johor lama) pula berkahwin dengan Tun Fatimah, puteri Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan memberanakkan Raja Ali atau Sultan Alauddin Riayat Shah II (1529-1550M)

Berikut merupakan perkongsian nasab diantara Bendahara Tun Perak dengan Bendahara Tun Mutahir serta keturunan mereka;

- Ayahanda Bendahara Tun Mutahir, iaitu Tun Ali berkahwin dengan saudara perempuan Bendahara Tun Perak yang bernama Tun Kudu, menjadikan Tun Perak bapa saudara Tun Mutahir.
- Cucu cicit Tun Perak berkahwin dengan Tun Mahmud Seri Narawangsa, putera Tun Tahir, (saudara kandung Tun Mutahir) yang kemudiannya memberanakkan Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai.
- Keturunan Tun Tahir yang bernama Tun Ahmad pula berkahwin dengan Tun Genggang, cucu cicit Tun Mutahir, memberanakkan Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad, atau lebih dikenali sebagai Tun Seri Lanang.

Kemunculan seorang tokoh bangsawan Aceh yang berasal dari keluarga Naqib (ketua golongan Sayyid) di Hadramaut, Yaman, iaitu Sayyid Zainal Abidin bin Sayyid Abdullah Al 'Aidrus ke dalam keluarga Tun Jenal Bendahara Sekudai (putera Tun Seri Lanang) sebagai menantu telah membawa suatu era baru dalam sejarah pemerintahan keluarga bendahara Johor lama yang merupakan pewaris kepada keluarga bendahara-bendahara Melaka. Bukan sahaja seorang ahul-bait Rasulullah SAW<sup>24</sup> dapat menjadi Bendahara Johor buat pertama kalinya melalui perlantikan Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid, cucu kepada Sayyid Zainal Abidin itu, istiadat Melayu lama yang menyebut bahawa bendahara boleh naik takhta menggantikan raja yang mangkat tanpa berwaris buat pertama kalinya diguna pakai dengan kenaikan putera Tun Habib Abdul Majid yang bernama Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil ke takhta kerajaan Johor lama, menggantikan Sultan Mahmud Syah II (*Marhum Mangkat di Julangan*) dalam tahun 1699M yang mangkat tanpa meninggalkan sebarang waris.

Bendahara Tun Habib Abdul Jalil yang kemudiannya menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV merupakan nenek moyang bagi Kesultanan Johor-

<sup>24</sup> Ahul-bait, atau keturunan Rasulullah SAW mempunyai kelebihan yang banyak dari perspektif ajaran agama Islam. Untuk pembacaan lanjut mengenai kaitan ahul-bait Rasulullah SAW dan bangsawan Melayu, sila baca buku '*Ahul-Bait Rasulullah SAW & Raja-Raja Melayu*' karangan Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad dan (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman.

Riau-Lingga-Pahang, atau dikenali sebagai Kesultanan Johor Lama. Adinda Sultan Abdul Jalil yang bernama Tun Jenal pula menjadi Sultan Terengganu yang pertama dari darah bendahara, bergelar Sultan Zainal Abidin I. Baginda memerintah dari tahun 1725-1733M.

Salah seorang putera Sultan Abdul Jalil IV, Tun Abbas meneruskan tradisi nenek moyangnya dengan menjadi Bendahara Johor-Pahang dalam tahun 1722-1736M. Dari keturunan Tun Abbas telah memberanakkan bendahara-bendahara Johor-Pahang lainnya sehingga membawa kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali (1847-1863M). Peristiwa Perang Bendahara Pahang diantara Tun Mutahir dan adindanya Tun Ahmad telah menaikkan Tun Ahmad sebagai Sultan Pahang yang pertama dari keturunan bendahara, bergelar Sultan Ahmad Al Muadzam Shah, memerintah dalam tahun 1882-1914M.

Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa sepertimana Mani Purindan yang menjadi 'bapa' atau pengasas kepada hampir semua keluarga bendahara Melaka, Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid pula menjadi bapa kepada dinasti bendahara Johor-Pahang serta sultan-sultan Pahang, Terengganu dan Johor.

**Hubungan kekeluargaan diantara sultan-sultan Melaka dan  
Johor Lama dengan bendahara-bendaharanya**

<u>Sultan</u>	<u>Bendahara</u>	<u>Hubungan</u>
1. Iskandar Shah	1. Tun Perpatih Tulus	Bapa saudara & Mertua Raja
2. Raja Besar Muda	1. Tun Perpatih Tulus	Nenda Raja
3. Raja Tengah	1. Raden Bagus	Kekanda Raja
4. Sultan Muhammad Shah	1. Raden Bagus 2. Raden Anum	Bapa saudara & Mertua Raja Bapa saudara
5. Sultan Abu Shahid	1. Raden Anum	Datuk saudara Raja
6. Sultan Muzaffar Shah	1. Raden Anum 2. Tun Perpatih Sedang 3. Tun Ali 4. Tun Perak	Datuk saudara & Mertua Raja Ipar Raja Bapa saudara Raja/ berkahwin dengan bekas isteri Raja Bekas ipar/ anak saudara isteri Raja
7. Sultan Mansur Shah	1. Tun Perak	Ipar Raja
8. Sultan Alauddin Riayat Shah I	1. Tun Perak	Bapa saudara Raja
9. Sultan Mahmud Shah I	1. Tun Perak 2. Tun Perpatih Puteh 3. Tun Mutahir 4. Tun Tepok 5. Tun Khoja Ahmad	Datuk saudara Raja Datuk saudara Raja Bapa saudara Raja Bapa sepupu Raja Dua pupu Raja
10. Sultan Ahmad Shah (Sultan Melaka terakhir)	1. Tun Tepok	Datuk sepupu Raja

<u>Sultan</u>	<u>Bendahara</u>	<u>Hubungan</u>
11. Sultan Ibrahim Shah (Sultan Johor-Pahang-Riau -Lingga)	1. Tun Habib Abdul Majid	Abang ipar Raja
12. Sultan Mahmud Shah II (Sultan Johor-Pahang-Riau -Lingga)	1. Tun Habib Abdul Majid	Bapa saudara Raja
13. Sultan Mahmud Shah III <sup>25</sup> (Sultan Johor-Pahang-Riau -Lingga)	1. Tun Abdul Majid	Bapa mertua Raja
14. Sultan Husin Shah (Sultan Singapura/Johor)	1. Tun Ali	Abang ipar Raja
15. Sultan Abd Rahman (Sultan Riau/Lingga)	1. Tun Ali	Besan Raja
16. Sultan Muhammad Shah (Sultan Riau/Lingga)	1. Tun Ali	Besan Raja
17. Sultan Mahmud Muzaffar (Sultan Riau/Lingga)	1. Tun Mutahir	Mertua Raja
18. Temenggong Abu Bakar (kemudian menjadi Sultan Johor)	1. Tun Mutahir	Mertua Temenggong
19. Sultan Muhammad Shah (Sultan Riau/Lingga)	1. Tun Abdul Rahman (Tun Aman)	Menantu Raja
20. Sultan Mahmud Muzaffar (Sultan Riau/Lingga)	1. Tun Abdul Rahman (Tun Aman)	Ipar Raja

Catatan di atas hanya untuk Sultan Melaka/Johor yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Bendahara sahaja. Tidak disenaraikan raja-raja yang tiada mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Bendahara.

<sup>25</sup> Selepas zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah III, Johor berpecah menjadi dua, iaitu Singapura-Johor dan Riau-Linggi, tetapi dari perspektif adat Melayu, perpecahan tersebut tidak diiktiraf. Bagaimanapun, oleh kerana kita masih belum mengupas sejarah perpecahan kesultanan Johor Lama dari kacamata pbesar Melayu tradisi, maka di peringkat ini kita ikut sahaja resam yang lazim (dari perspektif sejarawan moden dan golongan orientalis), iaitu mengandaikan perpecahan Kesultanan Johor Lama diiktiraf dan raja-raja dari dua kerajaan yang terbit dari perpecahan tersebut sama-sama sah dan berdaulat.

'*Melayu Beradat, Bangsa Berdaulat*', apakah makna yang tersirat di sebalik ungkapan orang-orang lama kita ini? Sebenarnya, kalau kita kaji sejarah kelahiran bangsa Melayu, kita akan dapati bahawa Melayu lahir dengan adatnya yang unik dan tersendiri seperti yang disebutkan sebelum ini. Pertabalan Sang Nila Utama oleh Demang Lebar Daun sebagai seorang Raja Melayu yang beradat dan berdaulat telah meletakkan batu asas kepada corak pemerintahan bangsa Melayu yang penuh adat, yang mampu menzahirkan kemuliaan, ketinggian, keunggulan dan kebesaran seorang Raja Melayu. Bagaimanapun, pada masa itu orang Melayu kecil sahaja bilangannya dan belum lagi menganut agama Islam. Dalam masa pemerintahan Sang Nila Utama dan keturunan baginda yang turun ke negeri Bentan, Temasik (Singapura) dan Melaka untuk suatu tempuh yang lama, secara berperingkat adat Raja-Raja Melayu diperkembangkan.

Apabila Sultan Melaka yang bernama Sultan Muhammad Syah (1414-1444M) menerima Islam di tangan Maulana Sayyid Abdul Aziz dari Jeddah itu, maka terbentuklah sebuah daulah kesultanan Islam yang hebat dan terunggul, Kesultanan Melayu Melaka namanya. Bersempena dengan terbentuknya Daulah Islamiyyah ini, adat istiadat Raja-Raja Melayu terus dihalusi, guna mengujudkan peraturan yang kemas dan tersusun yang bukan sahaja dapat menzahirkan daulat Kesultanan Melayu Melaka, malahan peranan raja sebagai tunggak bangsa dan agama dapat disempurnakan dengan baik, lancar dan berkesan. Adat Raja-Raja Melayu dari zaman Demang Lebar Daun yang tidak menyalahi syariat Islam pula terus diguna pakai.

Apabila kerajaan-kerajaan berjiran mengambil nobat mereka dari Melaka, diambil sekali segala adat dan peraturan raja-rajanya, maka jadilah kerajaan-kerajaan ini Daulah Islamiyyah yang dipanggil kesultanan-kesultanan Melayu.

Kedudukan serta tanggungjawab penting yang dimainkan oleh keluarga Bendahara sebagai tunjang di bawah pemerintahan Raja-Raja Melayu zaman pra-Islam telah diberi kesinambungan di dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka. Dasar pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang mengutamakan aspek perkembangan, pendidikan dan penegakkan syariat Islam tidak memencilkan peranan Bendahara, malahan peranan tersebut terus diperkembangkan. Dalam hal ini, kemunculan baginda Mani Purindan, seorang putera raja Gujerati di istana Melaka yang memberanakkan kebanyakan dari keturunan bendahara-bendahara dan raja-raja Melaka bukan sahaja telah menyumbang dalam memasukkan pengaruh istana Farsi yang hebat itu dalam adat istiadat Raja-Raja Melayu, malahan darah keturunan Arab yang mengalir dalam dirinya juga membantu meninggikan mertabat bendahara-bendahara Melaka di mata umat Melayu di zaman itu.

*Sejarah Melayu*, sebuah karya terunggul yang banyak menyingkap sejarah pemerintahan Raja-Raja Melayu Melaka-Johor Lama juga telah berjasa dalam mengupas sejarah, peranan dan perspektif keluarga bendaharanya yang sama-sama turut mengambil peranan penting dalam mencorakkan lanskap pemerintahan bangsa Melayu pada kesultanan-kesultanan ini. Pengkajian *Sejarah Melayu* membuktikan bahawa kedudukan Bendahara sememangnya unik. Status Bendahara dikatakan setaraf Raja dan amat dipermulikan



oleh Orang-Orang Kaya serta rakyat jelata sebagaimana Duli Yang Dipertuan. Namun Bendahara jugalah yang mempunyai tanggungjawab yang paling berat, bukan sahaja sebagai penghulu bagi para pembesar tradisi Melayu, tetapi juga dalam tanggungjawab peribadinya sebagai 'penabul' serta tempat 'perbendaharaan segala rahsia' kepada Sultan.

Raja Melayu dilihat sebagai 'payung bagi bangsanya'<sup>26</sup> atas mandat yang diamanahkan kepada baginda sebagai seorang *Ulil Amri*, atau pemerintah bagi umat Islam. Itulah sebabnya mengapa Institusi Raja-Raja Melayu dianggap begitu sakral oleh orang Melayu dahulu kala, dan Sultan sebagai wakil bagi institusi ini menjadi junjungan bangsa. Dalam hal ini, sebagai penjaga peribadi dan penasihat sultan yang bertanggung sepenuhnya atas pundak Bendahara, segala perkara yang merangkumi darihal titik bengik urusan peribadi baginda sehingga kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal pemerintahan negeri harus dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab. Bendahara dituntut untuk menjadi orang yang paling setia kepada Raja, yang paling prihatin akan hal ehwal baginda, yang paling menjaga kepentingan baginda dan sentiasa berada di sisi baginda dalam susah dan senang. Dalam hal ini tidaklah keterlaluan untuk menyatakan bahawa Bendahara dituntut menjadi orang yang pertama memberikan kebaktian dan khidmat sepenuhnya kepada Duli Yang Dipertuan<sup>27</sup>

Sebagai penghulu bagi jemaah pembesar tradisi Melayu yang bertanggungjawab memelihara kedaulatan dan keluhuran Institusi Raja-Raja Melayu, Bendahara perlu tahu secara mendalam akan hukum kanun, salasilah, resam, faham, adat dan syariat (dengan bimbingan mufti) supaya Raja dapat diberi maklumat tepat bersangkutan dengan perkara-perkara yang perlu ditangani. Maklumat tepat dan nasihat yang berpandangan jauh amat diperlukan daripada Bendahara supaya Raja dapat dibimbing untuk membuat keputusan yang baik mengenai hal-ehwal pemerintahan negeri. Itulah sebabnya dalam adat Raja-Raja Melayu, Bendahara tidak boleh mewariskan jawatannya kepada puteranya yang masih kecil jika ditakdirkan ia meninggal dunia<sup>28</sup> kerana peranan Bendahara sebagai penasihat raja memerlukan kelayakan atau pra syarat, mencapai umur kematangan dan mempunyai 'hati yang tua'. Dalam hal ini, Bendahara juga diharapkan dapat menjadi

<sup>26</sup> Pegangan ini berdasarkan ajaran agama Islam. Dalam sebuah Hadeeth disebut bahawa: "*Sultan adalah payung Allah di bumi ini, tempat bernaungnya orang-orang yang lemah, memberi pertolongan terhadap orang-orang yang teraniaya. Barangsiapa memulikan Sultan Allah di dunia ini, Allah akan memulikannya pada Hari Qiamat.*" (HR Ibnu An-Najjar). Sebuah Hadeeth lagi menyebut bahawa: "*Sultan yang adil dan merendahkan diri adalah payung dan tombak Allah di dunia. Allah akan mengangkatnya sebagai 70 orang-orang yang benar.*" (HR Ibnu Abi Syaibah)

<sup>27</sup> Kesetiaan bendahara-bendahara Melaka-Johor-Pahang terserlah dalam pensejarahan bangsa Melayu. Bendahara Tun Perak, Tun Mutahir, Tun Tepok, Tun Khoja Ahmad adalah antara nama-nama bendahara yang sanggup bersama-sama raja dalam susah dan senang. Baca syair '*Permata Melayu yang Hilang*' pada buku ini. Kecuali di zaman pemerintahan Bendahara Tun Habib Abdul Jalil yang terpaksa bermuafakat dengan para pembesar Melayu untuk mengambil tindakan mengembalikan mertabat Institusi Beraja apabila Sultan Mahmud Shah II bertindak di luar batasan sehingga mencetuskan tragedi '*Marhum Mangkat di Julangan*' dalam tahun 1699M.

<sup>28</sup> Seorang raja yang mangkat boleh mewariskan kerajaan baginda pada puteranya yang masih kecil. Dalam hal ini, sementara menunggu putera kecil itu mencapai umur kematangan, adat Raja-Raja Melayu menetapkan Bendahara menjadi Pemangku Raja yang menjalankan urusan pemerintahan negeri. Dalam hal perlantikan waris Bendahara pula, syaratnya lebih longgar; contohnya dipilih anak, adik beradik atau sepupunya, asal sahaja umurnya sudah matang.

penasihat Raja yang berhikmah dan berhemah supaya baginda dapat menaati nasihat dan tunjuk ajarnya. Ketegasan, kekerasan dan keberanian pula dituntut daripada Bendahara jika perlu menangani ancaman musuh-musuh negara<sup>29</sup>.

Oleh itu, bagi menyempurna serta menzahirkan kepentingan tanggungjawab yang diletakkan atas pundak Bendahara itu, pertalian darah dan perhubungan kekeluargaan yang dekat dan akrab dengan Raja menjadi amat penting<sup>30</sup>. Perhubungan darah dan keakraban kekeluargaan yang sedia ada ini dapat menjamin kedudukan Bendahara yang tinggi itu tetap terpelihara, supaya peranannya sebagai orang ke-dua selepas Raja dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan demi kepentingan negeri.

Kedudukan Bendahara yang setara Raja di dalam Kesultanan Melayu Melaka dan Johor dapat diperhatikan dalam beberapa petikan *Sejarah Melayu* seperti berikut;

*'Syahadan apabila Paduka Seri Pikrama Wira tiada keluar, maka (Bendahara) Tun Perpatih Permuka Berjajarlah duduk dihadap orang banyak di balai, akan ganti Paduka Seri Pikrama Wira. Bermula jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajar duduk di balai, jikalau anak-anak raja datang tiada dituruninya, melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan juga maka dituruninya. Jika Bendahara masuk mengadap, tempatnya duduk itu dibentangi permaidani. Jika raja sudah masuk maka Bendahara pulang, segala orang besar-besar dan segala orang kaya-kaya di balai itu semuanya pergi menghantarkan Bendahara pulang ke rumahnya.*

*'Adapun yang kena sireh nobat pertama Bendahara dan anak raja-raja, dan (kemudian) penghulu Bendahari, dan Temenggong, dan Menteri keempat, dan kadi, dan pakeh, dan Laksamana, Seri Bija Diraja, dan sida-sida yang tua-tua. Dan barang siapa yang dikehendaki raja, dan cateri, itupun jikalau ada Bendahara menghadap nobat; jikalau tiada Bendahara, tiadalah bersirih puan itu, jika ada anak raja-raja sekalipun.*

*'Maka orang makan itu berhad, hanya empat sehidangan, terus lalu ke bawah; demikian juga jika temannya makan itu tiada seorang, tinggal tiga; jika tidak dua, tinggal dua; jika tiada tiga, tinggal seorang, makan juga; tiada dapat yang di bawah itu naik menggenapi di tempat yang diatas. Adapun Bendahara makan seorangnya sehidangan dengan anak raja.'*

<sup>29</sup> Contoh keberanian Bendahara adalah Tun Perak yang mengetuai angkatan pahlawan Melaka menyerang Siam sehingga dapat mengalahkannya. Kesultanan Kelantan dapat diambil Melaka dan puteri Kelantan menjadi permaisuri Raja Melaka. Menurut sumber Portugis dan *Sejarah Melayu* pula, bahawa Portugis tidak berani menyerang Melaka dalam masa Tun Mutahir menjadi bendaharanya. Selepas kemangkatan Tun Mutahir akibat hukuman bunuh oleh Raja Melaka kerana difitnah saudagar Tamil dalam tahun 1510M, barulah Melaka dapat dikalahkan oleh Portugis dengan mudah. Tun Jenal yang menjadi Bendahara Johor di zaman pemerintahan Raja Bujang menunjukkan keberaniannya dengan mengetuai satu angkatan pahlawan-pahlawan Melayu memanjat dinding kubu La Famosa yang tinggi dan kukuh itu untuk masuk ke dalam tempat perlindungan askar Portugis. Walaupun ramai panglima Melayu mati syahid dalam serangan itu, tetapi Portugis dapat dikalahkan selepas lebih 140 tahun menjajah bumi Melaka, iaitu dalam tahun 1641M.

<sup>30</sup> Faktor ini menjadi satu sebab mengapa puteri Bendahara menjadi permaisuri Raja (selain dari faktor mendapatkan darah gahara). Kerana waris kerajaan yang lahir dari ikatan perkahwinan ini akan mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga Bendahara yang dapat menjamin kesetiaan, penghormatan dan pemuliaan dibuat secara 'timbal-balik' diantara pihak Bendahara dengan Raja yang memerintah.

*"Maka Bendahara Seri Maharaja pun makan seorangnya. Segala orang yang banyak itu ada menanti Bendahara makan, kerana adat Bendahara Melaka, tiada makan sama-sama dengan orang. Setelah sudah Bendahara makan, maka orang lain pun makan. Demikian istiadat dahulu kala."*

*"Kerana adat Bendahara Melaka, apabila membicarakan orang, Temenggong dan Laksamana tiada berpisah dengan Bendahara. Jikalau orang biadap lakunya pada Bendahara, Laksamanalah membunuhnya, dan jikalau orang yang patut ditangkap dan dipasung, maka Temenggonglah yang menangkap dan memasungnya. Demikianlah adat istiadat zaman dahulu kala."*

*".....dan pisau pencukur anak raja itu pisau tembaga suasa. Berhulu emas, berpermata. Maka anak raja itupun dichukur oleh Bendahara. Maka gedang palu-paluan pun dipalu oranglah seperti adat kerajaan. Maka rambut anak raja itu ditimbang oleh Bendahara perempuan dengan emas dan perak, didermakan kepada fakir dan miskin."*

Hakikatnya, kepentingan Institusi Pembesar Melayu Tradisi yang mana Bendahara diberikan mandat menjadi penghulu bagi institusi tersebut dapat disimpulkan melalui wasiat Sultan Mahmud Shah I kepada para pembesar negeri sejour sebelum baginda mangkat. Dalam wasiatnya itu, Sultan Mahmud Shah telah bertitah:

*"Adapun barang tahu Bendahara dan segala Orang Kaya-Kaya, bahawa dunia ini akan lepaslah dari genggamannya kita, melainkan semata-mata akhirat yang kita hadapi. Adapun anakku Sultan Muda ini, dahulu Allah SWT, kemudian Rasul Allah, setelah itu kepada Bendahara dan Orang-Orang Kaya sekalian pertaruh kita, daripada memelihara dan mengajar, menegur dia, kerana dia budak penuh dengan khilaf dan bebalnya. Lagi ia piatu. Telah yakinlah kita akan pelihara Bendahara dan Orang Kaya-Kaya sekalian akan dia."*

Kesimpulannya, jika Raja-Raja Melayu Melaka pada suatu masa dahulu disebut juga sebagai *zillullah-fil-ardh*, atau bayangan Allah di mukabumi ini sebagai mencerminkan peranan penting yang dipertanggungjawabkan atas pundak mereka sebagai ketua bagi umat Islam dalam Kesultanan Melaka, maka Bendahara pula adalah sebagai 'bayangan Raja' atas peranannya sebagai penabal, penjaga peribadi serta tempat 'perbendaharaan segala rahsia' baginda. Malahan sebagai penghulu bagi Institusi Pembesar Tradisi Melayu yang menjadi tunjang kekuatan di bawah Institusi Raja-Raja Melayu itu, kepentingan Bendahara dan jasanya dalam menjunjung sistem pemerintahan tradisi orang-orang Melayu adalah merupakan suatu sumbang bakti yang tidak ternilai harganya.

### ***Dinasti Bendahara dalam Kesultanan Johor-Pahang***

Di zaman Kesultanan Melayu Melaka, Bendahara dan kaum keluarganya dikenali melalui prediket Tun yang diletakkan pada pangkal nama mereka, contohnya Tun Perak, Tun Putih, Tun Ali, Tun Kudu, Tun Mutahir, Tun Fatimah, Tun Hassan Temenggong, Tun Tepok, Tun Biajid dan ramai lagi.

Selepas runtuhnya Kesultanan Melayu Melaka apabila Portugis menyerang dan menjajah bumi Melaka dalam tahun 1511 Masihi, Sultan Mahmud Shah I yang memerintah pada waktu itu terpaksa berundur dengan para pengiring termasuklah Bendahara dan kaum keluarga baginda. Walaupun Melaka telah ditawan Portugis, Sultan Mahmud Shah masih tetap merajai negeri Johor. Keturunan baginda kemudiannya melanjutkan pemerintahan sebagai raja-raja Johor sehingga zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah II dalam tahun 1699M itu.

Keluarga Bendahara yang mengikuti Sultan Mahmud I berundur kemudiannya telah membuat penempatan baru di negeri Johor. Dari keturunan bendahara-bendahara Melaka inilah memberanakkan pula keluarga bendahara-bendahara Johor, sebagaimana juga sultan-sultan Johor adalah waris dari sultan-sultan Melaka sehingga zaman Sultan Mahmud Shah II. Bendahara Johor yang pertama ialah Bendahara Paduka Raja Tun Khoja Ahmad, diikuti dengan Tun Isap Berakah, Tun Isap Misai, Tun Seri Lanang, Tun Mas Anum, Tun Jenal, Tun Mat Ali, Tun Rantau, Tun Habib Abdul Majid dan akhirnya Tun Habib Abdul Jalil.

Sejarah kesultanan negeri Pahang pula mencatatkan bahawa pemerintahan sultan-sultan Pahang dari keturunan Raja-Raja Melayu Melaka berakhir dengan kemangkatan Sultan Abdul Ghaffur dan Raja Mudanya, iaitu Raja Abdullah<sup>31</sup> dalam tahun 1614M. Semenjak itu, Johor telah mengambil semula Pahang di bawah naungannya secara langsung, khususnya semenjak zaman pemerintahan Sultan Johor yang ke 8, iaitu Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677M) yang juga terkenal dengan nama Raja Bujang.

Dengan berakhirnya pemerintahan raja-raja Pahang dari zuriat Kesultanan Melaka, Pahang mulai diperintah oleh keluarga bendahara Johor sebagai wakil mutlak bagi kerajaan Johor Lama itu. Pada masa itu jajahan takluk Johor yang lain meliputi juga Riau dan Lingga serta kepulauan-kepulauan yang terletak di sebelah selatan negeri Johor, sementara pusat pentadbiran negeri terletak di Riau.

Pemerintahan Sultan Mahmud Shah II pada awalnya dipangku riba oleh Bendaharanya pada waktu itu yang bernama Bendahara Seri Maharaja (Padang Saujana) Tun Habib Abdul Majid kerana umur baginda baru menjangkau 10 tahun. Pusat pemerintahan Kesultanan Johor pada masa itu terletak di kawasan Kota Tinggi. Tun Habib Abdul Majid mangkat dalam tahun 1697M dan digantikan oleh anakandanya Tun Habib Abdul Jalil sebagai Bendahara.

Peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud Shah II dalam tragedi '*Marhum Mangkat di Julangan*' pada tahun 1699M buat pertama kalinya menyaksikan adat Melayu Lama yang menegaskan bahawa Bendahara boleh naik takhta jika Sultan mangkat tanpa berwaris, telah diguna pakai. Al-Marhum Sultan Mahmud yang tidak meninggalkan sebarang waris telah membawa permuafakatan para pembesar negeri untuk melantik Bendahara Johor sebagai pengganti baginda. Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil merupakan saudara sepupu kepada Sultan Mahmud kerana bonda Sultan Mahmud

---

<sup>31</sup> Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*, 1980, hlm 68-70

yang bernama Marhum Bakal adalah saudara kandung kepada ayahanda Tun Habib Abdul Jalil, iaitu Bendahara Tun Habib Abdul Majid itu.

Sebelum itu para pembesar Johor mahu melantik ayahanda saudara baginda (kekanda Tun Habib Abdul Majid) yang bergelar Dato' Pasir Raja<sup>32</sup> sebagai Sultan Johor, tetapi baginda menolaknya. Apabila disyorkan Bendahara Tun Habib Abdul Jalil dilantik sebagai Raja, baginda bermuafakat adik beradik lalu bersetuju dengan cadangan para pembesar Johor itu.

Dengan perlantikan Bendahara Tun Habib Abdul Jalil sebagai Sultan Johor yang mendapat gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718M)), baginda telah melantik adindanya yang bernama Tun Mas Anum sebagai Bendahara, bergelar Bendahara Seri Maharaja. Dalam tahun 1716M, Tun Mas Anum telah meninggal dunia, dan adinda baginda yang bernama Tun Abdullah pula dilantik menggantikannya bergelar Bendahara Paduka Raja.

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil IV, muncul seorang putera Siak yang bernama Raja Kecil, mendakwa dari keturunan Sultan Mahmud Shah II. Baginda telah menyediakan kelengkapan perang beserta dengan para hulubalangnya untuk menyerang negeri Johor sehinggalah berlaku pertempuran sengit di antara kedua belah pihak. Malangnya Sultan Abdul Jalil menemui kekalahan, lalu terpaksa menyerahkan takhta pemerintahan negeri kepada Raja Kecil. Raja Kecil kemudiannya menjadi Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah, memerintah dalam tahun 1718-1722M.

Pada waktu itu rakyat Johor telah terbahagi dua, sebahagiannya tetap menyatakan taat setia kepada Sultan Abdul Jalil sementara yang lain telah menyokong pemerintahan Raja Kecil. Kemudiannya ketegangan berlaku lagi di antara Raja Kecil dan Sultan Abdul Jalil yang telah menyebabkan mereka berperang buat kali kedua. Bagaimanapun angkatan Minangkabau di bawah pimpinan Raja Kecil sekali lagi telah berjaya menundukkan Sultan Abdul Jalil dan para pengikut baginda.

Dengan sebab kealahannya itu, maka pada tahun 1719M Sultan Abdul Jalil telah meninggalkan Johor untuk pergi ke negeri Pahang yang merupakan salah satu dari jajahan Kesultanan Johor. Di Pahang baginda melantik adindanya yang seorang lagi bernama Tun Abdul Jamal sebagai Bendahara dengan kemangkatan Bendahara Tun Abdullah. Tun Abdul Jamal juga terkenal dalam sejarah sebagai Bendahara Pekok. Sultan Abdul Jalil kemudiannya telah membuat siri lawatan ke beberapa buah tempat seperti Pulau Aur, Pulau Tinggi dan Pulau Tioman kerana orang-orang Melayu di situ semuanya masih tetap taat pada baginda lagi.

---

<sup>32</sup> *Manuskrip Muar* (Salasilah Raja-Raja Temenggong Muar)



Gambar di kiri adalah salinan surat Sultan Abdul Jalil Shah IV kepada Raja Perancis, Louis XV untuk membeli bekalan peluru dan ubat bedil. Surat ini ditulis dalam tahun 1719M di Terengganu semasa Sultan Abdul Jalil sedang berkonfrontasi dengan Raja Kechil. Pada chop mohor baginda tertera nama '*Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, zilullah fil alam ibni Bendahara Seri Maharaja Habib*'<sup>33</sup>.

Tiada berapa lama di Pahang, Sultan Abdul Jalil menyinggah pula ke negeri Terengganu dan menetap di situ untuk tempuh lebih kurang setahun lamanya. Selepas itu, dalam tahun 1720M baginda beserta para pengiringnya kembali semula ke negeri Pahang dan membuat tempat persemayaman baru di Kuala Pahang. Saudara baginda Tun

Zainal Abidin (Tun Jenal) yang bergelar Paduka Maharaja serta anakanda baginda yang bernama Tun Husin ditinggalkan di negeri Terengganu untuk menjaga negeri itu.


Sebelum Johor diperintah oleh Raja Kecil, tersebutlah kisah lima pahlawan Bugis yang merupakan putera-putera Opu Tenteri Burung anak Lamdu Salat, raja negeri Luwok di Tanah Bugis. Nama mereka ialah Daeng Perani, Daeng Menambun, Daeng Merewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi<sup>34</sup>. Kelima-lima putera Bugis ini amat gemar mengembara dari satu tempat ke satu tempat di sekeliling Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Riau untuk mencari kuasa. Mereka belayar dengan perahu-perahu besar yang lengkap dengan alatan peperangan dan akan melibatkan diri dengan mana-mana pihak yang memerlukan bantuan mereka dengan pemberian ganjaran yang setimpal<sup>35</sup>. Pada masa itu Pulau Siantan menjadi pusat kekuatan mereka sebelum dapat bertapak dan berkuasa di tempat-tempat lain.

Sejurus selepas peristiwa kekalahan Sultan Abdul Jalil dan sebelum baginda mengambil keputusan berundur ke negeri Pahang, anakanda baginda yang bernama Tengku Sulaiman telah meminta pertolongan lima saudara Bugis itu untuk mengusir Raja Kechil keluar dari negeri Johor. Adinda Tengku Sulaiman yang bernama Tengku Tengah pula berjanji untuk berkahwin dengan Daeng Perani jika mereka dapat membantu mengalahkan pihak Raja Kechil. Bagaimanapun, oleh kerana sejurus selepas itu Sultan Abdul Jalil telah berundur ke negeri Pahang beserta dengan seluruh kaum keluarga dan para pengiring baginda, tidak ada apa lagi yang dapat dibuat pada tahap tersebut.

<sup>33</sup> Annabel Teh Gallop, *Warisan Warkah Melayu*, British Library, 1994

<sup>34</sup> Syaharom Hussin, *Sejarah Johor, kaitannya dengan Negeri Melayu*, 1995, hlm 29

<sup>35</sup> Raja Kechil sendiri pernah meminta pertolongan mereka untuk mengambil negeri Johor dan menawarkan jawatan Yam Tuan Muda kepada Daeng Perani jika menang. Bagaimanapun, putera Bugis kurang berminat dan hanya berjanji untuk mengumpul orang dan kelengkapan perang di Langat, Selangor. Setelah menunggu selama beberapa bulan, akhirnya Raja Kechil menyerang negeri Johor dengan hulubalangnya sendiri. Dalam tahun 1723M, iaitu selepas mengalahkan Raja Kechil dan mendapat ganjaran menjadi Yam Tuan Muda Riau, Raja Kedah pula menghantar utusan meminta pertolongan putera Bugis kerana kerajaannya telah dirampas oleh adindanya. Daeng Perani bersetuju menolongnya dan dapat mendudukkan semula Raja Kedah. Bagaimanapun, adinda Raja Kedah kemudiannya sekali lagi cuba merampas takhta, dan Raja Kedah sekali lagi meminta pertolongan Bugis. Bagaimanapun, pada peperangan kali kedua ini, Daeng Perani menemui ajalnya di Kedah.




Semasa mengatur pemerintahan di pusat pentadbiran baru Sultan Abdul Jalil di Kuala Pahang, Raja Kecil yang sedang bersemayam di Tanah Besar Johor telah mendapat perkhabaran mengenai hal tersebut lalu merasa terancam. Susulan darinya, Raja Kechil telah menitahkan hulubalangnya membunuh Sultan Abdul Jalil. Tragedi tersebut berlaku dalam tahun 1720M. Jenazah Sultan Abdul Jalil dikebumikan (gambar kiri) di sebuah perkampungan lama

di Pahang yang pada hari ini terkenal dengan nama Kampung Marhum. Baginda mendapat gelaran *Marhum Kuala Pahang*. Putera-puteri Al-Marhum Sultan Abdul Jalil kemudiannya telah dibawa ke Riau dan tinggallah mereka di situ dalam keadaan penuh dukacita.

Kemangkatan Sultan Abdul Jalil telah menyemarakkan perasaan dendam kaum keluarga baginda, terutamanya Tengku Sulaiman. Kemudian bersama dengan kekandanya Tun Abbas, Tengku Sulaiman telah menulis surat kepada lima putera Bugis tersebut untuk menyerang Raja Kechil di Riau. Peperangan diantara pihak Bugis dengan angkatan Raja Kecil berlaku di perairan Riau seperti di Pengujan, Pulau Bayan, Pulau Penyengat dan Tanjong Bemban. Setelah berperang selama dua hari, Raja Kechil mengaku kalah dan berundur ke Pulau Linggi mendirikan kubu pertahanan di situ. Linggi kemudiannya dapat juga diambil oleh pihak Bugis yang menyebabkan Raja Kechil lari pula ke Siak.

Dalam tahun 1722M, angkatan perang Bugis daripada Riau telah menyerang Raja Kecil di Siak sehingga baginda menemui kekalahan. Raja Kecil kemudiannya menyerahkan alat kebesaran kerajaan Johor kepada putera-putera Bugis itu. Dengan penyerahan alat kebesaran tersebut maka dengan resminya terlucutlah taraf Raja Kecil sebagai pemerintah Kesultanan Johor dengan segala jajahan takluknya. Gambar di bawah menunjukkan makam Raja Kecil di Buntan, Sumatera bersama isterinya Tengku Kamariah binti Sultan Abdul Jalil IV.



Pada 4hb Oktober tahun yang sama, Tengku Sulaiman telah dilantik sebagai Sultan Johor yang berikutnya bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760M). Kebetulan dalam tahun itu juga Bendahara Tun Abdul Jamal (Bendahara Pekok) telah menemui ajalnya, maka Sultan Sulaiman telah melantik kekandanya Tun Abbas sebagai Bendahara, bergelar Seri Maharaja.

Dalam tahun 1736M, Bendahara Tun Abbas telah menjadi gila dan mangkat di Bulang. Puteranya Tun Hassan pula menjadi Bendahara, berpusat di Riau. Dalam tahun 1770M pula, Bendahara Tun Hassan pula mangkat dan digantikan dengan adindanya Tun Abdul Majid, bergelar Bendahara Paduka Raja.

Bendahara Abdul Majid lebih dikenali-sebagai Bendahara Pahang berbanding dengan bendahara-bendahara sebelumnya yang dikenali sebagai bendahara-bendahara Johor. Walaupun peranan yang dimainkannya tetap sama iaitu sebagai Bendahara Johor Lama, tetapi semenjak zaman Bendahara Abdul Majid, status tanah Pahang telah berubah menjadi tanah kurnia. Ini adalah kerana dalam masa pemerintahannya, sultan Johor pada masa itu yang bernama Sultan Mahmud Shah III (1761-1812M) telah mengurniakan negeri Pahang kepada keluarga bendahara. Sebagai penghulu kepada jemaah pembesar tradisi Melayu dan dalam mertabat setara raja, bendahara-bendahara Pahang kini mendapat status unik sebagai 'raja kecil' di Pahang<sup>36</sup>, tetapi dalam masa yang sama tetap berperanan sebagai Bendahara dalam kerajaan Johor Lama. Para pembesar Melayu Pahang bersumpah taat setia kepada Bendahara Pahang bukan sebagai bendahara, tetapi sebagai Raja Bendahara Pahang. Walaupun demikian, bendahara-bendahara Pahang tetap 'menyembah' kepada sultan-sultan di Johor Lama.

Walaupun Bendahara Tun Abdul Majid dan kaum keluarganya kini berpusat di Pahang, namun banyak masanya dihabiskan di Riau kerana mengiringi Sultan Mahmud menguruskan kerja-kerja pemerintahan kerajaan Johor di situ. Bagaimanapun, dalam tahun 1787M, Sultan Mahmud telah meninggalkan pusat pentadbiran baginda di Riau kerana mempunyai masalah dengan pihak Belanda. Baginda beserta dengan angkatan sebanyak 200 buah perahu telah pergi ke Lingga (Daik) membuat tempat persemayaman baru di situ. Bendahara Tun Abdul Majid pula mengambil keputusan berpindah semula ke negeri Pahang dengan angkatan sebanyak 150 buah perahu.

Bendahara Tun Abdul Majid mempunyai empat orang putera, iaitu Tun Abdul Motalib, Tun Muhammad, Tun Koris dan Tun Deh. Dalam tahun 1802M, Tun Abdul Motalib yang bakal menjadi Bendahara Muda telah dibunuh oleh ayahanda saudaranya Temenggong Tun Abdul Jamal (anakanda Bendahara Tun Abbas) yang cemburu di atas layanan yang diberikan oleh Sultan Mahmud kepadanya dalam suatu majlis diraja. Tidak lama kemudian, Tun Abdul Majid pula menemui ajal baginda di Pahang. Anakanda kedua baginda, iaitu Tun Muhammad yang tinggal di Riau telah dipanggil ke Lingga lalu dilantik oleh Sultan Mahmud menjadi Bendahara. Setelah itu, Tun Muhammad berangkat ke negeri Pahang mahu memulakan tugasnya di situ. Malangnya, dalam pelayarannya

---

<sup>36</sup> W. Linehan, op. cit 53, 193. R. O Winstedt, *The Bendaharas and Temenggong*, JMBRAS, Vol X, pt 1, 1932, hlm 63. Surat Persendirian Sultan Baginda Omar, 'surat Bendahara Tun Ali kepada Sultan Mahmud Lingga', SP6/17 (lihat Lampiran IV dalam buku ini). Pengurniaan tanah Pahang bermakna Bendahara dianugerahkan negeri tersebut sebagai milik pusaka keluarga Bendahara turun temurun dan menjadi pemerintahnya di situ, tetapi tetap bertuankan ke Johor. Dalam hal ini, Raja-Raja Temenggong Muar merupakan satu contoh terbaik yang mana Sultan Johor yang bernama Sultan Ibrahim Shah (1777-1685M) telah mengurniakan Muar kepada kekanda Bendahara Tun Habib Abdul Majid yang bernama Sayyid Jaafar (Dato' Pasir Raja) sebagai hadiah mas kahwin baginda dengan Marhum Bakal, adindanya. Maka keturunannya mendapat kerajaan kecil dan menjadi pemilik negeri Muar tetapi tetap bertuankan ke Johor. Tanah Muar itu kemudiannya diambil secara helah di zaman Sultan Abu Bakar Johor



dari Pulau Tioman hendak menuju ke Endau, kapalnya telah karam dipukul ribut kencang. Baginda, salah seorang isterinya dan beberapa orang pengikutnya mati kelemasan dalam tragedi tersebut. Baginda inilah yang kemudian digelar *Marhum Mangkat di Laut*.

Dalam tahun 1803M, anakanda Tun Abdul Majid yang seorang lagi bernama Tun Koris telah dilantik sebagai Bendahara bergelar Bendahara Paduka Raja. Bagaimanapun pemerintahan Tun Koris juga tidak lama. Baginda mangkat tiga tahun kemudiannya, iaitu dalam tahun 1806M.

Selepas kemangkatan Tun Koris, anakanda baginda Tun Ali pula dilantik sebagai Bendahara Johor oleh Sultan Mahmud Shah III. Pada masa itu umur Tun Ali baru mencecah dua puluh lima tahun. Baginda mendapat gelaran Bendahara Siwa Raja.

Tidak seperti bendahara-bendahara Johor yang sebelumnya, Tun Ali ditakdirkan hidup lama, iaitu sehingga tahun 1857M dan menjadi antara bendahara Johor (Pahang) yang paling lama memerintah. Kemungkinan kerana pemerintahan baginda yang lama inilah yang menyebabkan Tun Ali kemudiannya membuat keputusan untuk bersara dan melantik puteranya Tun Mutahir sebagai Bendahara yang baru, bergelar Seri Maharaja dalam tahun 1847M<sup>37</sup>.

Sejurus selepas kemangkatan Tun Ali dalam tahun 1857M, berlakulah peristiwa Perang Bendahara Pahang yang memakan masa selama enam tahun, iaitu dari tahun 1857-1863M. Dalam kejadian tersebut, buat pertama kalinya dalam sejarah pentadbiran keluarga bendahara dari zaman Kesultanan Melayu Melaka-Johor, berlaku peristiwa perampasan kuasa Bendahara. Putera Tun Ali yang ketiga, iaitu Tun Ahmad (adinda Tun Mutahir) telah melakukan beberapa serangan ke atas negeri Pahang dalam ikhtiarnya merampas kuasa dari Tun Mutahir. Semasa perang Pahang sedang bergejolak, anakanda tua kepada Tun Mutahir yang bernama Tun Koris telah dilantik sebagai Bendahara Seri Maharaja, iaitu dalam tahun 1861M. Perlantikannya dilihat sebagai suatu strategi untuk menangani urusan peperangan, memandangkan usia Tun Mutahir yang lebih 30 tahun dari Tun Ahmad tidak memungkinkan baginda bertindak lebih agresif dalam menghentikan cita-cita Tun Ahmad itu.

Tragedi Perang Bendahara Pahang berakhir dengan kemangkatan Tun Mutahir dan Tun Koris sebagai pelarian di Kuala Sedili dalam tahun 1863M. Kemangkatan baginda berdua hanya selang empat hari sahaja. Dengan kemangkatan Tun Mutahir dan Tun Koris, anakanda baginda yang bernama Tun Abdul Rahman (atau Tun Aman) telah dilantik menjadi Bendahara Seri Maharaja Pahang. Malangnya Tun Abdul Rahman menjadi 'Bendahara dalam buangan'.

Pada tahun 1882M pengikut Tun Ahmad telah melantiknya menjadi Sultan Pahang. Bagaimanapun pihak British hanya mengiktiraf perlantikan Tun Ahmad sebagai sultan dalam tahun 1887M. Sultan Ahmad mangkat dalam tahun 1914M. Keturunannya masih memerintah bumi Pahang sehingga pada hari ini.

<sup>37</sup> *Hikayat Pahang*, versi rumi, Mukadimah.

Dengan kemenangan Tun Ahmad dalam tragedi Perang Bendahara Pahang, maka buat pertama kalinya dalam sejarah pemerintahan bangsa Melayu, terputuslah pemerintahan Dinasti Bendahara<sup>38</sup> yang mempunyai asalnya dari keluarga bendahara Melaka, bersambung tidak berkeputusan sehingga kepada bendahara-bendahara Johor dan kemudiannya Pahang. Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Rahman merupakan bendahara terakhir daripada rantaian Dinasti Bendahara yang panjang dan lama itu sebelum terputusnya rantaian tersebut dengan peristiwa perampasan kuasa oleh Tun Ahmad dari Tun Mutahir, yang disusuli dengan perlantikannya sebagai Sultan Pahang yang pertama dari darah bendahara.

Dalam bab-bab selanjutnya kita akan mengikuti secara terperinci susur galur yang membawa kepada kelumpuhan fungsi dan peranan Institusi Bendahara. Sebagai penghulu kepada jemaah para pembesar Melayu, institusi Melayu tradisi ini menjadi tunjang kekuatan di bawah Institusi Raja-Raja Melayu yang berdaulat untuk berkurun lamanya. Kita akan perhatikan bagaimana dengan lumpuhnya Institusi Bendahara akibat percaturan pihak-pihak yang berkepentingan, peranannya sebagai penjaga aturan adat perlantikan Raja-Raja Melayu tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Ini kemudiannya telah mengakibatkan adat Raja-Raja Melayu mula dikhianati satu persatu oleh pihak yang mahu menjadi '*King Maker*' baru menggantikan peranan tradisi Bendahara. Tragedi ini kemudiannya telah membawa kesan yang amat buruk kepada bangsa Melayu dan pemerintahan raja-rajanya. Peristiwa ini sampai ke kemuncaknya dengan campur tangan Belanda dan British yang '*menanggung di air keruh*', yang kemudiannya telah membawa kepada tragedi penjajahan sepenuhnya pihak British di Semenanjung Tanah Melayu mulai akhir abad ke 19M.


---

<sup>38</sup> Dinasti Bendahara tidak termasuk sultan-sultan Johor, Terengganu dan Pahang daripada keturunan Bendahara


# Keturunan Bendahara-Bendahara Melaka-Johor-Pahang

## ISKANDAR ZULKARNAIN


Dari negeri Rom, turun ke Asia Barat, China dan Asia Tenggara



## Sambungan I



## Sambungan II



## Sambungan III

### Singkatan-singkatan yang digunakan

B.P.R	-	Bendahara Paduka Raja
B.S.N.D	-	Bendahara Seri Nara Diraja
B.P	-	Bendahara Putih
B.P.T	-	Bendahara Paduka Tuan
B.T.P	-	Bendahara Tun Pikrama
B.S.M	-	Bendahara Seri Maharaja
B.S.W.R	-	Bendahara Seri Wak Diraja
B.P.M	-	Bendahara Paduka Maharaja
B.S	-	Bendahara Sekudai
B.S.R	-	Bendahara Siwa Raja


### Sumber salasilah

1. Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor, 1980*
2. Prof Khoo Kay Kim, *Melaka dan Sejarahnya*, 1982 di bawah topik *Sultan-Sultan Melaka; Suatu Tinjauan Semula* oleh Dr. Muhammad Yusuff Hashim
3. Tun Seri Lanang, *Sejarah Melayu*, (suntingan A. Samad Ahmad), 1986
4. R.O Winstedt, *Temenggongs of Muar*, JMBRAS, Vol X, pt I, 1932
5. Arkib Negara Malaysia, cawangan negeri Johor, *Salasilah asal Temenggung-Temenggung Muar*, 1906
6. Dr Muhammad Yusuff Hasyim dan Dr Aruna Gopinath, *Tradisi pensejarahan Pahang Darul Makmur, Pahang Darul Makmur, 1800-1930*, 1992
7. Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad dan (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Ahlul-Bait Rasulullah SAW & Raja-Raja Melayu*



Peta Johor lama serta negeri-negeri berjiran

## Bendera Bendahara



Bendera serba hitam di sebelah kiri merupakan bendera Bendahara sejak turun temurun. Berkemungkinan digunakan dari zaman Melaka lagi kerana kesultanan-kesultanan beraja yang mengambil nobat dari Melaka serta menggunakan khidmat bendahara yang berasal dari keluarga bendahara Melaka semuanya mempunyai skima hitam pada bendera kesultanan tersebut, contohnya Perak, Johor Lama dan Terengganu. Negeri Sembilan juga mempunyai skima warna hitam pada benderanya kerana pernah dipegang oleh Bendahara dari zaman Tun Perak. Pahang yang dipegang oleh Dato' Bendaharanya menggunakan bendera serba hitam seperti di sebelah sehingga zaman Bendahara Tun Mutahir Tun Ali sebelum dirampas kuasa oleh adindanya Tun Ahmad dalam tahun 1863M.



Dengan mangkatnya Sultan Mahmud Shah II dalam peristiwa '*Marhum Mangkat di Julangan*' dalam tahun 1699M, Dato' Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil naik takhta menggantikan baginda kerana Sultan Mahmud tiada berputera. Sebagai Sultan Johor, Tun Habib Abdul Jalil bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718M). Bendera di sebelah kiri merupakan bendera kesultanan Johor Lama semenjak zaman Sultan Abdul Jalil. Skima hitam melambangkan warna bendahara bagi menunjukkan asal Sultan Abdul Jalil daripada keturunan bendahara, skima putih menunjukkan warna raja, melambangkan status baginda yang kemudiannya menjadi Sultan Johor yang berdaulat.



Apabila Tun Ahmad berjaya merampas kuasa dari Bendahara Tun Mutahir di Pahang dalam tahun 1863M, ia kemudiannya telah dilantik oleh pengikutnya sebagai Sultan Pahang dalam tahun 1882M. Bendera di atas (kiri) adalah bendera yang digunakan oleh Tun Ahmad apabila menjadi Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah. Di zaman kemudiannya, sedikit perubahan dibuat kepada bendera tersebut. Bendera di sebelah kanan pula adalah bendera Pahang pada hari ini.

Pada hari ini, dengan berakhirnya Institusi Bendahara dari persada pemerintahan bangsa Melayu, skima hitam yang terdapat pada bendera sebahagian dari kesultanan di tanah air telah diberi penafsiran semula. Ahli akademik dan sejarawan moden gemar mengandaikan bahawa Bendahara adalah simbol rakyat jelata, lalu telah mentafsirkan skima hitam pada bendera-bendera negeri sebagai 'rakyat jelata' yang dipegang oleh sistem politik moden menggantikan Institusi Bendahara yang telah dilupakan itu. Malangnya, andaian ini tidaklah tepat kerana waad Demang Lebar Daun dengan Sang Nila Utama dibuat dalam peranan Bendahara sebagai tuan asal dan sebenar kepada bangsa Melayu, oleh itu Institusi Bendahara sama sekali tidak boleh disamakan dengan kepimpinan sistem politik moden.



## Bab II

### Perpecahan Kesultanan Johor Lama

#### *Perjanjian Persetiaan Melayu-Bugis*

Apabila lima putera Bugis dari keturunan Opu Tenderi Burung anak Lamdu Salat berjaya menghapuskan kekuasaan Raja Kechil daripada Kesultanan Johor Lama, maka dibuatlah suatu perjanjian persetiaan diantara bangsawan Melayu dan Bugis yang dikenali dengan nama *Persetiaan Marhum Sungai Baru*. Perjanjian tersebut ditanda tangani pada 4hb Oktober tahun 1722M.

Dengan termeterainya perjanjian tersebut, maka terbentuklah jawatan Yam Tuan Muda Riau yang dianugerahkan kepada Opu lima beradik itu sebagai balasan jasa mereka mengalahkan Raja Kechil. Salah seorang daripada mereka yang bernama Daeng Merewah telah dilantik sebagai Yam Tuan Muda Riau yang pertama.


Menurut catatan *Salasilah Melayu dan Bugis*<sup>39</sup>, sebelum Opu lima beradik bersetuju untuk menolong Raja Sulaiman mengusir Raja Kechil dari kerajaan negeri Johor, Opu Daeng Perani telah memberikan syaratnya, iaitu "*Adapun jika jaya pekerjaan sahaya semua ini sekali lagi pergi melanggar Siak itu*"<sup>40</sup>, maka sebelah Raja Sulaiman menjadi Yam Tuan Besar (*Yang Dipertuan Besar*) sampailah kepada turun temurunnya dan sebelah sahaya semua menjadi Yam Tuan Muda (*Yang Dipertuan Muda*) sampailah kepada turun temurunnya juga, tiada boleh yang lain. Maka boleh dipilih sahaja sahaya yang lima beradik ini mana-mana jua yang disukai oleh orang banyak maka dianya itulah yang jadi Yam Tuan Muda. Tiada boleh tiada. Dan lagi Yam Tuan Besar jadi seperti perempuan sahaja, jika diberinya makan, maka baharu makan ia. Dan Yam Tuan Muda jadi seperti laki-laki, dan jika datang satu-satu hal atau apa-apa juga bicara melainkan apa kata Yam Tuan Muda."

Maka perjanjian *Persetiaan Marhum Sungai Baru* telah menyingkap suatu era baru dalam sejarah pemerintahan raja-raja Johor Lama, yang mana buat pertama kalinya, para pembesar Melayu tradisi terpaksa berkongsi kuasa dengan para pembesar Bugis dalam urusan pemerintahan orang Melayu dalam kesultanan Johor. Dan buat pertama kalinya juga, perlantikan seorang raja Melayu dibuat bukan sahaja oleh permuafakatan para pembesar Melayu tradisi seperti yang telah diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka, namun pada kali ini para pembesar Bugis juga diberi hak yang sama untuk campur tangan.


<sup>39</sup> *Salasilah Melayu dan Bugis* (edisi Mohd Yusof Md Nor), 1994, hlm 65-66,

<sup>40</sup> Sebelum itu Opu Bugis telah pun berjaya mengusir Raja Kechil keluar dari Riau, pusat pentadbiran dalam kerajaannya di Johor Lama selama lebih kurang empat tahun pemerintahan baginda.

# Keturunan Sultan-Sultan Johor Dan Lingga dari Bendahara Tun Habib Abdul Majid



## Dinasti Yam Tuan Muda Riau



Maka dengan permuafakatan para pembesar Melayu dan Bugis, dilantiklah Raja Sulaiman ibni Al-Marhum Sultan Abdul Jalil sebagai Raja Johor dengan segala jajahan takluknya (atau Johor Lama) dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada tahun 1722M.

Dalam hal ini, riwayat *Tuhfat An-Nafis*<sup>41</sup>, mencatatkan : '*Sebermula adalah Sultan Abdul Jalil itu ada beberapa puteranya yang gahara dan yang bukan gahara, iaitu puteranya dengan gundiknya yang bernama Encik Nusamah anak orang Aceh. Adapun anaknya yang gaharanya beberapa orang akan anak ia di dalam lagi jadi Bendahara, bersalahan Raja Sulaiman sungguhpun ia anak gundik, akan tetapi ia putera di dalam sudah menjadi Raja*<sup>42</sup>.'

Jelas daripada riwayat *Tuhfat An-Nafis* bahawa Sultan Sulaiman Badrul Alam bukan sahaja putera Sultan Abdul Jalil yang ke bawah, baginda juga bukan anak gahara. Dalam hal ini Sultan Sulaiman mempunyai beberapa orang saudara tua yang berdarah gahara, iaitu Tun Hamid, Tun Abbas, Tun Mutahir dan Tun Husin. Tun Hamid telah terlebih dahulu mangkat dalam tahun 1721M apabila dibunuh bersama ayahandanya Sultan Abdul Jalil oleh hulubalang Raja Kechil. Tun Husin pula telah ditahkan menjaga negeri Terengganu bersama ayahanda saudaranya Paduka Maharaja Tun Zainal Abidin dalam tahun 1720M.

Dalam perjanjian *Persetiaan Marhum Sungai Baru*, Tun Abbas telah dilantik sebagai Bendahara Johor dan Tun Mutahir menjadi Temenggong.

Walaupun dalam adat Melayu Melaka perlantikan Sultan Sulaiman Badrul Alam sebagai sultan Johor dengan terangnya telah melanggar adat<sup>43</sup> kerana baginda bukan putera gahara dan bukan pula waris yang tua, namun perlantikan baginda tidak dapat disanggah oleh para pembesar Melayu kerana bukan sahaja mengenangkan jasa baginda yang memainkan peranan aktif dalam usaha mendapatkan pertolongan Opu Bugis mengalahkan angkatan perang Raja Kechil itu, tetapi juga kerana mengikut kemahuan mereka yang mahukan Raja Sulaiman menjadi Sultan Johor<sup>44</sup>.

---

<sup>41</sup> Merupakan sebuah karya yang dibuat oleh keturunan Opu Daeng Chelak, iaitu salah seorang yang membantu Sultan Sulaiman mengalahkan Raja Kecil. *Tuhfat-An-Nafis* terkenal dengan riwayatnya yang pro-Bugis, dan penyejarahannya dikatakan amat berat sebelah.

<sup>42</sup> Kenyataan *Tuhfat-An-Nafis* mengenai status Raja Sulaiman amat mengelirukan. Pertama, Bendahara dan Raja adalah sedarah, itulah sebabnya mengikut adat Melayu Bendahara boleh naik takhta jika Raja mangkat tanpa berwaris. Kedua, definisi putera gahara ialah anak lelaki yang lahir hasil perkahwinan seorang raja dengan wanita bangsawan, iaitu yang berdarah raja, bendahara atau keturunan Nabi Muhammad SAW (mengikut turutan). Oleh itu walaupun Raja Sulaiman adalah anak Bendahara yang telah menjadi Raja, kedudukannya tetap tidak gahara kerana bondanya bukan wanita bangsawan.

<sup>43</sup> Mengikut adat Raja-Raja Melayu, apabila mangkat seseorang sultan itu, putera sulung dan putera gahara Al-Marhum itulah yang menggantikan Al-Marhum ayahandanya dengan syarat dipersetujui pula oleh orang-orang besar kesultanan itu.

<sup>44</sup> Apakah para pembesar Bugis tidak tahu bahawa dalam adat Melayu, seorang Sultan perlu dilantik dari waris yang tua dan yang berdarah gahara? Apatah lagi Al-Marhum Sultan Abdul Jalil mempunyai beberapa orang putera gahara. Dalam hal ini, tindakan pembesar Bugis untuk melantik Raja Sulaiman dilihat sebagai siasahnya untuk menjadikan Raja Sulaiman hanya sebagai 'pemerintah boneka', kerana perlantikan seorang raja yang tidak gahara sudah tentu akan menghilangkan daulatnya, dan raja yang tidak

Walau apapun alasan di sebalik perjanjian *Persetiaan Marhum Sungai Baru*, ianya tetap terakam dalam sejarah bangsa Melayu sebagai suatu titik hitam yang mana seorang putera raja yang tidak gahara telah dilantik menjadi raja Johor. Sebelum dari perlantikan Sultan Sulaiman, kesemua raja-raja Melayu Melaka dan Johor adalah putera gahara belaka. Dari sini bermulalah peristiwa yang mana Raja-Raja Melayu mula dijinakkan dengan perlanggaran adat, bermula dengan perlantikan seorang raja yang bukan dari darah gahara, kemudiannya menular kepada perlanggaran adat raja-raja yang lainnya sehingga akhirnya menyebabkan musibah besar pada bangsa Melayu.

Selepas berjaya mengalahkan Raja Kechil, anak-anak raja Bugis ini telah dikahwinkan dengan kaum kerabat istana Johor termasuklah dengan dua orang saudara perempuan Tengku Sulaiman. Tengku Tengah telah mengahwini Daeng Perani dan mendapat seorang puteri Raja Maimunah. Tengku Mandak pula berkahwin dengan Daeng Chelak, berputerakan Raja Lumu yang kemudiannya menjadi Sultan Selangor yang pertama bergelar Sultan Salehuddin. Semenjak itu, jawatan Yam Tuan Muda Riau mula menjadi berpengaruh sebagai penasihat sultan.

Semenjak diadakan jawatan Yam Tuan Muda Riau sebagai mengenang jasa Opu-Opu Bugis itu mengalahkan Raja Kechil, siasah mulai mengambil tempat adat dalam urusan perlantikan raja-raja Johor. Para pembesar Bugis yang baru mendapat '*durian runtuh*' kerana diberi kesempatan berkongsi kuasa dengan para pembesar Melayu dalam kerajaan Johor Lama yang terkenal berprestij itu<sup>45</sup>, kini nekad untuk terus mempertahankan kekuasaan yang berada dalam genggaman mereka. Sedangkan para pembesar Melayu merasa amat tidak puashati apabila melihat urusan pentadbiran negeri yang selama ini dipegang dari generasi nenek moyang mereka sehingga sampai ke tangan mereka kini rata-rata diagih-agihkan diantara para pembesar Bugis.

Dalam hal ini para pembesar Melayu yang diketuai oleh Bendahara dan Temenggong<sup>46</sup> merasa amat kecewa diatas sikap Sultan Sulaiman. Kelemahan yang ketara di pihak baginda telah menyebabkan pihak Bugis menggunakan kesempatan melantik puak-puaknya ke jawatan-jawatan penguasa yang penting dengan meminggirkan terus peranan para pembesar tradisi Melayu. Susulan darinya, sepanjang tempoh pemerintahan Sultan Sulaiman yang berakhir dalam tahun 1760M, perbalahan diantara para pembesar Melayu dan Bugis seringkali terjadi. Pertelingkahan diantara kedua-dua belah pihak sampai ke

---

berdaulat akan terpaksa berpegang pada kekuatan pembesar Bugis untuk menzahirkan 'daulatnya', walaupun secara tidak hakikat. Status Sultan Sulaiman sebagai pemerintah boneka yang tidak berdaulat terbukti apabila para pembesar Bugis dibiarkan berbuat sesuka hati mereka dalam urusan pentadbiran kerajaan Johor Lama, sehingga membangkitkan kemarahan para pembesar Melayu tradisi.

<sup>45</sup> Kesultanan Johor mempunyai prestij yang tinggi sebagai waris kepada Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal hebat, unggul dan berdaulat di serata dunia.

<sup>46</sup> Penganjur bagi para pembesar Melayu yang cuba mengurangkan kuasa pihak Yam Tuan Muda Riau ialah Sultan Terengganu yang bernama Sultan Mansur Shah ibni Sultan Zainal Abidin I ibni Bendahara Seri Maharaja (Padang Saujana) Tun Habib Abdul Majid, yang menjadi menantu kepada Sultan Sulaiman. Sultan Mansur Shah atau Tun Dalam adalah juga saudara sepupu kepada Sultan Sulaiman dan berpangkat bapa saudara sepupu kepada Bendahara Tun Hassan ibni Bendahara Tun Abbas. Sultan Mansur dikatakan terlalu marah dengan pembesar Bugis yang memonopoli kuasa dalam kerajaan Johor Lama itu, lalu telah mencetuskan berbagai masalah dengan mereka. Ini memburukkan lagi perhubungan diantara para pembesar Melayu dan Bugis yang memang telah sedia tidak baik itu.

kemuncaknya sehingga menyebabkan Yam Tuan Muda Riau (III) pada waktu itu yang bernama Daeng Kemojo memutuskan untuk meninggalkan Riau dan membuat pemerintahan di daerah Linggi (dalam Negeri Sembilan sekarang). Kejadian ini berlaku dalam tahun 1753M.

Bagaimanapun dalam tahun 1759M, Daeng Kemojo telah memerintahkan Engku Kelana Raja Haji (putera Daeng Chelak) pergi ke Riau kerana hendak mendesak Sultan Sulaiman memperbaharui perjanjian persetiaan Melayu-Bugis yang telah dibuat diantara Sultan Sulaiman dengan anak-anak raja Bugis dalam tahun 1722M dahulu, yang mana telah menentukan hak pembesar Bugis sebagai Yam Tuan Muda Riau secara turun temurun. Berikutan dengannya, Sultan Sulaiman pun telah mengumpulkan para pembesar Melayu dan mengisytiharkan pembaharuan *Perjanjian Persetiaan Marhum Sungai Baru*. Pada tahun 1760M, Sultan Sulaiman menitahkan beberapa orang pembesar Bugis pergi ke Rembau dan mengambil balik Yam Tuan Muda Daeng Kemojo ke Riau bagi menjalankan pentadbiran negeri.

*Perjanjian Persetiaan Marhum Sungai Baru* yang dibuat semula diantara Sultan Sulaiman dengan para pembesar Bugis dan kehadiran semula Yam Tuan Muda Daeng Kemojo di Riau selepas tujuh tahun 'merajuk' di Linggi, telah membangkitkan semula bibit-bibit konflik diantara para pembesar Melayu dan Bugis. Bibit-bibit konflik ini menjadi semakin parah berikutan tindak-tanduk Daeng Kemojo menangani hal perlantikan pengganti raja selepas kemangkatan Sultan Sulaiman dengan cara yang tidak mengikut adat.

Sejurus selepas pengisytiharan semula perjanjian Melayu-Bugis dalam tahun 1760M, Sultan Sulaiman menemui ajal baginda. Dengan kemangkatan Sultan Sulaiman, putera baginda yang bernama Raja Abdul Jalil (Raja di Baroh)<sup>47</sup> tidak dapat dilantik menjadi sultan kerana sedang gering di Selangor. Tidak berapa lama selepas itu, Raja Abdul Jalil pula menemui ajalnya. Sesetengah riwayat menyatakan Raja Abdul Jalil mendapat gelaran Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah V kerana telah diisytiharkan menjadi sultan walaupun baginda sedang dalam kegeringan.

Setelah kemangkatan Sultan Abdul Jalil V, Yam Tuan Muda Daeng Kemojo telah membawa jenazah baginda dari Selangor ke Riau dan mengisytiharkan putera sulung baginda yang bernama Raja Ahmad menjadi sultan Johor yang baharu beserta dengan segala jajahan takluknya. Baginda bergelar Sultan Ahmad. Oleh kerana Sultan Ahmad baru berumur lebih kurang sembilan tahun, Yam Tuan Muda mengisytiharkan dirinya sebagai Pemangku Raja. Tindakan Yam Tuan Muda melantik dirinya sebagai Pemangku Raja jelas bertentangan dengan adat Melayu yang mana tugas memangku raja merupakan tanggungjawab Bendahara. Tidak berapa lama selepas Sultan Ahmad berkerajaan, iaitu dalam tahun 1761M, tiba-tiba baginda mangkat di Riau<sup>48</sup> dalam usia yang masih terlalu muda.

<sup>47</sup> Beristerikan Tengku Puteh binti Opu Daeng Chelak

<sup>48</sup> Menurut sesetengah riwayat, Sultan Abdul Jalil V dan Sultan Ahmad mangkat akibat termakan racun.

Setelah kemangkatan Sultan Ahmad, para pembesar Melayu di Riau termasuk Bendahara dan Temenggong berkehendakkan salah seorang daripada saudara Al-Marhum Sultan Abdul Jalil V, iaitu Tengku Kader atau Tengku Buang untuk menggantikan baginda, tetapi Yam Tuan Muda Daeng Kemboja dan orang-orang besar Bugis berkeras mahu melantik adinda Al-Marhum Sultan Ahmad yang baru berumur setahun bernama Raja Mahmud<sup>49</sup> menjadi raja.

Tujuan para pembesar Melayu hendak melantik Tengku Kader atau Tengku Buang sebagai raja Johor menggantikan Sultan Ahmad adalah bagi memastikan kuasa pemerintahan kerajaan Johor Lama tidak terlepas dari tangan orang-orang Melayu. Para pembesar Melayu amat kecewa dengan gelagat Yam Tuan Muda Daeng Kemboja yang tidak menghormati kedudukan mereka sebagai penguasa tradisi, dengan tindak-tanduknya melantik dirinya sendiri sebagai Pemangku Raja dan menguruskan hal pentadbiran negeri Johor dengan dibantu oleh Engku Kelana Raja Haji, sedangkan Bendahara Johor dan para pembesar Melayu yang lain masih ada.

Bagi pihak Yam Tuan Muda pula, oleh kerana buat pertama kalinya dalam sejarah Kesultanan Johor, seorang putera raja Melayu berbondakan puteri Bugis, maka sudah tentu Daeng Kemboja merasakan ini satu peluang terbaik untuk terus mentancapkan otoritas pembesar Bugis dalam hal pemerintahan negeri Johor. Apatah lagi Raja Mahmud baru berumur setahun jagung, maka sudah tentu baginda perlu dipangku dan Yam Tuan Muda mahukan jawatan Pemangku Raja itu tetap diserahkan kepadanya sebagaimana yang telah dibuat pada Al-Marhum Sultan Ahmad sebelumnya.

Susulan darinya, maka Daeng Kemboja telah mengugut untuk menentang habis-habisan sebarang cubaan melantik ganti Sultan Ahmad selain dari adindanya Raja Mahmud itu. Maka dalam suatu perhimpunan ramai di balai besar Riau yang dihadiri oeh para pembesar Melayu dan Bugis, Daeng Kemboja telah membawa Raja Mahmud ke balai singgahsana. Sambil diribanya Raja Mahmud, Yamtuan Muda berucap: "*Barang diketahui kiranya oleh suku-suku sebelah Melayu dan Bugis, bahawa sesungguhnya Raja Mahmud inilah Raja Johor dan segala daerah takluknya yang dilantik oleh Bugis sebagaimana melantik nendanya Sultan Sulaiman, ia pun demikian jualah. Maka barang siapa yang tiada mematuhi aturan ini, maka pada hari dan waktu inilah kita berhabis-habisan*"<sup>50</sup>.

Demikianlah pengisytiharan Yam Tuan Muda sambil menghunus pedangnya. Kekuatan pihak Bugis yang hebat itu telah menyebabkan para pembesar Melayu tidak mampu berbuat apa-apa, apatah lagi mereka tidak berminat untuk mencetuskan konfrontasi yang berpotensi memecah belahkan kerajaan Johor Lama<sup>51</sup>, oleh itu tiada bantahan dibuat

<sup>49</sup> Raja Mahmud mempunyai darah Bugis kerana bondanya, iaitu isteri kepada Sultan Abdul Jalil V ialah Tengku Puteh binti Opu Daeng Chelak, maka Raja Mahmud adalah anak saudara sepupu kepada Daeng Kemboja. Saudara Sultan Abdul Jalil V yang bernama Tengku Kader dan Tengku Buang tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan pembesar Bugis.

<sup>50</sup> Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm 143

<sup>51</sup> Pada waktu itu Johor baru pulih dari gejalok siasah yang dicituskan oleh Raja Kecil yang menyebabkan rakyat Johor menjadi berpecah belah. Oleh itu sebarang tindak-tanduk yang berpotensi memberanakkan krisis baru cuba dielakkan oleh para pembesar tradisi Melayu Johor.

dalam majlis pengisytiharan tersebut, maka resmiah Raja Mahmud menjadi Sultan Johor Lama dengan gelaran Sultan Mahmud Shah III (1761-1812M). Oleh kerana Sultan Mahmud masih kecil lagi, maka segala urusan pentadbiran negeri Johor sekali lagi dijalankan oleh Daeng Kemboja yang kini menjadi orang yang paling berkuasa sekali dalam pemerintahan kerajaan tersebut.

### ***Kelumpuhan Institusi Bendahara***

Tindakan pihak Yam Tuan Muda Riau memilih Sultan Mahmud sebagai Raja Johor yang berikutnya dilihat sebagai suatu ikhtiar para pembesar Bugis untuk terus mentancapkan otoritas mereka dalam kerajaan Johor Lama. Kalau dulu mereka ada Sultan Sulaiman yang masih mahu mengenang budi mereka dalam menolong mengalahkan Raja Kechil, tetapi semenjak kemangkatan baginda, para pembesar Bugis khuatir bahawa kekuasaan kerajaan Johor Lama yang belum lama berada dalam genggaman mereka akan terluput. Mereka merasa amat bimbang bahawa jasa yang telah ditaburkan oleh Opu Bugis lima beradik dahulunya, yang menyebabkan para pembesar Bugis dapat berkongsi kuasa dengan para pembesar Melayu akan segera dilupakan oleh generasi raja-raja dan pembesar Melayu yang kebelakangan. Jika keadaan ini berlaku, maka sudah tentu kuasa yang baru didapati itu akan mudah sahaja terlepas dari genggaman, kerana semenjak zaman Melayu Melaka dan Johor para pembesar Bugis bukanlah raja atau pembesar tradisi kepada orang-orang Melayu.

Maka satu-satunya cara bagi terus memelihara kedudukan Yam Tuan Muda Riau dan para pembesar Bugis yang lainnya ialah memastikan bahawa raja-raja Johor yang kemudian daripada Sultan Sulaiman Badrul Alam tetap dapat menjaga kepentingan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, perlantikan raja-raja Johor Lama yang berikutnya tidak dibuat dengan mengikut garis panduan adat dan aturan perlantikan Raja-Raja Melayu, tetapi lebih kepada pemilihan raja-raja yang dikirakan dapat terus menjaga kepentingan politik suku Yam Tuan Muda Riau.

Dalam hal ini, jawatan Bendahara sebagai pelantik raja serta penghulu bagi para pembesar Melayu yang bertanggungjawab menjaga kedaulatan dan keluhuran Institusi Raja-Raja Melayu dianggap sebagai suatu ancaman besar yang mampu menggugat kepentingan pembesar-pembesar Bugis. Perlantikan raja Johor yang dipastikan oleh Bendahara dibuat dalam batasan adat (gahara, waris tua, restu pembesar tradisi Melayu, ditabalkan oleh Bendahara dan disertakan alat kebesaran) jika dipegang dengan kerasnya tidak memungkinkan pihak Yam Tuan Muda untuk melantik raja-raja Johor pilihan mereka sendiri. Maka cara terbaik yang perlu dilakukan dalam hal ini ialah mencantas peranan tradisi Bendahara melalui jalan kekerasan. Apabila peranan Bendahara dapat dilumpuhkan, maka lebih mudahlah bagi mereka melantik raja pilihan mereka sendiri. Kebetulan pula Bugis memang cukup terkenal dengan kehandalan dan keberanian mereka, Raja Kechil yang sukar dikalahkan oleh para pembesar Melayu itu dengan mudah sahaja dapat ditewaskan mereka. Dalam hal ini para pembesar Bugis telah



memilih untuk berpegang pada konsep 'siapa kuat dia kudrat'<sup>52</sup> dalam menentukan urusan perlantikan raja-raja Johor.

Semenjak itu bermulalah era 'tarik tali' diantara pihak pembesar tradisi Melayu dan Bugis, yang mana pembesar Melayu tetap mahu melantik raja Johor mengikut adat yang diamalkan semenjak zaman Melaka lagi, namun pihak Yam Tuan Muda Riau pula mahu melantik raja Johor yang dapat terus menjaga kepentingan mereka, walaupun ini mungkin bermakna perlantikan ataupun kelayakannya terkeluar dari batasan adat Raja-Raja Melayu. Maka setelah kemangkatan Sultan Sulaiman dalam tahun 1760M, dinasti Kesultanan Johor-Riau dari titisan baginda semuanya dipastikan mendapat restu Yam Tuan Muda Riau, sedangkan kelayakan mengikut hukum adat dan aturan Melayu tradisi kini tidak lagi menjadi faktor utama. Hakikatnya di belakang pemerintahan raja-raja Johor semenjak zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam I, Yam Tuan Muda rata-rata memonopoli kuasa untuk kepentingan politik sukunya dan menjadi penguasa Johor yang sebenar.

Dalam tahun 1770M, Temenggong Tun Abdul Majid telah dilantik sebagai Bendahara Johor yang baharu. Tun Abdul Majid merupakan adinda kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Hassan anak Al-Marhum Bendahara Tun Abbas. Kemudiannya diantara tahun 1778-1781M, suatu pakatan sulit telah dibuat diantara Bendahara Tun Abdul Majid, Sultan Terengganu dan Raja Indera Bongsu yang mengirim surat meminta pertolongan Belanda di Melaka dan Inggeris di Benggala, Madras dan Ceylon untuk menyerang Riau serta mengambil kembali Sultan Mahmud yang di bawah pengaruh para pembesar Bugis itu. Dalam hal ini Bendahara Tun Abdul Majid telah mengikuti jejak langkah kekadanya Bendahara Tun Hassan yang juga sangat aktif dalam pakatan dengan Sultan Terengganu untuk melumpuhkan dominasi pembesar Bugis yang semakin menjadi-jadi dalam Kesultanan Johor Lama.

Bagaimanapun tidak pula diketahui apakah jawapan yang diberikan oleh pihak Inggeris dan Belanda kepada surat para pembesar Melayu itu. Dalam pada itu pakatan sulit tersebut bocor kepada Yam Tuan Muda Raja Haji yang menyebabkan tindakan selanjutnya tidak dapat dibuat. **Berkemungkinan dengan sebab itulah Sultan Mahmud mengurniakan tanah Pahang kepada Tun Abdul Majid kerana memahami bahawa siasah Bugis yang hebat untuk menggantikan tempat Bendahara telah memencilkan terus peranan Bendahara pada waktu itu. Ini menyebabkan Bendahara Tun Abdul Majid serta pembesar Melayu tradisi yang lainnya bertindak agresif untuk menghancurkan kekuatan pembesar Bugis di Riau. Berkemungkinan Sultan Mahmud menghadiahkan tanah Pahang kepada pihak Bendahara sebagai pampasan bagi 'memujuk' Tun Abdul Majid yang kecewa dengan tidak-tanduk pembesar Bugis. Tindakan ini juga dapat meredakan api kemarahan yang sedang membuak-buak di dalam diri para pembesar Melayu Johor-Pahang, khususnya di pihak Bendahara. Itulah sebabnya mulai zaman pentadbiran Bendahara Tun Abdul Majid;**

<sup>52</sup> Orang Melayu dahulu kala berpegang kuat pada hukum adat dan syarak yang memegang pada prinsip 'benar-salah' dalam aturan hidup mereka termasuklah dalam urusan pemerintahan negeri. Bagaimanapun pegangan ini kemudiannya digantikan dengan konsep 'siapa kuat dia kudrat' yang lebih mementingkan soal 'menang-kalah' tanpa mepedulikan 'benar-salahnya' sesuatu tindakan itu.

bendahara-bendahara Johor Lama mulai dikenali sebagai Bendahara Pahang (atau Raja Bendahara Pahang).

Bagaimanapun persengketaan Melayu-Bugis 'tergantung' buat sementara waktu apabila dalam tahun 1782M berlaku perbalahan yang siriis diantara pihak pembesar Bugis di Riau dengan pihak Belanda yang pada waktu itu mempunyai pusatnya di Melaka dan Betawi. Persengketaan tersebut kemudiannya melarat-larat menjadi peperangan yang besar untuk tempuh dua tahun berikutnya. Akhirnya pada tahun 1784M Belanda telah membunuh Yam Tuan Muda Riau (IV) pada masa itu, iaitu Raja Haji (*Marhum Syahid Fi Sabilillah*) dan menawan pulau tersebut. Orang-orang Bugis di Riau kebanyakannya diusir keluar oleh pihak Belanda, dan Yam Tuan Muda Riau (V) yang berikutnya, iaitu Raja Ali dan para pengikutnya terpaksa melarikan diri ke Sukadana (Kalimantan) dan berbuat negeri di situ.

Walaupun pihak pembesar Melayu dan Sultan Mahmud tidak terlibat secara langsung dalam persengketaan diantara Belanda-Bugis ini, dan lebih kepada menjadi pemerhatinya sahaja, namun oleh kerana pada masa itu Riau merupakan pusat pentadbiran bagi Kesultanan Johor Lama dan Sultan Mahmud sendiri mempunyai pertalian yang rapat dengan pembesar Bugis, Belanda telah 'menghukum' mereka dengan memaksa menanda tangani surat pengakuan menyerah kalah di atas kapal *Utrecht* pada 1hb November 1784M. Satu lagi perjanjian dibuat diantara pihak Sultan dan pembesar Melayu dengan pihak Belanda pada 7hb Februari 1787M yang memaksa Sultan Mahmud menyerahkan kuasa pentadbiran di Riau sepenuhnya kepada pihak Belanda. Perjanjian ini telah menyebabkan kemarahan di pihak baginda dan pembesar Melayu, lalu telah menghantar utusan membuat pakatan dengan Raja Tempasok di Kalimantan menghantarkan lanun-lanunnya untuk menyerang orang-orang Belanda di Riau.

Serangan mengejut dan pertempuran sengit yang dilakukan oleh lanun-lanun Raja Tempasok akhirnya telah dapat mematahkan kekuatan pihak Belanda. Dalam masa sehari sahaja angkatan Belanda dapat dikalahkan lalu diusir keluar dari Riau. Sultan Mahmud yang teramat gembira dengan kejayaan ini telah meraikan lanun-lanun itu sebelum mereka pulang semula ke negeri mereka. Bagaimanapun dengan sebab bimbangkan kemunculan semula angkatan Belanda di Riau, Sultan Mahmud telah memutuskan untuk meninggalkan tempat tersebut dan membuat tempat pentadbiran baru di Lingga. Bendahara Abdul Majid dan para pengikutnya pula telah bertolak ke negeri Pahang yang merupakan negeri pegangannya pada waktu itu. Semenjak itu negeri Johor dikirakan berada di bawah takluk Belanda sedangkan Riau pula telah diletakkan orang-orangnya untuk menjaga.

Dalam tahun 1795M, angkatan perang Kompeni Inggeris telah datang merampas Melaka dari tangan Gabenor Belanda. Susulan darinya Riau telah dikembalikan oleh pihak Inggeris kepada Sultan Mahmud, namun oleh kerana baginda masih tetap mahu bersemayam di Lingga, Riau telah diserahkan di bawah penguasaan Engku Muda Muhammad<sup>53</sup>

---

<sup>53</sup> Temenggong Tun Abdul Jamal ibni Bendahara Tun Abbas mempunyai tiga orang putera iaitu Temenggong Tun Abdul Hamid, Engku Muda Muhammad dan Daeng Chelak.

Dalam tahun 1801M, api permusuhan telah meledak semula di kalangan pembesar Melayu dan Bugis berikutan suatu peristiwa yang berlaku. Pada tahun tersebut, apabila tiada lagi larangan kepada orang-orang Bugis untuk pergi ke Riau, maka bekas Yam Tuan Muda Riau yang bernama Raja Ali telah berpindah semula ke negeri itu lalu menuntut kepada Engku Muda Muhammad agar diserahkan kembali Riau kepadanya sebagai penguasanya yang sebenar. Bagaimanapun, oleh kerana masing-masing pihak tidak mahu mengaku kalah, maka berperanglah pihak Engku Muda Muhammad dengan pihak Yam Tuan Muda Raja Ali. Akhirnya Engku Muda Muhammad telah menemui kekalahan lalu terpaksa berpindah ke Bulang.

Engku Muda yang kecewa dengan kejadian yang berlaku kemudiannya telah ditawarkan jawatan Temenggong oleh Sultan Mahmud dalam tahun 1803M. Bagaimanapun, beliau enggan menerima jawatan tersebut dengan menempelak: "*Jika kita tidak dapat menjadi Raja Muda (Yam Tuan Muda Riau), kita tidak mahu bergelar. Sedangkan kesemua pulau, tokong dan negeri Johor adalah di bawah perintah kita dan negeri Pahang tetap kepunyaan ayah kita Dato' Bendahara Abdul Majid (Engku Muda Muhammad adalah anakanda saudara Bendahara Abdul Majid); kerana hari ini Sultan tidak lagi mengikut nasihat orang Melayu tetapi tinggal di Lingga dan mengurniakan Riau kepada Raja Muda (pembesar Bugis). Lihatlah keadaan kita. Kita sepatutnya memiliki kerajaan ini kerana kita sepusaka dengan Sultan. Mengapa baginda berbuat sesuka hatinya? Sebagaimana Sultan kita juga turunan daripada Sultan Abdul Jalil (Marhum Kuala Pahang) dan adat meletakkan kita sebagai pemerintah kerajaan, mengapa pula baginda menyekat kita? Walaupun kita tidak ditabal, namun siapa yang boleh menyanggah kuasa kita? Jikalau Engku Abdul Rahman<sup>54</sup> hendak bergelar Temenggong, biarlah dia pergi menyembah ke Lingga. Kita tidak sekali-kali! Jika kita ditakdirkan mati, kamu, Engku, akan memerintah pulau-pulau ini dan jangan sekali-kali menyerahkan kerajaan Johor kerana pada fikiran kita, jikalau Sultan tetap berkelakuan seperti sekarang maka kitalah yang terpaksa menjaga diri atau kita akan dikecewakan ... ..*"<sup>55</sup>

Tindakan Raja Ali untuk menuntut semula haknya di Riau serta berjaya pula mengalahkan pihak Engku Muda Muhammad dalam berperang merebut Riau secara langsung telah membangkitkan semula bibit-bibit konflik di kalangan para pembesar Melayu dan Bugis yang telah sekian lama reda itu. Bagaimanapun buat sementara waktu bibit-bibit konflik ini agak terkawal dan Kesultanan Johor kembali aman. Yam Tuan Muda Raja Ali mangkat dalam tahun 1806M, lalu digantikan oleh Raja Jaafar, anak Al-Marhum Raja Haji (*Marhum Syahid Fi Sabilillah*).

Malangnya, belum pun lama reda persengketaan diantara pihak Melayu-Bugis, berlaku suatu lagi peristiwa yang melibatkan siasah Yam Tuan Muda Riau, kali ini dibuat oleh Raja Jaafar sebagai penguasa Riau yang berikutnya.

Dalam tahun 1812M, Sultan Mahmud Shah III telah mangkat. Baginda tidak mempunyai zuriat dari permaisuri yang berdarah gahara, tetapi mempunyai dua orang putera dari

<sup>54</sup> Apabila Engku Muda Muhammad menolak jawatan Temenggong, maka diserahkan kepada anakanda saudaranya yang bernama Tun Abdul Rahman (putera Temenggong Tun Abdul Hamid).

<sup>55</sup> R.O Winstedt, *The Bendaharas and Temenggongs*, JMBRAS, Vol X, pt I, 1932, hlm 63

wanita kebanyakan, iaitu Tengku Hussin (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman (juga dikenali sebagai Raja Jumaat atau Si Komeng).

Semasa kemangkatan Sultan Mahmud, Tengku Husin sedang berada di Pahang bagi menjalankan titah ayahandanya untuk berkahwin dengan adinda Bendahara Tun Ali. Mengikut riwayat *Tuhfat An-Nafis*, Sultan Mahmud Shah dikatakan telah meninggalkan wasiat kepada Yam Tuan Muda (VI) Raja Jaafar agar pemerintahan negeri Johor diserahkan pada putera baginda yang kedua, iaitu Tengku Abdul Rahman. Sedangkan riwayat yang lain menyatakan bahawa Sultan Mahmud sebenarnya telahpun mewasiatkan Tengku Husin menjadi sultan sebagaimana mengikut adat dan peraturan Raja-Raja Melayu tradisi.

Peluang ketiadaan Tengku Husin di Lingga telah diambil kesempatan sepenuhnya oleh Raja Jaafar untuk memaksa Tengku Abdul Rahman menggantikan Al-Marhum ayahandanya.

Menurut sesetengah ahli sejarah Johor, keluarga Raja Jaafar telah berselisihan dengan Tengku Husin, oleh itu Raja Jaafar khuatir jika Tengku Husin dilantik menjadi raja, baginda mungkin akan mengurangkan kuasanya sebagai Yam Tuam Muda Riau. Sedangkan Tengku Abdul Rahman dikatakan seorang yang berperibadi lembut dan mudah dikawal, iaitu ciri-ciri yang boleh menjadikannya 'pemerintah boneka', oleh itu lebih mudah bagi Raja Jaafar untuk menguasai sultan yang memerintah jika Tengku Abdul Rahman yang menjadi raja. Oleh itu, tindakan Yam Tuan Muda Raja Jaafar menggunakan pengaruhnya yang kuat untuk memaksa Tengku Abdul Rahman menggantikan Al-Marhum ayahandanya dilihat sebagai strateginya untuk memberikan kesinambungan kepada kuasa politik sukunya dalam kerajaan Johor Lama.

Menurut catatan *Sejarah Johor*<sup>56</sup>, pada hari hendak memilih pengganti Al-Marhum itu, suatu perhimpunan sekalian para pembesar kerajaan telah diadakan. Raja Jaafar telah memaklumkan bahawa Marhum yang mangkat itu ada meninggalkan dua waris iaitu Tengku Husin dan Tengku Abdul Rahman, oleh itu siapakah diantara mereka yang patut dilantik.

Maka beberapa orang pembesar Melayu telah memaklumkan bahawa dalam adat Raja-Raja Melayu, waris tua seharusnya dipilih sebagai pengganti sultan, oleh itu Tengku Husinlah yang selayaknya menjadi raja. Malangnya, Raja Jaafar tidak bersetuju dengan ketetapan tersebut sehingga mencetuskan pertikaman lidah yang hebat diantara mereka. Para pembesar Melayu yang tetap mahu mempertahankan amalan tradisi adat istiadat Raja-Raja Melayu telah menegaskan bahawa, apalah gunanya memanggil mereka untuk ditanyakan pendapat jika Yam Tuan Muda itu sudah tetap mahu membuat pilihan yang jelas bertentangan dengan adat. Keputusan Raja Jaafar juga telah dibantah dengan sekeras-kerasnya dan dituduh sebagai perosak aturan dan adat istiadat kerajaan.

Bagaimanapun oleh kerana Yam Tuan Muda Riau itu merupakan seorang yang kuat serta berpengaruh, dan telah menyalahkan orang-orangnya untuk berperang dengan sesiapa

<sup>56</sup> Buyong Adil, op. cit, hlm 176-177

sahaja yang berani menentanginya, maka akhirnya perlantikan tersebut tidak mendapat bantahan.

Bagaimanapun perlantikan Tengku Abdul Rahman tidak dapat dinobatkan, kerana alat kebesaran berada dalam tangan Raja Hamidah, iaitu balu Al-Marhum Sultan Mahmud yang merupakan bonda tiri kepada Tengku Husin dan Tengku Abdul Rahman. Raja Hamidah tidak merestui tindakan saudaranya Raja Jaafar melantik Tengku Abdul Rahman menggantikan Al-Marhum Sultan Mahmud Shah itu dengan membelakangkan permuafakatan dengan para pembesar Melayu dan melanggar aturan Kesultanan Johor. Raja Hamidah telah menempelak: "*.....Adat perlantikan dari manakah yang diikutnya? Perbuatan yang tidak adil seperti inilah yang menyebabkan kerajaan Johor akan segera rosak binasa!!*"

Tengku Husin yang sedang berada di Pahang pada masa itu telah mendapat surat dari Yam Tuan Muda mengenai hal kemangkatan ayahandanya, sedangkan perlantikan adindanya menjadi sultan telah dirahsiakan daripada baginda. Alangkah terkejutnya Tengku Husin apabila pulang ke Lingga dan mendapati adindanya pula menjadi raja. Tengku Husin telah membantah perlantikan Tengku Abdul Rahman melalui percaturan Yam Tuan Muda itu. Menurut baginda, apabila mendapat perkhabaran mengenai kemangkatan ayahandanya semasa di Pahang, Tun Ali dalam fungsi tradisinya sebagai bendahara Johor telah melantiknya sebagai sultan bagi menggantikan Al-Marhum ayahandanya itu. Apabila mendengar hal ini, Tengku Abdul Rahman besegeera menawarkan kekandanya untuk menjadi raja, bagaimanapun telah dihalang berbuat demikian oleh Raja Jaafar sehingga akhirnya baginda tidak berani berbuat apa-apa lagi.

Kemudian Tengku Husin ke Pahang mengadukan nasibnya kepada Bendahara Ali. Susulan darinya Bendahara Tun Ali telah menyiapkan angkatan perang di Bulang kerana hendak menyerang Lingga. Apabila Raja Jaafar dimaklumkan mengenai hal ini, beliau terus mengadu dan membantah tindakan Tun Ali itu kepada Residen Inggeris di Melaka. Residen Inggeris menghantar wakilnya berjumpa dengan Tun Ali dan memberi amaran keras agar jangan mencampuri urusan di Lingga itu. Oleh itu terpaksa Bendahara Ali memanggil balik angkatannya di Bulang dan tidak dapat berbuat apa-apa lagi.

Tindakan Yam Tuan Muda Raja Jaafar menghalang Tun Ali untuk membetulkan adat sebenarnya telah mengikut percaturan Yam Tuan Muda Daeng Kemboja sebelumnya yang pernah menghalang permuafakatan para pembesar Melayu untuk melantik saudara Sultan Abdul Jalil V menjadi raja. Sedangkan mengikut aturan adat Melayu, Bendaharalah orangnya yang perlu ke tengah untuk bermuafakat dengan para pembesar Melayu bagi memperbetulkan keadaan apabila berlaku apa jua masalah yang bersangkutan dengan hal ehwal rajanya mahupun hal ehwal pentadbiran negeri. British dalam hal ini telah berlaku biadap dengan tindakannya menghalang Tun Ali untuk memperbetulkan adat Melayu, dan Raja Jaafar juga telah melakukan suatu kesilapan besar kerana bukan sahaja telah membelakangkan adat dengan menutup terus pintu permuafakatan dengan para pembesar Melayu dalam hal perlantikan raja Johor, malahan telah memberi ruang kepada pihak British untuk masuk campur semata-mata demi kepentingan politik peribadinya.

Semenjak peristiwa tersebut, pihak pembesar Melayu dan Bugis berada dalam keadaan 'stand off' mengenai isu perlantikan pengganti Al Marhum Sultan Mahmud. Walaupun Raja Jaafar tetap berdegil mahu merajakan Tengku Abdul Rahman, bukanlah mudah baginya untuk mencapai hasratnya itu kerana bukan sahaja Bendahara enggan mengiktiraf perlantikan Tengku Abdul Rahman sebagai Raja Johor, malahan saudaranya sendiri, iaitu Raja Hamidah tidak mahu bekerjasama dengannya untuk memulangkan alat kebesaran diraja yang berada dalam simpanannya itu. Kepentingan yang diletakkan dalam adat Melayu perihal alat kebesaran diraja yang perlu ada dalam majlis pertabalan seorang Raja Melayu tidak memungkinkan Tengku Abdul Rahman menjadi Raja Johor yang sah dan berdaulat tanpa mempunyai alat kebesaran diraja itu. Dan inilah yang menjadi dilemma Raja Jaafar.

Peluang untuk Raja Jaafar mencapai hasratnya terbuka apabila pihak Belanda menawarkan diri untuk meleraikan kekusutan keadaan politik dalam Kesultanan Johor Lama. Antara lain, pihak Belanda telah menawarkan untuk mengiktiraf perlantikan Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Johor dengan syarat dibuat suatu perjanjian persahabatan dengan mereka. Susulan daripada beberapa perbincangan yang dibuat, maka pada 26hb November 1818M, suatu perjanjian persahabatan telah ditanda tangani diantara pihak Raja Jaafar dengan Admiral Wolterbeek dan para pegawainya bagi pihak pemerintah Belanda di Melaka.

Perjanjian yang mengandungi dua puluh tiga fasal ini<sup>57</sup> antara lainnya telah menyebut bahawa pihak Belanda akan membantu pihak 'Paduka Seri Sultan Abdul Rahman Shah' sebagai Sultan Johor dan segala jajahan takluknya dari sebarang ancaman musuh. Kerajaan Johor pula telah berjanji untuk memberikan status istimewa dan utama kepada pihak Belanda khususnya dalam urusan perdagangan laut.

Apa yang menariknya mengenai perjanjian persahabatan yang dibuat diantara pihak Yam Tuan Muda Raja Jaafar, sebagai 'wakil' bagi Sultan Johor dengan pegawai Belanda ialah pendirian Raja Jaafar untuk meminggirkan terus Bendahara Tun Ali daripada sebarang perbincangan yang dibuat, sedangkan ianya sama sekali tidak mengikuti tatacara yang sepatutnya dalam hal pentadbiran kerajaan negeri Johor kerana Bendaharalah orangnya yang pertama dan utama menjadi wakil Sultan dalam sebarang urusan yang dibuat dengan mana-mana pihak. Bagaimanapun, kepentingan politik Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah mendorongnya membuat siasah dalam hal ini, kerana Raja Jaafar sudah sedia tahu akan pendirian Tun Ali yang sudah tentu akan menolak perlantikan Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Johor, sedangkan itulah yang mahu dibuatnya, kali ini dengan pertolongan pihak Belanda yang akan mengiktiraf pilihannya itu.

Dalam hal ini, para pembesar Bugis telah memujuk Temenggong Abdul Rahman untuk hadir bersama dalam kapal perang Belanda yang bernama *Tarum* untuk upacara menandatangani perjanjian tersebut, dan kemudian telah memujuknya pula untuk menurunkan tanda tangannya. Pada mulanya Temenggong Abdul Rahman enggan untuk berbuat demikian, tetapi setelah diisyaratkan bahawa ia tidak berpihak kepada pihak yang

---

<sup>57</sup> Untuk rujukan lanjut mengenai perjanjian ini, baca A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, hlm 116-121

membuat perjanjian tersebut, barulah ia bersetuju untuk menurunkan tanda tangannya. Perasaan serba salah yang ditunjukkan oleh Temenggong Abdul Rahman dilihat sebagai mempunyai kaitan dengan 'ketidak hadirannya' Bendahara Tun Ali dalam rundingan yang membawa kepada majlis tersebut<sup>58</sup>.

Selepas perjanjian tersebut ditandatangani, pihak Belanda yang dengan resminya mengiktiraf perlantikan Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Johor, mulai berkira-kira untuk 'mengambil semula' alat kebesaran diraja dari simpanan Raja Hamidah. Kemudiannya dalam tahun 1822M Timmerman Thysen, Gabenor Belanda di Melaka dengan diiringi oleh Adrian Koek telah pergi ke Pulau Penyengat di Riau. Dengan diikuti oleh satu pasukan askar Belanda bersenjata senapang yang berisi peluru, mereka telah masuk ke istana Raja Hamidah lalu mengambil alat-alat kebesaran diraja dari simpanannya dan dibawa ke Melaka untuk disimpan oleh pemerintah Belanda di situ. Tidak lama kemudian alat kebesaran tersebut telah diserahkan kepada Raja Jaafar di Riau. Pada tahun 1823M, Tengku Abdul Rahman dengan resminya ditabalkan menjadi Sultan Johor mengikut adat istiadat Raja-Raja Melayu, dengan segala adat kebesaran dan restu Yam Tuan Muda Raja Jaafar dan pegawai-pegawai Belanda<sup>59</sup>.

Semenjak menjadi raja, Sultan Abdul Rahman sentiasa dalam pengaruh dan pengawasan orang-orang kuat Yam Tuan Muda Raja Jaafar. Malahan, segala hal ehwal yang berlaku di Lingga akan dilaporkan kepadanya dan apa jua perkara besar mengenai pemerintahan di sana, Yam Tuan Muda sendiri menyelesaikannya. Sultan Abdul Rahman hanya menerima arahan sahaja daripadanya.

Dominasi Yam Tuan Muda Riau pada masa itu terbukti apabila Sultan Abdul Rahman pernah menyatakan pada wakil British yang bernama William Farquhar bahawa baginda bukanlah sultan, dan tidak berkuasa membuat sebarang urusan mengenai hal ehwal negeri dengan orang-orang Inggeris. Baginda telah menyuruh Farquhar berjumpa dan berurusan terus dengan Yam Tuan Muda Raja Jaafar di Riau yang merupakan penguasa sebenar. Pada masa itulah Farquhar telah dapat mengetahui kedudukan Kesultanan Johor dan pihak British kemudiannya mempergunakan kesempatan yang terbuka secukupnya untuk memecah belahkan kesultanan tersebut.

---

<sup>58</sup> Perjanjian tersebut juga tidak dihadiri oleh Tengku (Sultan) Abdul Rahman. Menurut buku *'Kerajaan Johor-Riau'* (diselenggarakan oleh A Samad Ahmad), disebut dalam Fasal yang Kedua Puluh Tiga, bahawa: "...maka adalah tercetak cap meterinya Paduka Seri Sultan Abdul Rahman Shah, raja atas takhta kerajaan Johor dan Pahang dan Riau dan Lingga, serta segala daerah takluknya yang dikirim oleh Seri Paduka itu akan menyanggahkan segala perjanjian yang tersebut di atas serta dengan capnya". Oleh kerana Tengku (Sultan) Abdul Rahman seorang yang lemah dan mudah dikawal oleh Raja Jaafar, maka tidaklah hairan jika inisiatif mendapatkan pertolongan pihak Belanda untuk mengiktiraf perlantikan baginda sebagai Sultan Johor dibuat oleh Raja Jaafar yang terus dipaksakan ke atas baginda, yang diterima sahaja tanpa banyak soal jawab.

<sup>59</sup> Tengku Abdul Rahman sebenarnya telah ditabalkan menjadi Sultan Johor secara tidak rasmi dalam tahun 1812M lagi, tetapi tanpa alat kebesaran yang menyalahi adat penobatan raja. Dalam tahun 1818M, barulah Belanda mengesahkannya sebagai raja, dan dalam tahun 1823M, diadakan suatu majlis besar-besaran penobatan baginda beserta alat kebesaran diraja.

Peristiwa perlantikan Sultan Abdul Rahman oleh percaturan Yam Tuan Muda Raja Jaafar yang kemudiannya direstui Belanda telah diambil sebagai isyarat oleh pihak British untuk mencari peluang menapak di Tanah Melayu. Kebetulan pula kerajaan British yang pada masa itu merupakan sebuah kuasa besar di dunia dengan empayarnya yang luas, dilihat sebagai suatu kelebihan untuknya mencapai matlamat jangka panjang menjajah keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu.

*Tuhfat An-Nafis* menceritakan bagaimana Temenggong Abdul Rahman yang menjadi wakil bagi Sultan Johor Lama memerintah Singapura sejak tahun 1806M, telah ditemui oleh Farquhar untuk mendapatkan persetujuannya supaya Singapura dapat diserahkan kepada pihak Inggeris menjadi pusat perniagaan mereka di Selat Melaka. Dalam pertemuan itu, Temenggong Abdul Rahman telah menceritakan perihal dilema Tengku Husin yang tidak diberikan takhta kerajaan Johor walaupun ia lebih berhak dari adindanya Sultan Abdul Rahman itu. Temenggong juga mengadukan hal persetujuan dan restu pihak Belanda akan kenaikan takhta Sultan Abdul Rahman tersebut.

Bagai orang mengantuk disorongkan bantal, Sir Thomas Stamford Raffles, wakil kepada Gabenor Jeneral di Benggala menganggapnya sebagai satu peluang baik untuk merangka strategi 'pecah-pecah, perintah' yang dapat terus melemahkan Kesultanan Johor Lama itu.

Perbincangan yang diadakan diantara pihak British dengan Temenggong Abdul Rahman kemudiannya telah mencapai suatu kata persetujuan, iaitu pihak Temenggong dan Tengku Husin telah mengizinkan Kompeni Inggeris menjadikan Pulau Singapura sebagai pusat dagangan mereka. British pula bersetuju untuk merajakan Tengku Husin sebagai sultan Johor.

Stamford Raffles begitu bersungguh-sungguh untuk membuat perjanjian perdagangan dengan Temenggong Abdul Rahman dan Tengku Husin kerana matlamat British adalah untuk meletakkan Sultan dan pembesar Melayu di bawah kawalannya. Usaha beliau membuahkan hasil yang lumayan apabila pada tarikh 6 Februari 1819M surat perjanjian pembukaan Singapura dimeterai antara pihak Kompeni Inggeris dengan Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Husin Shah. Pihak Inggeris telah berjanji akan memberi elaun sara hidup kepada Sultan Husin sebanyak \$5000 mata wang Sepanyol, sementara Temenggong Abdul Rahman akan beroleh elaun setahun sebanyak \$3000 dengan bayaran dibuat pada tiap-tiap bulan. Tidak berapa lama kemudian, Sultan Husin dinaikkan elaun sebanyak \$1500 sebulan sementara Temenggong Abdul Rahman diberi \$800 sebulan.

Dengan termeterainya perjanjian tersebut, British juga telah 'menabalkan' Tengku Husin sebagai Sultan Johor dan Singapura<sup>60</sup>. Pengisytiharan perlantikan baginda adalah seperti berikut;

---

<sup>60</sup> Pertabalan Tengku Husin sebagai sultan Singapura-Johor oleh pihak British telah melanggar adat perlantikan Raja-Raja Melayu selain bertentangan dengan kaedah syariat Islam sebagai seorang *Ulil Amri*.



*"Bahawa ketahuilah oleh segala orang, maka Tuan Gabenor Jeneral yang di Benggala mengangkat Sultan akan Tengku Long, dan digelar dia Sultan Husin Shah ibnu Al-Marhum Sultan Mahmud Shah dalam negeri Singapura ini serta daerah takluk jajahannya."*

Pada majlis pengisytiharan baginda yang dibuat di padang Singapura, Sultan Husin dipakaikan dengan pakaian kerajaan dengan adat istiadat perlantikannya sebagai raja yang bergelar Sultan Husin Muhammad Shah ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Shah III. Sultan Husin kini diiktiraf oleh pihak Inggeris sebagai raja yang memerintah Singapura, Johor serta seluruh jajahan takluknya

Bagaimanapun, isi kandungan surat yang ditulis oleh Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Husin kepada Riau, Lingga dan Melaka lapan hari setelah Raffles meninggalkan Singapura, tidak mencerminkan apa yang dinyatakan dalam *Tuhfat An-Nafis*. Dalam surat Sultan Husin<sup>61</sup> (yang membahaskan diri baginda sebagai Yang Dipertuan Selat), kepada adindanya Sultan Abdul Rahman di Lingga, baginda menyatakan ;

*'Dengan kehendak Allah Taala ke atas hambaNya, telah berlakulah perkara yang tidak disangka-sangka; Abang Johor yang disuruh oleh Temenggong Abdul Rahman, tengah-tengah malam telah sampai ke Riau, dan memberitahu kepadanya (Tengku Husin) iaitu satu pasukan soldadu Inggeris yang ramai dengan beberapa buah kapal mereka telah sampai ke Singapura. Dengan tiada kebenaran dari Temenggong, soldadu itu telah naik ke darat. Oleh sebab risau dan bingung memikirkan hal itu dan hal anak lelakinya yang ada di Singapura, dengan tidak memikirkan apa-apa lagi, dan dengan tiada memberitahu lebih dahulu kepada bonda dan kepada Yam Tuan Muda Raja Jaafar, ia (Tengku Husin) telah meninggalkan Riau pergi ke Singapura. Sebaik sahaja ia sampai di Singapura, ia telah ditemui oleh Raffles yang telah menahannya di Singapura lalu dilantiknya menjadi raja, dia tidak dapat berbuat apa-apa lagi melainkan mengikut sahaja apa kata Raffles. Dia telah jatuh ke tangan Inggeris yang tidak membenarkan dia meninggalkan Singapura walaupun sebentar sahaja kerana hendak mengambil anak isterinya di Riau, itu pun tidak dibenarkan oleh Raffles; Raffles hendak menghantarkan orang lain pergi mengambil anak isterinya di Riau untuk dibawa ke Singapura.'*

Temenggong Abdul Rahman dan Sultan Husin juga menulis surat yang hampir sama kepada Yam Tuan Muda Raja Jaafar di Riau dan Adrian Koek yang pada masa itu menjadi salah seorang dari ahli Majlis Mesyuarat pemerintah di Melaka.

Susulan daripada surat-surat yang dikirimkan itu, Gabenor Belanda di Melaka telah menghantar surat protes kepada Gabenor Inggeris di Pulau Pinang dengan menyatakan bahawa Inggeris dapat menduduki Singapura dengan jalan kekerasan dan tanpa mendapat persetujuan dari ketua-ketua bumiputera di situ. Residen Farquhar yang telah menetap di Singapura kemudiannya telah mengarahkan Sultan Husin dan Temenggong Abdul Rahman untuk membuat pengakuan bahawa orang-orang Inggeris dapat masuk ke Singapura atas kebenaran penuh daripada pihak mereka.

<sup>61</sup> Surat ini ditulis sekitar pertengahan bulan Februari tahun 1819M, iaitu sejurus setelah berlakunya perjanjian perdagangan diantara pihak Inggeris dan Sultan Husin serta Temenggong Abdul Rahman.

Dalam masa yang sama, Temenggong Abdul Rahman juga telah memaklumkan kepada Bendahara Tun Ali di Pahang akan perkembangan yang berlaku di Singapura; Inggeris telah menduduki Singapura dan Tengku Husin telah dilantik menjadi Sultan. Bendahara Tun Ali kemudiannya membalas surat tersebut dengan menyatakan bahawa ia tidak bercadang untuk mencampuri hal ehwal yang berlaku di Singapura, kesetiaan Bendahara adalah pada Daik (Lingga), apa-apa hal di negeri Pahang akan dibawa hanya pada kerajaan di Lingga.

Dalam hal ini walaupun pada mulanya Bendahara Tun Ali telah menentang dengan kerasnya perlantikan Sultan Abdul Rahman di Lingga kerana terang-terang telah melanggar aturan perlantikan seorang raja Melayu, apatah lagi pertabalan baginda yang pada awalnya dibuat oleh pihak Yam Tuan Muda Raja Jaafar dengan tidak disertakan alat kebesaran diraja, bagaimanapun dengan perkembangan yang berlaku di Singapura, Tun Ali dan para pembesar Melayu telah memutuskan bahawa mereka kini tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa mengiktiraf Sultan Abdul Rahman sebagai pemerintah kerajaan Johor Lama yang sebenar. Perkembangan terbaharu di Singapura yang mana Tengku Husin telah bulat-bulat menyerahkan dirinya menjadi 'pemerintah boneka' kepada kerajaan Inggeris mengikut tatacara yang jauh lebih terseleweng dalam adat perlantikan seorang Raja Melayu dibandingkan dengan insiden perlantikan Sultan Abdul Rahman telah merubah percaturan politik Johor. Oleh itu suatu keputusan yang tegas perlu dibuat bagi mencerminkan realiti politik semasa, maka Tun Ali dan para pembesar Melayu yang lain telah bersepakat untuk mengiktiraf sahaja Sultan Abdul Rahman sebagai Sultan Johor dengan segala jajahan takluknya.

Persepakatan ini diperkukuhkan apabila Sultan Abdul Rahman kemudiannya ditabalkan semula dalam tahun 1823M, kali ini penobatan baginda disertakan sekali dengan alat kebesaran diraja yang diambil secara paksa oleh pihak Belanda dari tangan Raja Hamidah. Bagaimanapun dalam majlis yang diadakan itu, Tun Ali tidak menghardirkan dirinya dan hanya meminta Yam Tuan Muda Raja Jaafar bertindak sebagai wakilnya. Ini menunjukkan pendirian Tun Ali yang tidak suka kepada tindak-tanduk Raja Jaafar yang meletakkan kawalan penuh ke atas Sultan Abdul Rahman dan bertanggungjawab mencantas tanggungjawab tradisinya sebagai Bendahara.

Semenjak peristiwa dimana Inggeris melantik Tengku Husin menjadi sultan Singapura dan Johor, kerajaan Johor Lama berpecah menjadi dua. Singapura dan Johor kini diperintah oleh Sultan Husin di bawah naungan pihak Kompeni Inggeris sementara Riau dan Lingga diperintah oleh adindanya Sultan Abdul Rahman di bawah naungan Belanda. Sultan Husin kemudiannya membuat sebuah istana di Kampung Gelam. Bendahara Tun Ali dan para pembesar Melayu yang lainnya pula memutuskan untuk terus bertuanan pada kerajaan Riau-Lingga dan tidak pada Sultan Husin di Singapura.

Penglibatan pihak British di Singapura telah menimbulkan kemarahan pihak Belanda dan surat-surat protes diutus antara kedua belah pihak. Belanda dalam suratnya menimbulkan rasa tidak puas hati kerana Tengku Husin telah dilantik menjadi sultan Singapura-Johor sedangkan Belanda telah mengiktiraf Tengku Abdul Rahman di Lingga sebagai sultan Johor beserta segala jajahan takluknya termasuklah di Singapura dan Johor.

Bagaimanapun, perselisihan diantara kedua belah pihak itu berakhir dengan perjanjian yang dimeterai di London pada 17hb March 1824M. Dalam perjanjian yang dipanggil 'Perjanjian Inggeris-Belanda' itu, keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura dipersetujui oleh kedua belah pihak untuk diletakkan di bawah pengaruh British, sementara pihak Belanda pula diberi kawasan pengaruh di bahagian selatan Singapura dan Indonesia. Belanda juga bersetuju untuk tidak mencampuri sebarang urusan hal ehwal negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu ataupun membuat sebarang perjanjian dengan raja-rajanya. British pula bersetuju untuk tidak mengganggu Pulau Karimun, Kepulauan Riau-Lingga atau lain-lain pulau yang letaknya di bahagian selatan Singapura.. Perjanjian sulit ini dibuat dengan tiada permuafakatan langsung dengan mana-mana raja-raja atau wakilnya yang mempunyai negeri-negeri yang dibelah-bahagikan diantara pihak Belanda dan British dengan sesuka hatinya itu.

Tepatlah seperti apa yang dikatakan oleh Raja Hamidah itu. Perlanggaran adat dan aturan dalam perlantikan Raja-Raja Melayu Johor Lama yang membuka ruang bagi pihak-pihak yang berkepentingan untuk bersiasah, telah kemudiannya dieksploitasi secukup-cukupnya oleh pihak Inggeris dan Belanda untuk campurtangan. Keadaan ini akhirnya telah membawa kepada kemusnahan empayar Johor yang selama ini kuat dan berdaulat; Kesultanan Johor yang dahulunya meliputi Johor, Riau, Lingga, Pahang, Singapura, Karimun, Buru, Bulang dan lain-lain pulau di seluruh kepulauan Riau Lingga telah 'dipotong-potong seperti kueh' oleh pihak Inggeris dan Belanda yang mana menurut kata bendahara Tun Ali di Pahang pada waktu itu: " .....*Perbuatan orang-orang Inggeris di Singapura ialah suatu perbuatan yang telah menceraikan adik beradik, anak-beranak, sahabat handai, mereka berniat jahat sambil berpura-pura menunjukkan merekalah sahabat-sahabat kepada raja Johor.*"

Semenjak termeterainya perjanjian tersebut, British mula memasang strategi untuk menjajah Semenanjung Tanah Melayu sepenuhnya. Dalam hal ini nasib menyebelahi pihak British kerana tanpa perlu menunggu lama, seperti '*bulan jatuh ke riba*', melalui kaedah tipu daya, pada 2hb Ogos tahun 1824M, Sultan Husin dan Temenggong Johor telah terpaksa menandatangani suatu perjanjian yang memberikan terus Pulau Singapura kepada pihak British.

Sungguhpun pada akhirnya Sultan Husin merasa sesal tak berkesudahan atas tindakan baginda yang tidak berpandangan jauh itu menyerahkan kekuasaan Singapura kepada pihak Inggeris, namun semuanya telah terlambat. Baginda telah hilang segala kuasa di Singapura dan kini kuasa baginda hanya tertakluk di Johor sahaja. Tidak berapa lama kemudian, baginda meninggalkan tempat persemayaman baginda di Kampung Gelam, Singapura itu dan berpindah ke Bandar Hilir, Melaka, mentadbir Johor dari situ. Sultan Husin Shah akhirnya mangkat dalam tahun 1835M dan dimakamkan di Terangkera, Melaka.

Dalam tahun 1830M, suatu lagi perjanjian telah dibuat diantara pihak Belanda dengan Yam Tuan Muda Raja Jaafar<sup>62</sup>. Perjanjian ini dibuat diatas latar belakang dominasi total pihak Raja Jaafar ke atas Sultan Abdul Rahman. Bendahara Tun Ali yang kecewa dengan sikap Raja Jaafar yang menjadikan Sultan Abdul Rahman sebagai pemerintah boneka telah tidak dapat berbuat apa-apa, kerana bukan sahaja cengkaman Raja Jaafar begitu kuat, malahan suku pembesar Bugis yang terus-menerus menghimpit dan mengawal Sultan Abdul Rahman dengan ketat dan penuh perasaan cemburu telah menyukarkan suatu perhubungan yang bermanfaat dibuat diantara pihak Bendahara dan Sultan Abdul Rahman. Apatah lagi dalam perjanjian persahabatan yang dibuat diantara Raja Jaafar sebagai 'wakil mutlak' kepada Sultan Abdul Rahman dengan pihak Belanda dalam tahun 1818M yang meluputkan terus peranan Bendahara telah menyebabkan kedudukan Tun Ali kini menjadi seperti 'tergantungan', sekurang-kurangnya di Riau-Lingga yang kini menjadi pusat kekuatan dan kekuasaan para pembesar Bugis itu.

Perjanjian yang dibuat diantara Raja Jaafar dengan pihak Belanda pada 29hb Oktober tahun 1830M merupakan suatu anjakan paradigma yang besar dalam situasi politik Kesultanan Johor Lama. Perjanjian yang tidak dirujuk kepada mana-mana pembesar Melayu ini mempunyai beberapa perkara penting yang langsung merubah lanskap pemerintahan negeri Johor. Antara isi kandungan yang terpenting ialah;

- i. Penerimaan pihak Yam Tuan Muda Raja Jaafar kepada perjanjian Ingeris-Belanda yang dimeterai dalam tahun 1824M. Dalam lain perkataan, Raja Jaafar telah bersetuju bahawa Johor dan Pahang bukan lagi berada di bawah naungan Sultan Abdul Rahman dan pemerintah yang seterusnya, yang kini hanya menjadi Sultan Riau-Lingga sahaja (Fasal Ketiga).
- ii. Persetujuan pihak Yam Tuan Muda kepada perubahan status perhubungan diantara kerajaan Belanda dengan kerajaan Sultan Riau-Lingga. Kalau dalam perjanjian yang dibuat dalam tahun 1818M status kerajaan Belanda dan Sultan Johor Lama adalah sebagai sahabat, namun kini kesultanan Riau-Lingga telah dipersetujui untuk diletakkan di bawah 'perlindungan' kerajaan Belanda, iaitu Belanda kini menjadi penaung kepada Kesultanan Riau-Lingga. (Fasal Keenam).
- iii. Raja Jaafar juga telah mengambil kesempatan memperkukuhkan kedudukan dan status Yam Tuan Muda Riau secara eksklusif sebagai pentadbir negeri Riau yang terutama. (Fasal Kesepuluh)
- iv. Seboleh-bolehnya keturunan Yam Tuan Muda Raja Jaafar sahaja dipilih menjadi Yam Tuan Muda Riau di masa-masa yang akan datang. (Fasal Keempat)

Apa yang menariknya mengenai perjanjian ini ialah kemungkinan ianya dibuat secara sulit tanpa pengetahuan Bendahara Tun Ali mahupun Sultan di Lingga sendiri. Ini berdasarkan surat yang ditulis oleh Tun Ali kepada Sultan Mahmud Muzaffar Shah dalam

<sup>62</sup> Untuk rujukan lanjut mengenai perjanjian ini, baca A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, hlm 150-154

tahun 1855M (iaitu setelah lebih 30 tahun perjanjian tersebut dibuat), yang antara lain membawa maksud bahawa perjanjian Inggeris-Belanda yang membahagikan kawasan Riau-Lingga di bawah pengaruh Belanda dan Singapura-Johor di bawah pengaruh British berada di luar pengetahuan Tun Ali selama ini, sedangkan Sultan Mahmud sendiri teramat murka dengan perjanjian tersebut apabila diketahuinya sekitar tahun 1855M itu<sup>63</sup>

Bagaimana mungkin Bendahara Ali dan Sultan Mahmud menunjukkan sikap terkejut dan kecewa dengan maklumat mengenai perjanjian Inggeris-Belanda dalam tahun 1855M, sedangkan Yam Tuan Muda Raja Jaafar sudahpun menerima dengan resminya pengagihan Kesultanan Johor Lama Dalam tahun 1830M lagi?

### *Pasca Perjanjian Inggeris-Belanda 1824M*

Keruntuhan kerajaan Johor Lama telah mengakibatkan aturan tradisi adat Raja-Raja Melayu mulai dianak tirikan. Tragedi ini telah melumpuhkan terus peranan tradisi Bendahara sebagai pihak yang sepatutnya menyelenggara segala urusan diraja Johor dan menabalkan pemerintahnya yang baru. Sebagai pihak yang sentiasa merasa terancam pada kedudukannya selagi masih ujudnya golongan para pembesar Melayu tradisi, khususnya Bendahara, Yam Tuan Muda Riau telah bertindak liar dengan menabalkan seorang raja Johor tanpa muafakat para pembesar Melayu semata-mara kerana pemerintah itu boleh dijadikan pemerintah boneka. Malahan dengan kerjasama pihak Belanda dan British, Yam Tuan Muda nekad untuk membuang terus peranan tradisi Bendahara dalam kerajaan Johor Lama.

Kini, Yam Tuan Muda Raja Jaafar terpaksa membayar budi yang telah dicurahkan oleh pihak Inggeris dalam membantunya menyingkirkan Bendahara dari menjalankan kerjanya dalam urusan perlantikan seorang raja Johor. Apatah lagi perjanjian yang dibuat oleh pihaknya dengan kerajaan Belanda dalam tahun 1818M dan kemudiannya diperbaharui dalam tahun 1830M telah mengikatnya dengan pihak Belanda yang kini bertindak sebagai penaung kepada Kesultanan Riau-Lingga. Oleh itu Perjanjian Inggeris-Belanda yang dimeterai dalam tahun 1824M tanpa dirujuk pada mana-mana pihak dari golongan kerabat diraja mahupun mana-mana pembesar Melayu, serta tidak juga 'digazetkan' secara meluas<sup>64</sup> telah terpaksa diterima. *Raja Jaafar terpaksa merelakan pihak Belanda dan British mengagih-agihkan kerajaan Johor Lama diantara mereka tanpa mempedulikan sensitiviti orang-orang Melayu sebagai tuan kepada negeri ini secara turun temurun.*

Di tahap ini, Kesultanan Johor Lama yang secara tradisinya meliputi tanah besar Johor-Pahang-Riau-Lingga (Singapura telahpun dijual) dan pulau-pulau lainnya di bahagian

<sup>63</sup> Lihat Lampiran IV pada buku ini

<sup>64</sup> Tindakan pihak British dan Belanda untuk tidak mengisytiharkan perjanjian Inggeris-Belanda 1824M dengan meluas secara logiknya mempunyai kaitan dengan kebimbangan di pihak mereka akan respon yang berkemungkinan dibuat oleh Raja-Raja Melayu. Kedaulatan kesultanan-kesultanan Melayu yang dicabar sudah tentu akan menimbulkan protes yang hebat yang boleh membawa kepada peperangan di antara pihak Raja-Raja Melayu dengan wakil kerajaan Inggeris-Belanda di rantau ini.

selatan Singapura dilihat dari dua perspektif. Dari perspektif pihak Inggeris, Belanda serta Yam Tuan Muda Riau yang mewakili para pembesar Bugis, negeri Pahang dan Johor bukan lagi terletak di bawah naungan Sultan di Lingga yang kini hanya menjadi pemerintah bagi 'Kesultanan Riau-Lingga' sahaja. Sedangkan pihak Bendahara, Temenggung dan pembesar Melayu tradisi yang lain tetap memegang pada aturan lama yang meletakkan Johor-Pahang-Riau-Lingga di bawah Kesultanan Johor Lama<sup>65</sup>, yang mana rajanya kini bersemayam di Lingga.

Malangnya, pasca Perjanjian Inggeris-Belanda yang dibuat di London dalam tahun 1824M telah membuka suatu tirai baru dalam lanskap pemerintahan Raja-Raja Melayu. Aturan perlantikan Raja-Raja Melayu yang dipegang dengan kerasnya oleh Raja-Raja Melaka dan Johor Lama, yang malangnya mulai dilonggarkan oleh percaturan Yam Tuan Muda Riau atas kepentingan politik mereka kini terlerai terus.

Gabungan dua insiden besar dalam senario politik Kesultanan Johor Lama, iaitu tindak-tanduk '*master puppet*' kepada Sultan Abdul Rahman dan Sultan Husin yang berjaya menghuru-harakan aturan tradisi pemerintahan Johor Lama, disamping perjanjian Inggeris-Belanda yang bersekutu dalam urusan pengagihan kuasa politik di rantau ini telah menyebabkan munculnya golongan bangsawan 'baru' yang tidak lagi mahu mempedulikan aturan tradisi pemerintahan orang Melayu sehingga kerap berlaku pertembungan diantara golongan ini, iaitu golongan bangsawan dari '*Orde Melayu Baru*' dengan golongan bangsawan dari '*Orde Melayu Lama*' yang masih tetap cuba mempertahankan legasi pemerintahan orang-orang Melayu warisan Melaka itu.

Golongan bangsawan dari Orde Melayu Baru tidak berminat untuk terus berpegang pada aturan nenek moyang mereka yang selama ini amat dihormati dan dipelihara serta telah terbukti mampu menjaga kerukunan dan peradaban bangsa Melayu. Kini struktur hirarki pembesar Melayu tradisi yang tersusun kemas semenjak zaman Melayu Melaka mulai diinjak-injak. Kekeliruan yang muncul apabila adat serta aturan tradisi menjadi tunggang-langgang dan batasan kuasa pembesar Melayu menjadi kabur, telah mengakibatkan pihak-pihak yang berkepentingan cuba mengambil kesempatan. Maka kalau dulu aturan perlantikan raja Melayu seperti kelayakan menjadi raja (gahara, waris tua, dsb) serta permuafakatan para pembesar tradisi menjadi faktor yang diperlukan sebagai pemerintah, kini ianya digantikan dengan restu British (di Johor) dan Belanda (di Riau-Lingga) untuk mendapat kuasa.

Kaedah percaturan '*siapa kuat dia kudrat*' yang selama ini menjadi amalan Yam Tuan Muda Riau dalam memastikan perlantikan Raja Johor dibuat atas dasar mampu menjaga kepentingan politik sukunya pula buat pertama kali ditiru oleh golongan bangsawan Melayu dari orde baru dengan maksud mencapai kuasa. Malahan, golongan ini bertindak lebih jauh dengan menggunakan pendekatan 'siapa lebih pandai berpolitik (berstrategi), dia menang' untuk mencapai maksud yang sama. **Di sinilah munculnya era siasah dan**

---

<sup>65</sup> Penulis orientalis, para pengkaji sejarah dan golongan akademia moden juga suka mengambil perspektif Inggeris-Belanda dalam hal ini, yang menunjukkan kecenderungan untuk pro kepada aturan dan undang-undang barat. Sedangkan perspektif, aturan dan adat Melayu tradisi tidak langsung diambil kira.

## tipu daya menggantikan ketelusan dan keluhuran dalam corak pemerintahan tradisi orang-orang Melayu<sup>66</sup>.

Selepas perjanjian Inggeris-Belanda, British mula mencatur langkah untuk menjajah negeri-negeri Melayu. British berhasrat untuk menghapuskan corak pemerintahan tradisi orang-orang Melayu yang teguh berpegang pada kanun adat dan syarak, dan menggantikannya dengan sistem pemerintahan barat. Sebagai langkah mula, matlamat British ialah menyingkirkan para pembesar tradisi Melayu dan menggantikannya dengan sistem penasihat atau Residen Inggeris. Bagaimanapun pada tahap itu British tidak berhasrat untuk membuang Raja-Raja Melayu kerana akur akan sensitiviti orang-orang Melayu yang pada waktu itu begitu menjunjung raja-rajanya. Namun jika para pembesar Melayu dapat digantikan dengan Residen, ia tetap dapat menjamin corak pentadbiran Inggeris akan dapat diketengahkan.

Pada masa itu British telah pun mempunyai tapak operasinya iaitu di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang dikenali dengan nama Negeri-Negeri Selat. '*Modus operandi*' British ialah menjalin persahabatan dengan Raja-Raja Melayu sambil mencari ruang untuk campur tangan dalam hal ehwal sesebuah negeri Melayu dengan menggunakan kaedah 'pecah-pecah perintah'<sup>67</sup>. Dalam hal ini, British tidak teragak-agak untuk menggunakan pendekatan 'ubat peluru' jika perlu bagi memastikan mana-mana pihak sasaran tetap akur di bawah kawalannya, seringkali dengan menggunakan alasan keselamatan ekonomi, iaitu demi menjaga kepentingan para pedagang yang berurusan di Negeri-Negeri Selat.

Selepas berjaya menjadi penaung kepada kerajaan Johor (Baru)<sup>68</sup>, pihak British mula memasang cita-cita untuk menjadikan kerajaan Johor sebagai tapak mula bagi memperkenalkan sistem pemerintahan bercorak barat. Hasrat ini jelas terbukti apabila dalam pemerintahan Temenggong Ibrahim yang bermula dalam tahun 1825M setelah kemangkatan ayahandanya Temenggong Abdul Rahman, Gabenor British sendiri telah meminta baginda menghantar dua orang anakandanya iaitu Enche' Wan Abu Bakar dan Enche' Wan Abdul Rahman untuk belajar di Eropah. Apabila Temenggong Ibrahim tidak bersetuju atas alasan Eropah terlalu jauh, baginda dipujuk untuk menyekolahkan kedua-

<sup>66</sup> Semenjak era ini segelintir bangsawan Melayu mulai lupa bahawa pemerintahan bangsanya (umat Islam) merupakan amanah Allah dan bukan bahan rebutan untuk mendapatkan pangkat, kuasa dan harta. Malangnya, kaedah 'menang-kalah' (dalam politik) dan 'siapa kuat dia kudrat' yang menggantikan kaedah 'benar-salah' (di sisi adat dan agama Islam) dalam corak pemerintahan tradisi orang Melayu begitu memukau dan mempesonakan, apatah lagi ianya didokong oleh penjajah British yang dipandang hebat kerana merupakan kuasa yang besar di dunia pada masa itu. Maka secara berperingkat, golongan yang mengikut percaturan baru ini menjadi lebih ramai dibandingkan dengan mereka yang masih cuba mempertahankan aturan Melayu lama.

<sup>67</sup> Pendekatan ini digunakan apabila Bendahara Ali dilarang 'masuk campur' dalam gejolak siasah yang berlaku di Lingga apabila Raja Jaafar melantik Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Johor. Kaedah yang sama kemudiannya digunakan di Pahang apabila Temenggong Johor dilarang membantu Bendahara Tun Mutahir apabila baginda mendapat ancaman perampasan kuasa dari adindanya Tun Ahmad. Dalam kedua-dua peristiwa ini, British kemudiannya 'menangguk di air keruh' apabila siasah jadi melarat-larat

<sup>68</sup> Kerajaan Johor Baru muncul selepas peristiwa pembelahan Kesultanan Johor Lama kepada dua bahagian yang mana Sultan Husin menjadi raja Singapura-Johor dan Sultan Abdul Rahman menjadi raja Riau-Lingga.

dua puteranya itu dengan Paderi Keasberry<sup>69</sup> di Singapura. Dengan ini British berhasil mendidik dan membentuk Abu Bakar dengan pemikiran barat. Pihak British mengharapkan bahawa dengan latarbelakang pendidikan barat yang ada padanya, baginda akan dapat melaksanakan sistem pemerintahan cara barat dalam kerajaan Johor yang boleh dijadikan model bagi kesultanan-kesultanan lain di Tanah Melayu.

### ***Bendahara Siwa Raja Tun Ali membawa haluan***

Perlantikan Sultan Abdul Rahman oleh Yam Tuan Muda Raja Jaafar dengan restu Belanda telah mencetuskan semula api perbalahan dengan para pembesar Melayu yang melihat tindakannya sebagai mengkhianati aturan adat perlantikan Raja-Raja Melayu. Malangnya, Tengku Husin yang kecewa dengan perkembangan yang berlaku di Lingga pula telah merelakan diri baginda diperalatkan oleh pihak British untuk kepentingan mereka. Pertabalan Tengku Husin oleh Gabenor British sebagai sultan Singapura dan Johor, juga tanpa restu dan muafakat para pembesar tradisi Melayu serta tanpa disertakan dengan alat kebesaran diraja amat mempersendakan adat perlantikan seorang Raja Melayu yang amat sakarat itu.

Pergolakan-pergolakan yang tidak tentu arah selepas berlakunya peristiwa perpecahan Kesultanan Johor Lama, khususnya di tanah besar Johor dimana penjajah Inggeris menjadi dalangnya benar-benar mengecewakan Tun Ali<sup>70</sup>. Apatah lagi peranan tradisinya sebagai Bendahara telah lama dipinggirkan terus serta tidak dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan kerana banyak orang lain yang mahu menjadi 'King Maker', melawan adat istiadat Melayu.



Pendirian Tun Ali mengenai kemelut yang melanda Kesultanan Johor Lama yang telah berpecah belah itu dapat dilihat melalui chop mohornya yang tercatat seperti berikut "*Al-Wakil As-Sultan Mahmud Shah, Dato' Bendahara Siwa Raja ibni Bendahara Paduka Raja*" (gambar kiri). Walaupun Sultan Mahmud Shah III telah lama mangkat, iaitu dalam tahun 1812M dan digantikan dengan Sultan Abdul Rahman (Riau-Lingga) dan Sultan Husin (Singapura-Johor), namun penggunaan chop mohor yang tetap mengenalkan Tun Ali

sebagai wakil Al-Marhum Sultan Mahmud sehingga ke akhir hayatnya dalam tahun 1857M menunjukkan pendirian Tun Ali yang tidak merestui dominasi Yam Tuan Muda di Riau serta campurtangan politik British-Belanda dalam hal urusan istana Johor Lama. Penggunaan chop mohor baru bermakna Tun Ali terpaksa mengiktiraf keadaan politik semasa dalam kesultanan Johor lama yang ketika itu tidak dapat dicari penyelesaiannya, dan ini bercanggah dengan pendiriannya sebagai seorang Bendahara Johor. Akhirnya Tun Ali terpaksa mengambil jalan yang paling selamat iaitu dengan berpegang pada *status*

<sup>69</sup> Syaharom Hussin, op. cit, hlm 79. Paderi Keasberry juga bertanggungjawab merangka sistem pendidikan barat yang diperkenalkan kepada golongan bangsawan Melayu yang meminggirkan terus peranan agama Islam disamping melunakkan hati-hati mereka kepada proses pembaratan yang terbuka.

<sup>70</sup> Bagi membaca siasah hebat yang melanda Johor, baca buku Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor*, 1996



quo yang mengenalkan dirinya sebagai wakil Al-Marhum Sultan Mahmud Shah itu, sekurang-kurangnya dari segi prinsip.

Bagaimanapun untuk tidak memburukkan lagi suasana serta mencari jalan keluar yang lebih realistik dengan keadaan politik semasa ini, Bendahara Tun Ali telah terpaksa memilih untuk membuat suatu pendirian yang tegas, iaitu dengan mengisytiharkan untuk tidak mengiktiraf perlantikan Sultan Husin di Singapura dan menegaskan bahawa Pahang tetap bertuanan kepada kerajaan di Lingga yang telah kehilangan Singapura itu. Walaupun mengikut perjanjian Inggeris-Belanda Kesultanan Johor Lama telah dibahagi dua, namun para pembesar Melayu tidak mahu mengiktiraf perjanjian tersebut<sup>71</sup> dan menganggap bahawa jajahan-jajahan kesultanan tersebut masih tetap bersatu sebagaimana dahulu. Bagaimanapun pendirian ini tidak dikongsi bersama oleh pihak Yam Tuan Muda di Riau yang tunduk kepada kemahuan Belanda. Ini menyebabkan hubungan pembesar Melayu dan Bugis berada dalam keadaan yang amat tidak selesa sedangkan Sultan di Lingga sering berada dalam dilema.

Tindakan Bendahara Tun Ali dilihat sebagai suatu kompromi yang terpaksa dilakukannya bagi menyelamatkan warisan Kesultanan Johor Lama. Dari perspektifnya, bukan sahaja perlantikan Sultan Abdul Rahman di Lingga lebih mengikut adat daripada perlantikan Sultan Husin itu, malahan jika dibandingkan dengan pihak Belanda, pihak British lebih keras dalam cita-cita untuk membuang terus peranan tradisi para pembesar Melayu dalam kerajaan Johor yang dipegangnya itu. Selain itu, Bendahara Tun Ali juga telah mengambil keputusan untuk menyelamatkan kerajaannya sendiri di negeri Pahang dari terseret ke kancah siasah Johor-Lingga serta mempertahankannya dari ancaman British yang mempunyai cita-cita besar terhadap negeri-negeri di Tanah Melayu itu.

Tun Ali telah melantik menantunya Engku Sayyid Omar Al-Attas sebagai Ketua Menteri Pahang. Anakandanya yang bernama Tun Ismail (Engku Buang) dijadikan Panglima Besar Chenor, Tun Koris, cucunya (putera sulung Tun Mutahir) menjadi Panglima Perang, Tun Aman (Wan Abdul Rahman, putera Tun Mutahir yang kedua) dan seorang lagi kerabat baginda yang bernama Tun Sulaiman dijadikan Menteri.

Bendahara Tun Ali dikurniakan sebelas orang anak daripada dua orang isteri. Perkahwinannya dengan seorang kerabat yang bernama Che Wan Ngah telah mendapat empat orang anak iaitu Tun (atau Wan)<sup>72</sup> Long, Tun Mutahir, Tun Ismail dan Tun Chik. Kemudian Tun Ali telah mengahwini seorang wanita dari Lingga yang hanya dikenali dalam sejarah sebagai Che Puan Lingga. Daripada perkahwinan ini baginda mendapat

---

<sup>71</sup> Ataupun tidak mengetahui langsung mengenai perjanjian tersebut seperti yang ditunjukkan oleh Tun Ali dalam suratnya kepada Sultan Mahmud Muzaffar dalam tahun 1855M.

<sup>72</sup> Keturunan bendahara-bendahara Pahang dikenali dengan gelaran susulan yang diletakkan di pangkal nama sebagai Tun atau Wan. Prediket Tun adalah mengenalkan diri dari keturunan keluarga bendahara dari zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor, semantara gelaran Wan mengenalkan diri dari keturunan Sayyid (cucu-cicit Rasulullah SAW) dari Aceh. Nenek moyang kepada bendahara Pahang, iaitu Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid adalah seorang Sayyid dari Kesultanan Aceh. Untuk keterangan lanjut mengenai nasab Tun Habib Abdul Majid, baca buku karangan penulis bertajuk '*Salasilah Tun Habib Abdul Majid*'.

anak-anaknya yang lain iaitu Tun Ahmad, Tun Timah, Tun Sunit, Tun Esah, Tun Andak, Tun Hassan dan Tun Mansur.

Negeri Pahang dalam masa pemerintahan Bendahara Ali tetap terlindung dari gejala siasah yang banyak onak dan durinya itu. Tun Ali dengan kerasnya tetap berpegang teguh pada pemerintahan mengikut sistem tradisi Melayu dan langsung tidak memberi peluang kepada pihak British untuk campur tangan dalam urusan pemerintahan negeri Pahang. Tun Ali sendiri menjadi saksi kepada keruntuhan kerajaan Johor Lama yang berprestij itu, kerana bagindalah Bendahara Johor yang pernah cuba menyelamatkan keadaan sebagaimana resam nenek moyangnya<sup>73</sup> apabila melihat siasah Yam Tuan Muda Raja Jaafar menjadi keterlaluan. Malangnya ikhtiar baginda dibantah oleh pihak British dengan kekuatan yang ada padanya sebagai suatu kuasa besar dunia. Tun Ali sedar racun yang dibawa oleh kuasa barat jika dibiarkan campur tangan dalam urusan hal ehwal orang Melayu boleh (dan telahpun) memudaratkan bangsa Melayu. Oleh itu Tun Ali sekali-kali tidak akan memberi ruang kepada mereka di bumi Pahang.

Pemerintahan Tun Ali yang berwibawa, pendiriannya yang tidak mahu ada kena mengena dalam siasah hebat yang melanda Kesultanan Johor dan Lingga, serta tidak memberi muka dan ruang langsung kepada penjajah British untuk campur tangan dalam hal-ehwal pentadbiran negerinya, telah menjadikan Pahang dalam keadaan aman dan makmur selama pemerintahannya sehingga kemangkatan baginda dalam tahun 1857M.

Dalam hal ini, walaupun Bendahara Tun Ali tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya membetulkan keadaan politik Johor yang kini takluk dalam cengkaman pihak British, namun mereka sedar akan kekuatan kedudukan tradisi Bendahara yang selama ini merupakan tunjang kekuatan Raja-Raja Melayu Melaka dan Johor. **Institusi Bendahara merupakan institusi yang bertanggungjawab memelihara corak pemerintahan tradisi orang-orang Melayu, oleh itu mengikut kacamata British, ia perlu dibinasakan.** Faktor ini menyebabkan pihak Kompeni Ingeris terus memerhatikan apa jua perkembangan yang berlaku di negeri Pahang dalam ikhtiarnya untuk mencari ruang memasukkan jarumnya yang bisa dan beracun itu ke dalam pentadbiran negeri tersebut. Bagi pihak British, selagi Institusi Bendahara masih tetap teguh berdiri di pusat pentadbirannya di Pahang, selagi itulah ia mampu menghalang cita-cita mereka untuk menjajah bumi Melayu dan memperkenalkan sistem pemerintahan bercorak barat pada negeri-negeri ini.

---

<sup>73</sup> Bendahara Seri Amar Diraja telah menolong menyelamatkan Kesultanan Melayu Melaka apabila nenda Sultan Abdul Syahid yang masih kecil itu (Raja Rokan, seorang Hindu) membolot kuasa untuk dirinya sendiri. Bendahara Tun Isap Misai pernah menyelamatkan keadaan apabila Raja Fatimah menuntut agar dilantik suaminya Raja Omar menjadi raja Johor kerana waris sultan masih kecil lagi. Bendahara Tun Perak, Tun Mutahir, Tun Jenal, semuanya pernah berjasa mempertahankan warisan Melayu dari ancaman pihak penjajah kafir. Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid pernah berkonfrontasi dengan Laksamana Paduka Raja yang cuba merosakkan adat dengan membolot kuasa daripada cunda tirinya Sultan Mahmud Shah II. Sultan Mahmud ini yang kemudiannya mangkat dalam peristiwa *Marhum Mangkat di Julang* juga telah menyebabkan Bendahara Tun Habib Abdul Jalil terpaksa ke tengah dan bermuafakat dengan para pembesar Melayu Johor untuk memperbetulkan keadaan, yang mana pembesar Melayu mengangkat Tun Abdul Jalil sebagai raja Johor kerana Sultan Mahmud tidak mempunyai waris.

### Adat Tradisi Raja-Raja Melayu Dalam Kemelut

#### *Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan Orde Melayu Lama*

Perjanjian Inggeris-Belanda yang dimeterai dalam tahun 1824M merupakan suatu 'anjakan paradigma' yang besar pada sistem politik tradisi orang Melayu dalam Kesultanan Johor Lama. Permuafakatan yang dibuat diantara Kompeni Inggeris dan Belanda untuk tidak bersaing serta menghormati kawasan pengaruh yang diagih-agihkan diantara mereka merupakan berita buruk kepada bangsa Melayu. Kalau dulu saingan ekonomi dan politik diantara kedua belah pihak ini digunakan secukupnya oleh kesultanan-kesultanan di rantau ini untuk mendapat faedah yang semaksima mungkin, namun kini mereka pula yang menjadi mangsa caturan serta agihan politik British-Belanda.

Dalam hal ini, golongan bangsawan Melayu dari resam orde lama hanya mampu membuat pendirian untuk tidak mengiktiraf perjanjian Inggeris-Belanda serta cuba meneruskan aturan tradisi Melayu dalam jajahan-jajahan Kesultanan Johor Lama itu. Namun realitinya tidak mudah dilakukan kerana bukan sahaja kesatuan pihak British dan Belanda yang ujud kini menyukarkan keadaan, faktor kemunculan bangsawan orde baru yang lebih cenderung bernaung di bawah pihak British sehingga sanggup membuang adat Melayu tradisi pula telah menyebabkan para pembesar Melayu kini berpecah belah. Pembesar Bugis pula telah lama menerima perjanjian Inggeris-Belanda secara hitam-putih, dan ini mengkalutkan lagi suasana. Keadaan yang sedia kalut menjadi lebih kusut kerana Sultan Johor yang sah bersemayam di Lingga yang kini di bawah pengaruh Belanda, sedangkan pembesar Melayu pula duduk di Johor dan Pahang yang diletakkan di bawah pengaruh British itu!

Dalam keadaan demikian, Bendahara Tun Ali tidak mempunyai banyak ruang untuk cuba menyusun serta memperkemaskan semula struktur pemerintahan kerajaan Johor Lama mengikut aturan tradisi, apatah lagi Tun Ali akur bahawa pendekatan 'ubat peluru' yang bila-bila masa sahaja boleh digunakan oleh pihak British mampu memburukkan lagi keadaan yang sudah sedia berclaru itu. Kalau para pembesar Melayu dan rajanya yang sah dalam keadaan berpecah-belah, bagaimana mahu mempertahankan sistem politik tradisi orang Melayu dari terus diganggu gugat oleh kesatuan pihak Inggeris-Belanda itu? Maka dalam keadaan demikian, jalan terbaik yang diikhtiarkan oleh Tun Ali ialah cuba menyelamatkan mana-mana saki-baki warisan kerajaan Johor Lama yang dapat dikutip dan meneruskan sistem tradisi orang Melayu di bumi Pahang yang pada masa itu masih selamat dari campur tangan British.

Dalam tahun 1831M, Yam Tuan Muda Raja Jaafar telah meninggal dunia. Tidak berapa lama selepas itu Sultan Abdul Rahman di Lingga pula telah mangkat dan digantikan oleh puteranya Tengku Muhammad yang bergelar Sultan Muhammad Shah.

Tidak seperti ayahandanya Al-Marhum Sultan Abdul Rahman yang akur pada dominasi Bugis sehingga memencilkan terus peranan Bendahara, Sultan Muhammad telah cuba mengembalikan pemerintahan di Riau mengikut aturan tradisi adat istiadat Melayu. Hasrat baginda ini jelas dilihat apabila selepas kemangkatan Raja Jaafar, Sultan Muhammad tidak bersegera melantik Yam Tuan Muda Riau yang baharu. Kemudian dalam tahun 1832M Sultan Muhammad telah menziarahi Pahang dan membawa Bendahara dan para pembesar Melayu yang lainnya ke Lingga bagi menyambut upacara berkhatan dan pertabalan anakanda baginda yang bernama Tengku Mahmud sebagai Raja Muda. Dalam majlis tersebut, Sultan Muhammad telah mengisytiharkan untuk *"menyerahkan negeri Lingga itu sekalian pemerintahan (kepada Bendahara), kerana begitu istiadatnya, apakala Dato' Bendahara datang dari Pahang, Yang Dipertuan menyerahkanlah negerinya sekalian hukum."*<sup>74</sup>

Dalam majlis itu juga putera Tun Ali yang bernama Tun Mutahir (atau Tun Muhammad Tahir)<sup>75</sup> telah dilantik sebagai Bendahara Muda dan dikahwinkan dengan puteri Sultan Abdul Rahman yang bernama Tengku Chik<sup>76</sup>. Upacara yang penuh adat istiadat ini membawa kepada perbincangan diantara Sultan Muhammad dengan kesemua para pembesar Melayu seperti Bendahara, Temenggong, Laksamana, Bentara Kiri dan Kanan, serta segala pegawai-pegawai negeri bagi bermuafakat mengerjakan segala hukum adat, faham, resam, dan hukum agama.

Malangnya ikhtiar Sultan Muhammad tidak sampai kemana kerana kerosakan yang berlaku dalam kerajaan Johor Lama telah meninggalkan bekas yang mendalam, apatah lagi perjanjian Ingeris-Belanda telah menyebabkan para pembesar Bugis terus meneruskan meneken Sultan Muhammad di Lingga yang di bawah pengaruh Belanda itu, untuk meleraikan hubungan tradisi dengan para pembesar Melayu di Johor dan Pahang yang kini berada di bawah pengaruh British. Para pembesar Bugis bimbang jika terdapat sebarang ikhtiar untuk menghubungkan semula ikatan tradisi diantara Sultan dengan para pembesar Melayu, ianya akan menyalahi perjanjian yang telah dibuat oleh Al-Marhum Yam Tuan Muda Raja Jaafar dengan pihak Belanda dalam tahun 1830M itu. Lebih mengusarkan mereka bahawa dalam tempoh dua tahun Sultan Muhammad masih belum mencari pengganti Al-Marhum Raja Jaafar. Oleh itu baginda terus dihimpit dan didesak oleh pembesar Bugis untuk melantik Yam Tuan Muda Riau yang baharu. Akhirnya dalam tahun 1833M barulah Sultan Muhammad melantik Raja Abdul Rahman sebagai Yam Tuan Muda Riau yang ke-tujuh.

---

<sup>74</sup> Di sini berkemungkinan menunjukkan bahawa Sultan Muhammad juga tidak mengetahui perjanjian yang dibuat diantara Raja Jaafar dengan pihak Belanda dalam tahun 1830M yang antara lainnya, Raja Jaafar bersetuju dengan perpecahan Pahang dan Johor daripada Kesultanan Riau-Lingga. Sekiranya Sultan Muhammad tahu mengenai hal ini, mengapa baginda cuba membawa kembali aturan tradisi Raja-Raja Melayu sedangkan Bendahara di Pahang sepatutnya (mengikut perjanjian Raja Jaafar-Belanda) sudah tidak ada kena mengena dengan Sultan Riau-Lingga, dan mengapa pula baginda tidak memaklumkan kepada anakanda baginda Sultan Mahmud (yang hanya mengetahui mengenai perjanjian tersebut sekitar tahun 1855M) ??

<sup>75</sup> Tun Mutahir lahir dalam tahun 1803M.

<sup>76</sup> Tun Mutahir telahpun mempunyai seorang isteri, iaitu Chik binti Sultan Ahmad Tajuddin dari Kedah.

Dalam tahun 1841M, Sultan Muhammad pula telah mangkat dan digantikan dengan anakanda baginda yang bernama Tengku Besar Mahmud. Tengku Mahmud yang berusia lapan belas tahun mendapat gelaran Sultan Mahmud Muzaffar Shah.

Lama sebelum kemangkatan Bendahara Tun Ali, iaitu dalam tahun 1847M baginda telahpun melantik Tun Mutahir sebagai gantinya menjadi Bendahara Johor Lama bergelar Seri Maharaja. Tun Ali menghabiskan usia persaraan baginda di istana Lamir yang didirikan dari zaman nenek moyang mereka warisan Kesultanan Melayu Melaka lagi. Dikatakan pada masa pemerintahan Tun Mutahir, para pembesar Pahang akan menghadap ke Ganchong, Lamir dan Kota Lama, iaitu istana lama yang merupakan salah sebuah tempat persemayaman baginda sebagai pengganti ayahandanya. Tok Mufti dan Tok Kadhi juga sering menghadap baginda untuk menyembahkan hukum syara' dan dengan para pembesar negeri sentiasa bermesyuarat mengenai hukum-hakam dan adat istiadat negeri. Tun Mutahir juga tetap menggunakan khidmat para pembesar tradisi yang merupakan orang kepercayaan ayahandanya seperti Ketua Menteri Pahang yang bernama Engku Sayyid Omar Al-Attas, Panglima Besar Chenor Tun Ismail serta Orang-Orang Kaya yang lainnya.


Dasar-dasar pemerintahan negeri yang telah diamalkan oleh Tun Ali tetap juga diteruskan oleh Tun Mutahir, contohnya seperti membuat hubungan diplomatik dengan pihak British tetapi tetap mengamalkan dasar tertutup, menjalin hubungan dengan semua Raja-Raja Melayu dalam peranannya sebagai Bendahara Johor, menjalankan urusan pentadbiran negeri yang sering memerlukan baginda mengunjungi kawasan-kawasan di merata jajahan negeri Pahang dan sebagainya. Sepanjang pemerintahan Tun Mutahir, negeri Pahang tetap juga terlindung dari siasah hebat yang melanda bumi Johor<sup>77</sup>.

Dalam tahun 1853M, dengan muafakat Tun Ali dan para pembesar Melayu Pahang, Bendahara Tun Mutahir telah mengisytiharkan negeri Pahang sebagai suatu kuasa autonomi. Pengisytiharan ini lebih dilihat sebagai suatu 'pengisytiharan semula' tentang kedudukan negeri Pahang yang telah dikurmiakan kepada keluarga bendahara semenjak zaman pemerintahan Bendahara Abdul Majid dahulunya itu. Ianya mungkin dibuat sebagai peringatan kepada pihak Sultan Mahmud dan Yam Tuan Muda di Lingga, bahawa walaupun secara adatnya Bendahara di Pahang tetap 'menyembah ke Lingga',

---

<sup>77</sup> Dalam melaksanakan urusan pemerintahan negeri, selain dibantu oleh Ketua Menteri dan beberapa menteri yang lainnya, Bendahara dibantu oleh Orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan dan Orang Besar Enam Belas.

## Salasilah Raja-Raja Bendahara Pahang



tetapi hakikatnya tanah Pahang adalah hakmilik peribadi keluarga Bendahara secara turun temurun dan merupakan kerajaan Raja Bendahara yang sah<sup>78</sup>

Tun Mutahir mempunyai tiga orang isteri, iaitu puteri sultan Kedah yang bernama Tengku Chik binti Sultan Ahmad Tajuddin II Halim Shah (gambar kiri) dan dua orang puteri dari kesultanan Lingga yang bernama Tengku Kechik binti Sultan Abdul Rahman dan Tengku Chik binti Sultan Muhammad. Daripada ketiga-tiga isteri baginda, Tun Mutahir memperoleh 9 orang anak iaitu Tun Koris, Tun Abdul Rahman (atau Tun Aman), Tun Da, Tun Osman, Tun Abdullah, Tun Mohamad, Tun Ngah, Tun Nit dan Tun Chik.



### *Temenggong Ibrahim melawan Tengku Ali*

Selepas kemangkatan Sultan Husin dalam tahun 1835M, puteranya Tengku Ali telah dilantik oleh kaum kerabat dan para pengikutnya sebagai pengganti Al-Marhum. Perlantikan Tengku Ali sebagai Sultan Johor diiktiraf oleh British hanya dalam tahun 1840M. Bagaimanapun pihak British tidak menganggap Tengku Ali sebagai pemerintah Johor yang berdaulat yang menggantikan Al-Marhum ayahandanya itu, hanya bagi memastikan urusan harta pusaka peninggalan Sultan Husin dahulu dapat diagihkan diantara waris baginda tanpa pertikaian.

Temenggong Abdul Rahman pula mangkat dalam tahun 1825M di Telok Belanga, Singapura dan digantikan dengan puteranya Temenggong Ibrahim. Mengikut perjanjian yang telah dibuat oleh pihak Kompeni Inggeris dengan Al-Marhum Temenggong Abdul Rahman dalam tahun 1824M, pihak British tidak diwajibkan membayar wang pencen kepada warisnya, tetapi oleh kerana menurut pertimbangan mereka Al-Marhum belum pun lama menerima bayaran pencen lalu ditakdirkan mangkat, maka patutlah Temenggong yang baharu itu menerima wang pencen tersebut.

<sup>78</sup> Pengisytiharan tersebut berlaku sejurus selepas peristiwa penyerahan semula tanah besar Johor oleh Tengku Ali kepada Sultan Mahmud di Lingga dalam tahun 1852M. Bendahara (Tua) Tun Ali dan Bendahara Tun Mutahir merasakan perlu untuk mengingatkan Sultan Mahmud bahawa status tanah Johor tidak sama dengan status tanah Pahang. Tanah Pahang adalah tanah kurnia kepada keluarga Bendahara turun temurun sedangkan tanah Johor tidak pernah dikurniakan oleh mana-mana sultan Johor kepada keturunan Temenggong, mereka hanya menjadi pentadbirnya sahaja. Dalam surat Tun Ali pada Sultan Mahmud dalam tahun 1855M, Tun Ali menyatakan bahawa menurut peraturan orang tua-tua zaman dahulu, tanah Johor dan pulau-pulau di bawahnya adalah 'milik mana-mana sultan Johor yang memerintah dan tiada boleh orang lain mengambilnya kecuali dengan jalan kurnia'. Ini jelas menunjukkan sehingga tahun 1855M, tanah Johor masih tetap kepunyaan Sultan Johor. Dalam hal ini adalah tidak tepat untuk mengandaikan bahawa Pahang menuntut 'kemerdekaan penuh' dalam tahun 1853M kerana dalam adat Melayu, tanah kerajaan hanya boleh didapati dengan jalan kurnia, yang mana pihak yang mendapat kurnia tetap bertuan pada raja yang mengurniakan tanah tersebut sedangkan tanah tersebut kini menjadi milik peribadi keluarga dan keturunannya. Itulah sebabnya Tun Mutahir hanya bergelar Raja Bendahara (bertaraf Raja Kechil) dan bukan berpangkat 'Sultan' sehingga akhir hayat baginda dalam tahun 1863M..

Perlantikan Temenggong Ibrahim pada awalnya tidak diakui oleh Bendahara Tun Ali kerana tindakan Al-Marhum ayahandanya Temenggong Abdul Rahman yang menjadi salah satu pihak yang terlibat menggadai Singapura pada kerajaan British tidak dapat diterima oleh para pembesar Melayu<sup>79</sup>. Bagaimanapun dengan desakan British, pada tahun 1841M Tun Ali akhirnya bersetuju untuk merasmikan perlantikan Temenggong Ibrahim dalam suatu majlis yang diadakan di Telok Belanga, Singapura. Bagaimanapun, Tun Ali tetap berpendirian bahawa Temenggong Ibrahim mesti bertuan kepada kesultanan di Lingga dan bukan di Johor<sup>80</sup>. Sejurus selepas itu, Temenggong Ibrahim telah menghadap Sultan Lingga dan diraikan bagi menunjukkan pengiktirafan baginda kepada perlantikannya.

Bagaimanapun, Temenggong Ibrahim kemudiannya telah mula memasang cita-cita untuk menjadi pemerintah Johor kerana merasakan perpecahan Kesultanan Johor Lama telah meletakkannya pada satu kedudukan yang unik. Temenggong Ibrahim berpendapat bahawa pendirian British yang meletakkan Al-Marhum ayahandanya setara 'pemerintah bersama' dengan Al-Marhum Sultan Husin dalam perjanjian tahun 1824M telah membuka satu peluang baginya untuk kini bersaing dengan Tengku Ali sebagai pemerintah Johor yang 'sah' dalam pandangan mata pihak British. Malahan pihak tertinggi Kompeni Inggeris juga menggalakkan persaingan Temenggong Ibrahim itu. Apatah lagi Temenggong Ibrahim cukup dihormati dan mempunyai hubungan yang akrab dengan pegawai-pegawai British seperti Gabenor Negeri-Negeri Selat, iaitu W.J Butterworth dan Residen Konsular Singapura yang bernama Thomas Church. Hasratnya itu disokong pula oleh para pedagang tempatan dan asing di Singapura.



Sedangkan Tengku Ali (gambar kiri) dianggap sebagai seorang yang berperibadi lemah dan tidak cekap. Kebetulan pula baginda gemar berhutang piutang di sana sini sehingga menjejaskan mertabatnya. Hasrat Tengku Ali untuk menggantikan ayahandanya sebagai pemerintah negeri Johor yang 'berdaulat' hanya disokong oleh seorang rakan baiknya yang bernama W.H Read, seorang saudagar British yang terkenal. W.H Read merupakan ahli tidak rasmi dalam Majlis Undangan Negeri-Negeri Selat dan Pengerusi Dewan Perniagaan Singapura. W.H Read menjadi penasihat dan menyimpan mohor Tengku Ali dan pernah cuba menolok baginda mendapatkan 'daulatnya' sebagai raja Johor.

Dalam ikhtiar baginda untuk mendapatkan pengiktirafan British sebagai raja Johor yang 'sah' itu, Tengku Ali telah beberapa kali mengirim surat kepada pihak mereka. Malangnya setiap kali pula permintaannya ditolak. Dalam

<sup>79</sup> Dalam adat Melayu, pemberian tanah hanya boleh dibuat oleh Sultan dalam bentuk kurnia. Oleh kerana Sultan Husin tidak diakui kesahihannya sebagai raja, maka tindakan baginda menjual Singapura kepada British dianggap sebagai suatu pengkhianatan kepada Kesultanan Johor yang berpusat di Lingga itu.

<sup>80</sup> Surat persendirian Sultan Baginda Omar, SP 6/17, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Untuk teks penuh, sila lihat Lampiran IV dalam buku ini



hal ini, walaupun pihak British menyekat Bendahara Tun Ali dari 'mencampuri' hal ehwal kesultanan di Lingga dan Johor, namun ia tetap akur tentang peranan tradisi Bendahara dalam kerajaan Johor Lama sebagai 'King Maker'. Pendirian Tun Ali untuk tidak mahu mengiktiraf Sultan Husin sebagai raja Johor dahulunya telah digunakan oleh pihak British untuk menolak permintaan Tengku Ali dengan mengatakan bahawa pihak Bendahara dan Temenggong Ibrahim (gambar bawah) sudah tentu tidak akan mengiktiraf tuntutan itu.

Dalam hal ini Gabenor Kenneth Murchison di Singapura telah menyatakan bahawa cadangan sesetengah pihak untuk menyokong perlantikan Tengku Ali sebagai raja Johor ialah: " ....inginkan keluarga itu (keluarga Tengku Ali) secepat mungkin bertukar menjadi penerima gaji yang tidak bergelar. Al-Marhum ayahandanya dahulu pun tidak



pernah diakui oleh negeri-negeri Melayu yang lainnya sebagai sultan Johor, dan juga tidak pernah menikmati apa-apa hasil di negeri Johor dan tidak pernah menjalankan sebarang kegiatan politik di situ. Al-Marhum itu memang telah diisytiharkan sebagai sultan oleh pihak Inggeris, tetapi itu kerana ada muslihat tertentu, dan sekarang tidak mempunyai alasan untuk mengiktiraf putera Al-Marhum yang hanya bergelar tetapi tidak mempunyai tugas.<sup>81</sup>

Setelah bertahun-tahun menjadi seperti 'menunggu buah yang tidak gugur', maka akhirnya dalam keadaan yang benar-benar terdesak dan demi mendapatkan perhatian Gabenor British, maka dalam bulan April tahun 1852M, Tengku Ali telah bertolak ke Lingga menemui Sultan Mahmud. Pemangku Gabenor Blundell di Singapura telah menerima maklumat daripada Gabenor Jeneral Belanda di Betawi yang mengatakan bahawa Tengku Ali sedang berada di Lingga dan telah menyerahkan hak-haknya ke atas Singapura (maksudnya Johor) kepada Sultan Mahmud Muzaffar Shah<sup>82</sup>. Gabenor Blundell merasa cemas dengan perkembangan terbaharu itu dan bergegas memanggil balik Tengku Ali ke Singapura dengan ancaman untuk menahan gajinya. Tengku Ali pun pulang ke Singapura.

Tindakan Tengku Ali di Lingga benar-benar telah membimbangkan pihak Kompeni Inggeris dan Temenggong Ibrahim yang tidak mahu Kesultanan Johor Lama terdiri semula. Apatah lagi semenjak peristiwa tersebut, Sultan Mahmud mulai kerap berkunjung ke Singapura dan berjumpa dengan Tengku Ali. Pertalian Tengku Ali dengan Sultan Mahmud adalah berpangkat ayahanda saudara sepupu. Kebetulan pula pada waktu itu Sultan Mahmud selalu berselisih faham dengan pihak Yam Tuan Muda Riau. Oleh itu pihak British mengesyaki bahawa Sultan Mahmud dan Tengku Ali telah berkomplot untuk menegakkan semula Kesultanan Johor Lama di bawah takluk Lingga. Kemungkinan juga Sultan Mahmud telahpun menganggap Johor telah dikembalikan kepada Lingga yang di bawah pemerintahannya itu.

<sup>81</sup> Hj Buyong Adil, op. cit, hlm 211-212

<sup>82</sup> Di sini juga boleh diandaikan bahawa kebanyakan bangsawan Melayu tidak mengetahui tentang kejudan perjanjian Inggeris-Belanda yang dibuat dalam tahun 1824M itu.

Tengku Ali yang melihat respon yang ditunjukkan pihak British terhadap tindakannya 'berkomplot' dengan Sultan Mahmud telah menggunakan 'pertaruhan' barunya itu untuk mendapatkan apa yang dituntutnya selama ini. Maka dalam tempoh tiga tahun berikutnya, berlakulah tawar menawar diantara pihak Tengku Ali, Temenggong Ibrahim dan Kompeni Inggeris. Dalam hal ini Tengku Ali langsung tidak mempedulikan hakikat bahawa ia telahpun menyerahkan Johor-kembali pada Sultan Mahmud sebelum itu.

Hasil daripada rundingan dan tawar menawar itu, maka pada 10hb March tahun 1855M, Tengku Ali telah membuat suatu perjanjian bersyarat dengan Temenggong Ibrahim. Dalam perjanjian tersebut, Tengku Ali telah menyerahkan kuasa pemerintahan Johor (kecuali daerah Kesang) kepada Temenggong Ibrahim dengan syarat baginda dibayar wang pampasan dan pencen serta pihak British dapat mengiktiraf baginda dan anak cucunya memakai gelaran 'Sultan'.

Perjanjian tersebut berbunyi seperti berikut :

*" Adalah Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah ibni Sultan Hussin Muhammad Shah pada dirinya sendiri sampai keturunannya atau waris gantinya adalah di dalam surat ini ada menyerahkan dengan sepenuh-penuh kerajaan dan haknya kepada Dato' Temenggong Daeng Ibrahim Seri Maharaja ibni Dato' Temenggong Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya selama-lamanya ialah semuanya tanah daerah takluk Johor itu melainkan tanah Kesang yang kemudiannya lagi disebutkan di dalam surat ini. "*

Majlis menandatangani perjanjian tersebut dihadiri oleh para diplomat, pegawai tinggi kerajaan Inggeris dan orang kenamaan Singapura dan Johor. Gabenor Butterworth yang menyaksikan majlis itu memberi komen : *" Kalaulah orang besar ini (sambil menunjuk kepada patung Raffles yang tersergam dalam dewan itu) dapat melihat apa yang diselesaikan pada hari ini, tentulah beliau sangat suka. "*

Dengan termeterainya perjanjian 1855M diantara Tengku Ali dengan Temenggong Ibrahim, maka terserahlah 'daulat' kerajaan Johor kepada Temenggong Ibrahim. Bagaimanapun, perjanjian tersebut dikecam hebat oleh Raja-Raja Melayu kerana terang-terang telah melanggar batasan adat.

Susulan daripada peristiwa tersebut, Sultan Mahmud di Lingga telah menulis surat kepada Bendahara Tun Ali menuntut penjelasan darinya mengenai perkembangan yang berlaku di Singapura. Sultan Mahmud beranggapan bahawa Johor telahpun diserahkan kembali kepada kerajaan di Lingga menurut persetujuan Tengku Ali yang dibuat dalam tahun 1852M itu, mengapa pula secara tiba-tiba diserahkan pula kepada Temenggong Ibrahim sebagai pemerintahnya? Dan bagaimana pula Tengku Ali boleh menjadi Sultan Johor dengan tidak mengikut adat sebagaimana ayahandanya dahulu? Tun Ali yang tidak tahu menahu mahupun diajak berunding oleh mana-mana pihak mengenai perkara tersebut telah menjelaskan pendirian baginda mengenai hal ini; iaitu sebagai Bendahara, Tun Ali tidak meredhakan perkara yang menjolok mata itu berlaku kerana terang-terang telah mengkhianati batasan adat Melayu. Tun Ali seterusnya memaklumkan bahawa

dalam aturan adat Melayu, tanah yang berada dalam jajahan Johor adalah hak Sultan yang mewarisi Kesultanan Johor Lama dan tidak boleh diambil orang lain, kecuali dengan jalan kurnia<sup>83</sup>.

Dari surat ini jelaslah bahawa tindakan Tengku (Sultan) Ali menjual tanah dan kedaulatan Johor kepada Temenggung Ibrahim merupakan tindakan yang tidak sah di sisi adat Melayu.

### *Pemakzulan Sultan Mahmud di Lingga*

Belum pun pulih kekejutan raja-raja dan orang-orang Melayu terhadap peristiwa penyerahan kedaulatan tanah Johor kepada Temenggong Ibrahim yang dilakukan Tengku (Sultan) Ali itu, sekali lagi Tanah Melayu dikejutkan, kali ini dengan tragedi pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar Shah di Lingga dalam tahun 1857M.

Perkembangan di Lingga ini ada kaitan dengan sikap Sultan Mahmud yang kurang disenangi oleh kaum kerabat baginda. Semenjak kunjungan Tengku (Sultan) Ali dalam tahun 1852M atas urusan penyerahan kembali tanah besar Johor pada Sultan Mahmud sebagai Sultan Johor yang sebenar, baginda amat gemar mengunjungi Singapura dan bersosial dengan para pedagang Eropah di situ. Akibatnya Sultan Mahmud bukan sahaja mula menggemari cara hidup kebaratan, malahan sikap baginda yang tidak mahu bermuafakat dengan para pembesarnya serta melewakan urusan pemerintahan negeri<sup>84</sup> telah mengganggu kelicinan pentadbiran negeri.

Kekerapan Sultan Mahmud mengunjungi Singapura telah menimbulkan kebimbangan para pembesar Bugis di Riau. Yam Tuan Muda (VIII) pada waktu itu yang bernama Raja Ali mempunyai hubungan baik dengan pihak Belanda dan melihat tindak-tanduk Sultan Mahmud itu berpotensi mencetuskan konflik dengan pihak British dan Belanda. Raja Ali tidak bersetuju dengan penyatuan semula wilayah Johor dan Lingga sebagaimana dahulu kerana dari perspektif pembesar Bugis, Johor bukan lagi berada dalam kuasa mereka. Susulan darinya, Raja Ali telah mendesak Sultan Mahmud untuk memperbaharui persetiaan Melayu-Bugis<sup>85</sup> yang diharapkan dapat menyekat cita-cita Sultan Mahmud untuk menyatukan kembali Kesultanan Johor Lama serta dapat mengubah sikap baginda yang tidak mahu mendengar kata penasihat-penasihat baginda itu

Selepas diperbaharui persetiaan Melayu-Bugis itu, Sultan Mahmud dikatakan telah kembali menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemerintah dengan mengikut muafakat para pembesar negeri seperti sedia kala.

---

<sup>83</sup> Surat persendirian Sultan Baginda Omar, SP 6/17, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Untuk teks penuh, sila lihat Lampiran IV dalam buku ini

<sup>84</sup> Rujuk Virginia Matheson, op. cit, hlm 432-447

<sup>85</sup> Virginia Matheson, op. cit, hlm 425. Perjanjian ini merupakan kali ketiga dibuat semenjak perjanjian pertama dalam tahun 1722M.

Bagaimanapun perubahan sikap ini tidak dapat dikekalkan. Dalam bulan Jun tahun 1857M, sekali lagi berlaku persengketaan diantara Sultan Mahmud dengan para pembesar Bugis yang menjadi penasihat baginda dalam kerajaan Riau-Lingga<sup>86</sup> di waktu itu. Persengketaan ini berpunca daripada isu perlantikan Yam Tuan Muda Riau yang baharu selepas kemangkatan Yam Tuan Muda Raja Ali di Pulau Penyengat, Riau.

Sultan Mahmud berhasrat untuk melantik menantu baginda Raja Muhammad Yusuff sebagai Yam Tuan Muda yang berikutnya. Raja Muhammad Yusuff merupakan anakanda kepada Al-Marhum Yam Tuan Muda Raja Ali. Bagaimanapun, para pembesar Riau lebih suka melantik Raja Haji Abdullah (Engku Hj Muda) yang merupakan saudara kepada Al-Marhum Raja Ali itu. Perbincangan diantara kedua belah pihak menemui jalan buntu apabila Raja Muhammad Yusuff tidak mahu melangkaui ayahanda saudaranya Raja Abdullah untuk menjadi Yam Tuan Muda Riau sedangkan Sultan Mahmud tetap berkeras mahu melantiknya.

Menurut *Tuhfat An-Nafis*, para pembesar Bugis lebih suka memilih Raja Abdullah berdasarkan empat perkara, iaitu; Pertama, Raja Abdullah memang sudah lazim dengan pekerjaan kerajaan. Kedua; Raja Abdullah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang adat istiadat dan hukum syariat. Ketiga; Selagi Raja Abdullah masih hidup, tiadalah sesiapa yang mahu menjadi Yam Tuan Muda kerana semua sepakat bahawa ia paling layak. Keempat; Residen Riau telah mengingatkan pembesar Bugis mengenai perjanjian yang telah dimeterai diantara pihak Belanda dengan Sultan Abdul Rahman (lebih tepat merujuk kepada Raja Jaafar) dahulunya, iaitu perlantikan Yam Tuan Muda Riau perlu mendapat restu Belanda<sup>87</sup>.

Oleh sebab kedua-dua pihak pembesar Bugis dan Sultan Mahmud tidak mahu mengalah, masalah penggantian Yam Tuan Muda telah tergantung untuk beberapa bulan lamanya. Susulan darinya, Sultan Mahmud yang kecewa di atas kekusutan pemilihan Yam Tuan Muda telah mengambil keputusan belayar ke Singapura untuk menghilangkan kerunsingan baginda. Sebelum baginda berangkat, Sultan Mahmud sekali lagi telah diingatkan oleh Residen Riau untuk membuat keputusannya, kerana urusan pemerintahan negeri telah terbantut. Bagaimanapun, Sultan Mahmud tetap berdegil dan meneruskan hasratnya untuk ke Singapura dalam keadaan yang meruncing itu.

Semasa di Singapura inilah Residen Riau telah memanggil Raja Abdullah dan memaklumkan bahawa pihak Belanda telah menurunkan Sultan Mahmud dari takhta negeri. Keputusan ini begitu memeranjatkan para pembesar Bugis, lalu mereka bersegera membuat beberapa permintaan kepada Residen Riau, iaitu : "*Pertama, jangan hilang nama dan adat istiadat kita. Kedua, pertolongan geberman kepada Raja Abdullah itu berkekalan membantu daripada tiap-tiap kesusahan di belakangnya. Ketiga, luput nama*

---

<sup>86</sup> Walaupun Sultan Mahmud tetap dianggap sebagai Sultan Johor-Pahang-Riau-Lingga yang sah dan yang sebenar pada masa itu, namun secara realitinya persempadanan pengaruh Inggeris-Belanda menyukarkan keadaan, dan baginda kini lebih menjadi Sultan Riau-Lingga dari Sultan Johor Lama.

<sup>87</sup> Perjanjian yang mencantas terus peranan tradisi Bendahara kini benar-benar teruji dalam peristiwa pemakzulan Sultan Mahmud dan hal penggantian Raja Johor yang baharu.

*kita daripada perkataan segala raja-raja dinamakan orang (yang) derhaka<sup>88</sup> atau belot, kerana pekerjaan itu perbuatan geberman Belanda.*"

Selepas memberikan persetujuan pada syarat tersebut, maka Residen Riau pun melantik Raja Abdullah sebagai Yam Tuan Muda Riau yang ke sembilan menggantikan Al-Marhum Raja Ali, dan memintanya mencari pengganti raja yang baru. Raja Abdullah terus berjumpa dengan Tengku Sulaiman, putera Al-Marhum Sultan Abdul Rahman Shah dan ayahanda saudara kepada Sultan Mahmud yang telah diturunkan daripada kerajaan itu, lalu memintanya menjadi sultan yang berikutnya. Setelah mendapat persetujuannya dan dengan restu Belanda, maka Tengku Sulaiman pun diangkat menjadi Sultan Riau-Lingga yang seterusnya bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II (1857-1883M).

Berita pemakzulan Sultan Mahmud oleh pihak Belanda telah menggemparkan Tanah Melayu kerana dalam sejarah Kesultanan Johor Lama, kali terakhir rajanya dibuang secara paksa ialah di zaman Sultan Mahmud Shah II dalam tahun 1699M yang dibunuh angkara kezaliman baginda membunuh isteri pembesar negeri yang sedang sarat mengandung.

Mengikut riwayat *Tuhfat An-Nafis*, para pembesar Bugis yang cuba menyelamatkan keadaan yang gempar dengan pemasyuran berita tersebut telah berpakat untuk menabalkan perlantikan Sultan Sulaiman mengikut aturan tradisi. Maka salah seorang pembesar Bugis yang bernama Raja Ali Haji pun diberi mandat melafazkan tauliah yang berbunyi:

*"Adalah patik semua setengah daripada ahlul-wal akad mentauliahkan serta melahirkan yang Duli Tuanku (Yang Mulia) menjadi raja di dalam negeri Riau dan Lingga dengan segala takluk daerahnya, yang bergelar (Seri Paduka) Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Serta patik semua harapkan Duli Yang Mulia mengikut titah Allah Taa'ala serta RasulNya seperti yang di dalam Qur'an al 'azim dan seperti hadeeth Sayyid al-Mursalin."*

### ***Belanda menjajah Kesultanan Riau-Lingga***

Sejurus selepas perlantikan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II sebagai Sultan Riau-Lingga, suatu lagi perjanjian telah dibuat diantara pihak Sultan dengan pihak Belanda. Tidak seperti perjanjian terdahulu yang dibuat dua kali di zaman pemerintahan Al-Marhum ayahandanya Sultan Abdul Rahman dengan pihak Belanda, yang mana Sultan

<sup>88</sup> Mengikut adat Melayu, perlu ada muafakat Raja dan pembesar Melayu mengenai urusan perlantikan seseorang pembesar. Lazimnya, jawatan warisan yang mengikut aturan adat terus sahaja diikuti oleh kedua-dua pihak dalam hal penggantian seorang pembesar Melayu. Jawatan kurnia (bukan jawatan warisan, tetapi tetap ada aturannya) pula dibuat oleh pihak Sultan yang mana pembesar Melayu hanya menurut sahaja. Dalam hal perlantikan pengganti Yam Tuan Muda, para pembesar Bugis bimbang bahawa Raja-Raja Melayu dan pembesar Melayu akan menuduh mereka menderhaka kepada raja (yang mengikut adat merupakan suatu kesalahan besar) kerana tidak mahu menurut kemahuan Sultan Mahmud. Oleh itu mereka telah meminta pihak Belanda mengambil tanggungjawab diatas tindakannya memakzulkan Sultan Mahmud akibat pertentangan diantara pembesar Bugis dengan Sultan Mahmud dalam perkara tersebut.

Abdul Rahman menjadi pihak yang pasif dalam hal perjanjian tersebut, tetapi pada kali ini Sultan Sulaiman Badrul Alam menjadi pihak yang sama berperanan secara aktif dalam mengemudi halatuju kerajaannya yang baru mengalami suatu kejutan besar dalam peristiwa pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar itu.


Antara intisari perjanjian yang ditandatangani pada 1hb Disember tahun 1857M ialah seperti berikut<sup>89</sup>;

- i. Kerajaan Lingga dan Riau serta takluknya mengakui ketuanan kerajaan Belanda (Fasal Pertama)
- ii. Perjanjian sumpah setia secara bertulis kepada Raja Belanda dan Gabenor Jeneral di Betawi hendaklah dilakukan oleh bakal Sultan Riau-Lingga yang baharu sebelum ditabalkan secara resmi. Baginda juga perlu mendapat restu Belanda dalam urusan perlantikan Tengku Besar, iaitu bakal pengganti Sultan. (Fasal Kedua Puluh Sembilan)
- iii. Perlantikan mana-mana Sultan Riau-Lingga perlu mendapat persetujuan dan restu kerajaan Belanda (Fasal Ketiga Puluh Tiga)
- iv. Diperkukuhkan mertabat Yam Tuan Muda Riau sebagai Mangkubumi yang menjadi Raja Muda. Maka Raja Muda itu akan dipilih daripada keturunan Raja-Raja Bugis dengan didahulukan anak cucu Al-Marhum Raja Jaafar. Sultan juga diminta berjanji untuk menyerahkan hal pemerintahan negeri kepada Raja Muda, dan tidak boleh bermuafakat dengan pihak lain mengenai urusan pentadbiran, serta tidak boleh orang lain mencampuri hal pemerintahan mahupun berunding dengan pihak Sultan di luar pengetahuan Yam Tuan Muda. (Fasal Ketiga Puluh Satu)

**Perjanjian yang ditanda tanda tangani secara resminya dalam suatu majlis yang dibuat di istana Yam Tuan Muda Riau di Pulau Penyengat ini secara resminya meletakkan status kerajaan Belanda kepada mertabat penjajah bagi Kesultanan Riau-Lingga.** Perjanjian ini ditandatangani oleh Fredick Nicholas Johannes yang berpangkat Residen Riau, Herman Theodore Frederick Karel William Van Der Wal yang berpangkat Penolong Residen, Sultan Sulaiman Badrul Alam dan Yam Tuan Muda Raja Abdullah.

---

<sup>89</sup> Untuk rujukan lanjut mengenai perjanjian ini, baca A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, hlm 160-173



Gambar surat perjanjian yang dibuat diantara Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II, Yam Tuan Muda Raja Haji Abdullah dengan pihak Belanda pada tahun 1857M.

Dengan termeterainya perjanjian ini, maka luputlah kedaulatan Kesultanan Riau-Lingga. Malahan struktur pentadbiran negeri telah diatur semula yang tidak lagi mencerminkan tradisi pemerintahan Kesultanan Johor Lama warisan Melayu Melaka itu. Dalam ketentuan jawatan dan tugas, termaktub fasal yang berikut (hal pengagihan kuasa):

“ Yang pertama, Seri Paduka Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah serta Paduka Yang Dipertuan Muda, Sultan Alauddin Shah<sup>90</sup>, menjadikan wazir yakni menteri empat orang. Pertama; Penggawa; kedua, Panglima Perang; ketiga, Panglima Dalam; keempat Syah Bandar. Adapun di atas empat orang wazir itu, iaitu seorang wazir pula, gelarannya

<sup>90</sup> Gelaran lain bagi jawatan Yam Tuan Muda Riau

*Dato' Tua. Kemudian menjadikan pula pegawai empat orang; gelarannya- Imam; Khatib; Bilal; Noja.. Maka di atas empat orang itu, seorang Kadhi.*<sup>91</sup>

### ***Perlantikan Sultan Sulaiman II melanggar adat Melayu***

Perlantikan Sultan Sulaiman II sebagai sultan Riau-Lingga merupakan suatu titik hitam dalam sejarah pemerintahan raja-raja Johor kerana buat pertama kalinya, para pembesar Melayu tradisi termasuklah Bendahara Pahang langsung tidak dimasukkan dalam muafakat memilih raja. Walaupun pada masa itu Kesultanan Johor Lama telah berpecah dua dan pihak Yam Tuan Muda Riau mengambil keputusan untuk tunduk pada kemahuan British-Belanda, namun para pembesar dan Raja-Raja Melayu yang lainnya tidak mahu mengiktiraf perpecahan tersebut dan tetap menganggap sultan-sultan di Lingga itulah sultan-sultan Johor Lama yang sah sehingga di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Muzaffar Shah yang baru dimakzulkan itu

Walaupun perjanjian Inggeris-Belanda yang dibuat dalam tahun 1824M itu dianggap mengikat dari perspektif kerajaan Inggeris dan Belanda, namun bukan sahaja ianya tidak dimasyurkan secara rasminya kepada kebanyakan dari Raja-Raja Melayu pada masa itu<sup>92</sup>, malahan tidak ada sebab bagi Raja-Raja Melayu yang hampir kesemuanya masih berdaulat, mahupun para pembesar Melayu tradisi untuk akur kepada perjanjian tersebut kerana mereka tidak pernah di rujuk atau memberikan persetujuan pada perjanjian yang dibuat di London itu!!

Sultan-sultan yang selama ini bersemayam di Lingga mengikut adatnya adalah pemerintah-pemerintah yang berdaulat bagi orang Melayu dalam empayar Johor, dan masih tetap memegang mandat itu walaupun selepas termeterainya perjanjian Inggeris Belanda yang tidak pernah diakui oleh orang Melayu itu. Bagaimanakah kini perlantikan dan pertabalan seorang Raja Melayu tidak langsung dirujuk kepada pembesar Melayu seperti adatnya turun temurun??

Perkembangan yang berlaku di Lingga telah meletakkan Bendahara Tun Mutahir dalam dilema. Selama ini mengikut aturan adat Melayu, yang melantik Yam Tua Muda Riau adalah Rajanya atau Bendaharanya dan perlantikan raja Johor pula dibuat oleh Bendahara dengan permuafakatan para pembesar Melayu-Bugis (iaitu semenjak zaman Sultan Sulaiman I dalam tahun 1722M). Bagaimanapun, kali ini keadaannya amat berbeza. Pertamanya, sebagai seorang Bendahara yang masih memegang peranan tradisi, Tun Mutahir mahupun para pembesar Melayu yang lain tidak langsung dirujuk dalam hal pemakzulan Sultan Mahmud. Keduanya, baginda dan para pembesar Melayu juga tidak

---

<sup>91</sup> A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, op-cit, hlm 248-251

<sup>92</sup> Ini terbukti apabila Sultan Mahmud pernah mengirim sepucuk warkah kepada Bendahara Tun Ali dalam tahun 1855M bertanyakan samada Tun Ali mempunyai maklumat mengenai hal perjanjian Inggeris Belanda itu. Tun Ali menjawab bahawa baginda tidak mengetahui tentang isi perjanjian tersebut kerana tidak dimasukkan dalam rundingan. Ini menunjukkan bahawa setelah lebih 30 tahun perjanjian tersebut dibuat, ianya masih di luar pengetahuan Raja-Raja dan pembesar Melayu.



diminta permuafakatan dalam urusan perlantikan dan pertabalan Sultan Sulaiman seperti adatnya.

Walaupun sebelum ini para pembesar Bugis mendominasi urusan perlantikan raja-raja Johor semenjak zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam I dahulunya dan pembesar Melayu seringkali terpaksa mengalah dengan mereka, namun permuafakatan para pembesar Melayu tidak pernah dibuang terus. Namun kali ini, keadaannya amat berlainan sekali. Hakikatnya, para pembesar Bugis yang bersekongkol dengan pihak Belanda dalam urusan perlantikan seorang Raja Melayu tanpa langsung mengambil kira persetujuan Bendahara dan pembesar Melayu yang lainnya bukan sahaja merupakan pengkhianatan kepada orang-orang Melayu, tetapi juga telah menyalahi aturan adat istiadat perlantikan Raja-Raja Melayu.

Pendirian Tun Mutahir sebagai seorang Bendahara dalam kerajaan Johor Lama ini kemudiannya dizahirkan pada chop mohor baginda (gambar bawah).

Dalam surat-surat rasmi, Tun Mutahir mengenalkan dirinya sebagai *'Al-Wakil As-Sultan Yang Sah, Dato' Bendahara Seri Maharaja'*. Ini jelas membuktikan bahawa Tun Mutahir telah dengan tegasnya mengisytiharkan bahawa pertabalan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II sebagai Raja Johor dengan segala jajahan takluknya adalah tidak sah kerana telah melanggar aturan adat istiadat Raja-Raja Melayu.



**Maka kalau Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah I dahulu buat pertama kalinya terakam dalam sejarah sebagai seorang Raja Johor yang bukan dari darah gahara, maka Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II pula buat pertama kalinya menjadi Raja Johor yang tidak sah kerana perlantikan baginda langsung tidak dimasukkan permuafakatan serta persetujuan para pembesar Melayu termasuklah Bendahara di Pahang.**

**BAHAGIAN KEDUA :**

**PERANG BENDAHARA PAHANG**

## Perang Pahang Peringkat Pertama

### *Surat wasiat Tun Ali*

Dalam masa pemerintahan Bendahara Tun Mutahir di Pahang, pada 1hb Oktober 1856M ayahndanya Tun Ali telah menulis sepucuk surat wasiat<sup>93</sup> (gambar di bawah kiri). Dalam surat tersebut yang dicop dengan cop mohor Tun Ali dan tertera juga persaksian sembilan Orang-Orang Besar Pahang termasuklah Ketua Menterinya Engku Sayyid Omar, Tun Ali telah membuat pengisytiharan rasmi untuk mengeluarkan anakdanya Tun

Ahmad dari senarai waris baginda diatas sebab-sebab yang tertentu. Tun Ali juga telah menitahkan kepada Tun Mutahir untuk menjalankan hukuman pada Tun Ahmad atas kesalahan yang dilakukannya atau mengusir terus Tun Ahmad keluar dari negeri Pahang dan jangan sekali-kali diberi masuk semula.



Bagaimanapun pada masa itu hukuman yang dititahkan tidak dapat dijalankan kerana Tun Ali sedang kegeringan<sup>94</sup>. Lapan bulan setelah wasiat ini ditulis, iaitu dalam bulan Mei tahun 1857M Tun Ali menemui ajal baginda<sup>95</sup>.

Gambar di kiri menunjukkan surat wasiat Tun Ali yang ditulis pada 1hb Oktober 1856M. Dalam surat tersebut, Tun Ali telah mengeluarkan Tun Ahmad dari senarai waris baginda.

### *Realiti Kesultanan Johor dan pendirian Bendahara Tun Mutahir*

Tahun 1857M merupakan tahun yang teramat malang bagi Tun Mutahir. Sejurus selepas kemangkatan ayahandanya Tun Ali dalam bulan Mei tahun itu, baginda dikejutkan dengan berita ancaman perampasan kuasa daripada adindanya sendiri Tun Ahmad. Tidak cukup dengan kedua musibah ini, kini dalam peranannya sebagai Bendahara Johor Lama


<sup>93</sup> Surat sumpah Bendahara Siwa Raja Tun Ali kepada Tun Ahmad, S5, Arkib Negara Malaysia, Wilayah Selatan, Johor Bahru. Surat tersebut bertarikh 2hb Safar tahun 1273 Hijrah

<sup>94</sup> 'Reminiscences of an Indian Official', by General Sir Orfeur Cavenagh, London 1884. Catatan ini terdapat juga dalam buku 'A History of Pahang', hlm 76-77

<sup>95</sup> *Hikayat Pahang* mencatatkan bahawa Tun Muthair bergaduh besar dengan Tuan Ahmad sejurus selepas kemangkatan Tun Ali tetapi dapat diredakan oleh Orang-Orang Besar Pahang. Berkemungkinan pergaduhan tercetus kerana Tun Mutahir berura untuk melaksanakan amanah ayahndanya atas Tun Ahmad tetapi di bantah keras oleh Ahmad. Sejurus selepas kemangkatan ayahndanya, Tun Ahmad bergegas pergi ke Singapura untuk mengatur peperangan dari situ.

baginda terpaksa membuat suatu pendirian tegas berhubung dengan isu perlantikan Sultan Sulaiman di Lingga yang jelas telah melanggar adat Melayu itu.

Realiti mutakhir kedudukan Kesultanan Johor Lama yang semenjak berkurun lamanya meliputi Pahang, tanah besar Johor, Singapura (kini telah dijual), Riau, Lingga dan lain-



NEGERI PAHANG DAN SEMPADAN-SEMPADANNNYA  
DI PERTENGAHAN KURUN KE19

lain pulau yang terletak di selatan Singapura itu kini agak membimbangkan Tun Mutahir. Semenjak kemunculan pembesar Bugis dalam kerajaan Johor Lama, keadaan politik istana sentiasa tidak tenteram. Persaingan kuasa diantara pembesar tradisi Melayu dan pembesar Bugis telah menyebabkan banyak kerosakan telah berlaku. Perlantikan raja-raja Johor mula tidak mengikut adat tradisi tetapi lebih kepada pemilihan raja yang dapat terus menjaga kepentingan politik suku Yam Tuan Muda Riau. Persetiaan Perjanjian Melayu-Bugis pula sudah banyak kali diperbaharui, menunjukkan pihak Yam Tuan Muda sentiasa merasa tidak selamat pada kedudukan mereka dan mahu terus mengenggam Sultan Johor dalam tangannya.

Akibat campurtangan pihak Yam Tuan Muda Riau jugalah Kesultanan Johor kemudiannya terbahagi dua. Kompeni Ingeris dan Belanda yang melihat keadaan politik Johor yang bercelaru itu lekas-lekas mengambil kesempatan '*menanggung di air keruh*' sehingga akhirnya mencetuskan Perjanjian Ingeris-Belanda dalam tahun 1824M itu. Walaupun Al-Marhum Bendahara Tun Ali dan Al-Marhum Sultan Muhammad telah cuba mengembalikan adat dalam tahun 1832M, namun sia-sia belaka kerana beberapa faktor baru yang muncul (seperti keujudan Bangsawan Melayu Baru) menyukarkan hasrat murni itu untuk diteruskan. Apatah lagi pihak Yam Tuan Muda kini tidak lagi berminat untuk terus berkongsi kuasa dengan pembesar Melayu.

Tindak-tanduk Temenggong Johor pula mengusutkan lagi keadaan yang sudah sedia meruncing itu. Perbuatan Al-Marhum Temenggong Abdul Rahman dan Al-Marhum Sultan Husin menjual Singapura kepada pihak British merupakan suatu pengkhianatan kepada bangsa Melayu, malangnya 'Sultan' Ali kemudiannya menjual pula kedaulatan negeri Johor kepada Temenggong Ibrahim.

Walaupun dengan segala kekusutan yang berlaku itu, Bendahara Tun Ali dahulunya dan Bendahara Tun Mutahir kini tetap menganggap bahawa Sultan Johor yang sah berada di Lingga. Temenggongnya yang sah itu tetap Temenggong Ibrahim di Johor, walaupun dengan segala peri lakunya itu. Faktor Sultan Husin dan keturunannya tidak pernah menjadi soal, kerana perlantikan baginda dahulunya adalah tidak sah sama sekali mengikut aturan adat Raja-Raja Melayu.

Malangnya dengan perlantikan Sultan Sulaiman II yang terang-terang telah melanggar aturan adat Raja-Raja Melayu itu, ianya merupakan tamparan hebat kepada Tun Mutahir. **Jelaslah dari tragedi ini bahawa Sultan Lingga yang baharu dan Yam Tuan Mudanya telah 'memasyurkan' pendirian mereka, bahawa kesultanan di Lingga sudah tidak mahu ada kena mengena lagi dengan Johor dan Pahang.** Apatah lagi persetujuan pembesar Bugis dan Sultan Sulaiman kepada perjanjian bertulis yang dibuat dengan pihak Belanda pada 1hb Disember 1857M, yang menyatakan bahawa perlantikan mana-mana Sultan Lingga dan Yam Tuan Muda Riau hanya perlu mendapat persetujuan Belanda semata, serta dituntut pula bersumpah setia dengan Raja Belanda dan Gebenornya di Betawi, dengan jelas membuktikan bahawa kesultanan di Lingga lebih rela 'mengambil nobat' dari kerajaan Belanda dan tidak lagi memerlukan khidmat para pembesar Melayu.

Hakikatnya, pertembungan diantara aturan tradisi Raja-Raja Melayu dengan undang-undang kerajaan Inggeris dan Belanda yang bersangkutan dengan perjanjian-perjanjian yang dimeterai telah memerlukan pembesar Melayu, Bugis dan raja-rajanya untuk membuat pilihan. Mereka perlu memilih samada untuk terus berpegang pada aturan tradisi Melayu atau mengikut undang-undang Inggeris-Belanda jika berlaku pertembungan diantara keduanya itu. Nampaknya 'Sultan Johor' yang baharu dan Yam Tuan Mudanya telah pun memutuskan pendirian mereka. Temenggong Ibrahim di Johor yang kini berada di bawah naungan Kompeni Inggeris juga telah membuat pemilihannya.

Dengan keadaan ini, Tun Mutahir akhirnya terpaksa menerima hakikat bahawa kerajaan Johor Lama yang berpegang pada aturan dan adat istiadat Raja-Raja Melayu tradisi tidak mampu diselamatkan lagi. Dalam lain perkataan, dengan peristiwa pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar Shah oleh pihak Belanda dengan restu para pembesar Bugis di Lingga, maka terkuburlah Kesultanan Johor Lama yang berprestij itu. Apatah lagi kerelaan Sultan Lingga yang baharu dan Yam Tuan Mudanya untuk bernaung di bawah payung Belanda, serta bersemangat pula mengatur Riau dan Lingga mengikut struktur pentadbiran baru memberi isyarat yang terang dan nyata kepada Tun Mutahir. Realitinya, negeri Johor dan Pahang kini tidak lagi bertuan, oleh itu pandai-pandaiilah membawa haluan masing-masing.

Tun Mutahir kini terpaksa akur bahawa pengaruh Inggeris dan Belanda dalam kerajaan di Lingga dan Johor sudah terlalu mencengkam. Kerajaan British yang menganggap bahawa Semenanjung Tanah Melayu adalah di bawah pengaruhnya telah mula mewujudkan segolongan kaum bangsawan 'Orde Melayu Baru' yang bersedia menuruti kehendak-kehendak British asal sahaja mereka diberi ganjaran mendapat kuasa. Mereka sanggup mengkhianati adat istiadat Melayu semata-mata untuk mencapai kepentingan politik masing-masing.

Bagaimanapun, buat masa ini Pahang masih lagi selamat dari campurtangan British. Dalam hal ini Bendahara Tun Mutahir agak beruntung kerana semenjak negeri Pahang dikurniakan kepada moyangnya Bendahara Tun Abdul Majid itu, struktur dan hirarki pemerintahan negeri telah diwujudkan. Jawatan Ketua Menteri, menteri-menteri yang lain, Orang Besar Berempat, Berlapan, Enam Belas dan Orang-Orang Kaya yang lain telah disusun dan diperkemaskan. Apatah lagi para pembesar Pahang dan rakyat jelata memang selama ini memandang bendahara-bendahara Pahang sebagai raja mereka, dan ini sudah tentu dapat membantu melicinkan urusan pemerintahan negeri Pahang mengikut aturan tradisi orang-orang Melayu. Kelebihan ini tidak terdapat di Johor kerana tanah Johor tidak pernah dikurniakan kepada Temenggong. Temenggong-temenggong Johor hanya diberi mandat mentadbirnya sahaja selama ini.

Maka dengan itu tetaplah pendirian Tun Mutahir untuk menumpukan sepenuh perhatian baginda kepada urusan pemerintahan negeri Pahang semata. Urusan kesultanan di Lingga tidak lagi menjadi tanggungjawab baginda. Begitu jugalah dengan halnya di Johor.

Walaupun demikian, sehingga akhir hayat baginda, Tun Mutahir tetap menggunakan gelaran 'Dato' Bendahara Seri Maharaja'. Pendirian ini menunjukkan Tun Mutahir tidak menaikkan dirinya kepada mertabat 'Sultan Pahang', kerana sebagai orang yang seharusnya tahu akan adat istiadat Raja-Raja Melayu, Tun Mutahir faham bahawa untuk menjadi seorang Sultan yang sah dan berdaulat, harus memenuhi ciri-ciri kelayakan yang sepatutnya serta ditabal mengikut aturan adat dan agama yang telah termaktub dalam usul pemerintahan Raja-Raja Melayu itu.

Dalam bab-bab selanjutnya kita akan perhatikan bagaimana dalam peristiwa Perang Pahang, pendirian Bendahara Tun Mutahir untuk tidak mengiktiraf Sultan di Lingga mahupun pemerintah Johor telah menjadikan baginda mangsa permainan politik hebat beberapa pihak yang berkepentingan sehingga akhirnya menjadi padah kepada dirinya sendiri. Siasah hebat yang melanda inilah yang kemudiannya dapat membuka ruang seluas-luasnya kepada pihak British untuk campur tangan dalam hal ehwal pemerintahan bumi Pahang. Campur tangan British kemudiannya telah melarat pada negeri-negeri Melayu yang lainnya sehingga akhirnya dapat dijajah sepenuhnya.

### ***Persaingan Kerabat-Kerabat Diraja***

Perpecahan Kesultanan Johor Lama, perjanjian Inggeris-Belanda 1824M, perjanjian Sultan Ali-Temenggong Ibrahim 1855M serta pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar Shah dalam tahun 1857M di Lingga telah mengujudkan segolongan kerabat bangsawan Orde Melayu Baru yang cuba bersaing dalam mencari ruang untuk mendapatkan kuasa sebagai pemerintah yang berdaulat. Saingan hebat yang berlaku diantara mereka inilah yang kemudiannya menjadi kemudi kepada halatuju perjalanan Perang Bendahara Pahang yang bermula dalam tahun 1857M, iaitu sejurus selepas kemangkatan Bendahara Tun Ali.

Pada tahap ini, apabila pihak Yam Tuan Muda Riau (Raja Haji Abdullah) dan Sultan Lingga (Sultan Sulaiman Badrul Alam II) akur bahawa Johor tidak lagi berada di bawah penguasaan mereka kerana Kesultanan Riau-Lingga kini adalah di bawah naungan penuh Belanda sedangkan Johor di bawah naungan British, maka tanah Johor kini dianggap sebagai tidak lagi 'bertuan'. Status ini diperkuatkan dengan pemasyuran Bendahara Tun Mutahir untuk tidak mengiktiraf kedudukan Sultan Sulaiman II di Lingga itu sebagai Sultan Johor Lama yang sah dan berdaulat. Di Pahang pula, walaupun pada masa itu Bendaharanya mempunyai kuasa autonomi, tetapi statusnya mengikut adat adalah 'menyembah kepada Sultan Johor (Lama)'.

Dengan status negeri Johor dan Pahang yang kini dilihat sebagai tidak lagi bertuan, keadaan ini telah menyebabkan kerabat-kerabat diraja yang kehilangan kuasa serta pihak Temenggong Johor mula memasang cita-cita untuk menjadi tuan yang 'sah' kepada bumi Pahang atau Johor. Malahan lebih dari itu, ujud pula cita-cita di kalangan mereka untuk menyatakan kembali kerajaan Pahang dan Johor seperti dahulunya dan kemudian menjadi rajanya yang berdaulat. Akibatnya telah mengujudkan saingan yang tidak sihat yang kemudiannya telah memudaratkan negeri Pahang yang pada masa itu masih bebas dari gejala siasah dan campur tangan British.

Perhatikan; Tengku Ali yang terpaksa 'membeli' gelaran Sultan dengan harga kedaulatan bumi Johor mengikut perjanjian diantara baginda dengan Temenggong Ibrahim yang dipelopori oleh Kompeni Inggeris dalam tahun 1855M. Walaupun perlantikan Al-Marhum ayahandanya Sultan Husin dahulu tidak pernah diakui oleh Bendahara Pahang kerana tidak sah, yang menyebabkan Raja-Raja Melayu yang lainnya juga tidak dapat menerimanya, namun baginda tetap dengan pekerjaannya itu. Kemudian apabila Sultan Husin mangkat dalam tahun 1835M, selama lebih dua puluh tahun berikutnya Tengku Ali giat dalam usaha mendapatkan pengiktirafan British sebagai pengganti ayahandanya kerana para pembesar Melayu sekali-kali tidak akan mengiktirafnya. Dalam tahun 1852M, Tengku Ali yang kemudiannya hampir-hampir berputus asa telah menyerahkan kembali Johor kepada Sultan Mahmud di Lingga, yang menyebabkan pihak British dan Temenggong Ibrahim cepat-cepat meminta untuk berunding dengan baginda mengenai tuntutan itu. Tawar menawar yang berlaku kemudiannya membawa kepada perjanjian 1855M. Bagaimanapun, Sultan Ali kemudiannya menjadi sesal tak berkesudahan dan mendakwa bahawa perjanjian tersebut tidak sah, kerana tidak dibawa muafakat para pembesar Melayu terlebih dahulu. Malangnya, British yang dari awal memang berhasrat untuk membuang sistem pemerintahan bercorak tradisi orang Melayu menjawab bahawa pembesar Melayu tidak berhak untuk campur tangan dalam hal perjanjian tersebut<sup>96</sup>. Susulan darinya, Sultan Ali telah cuba mencari ruang mendapatkan kembali 'daulat' baginda di bumi Johor.

Temenggong Ibrahim; pihak yang mendapat keuntungan di atas kelemahan dan kekhilafan Sultan Ali, bagaimanapun merasakan kedudukannya tidak selamat kerana tindak-tanduknya mendapatkan kedaulatan negeri Johor dengan bantuan Kompeni Inggeris dianggap sebagai satu perbuatan yang menjolok mata oleh raja-raja dan pembesar Melayu. Al-Marhum ayahandanya dahulu telah bersekongkol dengan Al-Marhum Sultan Husin sehingga bukan sahaja menyebabkan Kesultanan Johor Lama berpecah dua, tetapi sanggup menjual bumi Singapura kepada British tanpa dirujuk kepada pihak Sultan Lingga dan Bendahara Pahang, sebagai pewaris 'sepusaka' kepada kerajaan Johor Lama itu. Itulah sebabnya Temenggong Ibrahim harus menanti selama 16 tahun lamanya selepas kemangkatan ayahandanya dalam tahun 1825M untuk mendapatkan pengiktirafan kembali sebagai Temenggong Johor, itupun selepas kemangkatan Sultan Husin. Perlantikannya sebagai Temenggong oleh Bendahara dalam tahun 1841M mengikut adat tradisi adalah dengan bersyarat, iaitu Temenggong Ibrahim mesti bertuan kembali kepada Sultan di Lingga sebagaimana adatnya. Bagaimanapun pengkhianatan yang dibuat oleh pihaknya dan Sultan Ali dalam tahun 1855M benar-benar mengecewakan Bendahara Tun Ali, anakandanya Bendahara Tun Mutahir dan Sultan Mahmud, apatah lagi di masa itu Johor sepatutnya telahpun diserahkan kembali ke Lingga. Bagaimanapun, takdir menyebelahi pihak Temenggong Ibrahim apabila dengan termakzulnya Sultan Mahmud dalam tahun 1857M, dan pendirian Bendahara Tun Mutahir untuk tidak mahu mengiktiraf Sultan Lingga yang baru menjadikan Johor tidak lagi bertuan. Oleh itu Temenggong Ibrahim kini menjadi pemerintah 'de facto' nya, dan mula memasang cita-cita untuk terus menjadi pemerintahnya yang berdaulat, iaitu yang dapat diiktiraf oleh Raja-Raja Melayu yang lainnya. Temenggong Ibrahim akur bahawa

<sup>96</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, op. cit, hlm 39



dalam hal ini 'restu' Bendahara Pahang amat diperlukan. Bekas Sultan Lingga, iaitu Sultan Mahmud dan 'Sultan' Ali pula dianggap sebagai ancaman kepada kedudukan barunya itu.

Sultan Mahmud Muzaffar Shah; Sultan Lingga yang dilantik secara mengikut adat tetapi dimakzulkan oleh pihak Belanda dalam tahun 1857M, kerana melewakan urusan pemerintahan negeri. Pertentangan yang berlaku diantara baginda dengan pembesar Bugis dalam hal perlantikan pengganti Yam Tuan Muda yang baharu telah menyebabkan mereka bersetuju sepenuhnya dengan tindakan Belanda memakzulkan baginda, asal sahaja pihak Belanda sanggup berada di belakang pembesar Bugis jika berlaku apa-apa masalah yang bersangkutan-paut dengan pemakzulan Sultan Mahmud itu. Kesatuan para pembesar Bugis dalam isu pemakzulan baginda telah membuatkan Sultan Mahmud terpaksa menerima hakikat tersebut. Walaupun secara adatnya Bendahara masih tetap mempunyai peranan di Lingga kerana orang Melayu tidak pernah mengakui perjanjian Inggeris-Belanda, namun secara realitinya peranan Bendahara telah dicantas sepenuhnya dan pihak Yam Tuan Muda kini menjadi penasihat penuh kepada Sultan Lingga yang baharu itu. Dalam mencari ruang untuk mendapatkan kembali kuasa yang telah terlepas, Sultan Mahmud telah memandang ke bumi Johor dan Pahang sebagai jawapannya.

Pesaing-pesaing yang cuba mendapatkan kedaulatan bumi Pahang dan Johor untuk kepentingan peribadi mereka akur bahawa untuk mencapai matlamat tersebut, samada mereka perlu mendapat sokongan dan dokongan pihak British, ataupun mendapatkan sokongan pihak Bendahara Pahang yang selama ini merupakan Penabal Raja mengikut amalan tradisi. Bagaimanapun, mana-mana daripada kedua pilihan ini bukanlah mudah. Bagi maksud mendapatkan sokongan Kompeni Inggeris, pesaing-pesaing ini perlu mematuhi kehendak-kehendak British yang seringkali bertentangan dengan adat dan aturan tradisi orang Melayu. Sedangkan untuk mendapatkan sokongan pihak Bendahara lebih rumit, kerana dari awal lagi pesaing-pesaing ini telah terlibat dalam pelanggaran adat dan aturan tradisi Raja-Raja Melayu yang telah menyebabkan keadaannya menjadi seperti sekarang ini.

Bagaimanapun laluan lebih mudah bagi pesaing-pesaing ini (kecuali Temenggong Johor yang mempunyai agenda tersendiri) muncul dalam bentuk Tun Ahmad yang bercita-cita untuk merampas kuasa dari kekandanya Bendahara Tun Mutahir sejurus selepas kemangkatan Tun Ali dalam tahun 1857M. Tun Ahmad dilihat sebagai '*batu loncatan*' yang diharapkan dapat membantu mendapatkan kembali kuasa yang terlepas dari tangan mereka.

### ***Perang Orang Kemaman***

*Hikayat Pahang*<sup>97</sup> mencatatkan bahawa terjadi suatu pergaduhan besar diantara Tun Ahmad dan Bendahara Tun Mutahir sejurus selepas kemangkatan Tun Ali sehingga hampir mencetuskan peperangan. Bagaimanapun, keadaan dapat diredakan oleh campur

---

<sup>97</sup> *Hikayat Pahang*, versi Rumi (edisi asal), 1882

tangan para pembesar Pahang dan upacara pengkebumian jenazah Tun Ali dapat disempurnakan mengikut adatnya.

Dalam bulan yang sama, Tun Ahmad beserta beberapa orang pengikutnya telah pergi ke Singapura. Umumnya pada masa itu baru mencecah 21 tahun<sup>98</sup> sedangkan umur kekandanya Tun Mutahir telahpun menjangkau 54 tahun.

Pada 23hb Julai Temenggong Ibrahim yang menetap di Singapura telah menulis surat kepada Gabenor Inggeris memaklumkan akan persiapan Tun Ahmad di Pulau Tekong untuk menyerang negeri Pahang. Beliau juga telah memohon kepada Gabenor untuk menghalang Tun Ahmad daripada menggunakan Singapura sebagai pengkalan mengumpul pengikut dan senjata. Bagaimanapun Temenggong Ibrahim gagal mendapat sebarang respon yang positif dari pihak Inggeris.

Pada waktu itulah suatu perkembangan yang baru berlaku pada Kesultanan Riau-Lingga kemudiannya bakal menjadi salah satu faktor yang menyebabkan rancangan Tun Ahmad untuk menawan Pahang mendapat beberapa pendokong.

Dalam tahun 1841M, putera Sultan Muhammad Shah yang bernama Tengku Besar Mahmud telah dilantik sebagai sultan di Lingga dalam usia lapan belas tahun. Baginda mendapat gelaran Sultan Mahmud Muzaffar Shah. Sultan Mahmud adalah anakanda saudara kepada Sultan Baginda Omar dari Terengganu kerana bonda baginda yang bernama Tengku Kalsum (atau Tengku Teh) merupakan saudara sebapa kepada Sultan Baginda. Saudara perempuan kepada Sultan Mahmud juga telah mengahwini adinda Sultan Baginda Omar yang bernama Tengku Mahmud. Ini menjadikan Sultan Mahmud juga berpangkat biras kepada Sultan Baginda Omar.

Setelah enam belas tahun memerintah, maka dalam tahun 1857M, Sultan Mahmud telah dimakzulkan Belanda (seperti yang telah disebutkan sebelum ini) dengan restu pembesar Bugis di Riau. Pada waktu itu baginda sedang berada di Singapura dan sangat terkedu dengan berita yang disampaikan oleh komiseri Belanda kepadanya. Baginda kemudiannya bergegas kembali ke Lingga untuk mendapatkan pengesahan. Setibanya di Lingga, Sultan Mahmud terus mendapat berita perlantikan ayahanda saudaranya Raja Sulaiman sebagai sultan Riau-Lingga yang baharu. Dengan perasaan kecewa, Sultan Mahmud mengambil keputusan belayar balik ke Singapura.

Selama setahun Sultan Mahmud duduk di Singapura bersama kaum keluarga dan para pengikutnya mencari jalan keluar dari kemelut yang sedang dihadapinya. Walaupun di waktu itu, Temenggong Ibrahim hanya menjadi *'de facto'* pemerintah di tanah besar Johor, Sultan Mahmud tidak meminta untuk menjadi raja di situ kerana akur bahawa Kompeni Inggeris sudah pun memilih Temenggong Ibrahim. Apatah lagi, baginda sendiri telah bermusuhan dengan Temenggong Ibrahim di atas pengkhianatannya memeterai perjanjian 1855M dengan Sultan Ali. Kemudian Sultan Mahmud mula bercita-cita untuk menjadi Raja Pahang. Selama inipun Bendahara Pahang tetap bersetia dengan baginda selama Sultan Mahmud bertakhta di Lingga. Apatah lagi Pahang masih terlindung dari

---

<sup>98</sup> Tun Ahmad lahir pada 23hb Mei 1836M.

campur tangan British dan tetap berpegang pada aturan adat tradisi Melayu dalam urusan pemerintahan.

Bagaimanapun, Sultan Mahmud sedia maklum bahawa tidak seperti tanah besar Johor, tanah Pahang adalah tanah kurnia kepada keluarga Bendahara turun temurun. Walaupun Bendahara Pahang 'menyembah pada Sultan Johor (Lama)', namun mengikut adatnya bendahara-bendahara Pahang tetap bertaraf raja dalam negerinya itu. Situasi ini sudah tentu tidak memungkinkan Sultan Mahmud Muzaffar meminta untuk dirajakan dirinya di Pahang dan itulah yang menjadi dilemnya sekarang.

Bagaimanapun, bagi '*pucuk dicita, ulam mendatang*', semasa dalam keadaan dilema inilah Sultan Mahmud telah mendapat maklumat mengenai persiapan Tun Ahmad di Pulau Tekong dengan hasrat untuk menyerang negeri Pahang. Sultan Mahmud merasakan ini suatu peluang baik untuk menaikkan dirinya sebagai Raja Pahang. Apatah lagi Tun Ahmad sendiri berbondakan seorang wanita dari Lingga<sup>99</sup>. Sultan Mahmud yakin bahawa jika baginda membantu Tun Ahmad dalam mencapai cita-citanya itu, dan kemudian menjadikannya sebagai Bendahara Pahang, maka mudahlah baginda menuntut pula agar '*budi dibalas budi*', iaitu meminta Tun Ahmad merajakannya pula sebagai Raja Pahang, atau mengambil balik takhtanya di Lingga itu. Maka berbekalkan keyakinan ini, Sultan Mahmud telah menawarkan bantuannya kepada Tun Ahmad dan meminta pertolongan ayahanda saudaranya Sultan Baginda Omar di Terengganu untuk menolongnya dalam rancangannya itu.

Sultan Baginda Omar sendiri bukanlah seorang raja yang sunyi dari kontraversi. Baginda Omar merupakan putera Sultan Ahmad (Al-Marhum Parit) dari isteri yang tidak gahara (wanita China). Ini menjadikan Sultan Baginda terkeluar dari kelayakan untuk menjadi seorang Raja Melayu mengikut adat tradisi. Bagaimanapun, dalam tahun 1839M, baginda mendapat kuasa dengan cara menggulingkan sepupunya Sultan Muhammad Shah selepas kemangkatan ayahanda saudaranya Sultan Mansur Shah, adinda Sultan Ahmad itu.

Pendirian yang ditunjukkan oleh Sultan Baginda Omar untuk menolong Tun Ahmad merampas kuasa dari kekandanya adalah dengan matlamat jika Tun Ahmad berjaya, ia akan diminta merajakan pula Sultan Mahmud di Pahang<sup>100</sup>. Apatah lagi Sultan Baginda Omar bukan sahaja mempunyai pertalian yang akrab dengan kerabat diraja Lingga, malahan semasa berlakunya gejala politik istana Terengganu yang melibatkan dirinya sebelum baginda dapat menjadi pemerintahnya, baginda pernah mendapat perlindungan di Lingga untuk tempuh beberapa tahun lamanya. Perkara ini menjelaskan sokongan padu yang diberikan oleh Sultan Baginda Omar kepada kem Tun Ahmad untuk menawan Pahang.

<sup>99</sup> Tun Mutahir berbondakan Che' Wan Nghah, seorang kerabat Bendahara Pahang sedangkan bonda Tun Ahmad adalah seorang wanita Lingga yang hanya dikenali dalam sejarah sebagai Che' Puan Lingga

<sup>100</sup> Sejarah mencatatkan bahawa Sultan Baginda sendiri agak cemas apabila Sultan Mahmud dimakzulkan kerana khawatir baginda terpaksa memberi laluan kepada anakanda saudaranya itu yang lebih layak untuk menjadi raja daripada dirinya sendiri. Kebimbangan ini terbukti apabila Sultan Baginda pernah menawarkan untuk turun takhta kepada Sultan Mahmud apabila pihak Siam mengiringi Sultan Mahmud ke Terengganu dalam tahun 1862M. Baca M. C ff Sheppard, '*A Short History of Terengganu*', JMBRAS, Vol XXII, Pt III, 1949.

Kepentingan politik Sultan Baginda Omar dan Sultan Mahmud Lingga ini merupakan antara faktor yang dapat menjelaskan bagaimana kedua-dua pemerintah ini telah selamat 'berada dalam poket' Tun Ahmad dan sanggup menjadi penyokong dan pendokong kepada cita-citanya untuk merampas kuasa pemerintahan dari Bendahara Tun Mutahir di negeri Pahang.

Setelah gagal dalam rancangannya untuk melancarkan serangan terhadap Pahang dari Singapura kerana telah dapat dikesan oleh pihak Temenggong Ibrahim, serta ujudnya situasi yang tegang diantara kedua-dua belah pihak dimana pengikut Tun Ahmad nyaris bergaduh dengan pengikut Temenggong Ibrahim, maka Tun Ahmad pun berangkat bersama penyokongnya ke Terengganu untuk meminta bantuan daripada Sultan Baginda Omar. Pada waktu itu, Bendahara Tun Mutahir telah pun diberi amaran oleh Temenggong Ibrahim akan tindak-tanduk Tun Ahmad dan telah meningkatkan pengawasan serta kawalan keselamatan negeri Pahang.

Dalam konteks ini, Temenggong Ibrahim juga mempunyai alasannya yang tersendiri untuk menghalang Tun Ahmad dari merampas kuasa Tun Mutahir. Walaupun pada dasarnya Temenggong Ibrahim mahu menolong Tun Mutahir atas kedudukan baginda sebagai besannya dan kedudukan negeri Pahang yang berjiran dengan Johor, yang mana keselamatan negeri Pahang merupakan isu keselamatan negeri Johor juga, apatah lagi Tun Mutahir adalah Bendahara Pahang yang sah dan berdaulat, namun Temenggong Ibrahim juga mempunyai kepentingan politik yang tersirat.

Hakikatnya pendirian Bendahara Tun Mutahir untuk tidak mahu campur tangan dalam urusan politik di Lingga selepas perlantikan Sultan Sulaiman II yang tidak mengikut adat Melayu itu, serta pendirian baginda untuk tidak mahu terlibat dalam gejolak politik di Johor telah membuka suatu kesempatan kepada Temenggong Ibrahim untuk merebut kuasa pemerintahan di Johor kerana aturan adat sudah tidak lagi dapat mengikatnya<sup>101</sup>. Walaupun mengikut adat Melayu lama seorang Temenggong tidak boleh menjadi raja, tetapi kemelut yang telah melanda kerajaan Johor Lama berjaya dipergunakan sebaik mungkin untuk menaikkan dirinya kepada mertabat sekarang. Apatah lagi sokongan British dan saudagar-saudagar Eropah berada di pihaknya.

Bagaimanapun apabila bekas Sultan Johor Lama mempunyai cita-cita untuk merajakan dirinya di bumi Pahang dengan memeralatkan Tun Ahmad, perkembangan ini disifatkan sebagai ancaman kepada status barunya itu. Temenggong Ibrahim bimbang bahawa jika Sultan Mahmud berhasil menaikkan dirinya sebagai Raja Pahang, baginda mungkin menuntut untuk mengambil semula tanah Johor dan menyatukannya dengan Pahang sebagaimana dahulu. Ini sudah tentu menggugat kedudukan Temenggong Ibrahim. Pendirian Tun Mutahir untuk tidak mahu campurtangan dalam politik Johor dan Lingga telah menguntungkan agendanya dan Temenggong Ibrahim tidak mahu mana-mana pihak mengubah keadaan ini.

---

<sup>101</sup> Dalam hal ini sebenarnya Temenggong Ibrahim dan Al-Marhum ayahandanya Temenggong Abdul Rahman sudah lama membuang adat, cuma pada kali ini ia dapat terus melanggar adat tanpa rasa bersalah kerana kebanyakan kerabat lain juga telah melakukan perkara yang sama.

Dalam situasi ini, sudah tentu Temenggong Ibrahim tidak akan membiarkan Tun Ahmad mengumpul pengikut dan senjata di Singapura, malahan sama sekali tidak akan membiarkannya cuba merampas kuasa dari Tun Mutahir. Temenggong Ibrahim bertekad untuk menghancurkan cita-cita Tun Ahmad walaupun dengan jalan kekerasan.

Oleh itu Tun Ahmad tidak dapat menjadikan Singapura sebagai pengkalannya untuk menyerang Pahang kerana ia selalu diintip oleh orang-orang Temenggong Ibrahim. Susulan darinya, Tun Ahmad membawa beberapa orang Bugis dan belayar ke Terengganu.

Setibanya di Kemaman, Tun Ahmad telah disambut dengan baik oleh Sultan Baginda Omar. Sultan Baginda Omar kemudiannya telah menitahkan para pembesarnya di Kemaman untuk membantu Tun Ahmad untuk menyerang Pahang jika tidak mahu dihukum gantung.

Dalam bulan Oktober Tun Mutahir telah menerima sepucuk surat dari istana Terengganu yang menyatakan pendirian kononnya pihak istana mengutuk hasrat Tun Ahmad untuk menawan Pahang<sup>102</sup>. Berdasarkan kepercayaan pada surat tersebut Tun Mutahir telah mengurangkan pengawasan negeri kerana berkeyakinan bahawa apa jua tindakan Tun Ahmad tidak akan beroleh kejayaan kerana tidak didokongi oleh Sultan Terengganu, apatah lagi rakyat Pahang sendiri. Kemudian, baginda telah mengarahkan anakandanya Tun Koris (Tun Long) untuk ke Telok Belanga di Singapura berkahwin dengan puteri Temenggong Ibrahim yang bernama Cik Engku Besar<sup>103</sup>. Tun Koris ditemani oleh adindanya Tun Aman dan Tun Da serta beberapa orang kuat Pahang.

Malangnya, kiriman surat dari Terengganu rupa-rupanya menyembunyikan sesuatu muslihat. Dalam keadaan pihak Pahang tidak langsung bersiap sedia, negeri tersebut diserang dari arah laut dalam bulan November tahun 1857M itu juga. Perang Pahang Peringkat Pertama ini lebih dikenali dengan nama Perang Orang Kemaman, kerana Tun Ahmad dibantu oleh orang-orang Kemaman di Terengganu beserta dengan rajanya sekali.

Antara pengikut-pengikut Tun Ahmad ialah Inche Koming Imam Perang Raja, Inche Endut Panglima Raja, Inche Talib Panglima Laut, Hitam Pengasuh Panglima Dalam, Panglima Kakap Bahaman (kemudiannya bergelar Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan), Panglima Tunggal, Panglima Hitam dan Panglima Muda. Dari pihak pembesar Kemaman pula ialah Sayyid Idrus, Raja Muda, Wan Dagang dan banyak lagi.

Dalam Perang Orang Kemaman, angkatan Tun Ahmad telah berjaya menawan Kg China di Pekan setelah membuat serangan selama lima hari. Banyak harta dapat dirampas dalam masa tujuh hari di Pekan. *Hikayat Pahang* meriwayatkan ;

---

<sup>102</sup> W. Linehan, op. cit, hlm 68

<sup>103</sup> Tindakan mengahwinkan puteri Temenggong Ibrahim dengan putera Bendahara Tun Mutahir dilihat sebagai suatu kaedah yang dapat memantapkan kedudukan Temenggong Ibrahim sebagai pemerintah Johor. Tidak berapa lama kemudian, putera Temenggong Ibrahim yang bernama Che Wan Abu Bakar pula mengahwini puteri Tun Mutahir.

*"Kemudian, tersebutlah orang Kemaman yang menang. Bebaslah ia boleh merampas. Beberapa banyak dapat harta, tujuh hari. Maklumlah orang Pahang zaman berzaman tiada pernah rosak; baharu inilah sekali. Maka tiadalah boleh diperikan banyaknya harta. Demikianlah, raja (Tun Ahmad) pun banyak dapat harta."*

Dari Pekan, kem Tun Ahmad bersiap sedia untuk melancarkan serangan atas Ganchong, tempat persemayaman Bendahara Tun Mutahir. Dalam tempoh mempersiapkan angkatan ini, Tun Ahmad telah dilantik oleh orang-orang Kemaman sebagai Bendahara Siwa Raja. Perlantikan Tun Ahmad oleh pembesar Kemaman dan pengikutnya sebagai bendahara Pahang dalam masa berlakunya peristiwa Perang Pahang Peringkat Pertama ini kemudiannya mendapat restu British melalui sepucuk surat yang dikirimkan kepadanya dalam bulan Februari tahun berikutnya (1858M), walaupun pada masa itu Tun Mutahir masih lagi menerajui pemerintahan bumi Pahang secara sah. Surat ini merupakan bukti awal pihak British untuk merestui perlantikan Tun Ahmad sebagai bendahara Pahang oleh orang luar. Ini jelas membuktikan pendiriannya untuk campurtangan dalam urusan negeri Pahang lama sebelum negeri itu mendapat seorang penasihat British, walaupun pada awalnya pendirian itu tidak kelihatan begitu ketara.

Setelah membuat persiapan yang cukup, kem Ahmad menyerang Ganchong. Dikatakan Ganchong dapat ditawan hanya pada satu hari sahaja, kerana puteri-puteri Bendahara Mutahir tersangat takut dan dengan tangis ratap minta undur sedangkan baginda tidak langsung membuat apa jua persediaan untuk menghadapi serangan dari kem Tun Ahmad itu. Maka Tun Ahmad dengan sekeliam pengikutnya dapat merampas banyak harta di Ganchong, tinggal di situ buat beberapa lama sebelum kembali ke Pekan bagi mengukuhkan kubu pertahanan.

Tun Mutahir dan orang-orangnya yang terpaksa berundur ke Chenor telah menitahkan adinda baginda Tun Ismail yang memegang jawatan Engku Panglima Besar, serta Engku Sayyid, Perdana Menteri Pahang untuk ke Singapura memanggil balik ketiga-tiga putera baginda Tun Koris, Tun Aman dan Tun Da serta para pengikut pulang dengan segera ke Pahang. Pada bulan Disember Tun Mutahir telah mengirim sepucuk surat kepada Tun Ahmad dan menyatakan kesediaan baginda untuk berunding bagi mencari jalan penyelesaian di atas pertelingkahan mereka berdua.<sup>104</sup> Bagaimanapun Tun Ahmad tidak berminat untuk berunding.

Dalam bulan Disember itu juga, Temenggong Ibrahim telah mengirim surat kepada Gabenor British menceritakan keadaan yang berlaku di Pahang serta tipudaya yang dibuat oleh pemerintah Terengganu yang menyebabkan pihak Bendahara Pahang tidak bersedia menghadapi serangan dari Tun Ahmad. Temenggong Ibrahim juga meminta Gabenor mempertimbangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu seorang pemerintah Pahang yang berdaulat dan mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Ingeris yang mendapat ancaman perampasan kuasa. Temenggong Ibrahim juga menyuarakan keyakinan bahawa pihak British akan menyokong tindakannya membantu Bendahara Pahang menangani serangan daripada pihak Tun Ahmad itu. Baginda

<sup>104</sup> *Surat Persendirian Sultan Baginda Omar*, SP6/55, Arkib Negara Malaysia. Rujuk juga (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, op. cit.

menyebut " *saya percaya Tuan tidak akan menghalang tindakan saya membantu dari Johor kepada Raja Bendahara untuk mengusir penceroboh yang tindak tanduknya semasa hayatnya Al-Marhum ayahandanya lagi telah berulang kali menjadi perkara aduan kepada pihak yang berkuasa di petempatan ini (Singapura).*"

Bagaimanapun, dalam bulan yang sama Temenggong Ibrahim telah menerima jawapan dari pihak British yang menghalangnya membantu Bendahara Pahang serta memberi amaran kepadanya supaya '*jangan campur tangan dalam hal ehwal negeri Pahang*'<sup>105</sup> tanpa memberikan sebarang alasan.

Tidak berapa lama kemudian, putera-putera Tun Mutahir pun pulang dari Singapura dan terus menyiapkan angkatan peperangan bagi menebus kembali kekalahan yang dialami sebelum itu. Pada masa itu hampir kesemua para pembesar Pahang berada di Chenor bagi mengatur strategi peperangan termasuklah Orang Kaya Pahlawan Chenor, Orang Kaya Indera Segara Temerloh, Orang Kaya Setia Lela Lipis dan lain-lain lagi. Suatu upacara pengagihan tugas dan penganugerahan gelaran dibuat oleh Bendahara Tun Mutahir. Putera Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai yang bernama Wan Embong mendapat jawatan sebagai Panglima Perang Kiri, saudaranya Wan Muhammad dilantik sebagai Dato' Setia Muda Jelai, Tengku Acheh menjadi Imam Perang, Che Buma bergelar Panglima Perang Kanan dan saudaranya menjadi Panglima Bebas.

Setelah itu panglima-panglima Pahang beserta putera-putera Tun Mutahir mengorak langkah menyerang kem Tun Ahmad di Pulau Manis. Serangan mereka berhasil menyebabkan Tun Ahmad serta para pengikutnya berundur ke Ganchong, dan kemudiannya ke Tanjung Langgar. Setelah empat bulan bertahan, pada suatu hari, pengikut Tun Mutahir telah membuat suatu serangan mengejut ke atas angkatan perang Tun Ahmad. Dengan ini, Tun Ahmad dan para pengikutnya terpaksa berundur kembali ke pengkalan mereka di Kemaman, Terengganu. Maka Perang Orang Kemaman berakhir dengan kekalahan di pihak Tun Ahmad walaupun pada mulanya mereka berjaya menawan pusat pentadbiran negeri dan persemayaman Bendahara di Pekan dan Ganchong. Selepas kejadian ini, Tun Ahmad menyepikan diri buat sementara waktu di Terengganu dalam usaha mencatur strategi peperangan yang seterusnya di Pahang.

Rentetan daripada peristiwa itu, maka pada 3 haribulan Februari tahun 1858M, Temenggong Ibrahim telah menulis sepucuk surat kepada Gabenor di Singapura dan menyatakan kekesalannya berhubung dengan pendirian dan sikap 'bukan cara bersahabat' yang ditunjukkan oleh Gabenor kepadanya dan kepada Bendahara Pahang. Gabenor telah melarang Temenggong Ibrahim untuk menghantar pertolongan kepada Tun Mutahir, tetapi telah membiarkan Tun Ahmad menggunakan Pulau Tekong di Singapura sebagai

<sup>105</sup> Pendirian British yang mengamalkan dasar 'pecah-pecah perintah' di Johor, Pahang dan melarat kepada negeri-negeri Melayu yang lainnya, memperlihatkan '*modus operandinya*' dalam cubaan memporak perandakan kesultanan-kesultanan Melayu supaya kemudiannya ia dapat campur tangan. Kaedah yang sama telah dibuat di Johor Lama apabila Bendahara Tun Ali tidak dibenarkan 'campur tangan' apabila Yam Tuan Muda Raja Jaafar melanggar adat dalam hal perlantikan Sultan Johor. Apabila keadaan menjadi kalut, British mula masuk campur dan mengeruhkan suasana dengan menawarkan 'budi' (yang kemudiannya diminta balasi) kepada mana-mana pihak yang berkepentingan, yang memerlukan 'khidmat'nya.

pengkalan melancarkan serangan atas Pahang. Antara lain Temenggong Ibrahim menyatakan :

*" Amatlah dikesali bahawa di dalam surat jawapan Tuan yang bertarikh 2/12/1857, pihak Tuan telah menghalang pihak saya daripada membantu sahabat, kerabat dan sekutu saya, Raja Bendahara Pahang -untuk menghalang serangan-serangan ke atas wilayahnya oleh Enche Wan Ahmad yang dibantu oleh orang-orang Terengganu.*

*Oleh yang demikian pendirian pihak Tuan mengenai hal ini tidaklah dapat saya fahami atas apakah alasan pihak Tuan menghalang saya membantu Raja Bendahara mengusir Enche Wan Ahmad serta pengikutnya dari wilayahnya.*

*Di dalam surat saya yang bertarikh 23/7/1857, saya telah membawa kepada pengetahuan pihak Tuan mengenai persiapan-persiapan (perang Wan Ahmad) ini dan walaupun oleh kerana kekurangan bekalan, iaitu tidak sebesar yang diharapkan, namun dia membawa bersama-samanya beberapa orang-orang Bugis yang diambil dari petempatan ini (Singapura). Saya tidak faham mengapa pihak Tuan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menghalang pekerjaan ini walaupun telah saya jelaskan hal ini pada sepucuk surat yang lalu yang sehingga ke hari ini masih belum lagi berjawab.'*

Pada 5hb Februari, Temenggong Ibrahim mendapat sepucuk surat lagi daripada Gabenor British yang mengancam akan mengambil tindakan terhadapnya sebagai sebagai seorang 'penjenayah' jika ia meneruskan hasratnya untuk membantu Bendahara Pahang. Pada 20hb Februari Temenggong Ibrahim membalas surat tersebut dengan memberikan komen yang panjang dan menyuarakan protes di atas amaran Gabenor Selat terhadapnya. Baginda juga memberi amaran bahawa tindakan British dalam membiarkan pelanggaran adat Melayu berlaku di Pahang akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada masa depan Institusi Raja-Raja Melayu.

Antara lain Temenggong Ibrahim menyatakan :

*" Saya membantah tindakan pihak Tuan untuk menganggap saya sebagai penjenayah biasa jika saya menggunakan hak saya sebagai pemerintah kerajaan Johor yang merdeka.*

*Saya faham dari perenggan 5 surat jawapan Tuan, selepas mengetahui hajat saya untuk membantu (Raja Bendahara) dengan askar dari Wilayah Johor, jawapan Tuan adalah;*

*' ... tetapi memandangkan Tuanku hanyalah rakyat Singapura yang duduk di bawah Kanun British dan tertakluk kepada mahkamahnya, saya memberi amaran bahawa jika sampai ke pengetahuan saya keterangan & bukti-bukti bahawa Tuanku ingin berperang dengan kuasa yang berdamai dengan Kerajaan British, saya akan bertindak untuk menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di dalam Akta X tahun 1839.'*



Saya berpendapat bahawa tindakan Tuan ke atas saya jika saya teruskan hajat saya itu (menolong Raja Bendahara) tidak berpatutan malahan menyalahi prinsip-prinsip keadilan, maka itu saya membantah dengan sekeras-kerasnya.

Akta 10 yang baru-baru ini digazetkan semula, di dalam Bahasa Inggeris dan Melayu telah menjadi perhatian saya dan orang-orang yang layak menasihati saya, dan akta berikut adalah :

**“Adalah ditetapkan bahawa sesiapa di dalam petempatan Pulau Prince of Wales (Pulau Pinang), Singapura atau Melaka melakukan perang ke atas Kerajaan Persekutuan atau kuasa yang mengikat perjanjian damai dengan kerajaan Wilayah Syarikat Hindia Timor atau cuba untuk menolong dalam membekal atau menjual senjata, peralatan atau bersubahat dalam membuat persiapan perang ke atas wilayah-wilayah tersebut atau kuasa-kuasa tersebut, dianggap melakukan jenayah dan boleh dikenakan buang negeri pada tempuh-tempuh hingga 14 tahun atau penjara dengan atau tidak kerja berat pada tempuh-tempuh hingga 10 tahun.”**

Sesungguhnya kerajaan Raja Bendahara Pahang adalah kuasa sahabat yang berdamai dengan kerajaan British dan sejak beberapa bulan, wilayah Raja Bendahara diserang oleh Enche Wan Ahmad yang sejak itu berperang dengan kerajaan Raja Bendahara.

Dengan keterangan-keterangan yang kukuh, saya bingung akan apakah tafsiran akta ini yang digunakan ke atas saya yang mahu menolong Raja Bendahara melawan Enche Wan Ahmad dengan askar tambahan dari wilayah saya, dianggap (oleh pihak Tuan) sebagai 'melakukan perang ke atas Kerajaan Persekutuan atau kuasa yang mengikat perjanjian damai dengan kerajaan Wilayah Syarikat Hindia Timor atau apa-apa pekerjaan yang berkait dengannya' dan saya dimaklumkan bahawa tuduhan ke atas saya tersebut seperti Akta gugur dengan sendirinya, walaupun ke atas 'warga negara Singapura' seperti mana pihak Tuan menganggap saya.

Saya percaya saya amat sedar sebagai penghuni petempatan ini (Singapura), saya tertakluk ke atas undang-undangnya dan mahkamahannya, tetapi dalam soal negeri saya, dalam hal-hal yang bersangkutan dengan kuasa saya sebagai Raja Johor, saya menolak sebarang tanggungan yang dikenakan oleh perjanjian-perjanjian dan undang-undang antara bangsa.

..... Saya sepatutnya bergembira jika Tuan mengesahkan tuntutan Kerajaan British India sebagai Kuasa Utama di Negeri-Negeri Melayu dengan mengambil tindakan-tindakan bagi mengembalikan keamanan atau menentang tindakan-tindakan liar Enche Wan Ahmad ke atas kerajaan kekandanya. Pihak Tuan hendaklah menerima hakikat bahawa keaskarman Tanah Melayu telah diganggu gugat oleh serangan Enche Wan Ahmad ke atas wilayah Pahang dan bantuan saya kepada Raja Bendahara adalah untuk memulihkan keamanan yang telah lama bertapak sebelum penderhakaan ini dan kalau pada pandangan Tuan inilah pegangan kerajaan British sebagai Kuasa Utama bagi menangani hal ehwal Tanah Melayu maka saya menentang dengan sekeras-kerasnya.

*Pihak Tuan perlu mengetahui siapakah Enche Wan Ahmad dan apakah tuntutananya; dan Tuan juga mengetahui bahawa semua keluarga-keluarga Diraja Tanah Melayu dan individu-individu di dalamnya yang kaitan mereka dengan raja-raja yang memerintah adalah sebagaimana kaitan Enche Wan Ahmad dengan saudaranya, atau lebih tepat lagi saudara tirinya, Raja Bendahara yang sedang memerintah itu<sup>106</sup>. Kalau cara Enche Wan Ahmad menjadi ikutan, maka buruklah akibatnya, terlebih lagi kalau keadaan ini tidak diatasi dengan campur tangan terus dari kerajaan yang mengaku Kuasa Utama atau dengan bantuan bersenjata raja-raja saudara dari negeri-negeri jiran yang boleh diminta bantuannya jika perlu.*

*Saya berharap pihak Tuan menyampaikan surat ini disamping surat-surat lain mengenai perkara-perkara ini bagi perhatian Yang Dihormati, Gabenor Jeneral India."*

Bagaimanapun pihak British telah tidak mengendahkan penjelasan Temenggong Ibrahim. Pendirian ini terbukti apabila sejurus selepas berakhirnya kejadian Perang Pahang, iaitu pada 2hb April tahun 1858M, Resident Counciller di Singapura yang bernama H. Somerset Mackenzie telah menulis surat kepada Tun Ahmad. Dalam suratnya, Mackenzie telah menggunakan gelaran Bendahara Siwa Raja kepada Tun Ahmad dan menyatakan bahawa beliau telah menerima surat dari Tun Ahmad mengenai keadaannya. Mackenzie juga memaklumkan bahawa Gabenor Singapura sendiri akan ke Pahang dan memberitahu Ahmad supaya berjumpa dengan Gabenor di situ untuk mengadakan hal-halnya.<sup>107</sup>

Dalam masa yang sama Mackenzie telah menulis surat kepada Sultan Baginda Omar dan menyatakan pendiriannya untuk merestui tindakan Baginda Omar memberi perlindungan kepada Tun Ahmad dan para pengikutnya di Terengganu selepas menemui kegagalan dalam cubaan merampas kuasa dari Bendahara Tun Mutahir. Dalam surat yang sama Mackenzie menyatakan bahawa sebagai pemerintah mutlak bagi negeri Terengganu, Sultan Baginda Omar boleh membuat peperangan ataupun perdamaian dengan mana-mana kesultanan tanpa memohon kebenaran daripada pihak Inggeris.<sup>108</sup> Mackenzie juga menyatakan bahawa beliau telah memberi amaran kepada Temenggong Ibrahim supaya jangan campur tangan dalam urusan negeri Pahang.

Pada 2 haribulan Mei, Gabenor Selat telah menolak permintaan Tun Mutahir untuk mendapatkan kelengkapan perang dan dalam bulan yang sama telah mengunjungi negeri Pahang dan Terengganu.

---

<sup>106</sup> Bonda Tun Mutahir dari darah gahara, dan Tun Mutahir sendiri merupakan waris Bendahara Tun Ali yang tua, sedangkan bukan sahaja bonda Tun Ahmad tidak gahara, malahan Tun Ahmad sendiri adalah putera ketiga kepada Tun Ali. Jika percubaan merampas kuasa yang tidak mengikut adat itu dibiarkan oleh Tun Ahmad atas kekandanya Tun Mutahir dibiarkan sahaja tanpa diambil sebarang tindakan, ditakuti perkara yang sama akan berlaku pada kesultanan-kesultanan lain di Tanah Melayu. Perkara ini kemudiannya terbukti telah berlaku sehingga mencetuskan politik hebat pada banyak kesultanan di Tanah Melayu.

<sup>107</sup> *Surat Persendirian Sultan Baginda Omar*, SP6/50, Arkib Negara Malaysia. Rujuk juga (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, op. cit

<sup>108</sup> *Ibid*, SP6/51. Di sini jelas dilihat mainan siasah pihak British yang menuntut Temenggong Johor jangan 'campur tangan' membantu kerajaan Bendahara di Pahang, tetapi dalam masa yang sama cuba mempengaruhi Sultan Baginda Omar untuk terus membantu usaha Tun Ahmad merampas kuasa.

Pada 22 hariulan Mei, Temenggong Ibrahim sekali lagi menulis surat kepada Gabenor British. Antara lain baginda menyebut:

*"Dalam surat jawapan Tuan, Tuan telah memberi saya cabutan surat jawapan Setiausaha Kerajaan India bertarikh 22/3 menyatakan sokongan mereka di atas tindakan pihak Tuan yang menghalang saya dari campur tangan di Pahang dan Tuan berharap saya menerimanya sebagai perintah muktamad menghalang saya campur tangan di Pahang serta negeri-negeri Melayu yang lain."*

*"Saya berharap cukuplah bagi saya untuk menyatakan bahawa saya akur pada keputusan Kerajaan India seperti di dalam cabutan-cabutan di dalam surat Tuan, namun saya tetap kesal akan keputusan yang dicapai. Saya tetap berharap pertimbangan yang lebih lanjut dapat dicapai dengan mengambil kira hubungan saya dengan Kerajaan India dan negeri-negeri Melayu yang lain."*

Perang Orang Kemaman, atau Perang Pahang Peringkat Pertama ini yang bermula pada bulan November tahun 1857M berakhir pada awal tahun 1858M. Dalam peristiwa ini, Tun Ahmad tidak mendapat sokongan rakyat Pahang dan terpaksa mendapatkan bantuan Sultan Terengganu yang mengerahkan Orang-Orang Besarnya secara paksa untuk menyokong beliau. Peristiwa ini juga membuktikan bahawa Tun Ahmad tidak dilantik sebagai Bendahara Siwa Raja oleh rakyat Pahang, tetapi dilantik oleh orang luar, iaitu orang Kemaman dari Terengganu. Perlantikannya kemudian direstui oleh pihak Ingeris<sup>109</sup> melalui sepucuk surat yang dikirimkan kepadanya sejurus selepas berakhirnya peristiwa Perang Pahang Peringkat Pertama. Tindakan ini menimbulkan implikasi yang buruk dan jelas melanggar adat Melayu kerana pada masa itu, Tun Mutahir merupakan Bendahara yang sah, masih hidup dan masih berkuasa lagi di bumi Pahang.

### ***Pemberontakan Wan Embong***

Sejurus selepas berakhirnya peristiwa Perang Pahang Peringkat Pertama di awal tahun 1858M, Sultan Mahmud serta kaum kerabat dan para pengikut baginda telah pergi ke negeri Pahang. Di sana, baginda disambut secara besar-besaran mengikut adat istiadat raja-raja yang sepatutnya<sup>110</sup>. Baginda kemudiannya dikahwinkan dengan salah seorang puteri Bendahara Tun Mutahir yang kemudian digelar Engku Puan. Putera Tun Mutahir yang bernama Tun Abdul Rahman (atau Tun Aman) pula mengahwini adinda Sultan Mahmud yang bernama Tengku Hamidah.

---

<sup>109</sup> Pendirian British untuk berpihak kepada Tun Ahmad dalam Perang Pahang serta siasahnya dapat dibaca dalam buku karangan (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, op. cit, di bawah tajuk '*Siasah politik British: Faktor utama kekalahan Tun Mutahir*', hlm 31-43

<sup>110</sup> Sultan Mahmud mempunyai strategi yang tersendiri untuk cuba mendapatkan kuasa di bumi Pahang. Walaupun baginda telah menyokong Tun Ahmad secara tersembunyi, namun baginda juga mahu mencuba nasib dengan Tun Mutahir.

Kedatangan baginda beserta para pengikutnya ke negeri Pahang telah mencemaskan Temenggong Ibrahim, lalu diperintahkan anakandanya yang bernama Enche' Wan Abu Bakar untuk memerhatikan segala perkembangan di Pahang. Kedatangan Enche' Wan Abu Bakar (kiri, kemudian menjadi Temenggong, Maharaja dan Sultan Johor) juga disambut baik oleh Tun Mutahir dan kemudian telah dikahwinkan pula dengan anakanda baginda yang bernama (Tun) Engku Chik<sup>111</sup> (gambar kanan, kemudian menjadi Che' Puan Besar Chik Zabedah). Tindakan Abu Bakar mengahwini puteri Tun Mutahir dilihat sebagai strategi politik Temenggong Ibrahim untuk memperkukuhkan kedudukannya sebagai pemerintah Johor yang berdaulat, kerana kini baginda sedang menghadapi 'perang saraf' dengan Sultan Ali dan Sultan Mahmud yang sedang mencari-cari peluang untuk menaikkan kembali diri mereka kepada mertabat raja.



Menurut *Hikayat Pahang*, tidak berapa lama kemudian, Sultan Mahmud telah berangkat ke daerah Ulu Pahang untuk melihat tempat-tempat bijih timah. Di sana baginda disambut dengan penuh kebesaran mengikut adat istiadat raja-raja oleh Maharaja Perba Wan Idris. Maharaja Perba merupakan salah seorang dari Orang Besar Berempat Pahang, iaitu suatu jawatan yang amat tinggi dalam hirarki pemerintahan negeri<sup>112</sup>. Kekuasaan serta pengaruhnya sangat besar di Ulu Pahang, khususnya di kawasan Jelai. Begitu tinggi penghormatan orang Jelai pada Maharaja Perba, atau Tok Raja bagi mereka, orang Jelai akan duduk menjunjung duli terlebih dahulu sebelum memulakan percakapan dengannya serta berbahasa 'Engku' pula pada Tok Raja.

Maharaja Perba sendiri mempunyai bendera dan meriam kebesaran. Kekuasaan Maharaja Perba begitu besar sehingga boleh menjatuhkan hukuman bunuh tanpa merujukannya terlebih dahulu kepada Bendahara di Pekan. Tok Raja dibantu oleh beberapa orang panglima yang juga bertindak sebagai panglima perang Jelai. Mereka dikenali sebagai 'Apit Limpang' dan menjadi orang yang syhidup semati dengan Tok Raja dan 'ganti mata dan telinga' baginya.<sup>113</sup>

Semasa lawatan Sultan Mahmud di jajahan Tok Raja di Jelai tercetus khabar angin yang bergolok bahawa Tok Raja mahu merajakan Sultan Mahmud sebagai Raja Pahang<sup>114</sup>. Dalam masa yang sama Tun Mutahir pula mendapat perkhbarannya bahawa adindanya Tun

<sup>111</sup> *Hikayat Pahang*, op. cit, hlm 28-29

<sup>112</sup> Gelaran bagi Orang Besar Berempat di Pahang ialah Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai (Tok Raja), Orang Kaya Indera Segara Temerloh, Orang Kaya Indera Segara Pahlawan Chenor dan Orang Kaya Indera Syahbandar

<sup>113</sup> Norazit Selat, *Pahang: Dahulu & Sekarang*, 1996, di bawah tajuk kecil oleh Zakaria bin Mohd Dom, *Wan Muhammad bin Wan Idris, Dato' Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai ke-6 & peranannya dalam perang saudara di Pahang*, hlm 40-41

<sup>114</sup> *Hikayat Pahang*, op. cit, hlm 30

Ahmad sedang bersiap hendak melanggar Pahang buat kali kedua. Untuk memburukkan lagi keadaan, pada 1hb September British telah menghantar sepucuk surat kepada Tun Mutahir dan menegaskan bahawa mereka tidak akan membantu baginda dalam menghadapi ancaman serangan dari Tun Ahmad jika baginda tidak bertindak mengusir Sultan Mahmud keluar dari Pahang<sup>115</sup>.

Sikap British yang tidak mahu Sultan Mahmud dirajakan di Pahang ada kena mengena dengan pendiriannya untuk menghalang sebarang ikhtiar mana-mana pembesar Melayu mendirikan semula empayar Johor-Pahang. Apatah lagi Temenggong Ibrahim baru 'dinobatkan' British sebagai pemerintah Johor yang baru.

Pihak British sedar bahawa keputusan untuk merajakan Sultan Mahmud terletak dalam tangan Tun Mutahir sebagai pewaris keluarga Bendahara Pahang yang sah lagi berdaulat. Walaupun Pahang adalah milik Bendahara, namun British tetap bimbang bahawa Tun Mutahir akan tunduk pada desakan Sultan Mahmud untuk merajakan baginda di situ. Dengan sebab itu British telah memberi amaran kepada Tun Mutahir untuk mengusir Sultan Mahmud keluar dari negeri Pahang.

*Hikayat Pahang* mencatatkan bahawa sekembalinya Sultan Mahmud ke Pekan, kali ini diiringi oleh Maharaja Perba (Tok Raja) dan puteranya Wan Muhammad, baginda telah mendapat sambutan yang dingin. Sikap Tun Mutahir itu memperlihatkan pendirian baginda yang tidak merestui tindakan Tok Raja yang memandai-mandai merajakan Sultan Mahmud serta kebimbangan baginda dengan amaran daripada pihak British<sup>116</sup>. Selepas itu Sultan Mahmud terus menyiapkan diri dan menuju ke Terengganu. Keberangkatan rombongan baginda ke Terengganu tidak diiringi oleh mana-mana rakyat Pahang yang tidak merestui perkembangan yang berlaku di Jelai. Hanya Maharaja Perba dan anakandanya Orang Kaya Muda Wan Muhammad yang mengikuti angkatan Sultan Mahmud hingga ke Terengganu.

Dalam tempuh tersebut, Tun Ahmad telah menghantar dua orang suruhannya, iaitu Wan Buang dan Che Lambak daripada Terengganu untuk membuat kekacauan di daerah Tembeling. Bagaimanapun, setelah tiga hari pengikut Tun Ahmad membuat kekacauan, ianya dapat dihentikan oleh angkatan Tun Mutahir yang diketuai oleh Panglima Perang Kiri Wan Embong (waris tua kepada Maharaja Perba), Che Yahya, Che Embok, Che Uda dan Che Mat Merah.

---

<sup>115</sup> W. Linehan, op. cit, hlm 72

<sup>116</sup> Tun Mutahir sedar bahawa ancaman British ini bukan suatu yang boleh dipandang ringan kerana bapa mertuanya sendiri, iaitu Sultan Ahmad Tajuddin (Kedah) telah mengalami pahit getir dengan pihak British sewaktu pendudukan Siam di Kedah (1821-1839M). Pada masa itu pihak British telah menyebelahi Siam dan membuat tekanan keatas Sultan Ahmad Tajuddin secara mental dan fizikal supaya melupakan perjuangan negerinya sendiri. Malahan Sultan Ahmad Tajuddin pernah ditangkap dan dibicarakan atas tuduhan 'perlanunan' hanya kerana baginda tidak mahu menurut arahan British. Bagaimanapun baginda menang bicara dan dibebaskan. Pahit getir pengalaman Sultan Ahmad Tajuddin serta ancaman British pada ayahanda Tun Mutahir dahulu (Tun Ali) menyebabkan Tun Mutahir amat berhati-hati dalam menangani hal bekas Sultan Johor Lama (Sultan Mahmud).

Dalam bulan Oktober 1858M, Sultan Mahmud telah sampai di Terengganu lalu berjumpa dengan Tun Ahmad dan memberikan restu kepadanya untuk melanggar negeri Pahang buat kali yang kedua. Sultan Mahmud juga telah memberi keizinan kepada Tun Ahmad untuk menggunakan khidmat Tok Raja<sup>117</sup>.

Dalam bulan yang sama Tun Mutahir telah berangkat ke Terengganu. Semasa ketiadaan baginda, berlaku peristiwa pemberontakan anakanda tua Maharaja Perba yang bernama Wan Embong. Wan Embong telah ditugaskan menjaga kawasan Jelai sepeninggalan Tok Raja mengiringi Sultan Mahmud ke Terengganu. Menurut surat Tun Mutahir yang dikirimkan kepada salah seorang kerabat Terengganu yang bernama Tengku Andak<sup>118</sup>, Wan Embong menyatakan bahawa ia memberontak kerana tiga sebab, iaitu yang pertamanya kerana mendapat titah, yang keduanya kerana mendapat perkhbaran bahawa ayahandanya telah dibunuh dan yang ketiganya, kerana hamba raja yang berkhidmat kepadanya telah diambil semula daripadanya. Bagaimanapun menurut Tun Mutahir, Wan Embong tidak pula menyebut siapa yang menitahkannya<sup>119</sup> membuat pemberontakan mahupun siapa yang mengambil kembali hamba raja yang diberikan kepadanya itu. Tun Mutahir selanjutnya menjelaskan dalam surat tersebut bahawa baginda tidak mengetahui perihal perkhbaran mengenai pembunuhan Tok Raja serta tidak mendapat sebarang maklumat mengenai hamba raja yang didakwa diambil balik daripada Wan Embong itu.

Tidak lama kemudian, Tun Mutahir yang masih berada di Terengganu telah menghantar utusan kepada Wan Embong dengan membawa sepucuk surat kepadanya<sup>120</sup>. Dalam surat tersebut, Tun Mutahir menyebut bahawa Sultan Baginda Omar sendiri telah menitahkan supaya Wan Embong segera berjumpa dengannya di Terengganu bagi menyelesaikan apa jua masalah yang sedang dihadapinya. Dalam surat yang sama, Tun Mutahir juga menasihatkan Wan Embong supaya menghentikan pergaduhan di Ulu Pahang.

Tidak berapa lama selepas itu Tun Mutahir telah mengirim sepucuk surat lagi kepada Sultan Baginda Omar seraya menyatakan bahawa Wan Embong telah melanggar hingga ke Pekan<sup>121</sup>. Berikutan serangan ini Wan Embong telah ditangkap dan terus dibunuh oleh pengikut Tun Mutahir. Peristiwa pembunuhan Wan Embong telah dikhabarkan oleh Tun Mutahir kepada seorang kerabat Terengganu dan baginda minta supaya pihak istana Terengganu menyiasat perihal kematian Wan Embong dengan bertanyakan sendiri kepada saksi-saksi bagi kejadian tersebut<sup>122</sup>.

<sup>117</sup> *Hikayat Pahang*, op. cit, hlm 31

<sup>118</sup> (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Mencari Sejarah Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang, 1857-1863M*, Lampiran B; *Surat-surat persendirian koleksi Sultan Baginda Omar*

<sup>119</sup> Kemungkinan yang memberi titah kepada Wan Embong itu adalah Sultan Mahmud sendiri. Ini jelas dilihat apabila sejurus sebelum peristiwa pemberontakan Wan Embong, Sultan Mahmud telah menitahkan ayahnya, iaitu Tok Raja membantu Tun Ahmad menyerang Pahang untuk kali yang kedua. Dalam hal ini, Tun Mutahir tidak tahu menahu mengenai tindak-tanduk Sultan Mahmud mendokong ikhtiar Tun Ahmad untuk merampas kuasa baginda.

<sup>120</sup> *Ibid*

<sup>121</sup> *Ibid*

<sup>122</sup> *Ibid*

Apabila pembunuhan Wan Embong sampai ke pengetahuan ayahandanya yang sedang berada di Terengganu pada masa itu, ianya telah membangkitkan kemarahan Tok Raja. Maka kini bulatlah pendiriannya untuk menyokong Tun Ahmad sepenuhnya bagi membalas dendam atas kejadian pembunuhan anakandanya Wan Embong yang dilakukan oleh pengikut Tun Mutahir itu.

Tindakan Tok Raja untuk membantu Tun Ahmad merampas kuasa dari kekandanya telah memberikan implikasi yang amat buruk kepada pihak Bendahara Tun Mutahir dalam Perang Pahang di peringkat yang kemudiannya.

Bagaimanapun, buat sementara waktu, iaitu semenjak kem Tun Ahmad kalah dalam Perang Pahang Peringkat Pertama di awal tahun 1858M, ia mengambil keputusan untuk berdiam diri di Terengganu selama hampir dua tahun. Tempuh tersebut digunakan dengan sebaik mungkin untuk mengumpul pengikut dan senjata serta mengatur strategi bagi menyerang Pahang sekali lagi.

## Bab V

### Perang Pahang Peringkat Kedua dan Ketiga

#### *Perang Endau dan Kuantan*

Kesempatan untuk melancarkan serangan kali kedua ke atas negeri Pahang terbuka apabila tragedi pembunuhan Wan Embong di Pahang oleh orang-orang Bendahara telah menyebabkan ayahandanya Tok Raja mengambil keputusan untuk membantu Tun Ahmad menawan bumi Pahang. Walaupun sebelum terjadinya peristiwa tersebut Tok Raja jelas telah mengkhianati Tun Mutahir dengan merajakan Sultan Mahmud tanpa persetujuan dan restu baginda sebagai seorang bendahara, apatah lagi setibanya di Terengganu Sultan Mahmud sendiri telah menitahkan Tok Raja untuk 'berkhidmat' dengan Tun Ahmad, namun pemberontakan puteranya Wan Embong yang berakhir dengan kematiannya telah membulatkan pendirian Tok Raja untuk terus memihak kepada kem Tun Ahmad.

Keputusan Tok Raja untuk memihak kepada Tun Ahmad merupakan suatu kelebihan yang besar bagi pihaknya. Adat Melayu lama begitu menjunjung permuafakatan diantara para pembesar negeri dalam apa jua perkara yang bersangkut dengan hal ehwal pentadbiran negeri terutamanya mengenai hal perlantikan pemerintahnya. Tun Ahmad sedar bahawa sukar untuk menawan Pahang tanpa bantuan Orang-Orang Besarnya<sup>123</sup> sendiri dan telah lama menunggu-nunggu suatu peluang yang dapat mengubah kesetiaan Orang-Orang Besar Pahang kepadanya. Dengan sokongan Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai atau Tok Raja yang kini berada di pihaknya, Tun Ahmad telah bersedia untuk mencatur strategi peperangan yang berikutnya.

Perang Pahang Peringkat Kedua yang dikenali sebagai Perang Endau dan Kuantan bermula pada bulan March tahun 1861M. Pada kali ini, Tok Raja dan puteranya Wan Muhammad telah mengambil peranan yang aktif. Wan Muhammad telah dilantik sebagai kepala perang bergelar Panglima Perang Kiri Setia Raja.

Dari Kemaman, Tun Ahmad dan pengikutnya telah belayar menuju ke Kuantan dan membakar daerah itu sebelum perjalanan diteruskan hingga ke Sungai Miang dimana mereka mendarat selama dua hari. Serangan mereka menemui kegagalan, lalu mereka mengambil keputusan untuk ke Kuala Endau dan membina kubu-kubu pertahanan di situ. Salah seorang dari orang Tun Ahmad yang bernama Haji Abdul Rahman Kechau telah diperintahkan ke Singapura untuk membeli senjata dan ubat bedil.

---

<sup>123</sup> Selepas raja, Orang Besar Berempat Pahang merupakan yang paling teratas dalam hirarki pemerintahan negeri. Mereka ialah Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai, Orang Kaya Indera Segara Temerloh, Orang Kaya Indera Segara Pahlawan Chenor dan Orang Kaya Indera Syahbandar.



Tidak lama kemudian angkatan Tun Mutahir datang dari Pekan dengan membawa bersama empat buah perahu. Angkatan ini dibantu oleh operasi yang dibuat dari darat. Tun Ahmad dan para pengikutnya telah diserang dengan hebat dan dikepung untuk beberapa lama. Keadaan ini telah memutuskan sumber bekalan makanan, senjata dan kewangan hingga melemahkan pihak Tun Ahmad, apatah lagi perahu yang membawa alatan senjata dan ubat bedil yang dibawa oleh Hj Abdul Rahman dari Singapura telah dapat dipintas oleh orang-orang Tun Mutahir.

Kerana tiada pilihan lain lagi, angkatan perang Tun Ahmad yang terkepung di Kuala Endau telah mengambil keputusan nekad untuk berjuang berhabis-habisan dengan orang-orang Bendahara dari hala laut dan darat. Mereka menyerang perahu-perahu perang dan kubu-kubu pertahanan kem Tun Mutahir hingga mengakibatkan pasukan perang baginda terpaksa berundur secara tergesa-gesa dan kembali ke Pekan. Maka banyaklah bekalan makanan, senjata dan ubat bedil yang diperolehi oleh angkatan perang Tun Ahmad.

Dengan kejayaan yang tidak terduga di Endau ini, pihak Tun Ahmad kemudiannya telah meninggalkan Endau dan meneruskan operasi di Kuantan untuk selama tiga bulan serta membina kubu-kubu pertahanannya di situ. Di sini angkatan perang Tun Mutahir sekali lagi dapat mengepung pihaknya sehingga terjadi lagi masalah putus bekalan makanan dan alatan peperangan.

Dalam bulan Mei tahun itu Tun Mutahir telah memaklumkan kepada pihak British di Singapura bahawa baginda telah melantik anakanda baginda Tun Koris sebagai Bendahara Seri Maharaja yang baru dan telah menyerahkan urusan pentadbiran negeri Pahang kepadanya. Kemudiannya dalam bulan Jun Gabenor Singapura pada masa itu yang bernama Sir Orfeur Cavenagh telah menulis sepucuk surat kepada Tun Mutahir dan menyatakan bahawa pihak British baru sahaja dimaklumkan mengenai perihal dakwaan Tun Ahmad bahawa ayahandanya Al-Marhum Bendahara Siwa Raja Tun Ali telah meninggalkan dua pucuk surat wasiat yang bertarikh 25hb Mei dan 15hb Oktober tahun 1856M. Tun Ahmad mendakwa bahawa Tun Ali telah memberikan jajahan Kuantan dan Endau dalam surat wasiat baginda<sup>124</sup> dan Tun Mutahir telah melanggar wasiat tersebut.

Gabenor Cavenagh yang dimaklumkan akan hal ini terus pergi ke Pahang dan berjumpa dengan Tun Mutahir bagi membuat penyiasatan mengenai dakwaan Tun Ahmad itu. Menurut Cavenagh sendiri<sup>125</sup>, Ketua Menteri Pahang yang bernama Engku Syed Omar Al-Attas<sup>126</sup> telah menegaskan bahawa chop mohor surat yang didakwa Ahmad sebagai

---

<sup>124</sup> Dalam buku W. Linehan, *A History of Pahang*, surat wasiat Tun Ali seolah-olah diketengahkan oleh Tun Ahmad sejeurus selepas kemangkatan baginda dalam tahun 1857M. Ini menyebabkan para sejarawan Pahang telah membuat kesimpulan bahawa surat wasiat tersebutlah yang menjadi punca tindakan Ahmad untuk merampas kuasa dari kekandanya yang dikatakan mengingkari surat wasiat itu. Bagaimanapun hakikatnya, Tun Ahmad hanya menimbulkan perihal surat wasiat tersebut dalam tahun 1861M, iaitu 4 tahun selepas kemangkatan ayahandanya.

<sup>125</sup> Rujuk *Reminiscences of an Indian Official*, by General Sir Orfeur Cavenagh, London 1884. Catatannya juga boleh didapati dalam buku W. Linehan, *A History of Pahang*, hlm 76-77

<sup>126</sup> Engku Syed Omar juga merupakan Ketua Menteri kepada Al-Marhum Bendahara Tun Ali selain menjadi ipar kepada Tun Mutahir melalui perkahwinannya dengan saudara perempuan baginda yang bernama Engku Long.

wasiat dari ayahandanya sebenarnya dibuat oleh salah seorang isteri Tun Ali yang berkongkol dengannya, dan bukan oleh Bendahara itu sendiri. Engku Syed Omar selanjutnya menyatakan bahawa ada tiga perkara menurut adat Melayu yang tidak boleh dibelah bahagikan; iaitu pertamanya, wilayah<sup>127</sup>; kedua, rakyat, ketiga; alat-alat kebesaran; dan putera-putera yang muda hanya boleh dilantik sebagai penguasa-penguasa daerah. Engku Syed juga menegaskan bahawa sebelum mangkatnya Tun Ali, Al-Marhum mula menyedari kesalahan Tun Ahmad dan meminta Tun Mutahir, apabila dirajakan nanti, untuk menyingkir saudaranya itu ke luar negeri<sup>128</sup>. Apabila ditanya mengapa Al-Marhum sendiri tidak mengusir Tun Ahmad sendiri, jawapnya Al-Marhum ketika itu amat gering dan orang Melayu pula memang suka bertangguh dalam membuat sesuatu pekerjaan.

Perbincangan dengan Cavenagh seterusnya telah dimeterai dengan suatu surat perjanjian yang mana Tun Mutahir bersedia untuk menyelesaikan masalah pergaduhan diantara baginda dan Tun Ahmad melalui meja rundingan. Baginda juga bersetuju untuk memberi nafkah seumur hidup kepada Tun Ahmad. Perjanjian tersebut ditanda tangani baginda pada 25hb Mei tahun 1861M<sup>129</sup>.

Dalam kesibukan Gabenor mengadakan rundingan dengan Tun Mutahir, Tun Ahmad mengambil peluang untuk meloloskan diri dari kepungan orang-orang Bendahara. Hasrat Gabenor Cavenagh untuk berjumpa dengannya bagi mendapatkan persetujuannya untuk mengketengahkan dakwaannya mengenai kejujuran surat wasiat Tun Ali mengenai isu pemberian jajahan Endau dan Kuantan telah gagal kerana Tun Ahmad telah melarikan diri<sup>130</sup>. Bagaimanapun satu salinan surat perjanjian dengan Tun Mutahir telah dikirimkan kepada beliau, namun ia menolak mentah-mentah tawaran untuk berunding serta pemberian elauan nafkah hidup, malahan menegaskan hasratnya untuk tetap '*menawan Pahang samada hidup atau mati*'.

Pada 9hb Julai, Gabenor Cavenagh telah menolak permintaan Tun Mutahir supaya kapal perang British dapat dihantar ke Kuantan bagi mengusir Tun Ahmad. Bagaimanapun pihak British telah meminta Sultan Baginda Omar untuk mengusir Ahmad dari Kemaman dan memberi amaran kepadanya supaya jangan mengganggu urusan perdagangan diantara saudagar-saudagar Pahang dan Singapura<sup>131</sup>.

<sup>127</sup> Adat ini menunjukkan bahawa tanah yang telah dikurniakan pada seseorang dalam sebuah kerajaan Melayu menjadikan tanah tersebut hakmilik turun temurun keluarganya, tetapi ia tetap bertuan kepada Sultan yang mengurniakan tanah tersebut.

<sup>128</sup> Kenyataan Engku Syed ini dapat dibuktikan melalui surat wasiat Tun Ali yang dibuat pada 1hb Oktober 1856M. Lihat tajuk '*Surat Wasiat Tun Ali*' dalam buku ini.

<sup>129</sup> *Laporan Setiausaha Kerajaan India kepada Sir C Wood*, 8 Disember 1862, Surat Keterangan Terengganu, 1862, S.S.R., India Office, 28 Julai 1862, hlm 3

<sup>130</sup> Persoalannya, mengapa Tun Ahmad melarikan diri sedangkan pihak British telah memberikan kepadanya suatu kesempatan untuk membuktikan kebenarannya? Apa yang pasti, Tun Ahmad tidak pernah lagi mendakwa-dakwi mengenai isu surat wasiat Tun Ali selepas kejadian ini. Hakikatnya, dakwaan Tun Ahmad amat bercanggah dengan surat wasiat Tun Ali yang sebenar, iaitu yang berbentuk suatu pengisytiharan mengeluarkannya dari senarai waris dan menjatuhkan hukuman bunuh atau disingkirkannya keluar dari negeri Pahang.

<sup>131</sup> Saudagar-saudagar Eropah di Singapura telah membuat bantahan rasmi mengenai orang-orang Tun Ahmad yang membuat kekacauan dan mengganggu perdagangan di Endau dan pantai persisirannya yang

Dalam bulan Ogos kem Tun Ahmad berundur kembali ke Kemaman di Terengganu. Sekembalinya ke Terengganu, beliau telah mengesan perubahan sikap Sultan Terengganu yang dingin terhadapnya. Berkemungkinan Baginda Omar kecewa dengan kegagalan Tun Ahmad buat kali kedua untuk menawan Pahang walaupun banyak pertolongan telah baginda salurkan kepada pihaknya. Oleh itu beliau dan Maharaja Perba serta beberapa orang pengikutnya telah mencuba nasib di Kelantan, membuat hubungan dengan Sultan Mulut Merah dan Raja Mudanya<sup>132</sup>.

Sultan Mahmud yang juga kecewa dengan kekalahan di pihak Tun Ahmad dalam Perang Pahang Peringkat Kedua itu kemudiannya telah membuat keputusan untuk berjumpa dengan Raja Siam bagi meminta pertolongannya. Keputusan baginda diprotes oleh Sultan Baginda Omar yang tidak mahu Raja Siam masuk campur dalam hal ehwal Terengganu. Sebenarnya, semenjak menjadi Raja Terengganu, Sultan Baginda telah menghentikan penghantaran ufti (bunga emas) kepada Raja Siam seperti yang lazim dibuat oleh pemerintah sebelumnya. Walaupun Raja Siam tidak mengambil apa-apa tindakan terhadapnya, namun baginda khawatir keputusan anak saudaranya Sultan Mahmud untuk meminta bantuan daripada pihak Siam akan diambil peluang oleh Raja Siam untuk mengusirnya dari takhta pemerintahan negeri dan meletakkan Sultan Mahmud di tempat baginda dengan jalan kekerasan.

Bagaimanapun Sultan Mahmud tetap berkeras dengan pendiriannya dan belayar ke Siam bersama beberapa orang pengikutnya. Adinda Sultan Mahmud yang bernama Tengku Safiyah juga dibawanya bersama walaupun cuba dihalang oleh kaum kerabat Terengganu<sup>133</sup>.

Oleh itu buat sementara waktu Pahang tidak lagi merasa terganggu. Tun Ahmad dan pengikut setianya yang menyepikan diri di Kelantan, Sultan Mahmud yang kini berada di Siam serta sikap Baginda Omar yang seolah-olah putus asa dengan apa yang berlaku dilihat sebagai perkembangan-perkembangan yang positif kepada Bendahara Tun Mutahir. Pada 6hb Ogos Tun Mutahir telah memaklumkan kepada pihak British bahawa negeri Pahang kini telah kembali aman.

Malangnya, walaupun pengunduran Tun Ahmad ke Kelantan merupakan berita yang ditunggu-tunggu oleh pihak Tun Mutahir, namun baginda kemudiannya terpaksa pula menghadapi suatu pemberontakan yang dicituskan oleh Wan Daud bin Wan Pahang, anak saudara Tok Raja yang berhajat untuk menuntut bela di atas kematian saudara sepupunya Wan Embong. Selain itu dikatakan juga bahawa Wan Daud tidak berpuas hati dan berdendam dengan tindakan putera Tun Mutahir yang bernama Tun Aman yang

---

didakwa Tun Ahmad diberi oleh Tun Ali dalam surat wasiat baginda. Amaran pihak British untuk mengambil tindakan tegas kepada pengikut Tun Ahmad yang melanun kapal-kapal perdagangan di kawasan tersebut terpaksa dipatuhi kemudiannya.

<sup>132</sup> Setengah pihak mendakwa Raja Kelantan telah membantu pemberontakan yang dibuat oleh Maharaja Perba serta pengikutnya di Pahang dalam tahun 1861M, namun perkara ini dinafikan sendiri oleh Raja Kelantan melalui sepucuk warqah yang dikirimkan baginda kepada Inggeris.

<sup>133</sup> Kaum kerabat istana Terengganu bimbang Raja Siam minta supaya diperisterikan dengan Tengku Safiyah. Kebimbangan mereka kemudiannya menjadi kenyataan. Raja Siam ini merupakan suami pertama kepada Tengku Safiyah. Tengku Safiyah kemudiannya berkahwin dengan seorang kerabat Terengganu

mengenakan denda atas penduduk Ulu Pahang, terutamanya dari Jelai kerana memberikan sokongan kepada pengkhianat negeri (iaitu Tok Raja anak beranak) dan menderhaka kepada Bendahara sebagai pemerintahnya. Dalam peristiwa itu, Wan Daud telah dibantu oleh Khatib Rasu (yang kemudiannya digelar Tok Gajah).

Pemberontakan yang dilancarkan oleh Wan Daud bermula pada bulan Ogos tahun 1861M dan mengambil masa selama lapan bulan. Wan Daud mendapat pertolongan dari 400 orang-orang luar yang berbangsa Rawa Mandailing<sup>134</sup>. Pada mulanya pasukan pemberontakan Wan Daud menghadapi kejayaan cemerlang kerana dapat menguasai daerah-daerah dari Tanjung Batu sampai ke Kuala Lipis. Namun orang-orang Pahang yang rata-rata masih setia berpihak kepada Tun Mutahir telah melancarkan serang balas yang akhirnya mengakibatkan para pemberontak hilang kekuatan.

Orang Jelai yang masih merasai kehilangan Tok Raja mereka semenjak pemergiannya dua beranak ke Terengganu dalam tahun 1858M mengiringi Sultan Mahmud telah melemahkan lagi semangat Wan Daud dan orang-orangnya untuk meneruskan pemberontakan. Susulan darinya Wan Daud akhirnya mengambil keputusan menjemput kembali ayah saudaranya Tok Raja Wan Idris dan sepupunya Wan Muhammad di Kelantan .

Setelah mendapat perutusan dari anak saudaranya yang meminta ia kembali membantu orang Jelai membuat pemberontakan di Pahang bagi membalas dendam atas kematian anakandanya Wan Embong itu, Tok Raja telah meminta izin dari Tun Ahmad untuk kembali ke Pahang dan berteguh janji untuk tetap setia kepadanya.

Kepulangannya Tok Raja ke jajahannya di Jelai dalam bulan Januari tahun 1862M telah menaikkan semangat para pengikutnya di situ. Dengan semangat yang baru pulih, mereka kemudiannya meneruskan pemberontakan dengan melancarkan serangan ke atas kubu-kubu pihak lawan di Kuala Tui. Penghulu Bera yang bernama Tok Hussain dibunuh, sementara pengikut Bendahara yang lain ramai telah dapat ditawan. Pengunduran saki baki orang-orang Bendahara dari situ telah sekali lagi dipintas oleh pengikut Tun Ahmad yang meletakkan kayu-kayu balak di atas sungai hingga menghalang pengunduran mereka. Serangan yang dilancarkan ke atas perahu-perahu mereka seterusnya telah mengakibatkan banyak kematian di pihak Bendahara, sementara yang lain mengalami kecederaan. Beberapa kerat dari mereka dapat juga meloloskan diri sehingga sampai ke Kuala Tembeling dimana Tun Aman dan orang-orangnya sedang bertahan.

Tun Aman dan para pengikutnya yang begitu terperanjat menerima ketibaan perahu-perahu yang rata-rata dimuatkan dengan jenazah dan para pengikut Bendahara yang mengalami kecederaan dalam peperangan di Kuala Tembeling langsung bergegas membuat pengunduran dan kembali ke Chenor.

Dengan pengunduran Tun Aman ke Chenor, kubunya di Tembeling telah diambil oleh orang-orang Rawa. Che Yahya penghulu Tembeling yang sepatutnya mengikuti Tun Aman berundur ke Chenor sebaliknya telah mengambil keputusan untuk kembali ke

<sup>134</sup> Orang Rawa berasal dari sebuah daerah bernama Rao di Sumatera Barat

tempatya yang berada tidak jauh dari sungai Tembeling, dan menyambut orang-orang Rawa di situ. Malangnya, setelah melayan orang-orang Rawa itu dengan baik beliau kemudiannya dibunuh dan keluarganya ditawan.

Pada tahap ini Orang Kaya Lipis yang merupakan salah seorang dari Orang Besar Berlapan pula telah berpihak kepada Tok Raja. Ini berdasarkan pertalian persaudaraan diantara orang-orang Lipis dan Jelai yang menganggap diri mereka sebagai satu puak dan berasal dari keturunan yang sama<sup>135</sup>.

Dengan kemenangan orang-orang Jelai di bawah teraju pimpinan Tok Raja dan puteranya Wan Muhammad, maka pengikut-pengikut setia Tun Ahmad telah mula berkeyakinan untuk membawanya kembali ke Pahang bagi dirajakan. Tok Raja lantas menghantar utusannya, iaitu Kakap Bahaman dan Orang Kaya Lipis ke Kelantan bagi menjemput Tun Ahmad kembali. Walaupun Tun Ahmad begitu gembira dengan berita ini, namun ia menghadapi masalah kekurangan wang. Oleh itu beliau berikhtiar mencari sumber kewangan melalui penyabungan ayam-ayamnya dengan kerabat Kelantan. *Hikayat Pahang* mencatatkan bahawa "*Raja (Tun Ahmad) pun menyabung ayamnya yang bernama Tiga Keneri, Lima Keneri dan bernama Lipan dan Hijau, lawannya Raja Muda Kelantan dan Engku Putera, Raja (Tun Ahmad) menang tujuh rentang lebih seribu ringgit kemenangannya dengan pertolongan Tuhan akan menambah belanja...*"

Apabila persiapan telah dibuat, Tun Ahmad dan para pengikutnya terus ke Terengganu dan menceritakan khabar mutakhir dari Pahang kepada pemerintah Terengganu. Sultan Baginda Omar yang pada mulanya hilang keyakinan pada ikhtiar Tun Ahmad untuk mengambil Pahang dari tangan Tun Mutahir mula menaruh kembali keyakinan padanya. Susulan dari sini, bantuan ubat peluru, wang dan tenaga kerah orang-orang Kemaman dibekalkan sekali lagi kepada Tun Ahmad. Baginda Omar juga mengenakan sekatan terhadap bekalan beras ke Pahang.

Semasa di Terengganu, pada suatu hari, sedang Tun Ahmad meminum kopi, tiba-tiba beliau mendapat ilham strategi yang harus digunakannya bagi menawan Pahang. Bagi mengingati peristiwa tersebut, selepas kemenangannya dalam kejadian Perang Pahang itu, Tun Ahmad telah menggunakan lambang daun kopi sebagai jata peribadi keluarganya sebagai keluarga yang memerintah negeri itu. Lambang tersebut masih digunakan oleh warisnya yang memerintah sehingga pada hari ini.

### **Faktor Siam**

Pada bulan Disember tahun 1861M, Temenggong Ibrahim telah membuat suatu surat perjanjian dengan Bendahara Tun Mutahir untuk membantu antara satu sama lain jika negeri mereka dilanggar musuh, dan jika timbul apa jua kekusutan diantara mereka, hendaklah diserahkan kepada pihak British sebagai orang tengah untuk

<sup>135</sup> Menurut suatu riwayat, orang-orang Lipis dan Jelai merupakan keturunan Baginda Damun dari Kota Lama Kanan di Perak, yang mana anaknya kemudian membuka petempatan di daerah Lubok Yong Guntong, Jelai.

menyelesaikannya. Pada tahap tersebut, dalam keadaan negeri Johor yang sudah tidak bertuan lagi itu, kesultanan-kesultanan Melayu telah menganggap Temenggong Ibrahim sebagai pemerintah 'de facto' nya. Bagaimanapun, pada 31hb Januari tahun 1862M, setelah demam selama dua hari sahaja, Temenggong Ibrahim telah mangkat dan dimakamkan di Telok Belanga. Pada 1hb Februari, putera Al-Marhum yang bernama Enche' Wan Abu Bakar telah dilantik menggantikannya sebagai Temenggong Johor, bergelar Seri Maharaja.

Pada 17hb Jun tahun yang sama, satu lagi perjanjian persahabatan telah dibuat diantara kerajaan Pahang dan Johor, iaitu diantara Bendahara Tun Koris dan Temenggong Abu Bakar. Walaupun kebanyakan daripada isi kandungan perjanjian tersebut serupa dengan perjanjian persahabatan yang ditandatangani diantara Tun Mutahir dan Temenggong Ibrahim sebelum Temenggong Ibrahim mangkat, Tun Koris juga telah membuat penambahan untuk menyerahkan Pulau Tioman dan lain-lain pulau yang terletak di sebelah selatan kepada pulau itu kepada kerajaan Johor. Di darat pula, sempadan negeri Johor ditarik sehingga ke Sungai Endau yang selama ini merupakan daerah Pahang, dengan ini memperluaskan kawasan tanah bagi negeri Johor. Pemberian ini dibuat sebagai galakan kepada Temenggong Abu Bakar untuk membantu Bendahara menangani ancaman dari berbagai pihak yang mempunyai cita-cita dan kepentingan di bumi Pahang.

Apa yang menariknya mengenai kedua-dua perjanjian persahabatan ini ialah pendirian British untuk merestuinnya setelah sekian lama British menolak dengan kerasnya sebarang usaha di pihak kerajaan Johor untuk membantu Tun Mutahir. Perubahan pendirian pihak British ini adalah berdasarkan perkembangan terbaharu yang sedang berlaku di negeri Terengganu berikutan tindakan Sultan Mahmud memohon bantuan kerajaan Siam.

Sultan Mahmud yang telah pergi ke Siam pada pertengahan tahun 1861M kerana kecewa dengan kekalahan kem Tun Ahmad dalam Perang Pahang Peringkat Kedua telah meminta Raja Siam membantu baginda kembali kepada mertabat sultan. Walaupun Raja Siam tidak berhasrat untuk mencari masalah dengan pihak Belanda yang kini menjadi penaung kepada kesultanan di Lingga, namun baginda melihat suatu peluang untuk membalas dendam di atas kedegilan Sultan Baginda Omar yang selama ini berkeras tidak mahu bernaung di bawah kerajaan Siam seperti yang dibuat oleh pemerintah-pemerintah Terengganu yang sebelumnya. Raja Siam tidak berpuashati dengan hakikat bahawa semenjak menjadi pemerintah Terengganu, Baginda Omar tidak pernah membuat kunjungan hormat secara peribadi ke Bangkok. Ini dilihat sebagai sikap tidak menghormati serta tidak mahu tunduk pada 'ketuanan' kerajaan Siam.

Oleh itu kedatangan Sultan Mahmud dengan membawa hajat yang besar dilihat sebagai 'pucuk dicita, ulam mendatang' bagi kerajaan Siam. Raja Siam melihat pada Sultan Mahmud satu peluang keemasan untuk menyingkirkan Sultan Baginda Omar dan meletakkan semula Terengganu di bawah naungannya. Apatah lagi jikalau pihak Siam pandai mencatur langkah, boleh jadi juga Pahang dapat diletakkan di bawah kuasanya.

Raja Siam cukup sedar bahawa peribadi yang sedang menghadapnya meminta bantuan ini bukan calang-calang orang, baginda adalah seorang bekas sultan daripada kerajaan

Johor Lama yang berprestij tinggi itu. Atas alasan ini jugalah Raja Siam menuntut untuk memperisterikan Tengku Safiyah, adinda Sultan Mahmud itu kerana akur bahawa ikatan perkahwinan dapat digunakan sebagai suatu alasan kukuh untuk campur tangan dalam hal ehwal Raja-Raja Melayu, kerana perkahwinan keluarga diraja zaman dahulu kala seringkali adalah dengan matlamat untuk menggabungkan kuasa.

Bagaimanapun Raja Siam tidak mahu mengambil langkah yang terburu-buru. Selepas berkahwin dengan Tengku Safiyah serta memberi jaminan untuk membantu Sultan Mahmud, Sultan Mahmud terpaksa menunggu untuk tempuh selama lebih enam bulan sebelum akhirnya dapat merealisasikan hasratnya mendapatkan bantuan daripada kerajaan Siam. Berkemungkinan kedatangan Tun Ahmad ke Siam kemudiannya yang telah menyebabkan Raja Siam mengotakan janji yang diberi pada Sultan Mahmud sebelumnya. Tun Ahmad dilihat sebagai suatu lagi faktor yang mampu membuka ruang bagi kerajaan Siam untuk masuk campur dalam gejolak politik yang sedang melanda bumi Pahang.

Dalam bulan Julai tahun 1862M, iaitu hampir setahun Sultan Mahmud berada di Siam, baginda telah kembali semula ke ke Terengganu. Kedatangan baginda dengan sebuah kapal yang mengibarkan bendera Siam beserta tiga kapal perangnya yang membawa Tengku Mahkota Siam dengan Ketua Menterinya telah memeranjatkan pihak British. Kemunculan kapal perang Siam di pantai laut Terengganu telah juga diiringi oleh Tun Ahmad beserta beberapa buah perahu para pengikutnya<sup>136</sup>.

Gabenor Cavenagh telah meminta Konsul British di Bangkok, iaitu Sir Robert Schomburgk untuk menyasiat perkembangan terbaru ini. Pada 16hb Julai, Sir Robert telah menulis surat kepada Gabenor perihal insiden tersebut. Beliau memaklumkan bahawa apabila Sultan Baginda Omar disoal mengenai tujuan Sultan Mahmud datang ke Terengganu, baginda menjawab kedatangan Sultan Mahmud hanyalah untuk mengunjungi bondanya yang kebetulan sedang menetap di sana. Baginda Omar juga memberi jaminan bahawa Sultan Mahmud tidak akan diizinkan untuk membuat kacau di negeri tersebut, bagaimanapun jika baginda mangkat, baginda tidak akan menghalang Sultan Mahmud untuk menggantikannya sebagai pemerintah Terengganu jika itulah yang menjadi pilihan rakyatnya.

Pada 28hb Julai, Gabenor British telah menulis surat kepada Sultan Baginda Omar mengenai kekejutannya perihal kedatangan Sultan Mahmud ke Terengganu dengan kapal perang Siam dengan diiringi oleh Tun Ahmad dan para pengikutnya. Cavenagh mengambil siriis akan perkembangan terbaru yang sedang berlaku di Terengganu. Beliau yakin bahawa kerajaan Siam berhasrat untuk menguasai kedua-dua kerajaan Terengganu dan Pahang dengan memperalatkan Sultan Mahmud dan Tun Ahmad yang benar-benar sedang terdesak itu. Apa jua kekacauan yang bakal terjadi pada kedua-dua tempat ini

---

<sup>136</sup> R. O Windstedt, *A History of Johore (1365-1895)*, JMBRAS, Vol X, Part III, Disember 1932, hlm 114-117

bukan sahaja akan mengganggu laluan perdagangan di perairan pantai timur, malahan kepentingan politik British di Tanah Melayu boleh terganggu<sup>137</sup>.

Dalam hal ini, Pengerusi Dewan Perniagaan di Singapura telah mengadu kepada Gabenor Cavenagh bahawa tindakan Sultan Mahmud dan Baginda Omar memberikan bantuan mereka kepada Tun Ahmad secara terbuka untuk menawan negeri Pahang telah menyebabkan perdagangan mereka terbantut di negeri tersebut.

Berdasarkan fakta-fakta ini, Cavenagh mengambil keputusan untuk menghantar sebuah kapal perang British, *Hooghly* ke perairan pantai Terengganu bagi memerhatikan keadaan. Apabila angkatan Siam melihat kedatangan kapal perang British, Tengku Mahkota Siam dan Ketua Menterinya terus membatalkan niat untuk mendarat di Terengganu dan meneruskan pelayaran ke Singapura dengan meninggalkan Sultan Mahmud, Tun Ahmad dan para pengikut mereka di situ.

Pada 2hb September, Gabenor British telah menulis surat kepada Tun Mutahir dan memaklumkan bahawa Raja Siam telah memerintahkan Sultan Baginda Omar untuk mengusir Sultan Mahmud kerana membantu kekacauan yang sedang melanda Ulu Pahang. Pada tarikh yang sama, Gabenor juga telah menulis kepada Baginda Omar dengan mendakwa baginda memberi perlindungan kepada Sultan Mahmud dan Tun Ahmad.

Semenjak Raja Siam membatalkan hasratnya untuk campurtangan dalam hal ehwal di Pahang dan Terengganu, Sultan Mahmud terus menetap di Terengganu untuk beberapa bulan lamanya. Dalam masa tersebut pihak British telah mendesak Siam menghantar sebuah kapal ke sana untuk menyingkirkan Sultan Mahmud, bagaimanapun kerajaan Siam melewakan permintaan dari British itu.

Kemudiannya pada 3hb September 1862M, Gabenor memberi kata dua kepada Sultan Baginda Omar, iaitu Sultan Mahmud mesti diusir ke Siam dan memanggil kembali semua hulubalang Terengganu yang pada waktu itu sedang membantu Tun Ahmad membuat kacau di Pahang.

Apabila Sultan Baginda Omar tidak mengendahkan amaran tersebut, maka dalam bulan November, Kolonel MacPherson dari Singapura telah dihantar ke Terengganu beserta kapal *H.M. S Coquette* dan *H.M. S Scout*. Kolonel telah menuntut supaya Sultan Mahmud naik ke kapalnya dengan tujuan untuk dihantar terus ke Siam. Sultan Mahmud tidak mahu mengikut arahan tersebut dengan alasan tidak mendapat sebarang surat dari

---

<sup>137</sup> British merasa terganggu dengan campurtangan Siam di Terengganu dan Pahang kerana hubungan politik di negeri-negeri Melayu Utara telah ditentukan oleh Perjanjian Burney yang ditanda tangani oleh Ingeris dan Siam dalam tahun 1826M. Bagaimanapun, dalam perjanjian tersebut, titik butir perjanjian mengenai negeri Terengganu dan Kelantan tidak ditentukan dengan jelas. Sehingga tahun 1862M, Siam tidak membuat sebarang peperangan terbuka dengan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, tetapi telah cuba mencapai kawalan ke atas negeri ini melalui komplot sulit. Bagaimanapun, dalam tahun 1862M, Siam telah menggugurkan dasar ini dalam ikhtiarnya untuk menguasai negeri Pahang dan Terengganu. Ini menyebabkan British merasa terganggu dengan perkembangan yang berlaku di Pahang dan Terengganu yang secara langsung telah membabitkan Siam.



Raja Siam. Kolonel kemudiannya memberi tempuh selama 48 jam untuk Sultan Mahmud mematuhi arahan tersebut, jika tidak ia akan mengebom Terengganu. Bagaimanapun Sultan Mahmud tetap berkeras dengan pendiriannya, mengakibatkan Kuala Terengganu dibom. Pengeboman ini telah menyebabkan hampir 20 orang terbunuh. Akibat daripada kejadian tersebut, Sultan Mahmud akhirnya terpaksa bersetuju untuk kembali ke Siam<sup>138</sup>.

Dengan pengusiran Sultan Mahmud dari Terengganu pihak British dapat menarik nafas lega kerana matlamatnya supaya bekas Sultan Johor Lama itu tidak dirajakan di mana-mana tempat di Tanah Melayu kini tercapai. British juga berpuas hati bahawa hasrat Raja Siam untuk menguasai Terengganu dan kemungkinan juga Pahang dapat digagalkan terus. Pihak British telah memperhatikan pendiriannya yang tegas iaitu untuk menghapuskan apa jua legasi empayar Johor Lama sehingga terbukti sanggup menggunakan kekerasan apabila melihat tanda-tanda tersebut muncul.

### *Faktor Temenggong Abu Bakar*

Atas restu terbuka yang diberikan oleh Sultan Mahmud dan Sultan Baginda Omar, Tun Ahmad dan para pengikutnya telah kembali ke Kemaman untuk mengumpul alatan peperangan beserta panglima-panglima perang. Keadaan bumi Pahang pada waktu itu sedang bergejolak dengan hebatnya akibat dari pemberontakan yang dibuat oleh Tok Raja, Orang Kaya Lipis dan para pengikut mereka di Ulu Pahang.

Selepas membuat persiapan, angkatan Tun Ahmad telah bertolak ke Dungun dan meneruskan perjalanan ke negeri Pahang. Tun Ahmad melepasi sempadan di Bukit Besut dalam bulan Ogos 1862M. Tidak berapa lama kemudiannya beliau pun sampai ke daerah Janing di Ulu Tembeling yang pada awalnya telah pun ditawan oleh orang-orang Tok Raja. Kedatangannya disambut secara besar-besaran oleh Tok Raja, Orang Kaya Lipis, Wan Daud, Wan Muhammad, Khatib Rasu, Imam Perang Raja dan Panglima Raja serta pengikut-pengikut mereka dari kalangan orang-orang Jelai, Lipis dan Rawa. Pengikut Tun Ahmad yang didatangkan dari Kemaman, pengikut Tok Raja dan orang-orang Rawa kini bergabung dan berpadu tenaga bagi mencatur strategi peperangan.

Dalam masa inilah pihak British telah mengubah pendiriannya untuk merestui hasrat kerajaan Johor dalam membantu Pahang menangani ancaman dari kem Tun Ahmad. Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa perubahan dalam polisi pihak British ada kaitan secara langsung dengan 'Faktor Siam' yang menunjukkan minat yang mendalam untuk mengambil kesempatan di atas gejolak politik hebat yang sedang berlaku di bumi Pahang dan Terengganu.

---

<sup>138</sup> Dari Siam, Sultan Mahmud kemudiannya telah pergi ke Siak dan tinggal di situ sehingga tahun 1864M. Kemenangan Tun Ahmad dalam peristiwa Perang Pahang dalam tahun 1863M telah memberikan semangat baru kepada Sultan Mahmud untuk meminta bantuannya mendapatkan kembali takhta kerajaan Riau-Lingga. Bagaimanapun, Tun Ahmad tidak berminat untuk melayan tuntutan baginda. Akhirnya dalam tahun yang sama, Sultan Mahmud telah mangkat di Pekan dan dikebumikan di Kampung Marhum.

'Faktor Siam' yang dilihat sebagai mempunyai alasan politiknya yang tersendiri untuk membantu agenda Sultan Mahmud dan Tun Ahmad telah membimbangkan pihak British. Atas perkembangan inilah British kemudiannya telah merestui perjanjian persahabatan yang dibuat oleh pihak Temenggong Ibrahim dengan Bendahara Tun Mutahir yang kemudiannya diperkukuhkan oleh Temenggong Abu Bakar dan Bendahara Tun Koris pada tahun 1862M.

Apa yang ironisnya mengenai perubahan pendirian pihak British ialah, bahawa tindakannya untuk akhirnya merestui perjanjian persahabatan yang dibuat diantara kerajaan Johor dan Pahang ini dilihat sebagai titik tolak yang membawa kepada kemudaratan bagi kerajaan Raja Bendahara di Pahang. Jikalau sebelum ini, iaitu dalam masa peristiwa Perang Pahang Peringkat Pertama dan Kedua, angkatan Tun Mutahir berjaya menangani serangan yang bertubi-tubi datang dari kem Tun Ahmad tanpa mendapat bantuan atau campur tangan dari mana-mana pihak juapun, malangnya dalam Perang Pahang Peringkat Ketiga yang bermula semenjak kemunculan semula Tun Ahmad di bumi Pahang pada bulan Ogos tahun 1862M itu, ianya menjadi titik tolak kepada perubahan nasib bagi pihak Tun Mutahir, ironisnya akibat daripada campur tangan pihak Temenggong Abu Bakar yang dimeterai dalam perjanjian persahabatan yang mendapat restu British itu!!

Dari perspektif Bendahara Tun Mutahir, perjanjian persahabatan yang dimeterai diantara baginda dan Al-Marhum Temenggong Ibrahim dan diantara anakanda baginda Bendahara Tun Koris dengan Temenggong Abu Bakar dilihat sebagai satu strategi untuk memantapkan persediaan kerajaan Pahang dalam menangani ancaman perampasan kuasa dari Tun Ahmad itu.

Tun Mutahir berpendapat bahawa Tun Ahmad yang mendapat pendokong dari Sultan Terengganu bukanlah lawan yang boleh diperkecilkan sama sekali. Kesungguhannya untuk mendapat apa yang dicita-citakan serta sokongan kuat yang diterimanya dari Sultan Mahmud dan Sultan Baginda Omar merupakan ancaman yang besar kepada kerajaannya. Serangan-serangan yang dilakukan dalam Perang Pahang Peringkat Pertama dan Kedua membuktikan bahawa kem Tun Ahmad berpotensi meletakkan kerajaan Bendahara dalam bahaya. Apatah lagi sejak akhir-akhir ini beliau telah mendapat sokongan dari pihak Tok Raja dan orang-orangnya yang telah mengkhianati Bendahara itu.

Dalam tahap tersebut, pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam kerajaan Bendahara Pahang semuanya tidak lagi berpegang pada benar-salahnya tindak-tanduk masing-masing. Adat, adab dan resam ditolak ke tepi asalkan matlamat mendapatkan kuasa dapat dicapai. Bendahara Tun Mutahir yang secara adatnya merupakan seorang pemerintah Pahang yang sah lagi berdaulat, yang tidak bersekongkol dalam gejala politik di Johor mahupun Lingga dan menumpukan perhatian hanya pada kerajaannya semata, telah dilihat kecil pada pandangan mata pihak-pihak yang berkepentingan ini. Sedangkan ikhtiar Tun Ahmad untuk merampas kuasa Bendahara meletakkannya dalam kedudukan yang sedia untuk berunding dan tawar menawar dengan mana-mana pihak yang bersedia menolongnya mencapai cita-citanya itu. Pihak-pihak yang berkepentingan

mengharapkan dengan sokongan yang diberikan pada Tun Ahmad itu, jika sekiranya beliau beroleh kemenangan, maka bolehlah mereka menuntut agar '*budi dibalas budi*'!

Maka atas kesedaran inilah, tawaran Temenggong Johor untuk membantu Tun Mutahir dalam menangani ancaman serangan dari kem Tun Ahmad telah diterima baginda dengan berlapang dada dan dengan tangan yang terbuka. Apatah lagi Temenggong Abu Bakar itu bukanlah orang lain melainkan berpangkat menantu kepada baginda. Sedangkan seorang lagi saudara perempuan Temenggong Abu Bakar juga adalah isteri kepada anakandanya Bendahara Tun Koris itu.

Malangnya Temenggong Abu Bakar juga mempunyai agendanya yang tersendiri. Tindakan bekas Sultan Johor-Lingga untuk membantu dan memberikan sokongan secara terbuka kepada Tun Ahmad merupakan suatu risiko besar kepada kedudukannya sebagai pemerintah Johor. Sebagaimana Al-Marhum ayahandanya dahulu, Temenggong Abu Bakar khuatir bahawa jika Tun Ahmad berjaya dalam cita-citanya itu, berkemungkinan Sultan Mahmud akan meminta bahagiannya, iaitu untuk merajakan dirinya sebagai Raja Pahang. Keadaan ini tidak akan dibiarkan berlaku kerana jika Sultan Mahmud dapat menjadi Raja Pahang dan Tun Ahmad menjadi Bendaharanya, maka sudah tentu mereka akan berpakat pula untuk mengambil semula kuasa di negeri Johor yang pernah menjadi sebahagian dari jajahan kerajaan Johor Lama itu.

Temenggong Abu Bakar yakin jika baginda dapat menggagalkan rancangan Tun Ahmad dan Sultan Mahmud, bukan sahaja bahagian Pahang yang telah diberikan kepada Johor itu dapat terus menjadi miliknya, malahan Pahang sendiri mungkin boleh digabungkan kembali di bawah kerajaan Johor seperti dahulu kala, cuma kali ini Abu Bakar berharap untuk menjadi penerajunya jika bijak mencatur siasahnya itu<sup>139</sup>.

Cita-cita dan hasrat Temenggong Abu Bakar dapat dilihat melalui sepucuk surat yang dituliskannya kepada Sultan Jaafar dari Perak pada bulan Ogos, yang mana baginda telah mengisytiharkan bahawa Pahang telah diamanahkan di bawah jagaannya, atau seperti kenyataannya bahawa '*sudah terwarah negeri Pahang itu kepada Seri Paduka anakandajahat baiknya*.'<sup>140</sup>

Untuk mengusutkan lagi keadaan, dalam bulan November tahun yang sama, Sultan Ali yang baru berpindah ke Melaka telah menyuarakan hasrat untuk campurtangan dalam politik Pahang dengan memberikan sokongan moral kepada pihak Tun Ahmad. Sultan Ali yakin bahawa Ahmad akan dapat mengalahkan pihak Bendahara. Oleh itu baginda bercadang untuk ke Pahang dan mengiktiraf Tun Ahmad sebagai Bendahara. Tun Ahmad pula akan dimintanya menobatkannya sebagai sultan bagi Johor-Pahang, sebagaimana resamnya adat Raja-Raja Melayu lama<sup>141</sup>.

<sup>139</sup> Bendahara Tun Koris dilihat sebagai seorang pemerintah yang lemah. Sementara itu Temenggong Abu Bakar telah mengahwini puteri Tun Mutahir, maka pertalian ini diharap dapat membantu dalam mendapatkan cita-citanya itu.

<sup>140</sup> Linehan, op. cit, hlm 83

<sup>141</sup> Pendirian Sultan Ali menunjukkan sikapnya yang menyanggah batasan adat Raja-Raja Melayu. Baginda sanggup membuang adat bila dirasakan merugikan dirinya, tetapi mahu melaksanakan adat apabila dirasakan ia dapat mencapai matlamat kepentingannya. Baginda dengan terangnya telah melanggar adat

Cita-cita Sultan Ali telah diketahui oleh Temenggong Abu Bakar dan ini menambahkan kebimbangannya. Kalau sebelum ini baginda risau pada agenda Sultan Mahmud yang mendokong pemberontakan Tun Ahmad di Pahang itu, kini hasrat Sultan Ali untuk memberikan sokongan moral kepada Tun Ahmad atas kepentingan politik peribadinya mengkalutkan lagi suasana. Jika Tun Ahmad menang, kedudukan Temenggong Abu Bakar sebagai pemerintah Johor pasti akan digugat samada dari pihak Sultan Mahmud, bekas Sultan Johor-Lingga itu, ataupun dari pihak Sultan Ali, bekas 'penguasa' di bumi Johor itu.

Memandangkan keadaan yang amat gawat ini serta berbekalkan cita-cita untuk menjadi peneraju kepada kerajaan Johor-Pahang jika Tun Ahmad dapat dikalahkannya, maka Temenggong Abu Bakar telah memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada pihak Bendahara Pahang untuk mematahkan ancaman perampasan kuasa dari Tun Ahmad itu.

Susulan dari itu Temenggong Abu Bakar bersegera mencatur strategi peperangan di Pahang. Baginda telah menulis surat kepada Tun Koris dan adindanya Tun Aman memberi galakan kepada mereka untuk menangani pemberontakan orang-orang di Ulu Pahang. Baginda juga telah berjanji untuk menghantar bantuan askar beserta kelengkapan perang ke sana. Dalam surat yang sama, Temenggong juga mengisytiharkan akan berperang dengan Sultan Mahmud dan Sultan Baginda Omar jika mereka terus menerus membantu kem Ahmad. Ganjaran 500 ringgit telah ditawarkan kepada sesiapa yang dapat membunuh Wan Ahmad dan 10 ringgit jika dapat membunuh para pengikutnya.

Temenggong Abu Bakar juga telah meminta Sultan Perak supaya jangan menjual kelengkapan perang kepada orang-orang Rawa dari kem Ahmad, membayar dua orang panglima Perak sebanyak dua ribu ringgit untuk menghentikan pengambilan orang-orang Rawa sebagai askar Ahmad, menghantar lima ratus askar tambahan di Temerloh yang diketuai oleh sepupu baginda sendiri yang bernama Raja Kechil, meminta sokongan pihak YamTuan di Seri Menanti di Negeri Sembilan, dan pengambilan askar upahan Bugis bagi menambah askar di pihak Bendahara. Bekalan makanan, senjata, dan perubatan juga disediakan.

Walaupun bagaimanapun, sikap agresif yang ditunjukkan oleh Temenggong Abu Bakar dalam hal ehwal Perang Pahang telah menimbulkan kemarahan para pembesar tempatan yang dari awal lagi telah mencurigai niat baginda. Mereka melihat tindakan baginda sebagai suatu campurtangan dari orang luar yang cuba mengambil alih kekuasaan dari mereka dalam urusan perang saudara di Pahang itu<sup>142</sup>.

Orang-Orang Besar Pahang berpendapat bahawa muslihat sebenar Temenggong Abu Bakar adalah untuk merajakan dirinya di bumi Pahang jika sekiranya Tun Ahmad dapat dikalahkan. Apatah lagi Al-Marhum ayahanda Temenggong Abu Bakar sendiri terbukti

---

apabila 'menjual' negeri Johor kepada Temenggong Ibrahim dalam tahun 1855M tetapi apabila merasakan bahawa tindakan tersebut merugikan dirinya sendiri, lalu berhasrat untuk mencari Tun Ahmad dan membuat tawar menawar 'mengikut adat' dengannya untuk pengagihan kuasa.

<sup>142</sup> Aruna Gopinath, *Sejarah Politik Pahang, 1880-1935M*, hlm 41

pernah mengambil kesempatan menaikkan dirinya sebagai pemerintah negeri Johor, oleh itu tidak mustahil jika kini anakandanya pula mahu mengambil kesempatan menjadi 'Tuan' dalam negeri Pahang yang kini sedang bergejolak itu.

Gabungan angkatan perang Temenggong Abu Bakar dari Rembau, Perak, Muar, dari tempat-tempat lain dan askar-askar upahan Bugis juga telah menyebabkan Orang-Orang Besar Pahang mula merasa tergugat dan terpinggir. Pihak Tun Ahmad cepat-cepat mengambil kesempatan ini untuk mengisytiharkan 'perang sabil' dengan teriakan; '*kerana wajib mempertahankan orang yang mahu membinasakan negeri kita.*'<sup>143</sup> Tanpa mempedulikan hakikat bahawa pihaknya dari mula lagi telah mendapat sokongan dan dokongan dari orang luar seperti Sultan Terengganu, bekas Sultan Johor-Lingga dan pihak British, Tun Ahmad menggunakan alasan 'campur tangan orang luar', iaitu pihak Temenggong Abu Bakar untuk mempengaruhi Orang-Orang Besar Pahang supaya mengalihkan sokongan kepadanya.

Kini perang saudara tidak lagi dilihat sebagai perang antara adik beradik, tetapi menjadi perang diantara orang Pahang dengan 'orang luar'. Malangnya 'orang luar' ini, iaitu pihak Temenggong Abu Bakar dilihat sebagai pendokong utama kepada Bendahara Tun Mutahir dan waris baginda, maka bagindalah yang menjadi mangsa keadaan.

Kesimpulannya, faktor campur tangan Temenggong Abu Bakar dalam membantu pihak Bendahara Pahang menangani ancaman perampasan kuasa dari Tun Ahmad dilihat sebagai punca yang menyebabkan kesatuan para pembesar Pahang mulai tergugat. Kalau selama ini mereka teguh bersatu padu berdiri di belakang Tun Mutahir dan waris baginda sehingga mampu mematahkan pemberontakan demi pemberontakan yang didatangkan dari kem Tun Ahmad, namun kini kesatuan tersebut mulai terlerai dan menjadi lemah. Ini berikutan kebencian para pembesar Pahang pada pihak Temenggong Abu Bakar yang dilihat sebagai orang yang cuba mengambil kesempatan di atas mandat yang diberikan oleh Tun Mutahir kepadanya untuk membantu kerajaan baginda seperti yang temaktub dalam perjanjian persahabatan diantara negeri Pahang dan Johor.

Selepas Maharaja Perba dan Orang Kaya Lipis, Orang Kaya Temerloh<sup>144</sup> pula berpaling tadah. Hanya Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Syahbandar sahaja yang masih setia kepada Tun Mutahir.

### **Perang Temai**

Serangan demi serangan dari kem Tun Ahmad yang begitu agresif telah menyebabkan satu demi satu daerah Pahang jatuh ke tangannya, sedangkan pihak Temenggong Abu Bakar tidak mendapat kerjasama dari para pembesar tempatan, menyebabkan kem Tun Mutahir berpecah belah. Pada awal tahun 1863M, askar Tun Ahmad telah dapat menawan Temerloh, Batu Gajah dan Chenor. Dengan bantuan tambahan askar yang

<sup>143</sup> *Hikayat Pahang*, op. cit, hlm 68

<sup>144</sup> Salah seorang dari Orang Besar Berlapan di Pahang, ketiga teratas dalam hirarki pemerintahan negeri selepas raja, dan Orang Besar Berempat

didatangkan dari Rembau, pihaknya kemudian dapat mengalahkan pasukan Johor di Bera dan Temai.

Pada awal tahun 1863M Temenggong Abu Bakar yang berhabis-habisan membantu pihak Bendahara Pahang telah kekeangan sumber lalu menulis surat kepada British meminta bantuan, namun permintaan baginda tidak diindahkan.

British pada masa ini telah memperlihatkan sikap tidak berminat untuk berkeras dengan Tun Ahmad yang telah bersikap agresif dengan agendanya menawan bumi Pahang. Selepas peristiwa pengeboman Terengganu yang berjaya membantutkan cita-cita Raja Siam untuk menguasai Terengganu dan Pahang, serta berjaya menyingkirkan Sultan Mahmud ke negeri Siam, pihak British terus mengambil sikap berdiam diri dengan keadaan yang gawat di negeri Pahang. Perubahan sikap ini jelas membuktikan hasrat pihak British yang sebenarnya, iaitu untuk menghapuskan kedudukan Tun Mutahir dan warisnya di bumi Pahang yang dilihat sebagai cebisan dari kerajaan Johor Lama yang telah berjaya dibinasakan itu.

Muslihat British yang terus menerus membiarkan kem Tun Ahmad menghuru-harakan negeri Pahang untuk beberapa bulan lamanya dalam Perang Pahang Peringkat Ketiga itu telah mengakibatkan keperitan hidup, kehilangan harta dan nyawa rakyat Pahang yang bukan sedikit. Oleh itu ada diantara mereka yang akhirnya patah semangat, hilang kekuatan dan daya juang, sehingga menyebabkan soal sah atau tidak tuntutan Tun Ahmad tidak lagi dipedulikan. Setelah berbulan-bulan berada dalam gawat dan huru-hara, mungkin ramai rakyat jelata Pahang mengharapkan agar perang yang sedang bergejolak dapat segera ditamatkan supaya mereka boleh teruskan kehidupan. Apatah lagi para pembesar Pahang sendiri tidak lagi dapat bersatu dalam usaha mempertahankan negeri mereka kerana marah atas campur tangan pihak Temenggong Abu Bakar dari Johor yang mempunyai agendanya yang tersendiri itu.

Pendirian British untuk menjadi pemerhati semata kepada keadaan yang berlaku di Pahang menjadi sebagai suatu galakan kepada pihak Tun Ahmad untuk terus menjejaz cita-citanya yang dilihat semakin hampir berada dalam genggamannya. Dengan kejayaan demi kejayaan yang dicapai dalam serangan-serangan yang dilakukan di daerah-daerah Pahang, maka pihak Tun Ahmad sudah bersedia untuk membuat serangan mengejut di Pekan. Beliau menghantar tiga pasukan, setiap satunya mengandungi 600 askar yang diketuai oleh Imam Perang Raja, Imam Perang Rasu, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman dan Tuan Embong. Satu pasukan ditugaskan untuk menyerang kubu di Tanjung Parit. Satu pasukan lagi yang diketuai oleh Imam Perang Rasu ditugaskan ke kubu di Kampung Masjid, sementara pasukan ketiga yang terdiri dari orang-orang Jelai diarahkan untuk menawan kubu di Kampung Baru. Kubu-kubu di Tanjong Parit dan Kampung Baharu dapat ditawan dengan mudah. Bagaimanapun, pasukan kedua yang diketuai oleh Imam Perang Rasu telah membuat serangan mengejut ke atas pengkalan Bugis yang pada masa itu sedang bersedia untuk mengerjakan solat Subuh. Dalam pertempuran yang berlaku, 60 askar Bugis dapat dibunuh dan yang lainnya telah melarikan diri, dengan itu Kampung Masjid juga dapat ditawan. Dengan kekalahan tersebut, askar Tun Ahmad telah berjaya menawan Pekan.

Penawanan Pekan telah menggugat kedudukan Bendahara yang pada masa itu sedang bertahan di daerah Temai. Tun Mutahir dan para pengikut baginda terpaksa berundur ke Kampung Orang Kaya Syahbandar (Orang Besar Berempat) di Jambu. Di waktu itu, pengikut Bendahara sudah patah semangat untuk meneruskan peperangan melawan pihak Tun Ahmad, oleh itu Jambu dan Pekan Seberang juga tidak dapat diselamatkan dari serangan kem Ahmad. Tun Mutahir kemudiannya terpaksa berundur sehingga ke Tanjung Teja di muara Sungai Pahang. Baginda dan pengikut setianya yang sudah dikepung dari semua arah terpaksa melarikan diri dengan menaiki perahu di Kuala Pahang. Kekalahan di pihak Tun Mutahir tidak dapat dielakkan lagi. Dengan kecederaan parah yang dialami baginda, maka akhirnya pada 30hb Mei tahun 1863M, Tun Mutahir mangkat di Kuala Sedili dalam perjalanan menuju ke Johor.

Empat hari kemudiannya, iaitu pada 3hb Jun 1863M, Tun Koris yang masih bertahan di Kuala Pahang dengan beberapa orang saudara baginda pula menemui ajalnya<sup>145</sup>. Susulan darinya, Tun Aman telah dilantik oleh Orang Kaya Syah Bandar sebagai Bendahara Seri Maharaja<sup>146</sup> bagi menggantikan tempat Al-Marhum kekandanya, namun Tun Aman kini menjadi Bendahara dalam buangan.

Selang beberapa bulan selepas tamatnya peristiwa Perang Pahang Peringkat Ketiga, Gabenor British telah bersedia menerima Tun Ahmad sebagai pemerintah 'de facto' Pahang tanpa mempersoalkan keabsahan tuntutannya, tindak tanduk dan cara pengambilan negeri Pahang yang dibuat dengan melanggar adat Melayu dan undang-undang British. Apatah lagi Bendahara Pahang yang baru mangkat masih mempunyai ramai lagi waris lelaki, dan salah seorang dari mereka telahpun dilantik sebagai Bendahara yang berikutnya. Semua itu ditolak ke tepi oleh British dengan dakwaan bahawa Tun Ahmad telah diterima dengan baik oleh seluruh rakyat Pahang dan para pembesarnya.

Perjuangan Al-Marhum Tun Mutahir Tun Ali diteruskan oleh Tun Aman, adindanya Tun Da<sup>147</sup> dan Tun Abdullah. Tun Aman yang dilantik sebagai Bendahara Seri Maharaja selepas kemangkatan ayahanda serta kekandanya telah bekerja keras bersama kedua-dua adindanya itu selama beberapa tahun untuk menuntut kembali teraju pemerintahan negeri Pahang. Malangnya, usaha mereka juga menemui kegagalan kerana gabungan kekuatan British dan angkatan bangsawan dari resam Orde Melayu Baru tidak memungkinkan kerajaan Bendahara yang sah terdiri semula di Pahang sebagaimana dahulu.

---

<sup>145</sup> Mengikut sumber *Hikayat Pahang*, apabila Tuanku Sayyid membuat pengisytiharan di Pahang mengenai kemangkatan Tun Mutahir dan anakandanya Tun Koris, rakyat Pahang secara beramai-ramai memutuskan untuk meninggalkan bumi Pahang. Dikatakan perahu yang keluar dari Pahang lebih seribu jumlahnya dengan layar yang dibuat dari berbagai jenis seperti tikar dan kain kajang. Perahu-perahu ini kelihatan menuju ke berbagai arah dan tidak mempedulikan pujukan agar jangan meninggalkan bumi Pahang.

<sup>146</sup> *Hikayat Pahang*, op. cit, hlm 77

<sup>147</sup> Tun Da mangkat di Jelebu, Negeri Sembilan dalam tahun 1965M dalam umur lebih seratus tahun. Cucunya, Wan Abdul Ghani (Tok Engku) telah mengambil inisiatif membuat suatu penulisan mengenai jejak Tun Da selepas peristiwa Perang Pahang yang telah membawanya ke Negeri Sembilan dan menetap di situ sehingga mangkatnya.



Gambar di sebelah kiri adalah gambar Tun Da dalam senja hayatnya sekitar tahun 1960an di Negeri Sembilan, ihsan cucunya Engku Wan Abdul Ghani. Gambar di bawah (kiri) pula adalah gambar tombak yang digunakan oleh Tun Da semasa peristiwa Perang Pahang (dipegang oleh seorang waris Tun Mutahir). Tombak ini masih baik disimpan oleh Engku Wan Abdul Ghani sehingga pada hari ini.



Selepas berakhirnya Perang Pahang, Tun Ahmad telah dilantik oleh pengikutnya dengan resmi sebagai Bendahara Siwa Raja Pahang. Dalam tahun 1882M, Tun Ahmad telah dilantik oleh anakanda Tok Raja yang bernama Wan Muhammad sebagai Sultan Pahang. Sebagai ganjaran atas jasanya itu, Wan Muhammad diberi anugerah sebagai Maharaja Perba Jelai yang baharu dan mendapat keistimewaan menggunakan chop mohor resmi yang tertera "*Maharaja Perba, Al-Wakil Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah*". (gambar di bawah, kanan, bersama anaknya Wan Chik dan cucunya Wan Muhammad).

Bagaimanapun pihak British hanya mengiktiraf perlantikan Tun Ahmad itu dalam tahun 1887M, iaitu lima tahun selepas ia

ditabalkan sebagai Sultan Pahang oleh Wan Muhammad. Kelewatan pengiktirafan ini berlaku atas dua sebab. Pertama, kerana British tidak mahu dilihat oleh Raja-Raja Melayu lain sebagai pihak yang pertama memberi sokongan kepada pihak yang merampas kuasa dari Bendahara Pahang yang sah, yang telah mangkat sebagai pelarian di Sedili itu. Kedua, kerana British bercita-cita untuk mengujudkan sistem Residen di Pahang bagi menggantikan sistem pentadbiran tradisi orang-orang Melayu. Dengan mengiktiraf Tun Ahmad sebagai Sultan Pahang, British berharap ia akan tunduk pada tekanan mereka untuk menerima seorang penasihat Inggeris bagi menggantikan tugas para pembesar tradisi Melayu. Perkara ini menjadi kenyataan setahun selepas pengiktirafan Tun Ahmad sebagai Sultan Pahang oleh pihak British, iaitu dalam tahun 1888M.




Sultan Ahmad mangkat dalam tahun 1914M (gambar kanan). Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah yang sedang memerintah bumi Pahang pada hari ini merupakan cicit baginda.





# Dinasti Sultan Ahmad Shah 1882-1914



### Adat Melayu Disanggah, Bangsa Melayu Di 'tulah'!

#### *Terkuburnya Institusi Bendahara*

Peristiwa pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar Shah (Sultan Johor Lama mengikut adat Melayu) yang disusuli dengan perjanjian diantara Sultan Riau-Lingga yang baharu, iaitu Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah II serta Yam Tuan Muda Raja Haji Abdullah dengan pihak Belanda dalam tahun 1857M merupakan petanda berakhirnya Empayar Kesultanan Johor Lama. Perlantikan Sultan Sulaiman yang tidak mengikut aturan adat Raja-Raja Melayu serta perjanjian yang dibuat secara sukarela untuk tunduk di bawah pertuanan Raja Belanda itu telah meleraikan terus apa jua saki baki ikatan yang masih ujud dengan pembesar Melayu tradisi di Johor dan Pahang.

Dengan terkuburnya kerajaan Johor Lama, tanah besar Johor yang diamanahkan di bawah pentadbiran Temenggong Ibrahim menjadi tidak bertuan. Faktor ini dilihat sebagai suatu peluang keemasan untuk menaikkan dirinya sebagai pemerintah negeri Johor yang sah dan berdaulat. Bagaimanapun, laluan mendapatkan cita-cita tersebut tidaklah mudah seperti yang dijangkakan, kerana tindakan Temenggong Ibrahim membeli kedaulatan Johor dari 'Sultan' Ali pada tahun 1855M telah dipandang serong oleh raja-raja dan para pembesar Melayu. Oleh itu sehingga kemangkatan baginda dalam tahun 1861M, banyak pihak yang melihat pada kedudukan Temenggong Ibrahim sebagai tidak lebih dari penjaga negeri Johor sahaja dan bukan tuannya yang sebenar.

Temenggong Abu Bakar yang menggantikan Al-Marhum ayahandanya itu bukanlah seorang yang berpuas hati dengan kedudukannya yang sedia ada. Dari mula baginda telah memasang cita-cita untuk menjadi pemerintah negeri Johor yang sah dan berdaulat. Dalam hal ini, hakikatnya dengan ketiadaan Sultan Johor yang sah, mengikut adat Melayu Bendahara merupakan pemerintah tertinggi dalam kesultanan tersebut yang seharusnya berperanan mencari dan melantik raja Johor berikutnya yang sah<sup>148</sup>. Bagaimanapun, keadaan politik Johor-Pahang yang kini di bawah pengaruh British serta keujudan kerabat bangsawan dari resam Orde Melayu Baru yang tidak berminat untuk berpegang pada aturan politik tradisi Melayu (dan hanya menggunakannya jika keadaan memerlukan) tidak memungkinkan Bendahara menjalankan peranannya dengan berkesan kerana para pembesar tradisi Melayu kini telah berpecah-belah.

Bagaimanapun dengan kefahaman mengenai kepentingan peranan Bendahara Johor-Pahang di masa itu, Temenggong Abu Bakar telah melakukan beberapa strategi untuk mencapai matlamatnya. Pertamanya, dengan mengahwini puteri Bendahara Tun Mutahir

---

<sup>148</sup> Dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka-Johor, peranan Bendahara sebagai pelantik raja yang sah apabila berlaku masalah siasah pernah beberapa kali terpaksa dilaksanakan. Contohnya dalam perantikan Raja Kassim (Sultan Muzaffar Shah), perantikan Raja Omar (Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah) dan perantikan Bendahara Tun Habib Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV)<sup>148</sup>

sebagai suatu langkah politik untuk menaikkan mertabatnya dalam pandangan Raja-Raja Melayu<sup>149</sup>. Keduanya, dengan memainkan peranan aktif membantu kerajaan Bendahara dalam peristiwa Perang Pahang dengan matlamat jika berjaya, Bendahara dapat membantu mengesahkan status Temenggong Abu Bakar sebagai pemerintah Johor yang diiktiraf.

Bagaimanapun nasib tidak menyebelahi Tun Mutahir sehingga menemui kekalahan dan akhirnya baginda mangkat di Kuala Sedili dalam tahun 1863M. Sekonyong-konyong Temenggong Abu Bakar menukar strateginya. Tun Ahmad yang dilihat mendapat sokongan dan pengiktirafan pihak British sebagai Bendahara '*de facto*' Pahang kini dilihat sebagai orang penting yang dapat membantunya. Maka kini Tun Ahmad pula perlu diumpam. Tidak lama selepas berakhirnya Perang Pahang, Temenggong Abu Bakar menjalinkan persahabatan yang akrab dengan Tun Ahmad.

Dalam bulan April tahun 1868M, Temenggong Abu Bakar telah menghantar satu rombongan ke Riau yang diketuai oleh sepupu baginda Ungku Haji Muhammad bin Ungku Haji Abdullah. Utusan Johor telah menghadap Penasihat kepada Yam Tuan Muda Riau pada masa itu, iaitu Raja Ali Haji. Dalam pertemuan itu, antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai kelayakan Temenggong Abu Bakar untuk menjadi pemerintah Johor yang sah dan berdaulat<sup>150</sup>. Raja Ali Haji telah memberikan restunya dan restu Yam Tuan Muda dalam hal mendapatkan pengesahan Temenggong Abu Bakar sebagai pemerintah Johor. Bagaimanapun, beliau telah melarang Temenggong Abu Bakar dari menggunakan gelaran Sultan atau Yam Tuan (Yang Dipertuan) dan mengatakan Yam Tuan Muda Riau perlu berangkat ke Johor untuk melantiknya<sup>151</sup>.

Tindakan Temenggong Abu Bakar mencari ruang untuk mengesahkan dirinya sebagai raja bagi kerajaan Johor (Baru) yang sah dan berdaulat mengikut hukum adat dilihat sebagai perasaannya yang merasa tidak selamat sebagai pemerintah '*de facto*' bagi negeri tersebut. Keputusannya untuk menghantar rombongan mencari pembesar Bugis di Riau bagi meminta pandangan mereka mengenai bab adat Raja-Raja Melayu menunjukkan bahawa Institusi Bendahara telahpun terkubur pada masa itu. Walaupun pada masa itu Bendahara Pahang yang sebenar masih ada, iaitu Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Rahman (Bendahara dalam buangan) yang dilantik mengikut adat, namun sebagai golongan bangsawan dari resam Orde Melayu Baru, Temenggong Abu Bakar tidak mahu mengakuinya atas alasan British telahpun mengiktiraf kedudukan Tun Ahmad.

---

<sup>149</sup> Adalah menjadi kelaziman puteri-puteri Bendahara menjadi permaisuri Sultan yang diharapkan dapat melahirkan putear gahara yang bakal mewarisi pemerintahan negeri.

<sup>150</sup> Mengapa Temenggong Abu Bakar tidak menghantar orang-orangnya pergi ke Pahang dan meminta pandangan 'Bendahara' Tun Ahmad? Jawatan Bendahara mengikut tradisinya memerlukan kefahaman yang mendalam mengenai adat Raja-Raja Melayu. Dalam hal ini sudah tentu Tun Ahmad tidak layak bercakap mengenai bab adat kerana ia bukan bendahara Johor-Pahang yang sebenar!! Apa yang ironisnya, pembesar Bugis pula yang kini memimik peranan tradisi Bendahara sebagai 'Penabal raja' dan 'penjaga adat Raja-Raja Melayu', sedangkan mereka telah sekian lama melanggar adat Melayu dalam hal perlantikan Raja-Raja Johor Lama.

<sup>151</sup> Ini adalah kerana Raja Ali Haji mahu mempertahankan ketinggian mertabat pembesar Bugis dalam kerajaan Johor (Baru).

Bagaimanapun semenjak Tun Ahmad menjadi 'Bendahara' Pahang yang baharu, kerja-kerja Bendahara secara 'adatny' semua telah diambil sepenuhnya oleh pihak Yam Tuan Muda di Riau, kerana mereka merasakan mereka kini lebih tinggi tarafnya dari Tun Ahmad. Maka dalam situasi yang demikian, keperluan politik Temenggong Abu Bakar menuntutnya untuk merujuk kepada pihak Yam Tuan Muda di Riau sebagai pilihan terbaik untuk mendapatkan pengiktirafan mereka menjadi raja bagi kerajaan Johor 'mengikut hukum adat'.

Berikutnya, iaitu pada bulan Jun tahun 1868M, Temenggong Abu Bakar telah mengadakan suatu majlis adat istiadat yang dihadiri oleh rakyat dan para pembesar Johor di ibu negeri Johor yang baharu bergelar Johor Bharu. Dalam majlis tersebut, pengisytiharan dibuat yang mana Temenggong Abu Bakar telah mengenakan gelaran barunya iaitu Maharaja Abu Bakar<sup>152</sup>. Gelaran ini kemudiannya mendapat pengiktirafan pihak Inggeris.

Dalam tahun 1881M, Tun Ahmad telah mengunjungi Singapura dan Johor selama 13 bulan. Dalam masa itu Tun Ahmad telah berbincang dengan Temenggong Abu Bakar mengenai kedudukan mereka. Sebagaimana Temenggong Abu Bakar, Tun Ahmad juga merasa tidak puas hati pada kedudukannya yang bertaraf 'Bendahara *de facto*' bagi kerajaan negeri Pahang dalam pandangan mata pihak British<sup>153</sup>. Susulan darinya, Temenggong Abu Bakar telah mencadangkan agar Tun Ahmad menaikkan dirinya kepada mertabat sultan atas alasan bahawa Kesultanan Johor Lama telahpun berakhir<sup>154</sup>. Sekembalinya Tun Ahmad ke negeri Pahang, ia terus mengkaji jurai salasilahnya daripada Sultan Abdul Jalil yang menurutnya, melayakkannya mewarisi takhta<sup>155</sup>. Maka dalam tahun 1882M, Tun Ahmad telah dilantik oleh pengikutnya sebagai Sultan Pahang bergelar Sultan Ahmad Muadzam Shah.

Dalam tahun 1885M Maharaja Abu Bakar telah berangkat ke England. Di sana, baginda telah menandatangani suatu perjanjian persahabatan dengan kerajaan Inggeris dan ditabalkan sebagai Sultan Johor dengan 'menggambil nobat' dari Ratu Victoria.

---

<sup>152</sup> Temenggong Abu Bakar telah memecahkan tradisi kesultanan Melayu dengan menggelarkan dirinya sebagai Maharaja Johor. Tindakannya dilihat sebagai mengikut nasihat Raja Ali Haji yang tidak mahu ia menggunakan gelaran Sultan atau Yang Dipertuan (Yam Tuan).

<sup>153</sup> Seperti yang telah disebutkan, British tidak mahu terburu-buru menerima Tun Ahmad sebagai pemerintah negeri Pahang yang sah dan berdaulat kerana akur akan sensitiviti Raja-Raja Melayu lain pada masa itu yang melihat Tun Ahmad sebagai perampas kuasa dan pengkhianat negeri.

<sup>154</sup> Temenggong Abu Bakar tidak berani menjadi Sultan Johor selagi Tun Ahmad, dalam kedudukannya sebagai 'Bendahara' Pahang tidak terlebih dahulu menaikkan mertabatnya sebagai Sultan Pahang. Ini bagi mengelakkan dirinya dari dipandang serong oleh Raja-Raja Melayu.

<sup>155</sup> Lapuran Sultan Ahmad kepada Weld, salinan 26 Oktober 1881, C.O., 273/114, hlm 144. Temenggong Abu Bakar juga kemudiannya menggunakan alasan yang sama untuk menaikkan dirinya kepada mertabat Sultan. Dalam hal ini, walaupun benar kedua-dua mereka dari keturunan Sultan Abdul Jalil, tetapi itu bukanlah satu-satunya syarat untuk menjadi Sultan Johor yang sah. Terdapat ciri-ciri kelayakan lain mengikut aturan adat dan syarak yang perlu ada sebelum boleh menjadi Sultan. Apatah lagi kedua-dua pihak Temenggong Abu Bakar dan 'Bendahara' Ahmad dapat menerajui pemerintahan Johor dan Pahang melalui jalan yang tidak betul.

Dalam perkara (7), Perjanjian Persahabatan diantara Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Johor bertarikh 11 haribulan Disember tahun 1885M, termaktub perihal berikut;

*'Kerajaan Inggeris mengakui akan Maharaja Johor dan waris-waris ganti-gantinya turun temurun memakai gelaran 'Sultan bagi negeri dan jajahan Johor'*

Surat perjanjian ini ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Sir Frederick Arthur Stanley dan Yang Maha Mulia Maharaja Johor di Pejabat Jajahan Inggeris di London pada 11hb Disember tahun 1885M.

Dengan kemunculan 'Bendahara' Tun Ahmad sebagai Sultan Pahang yang baharu dan kemudiannya perlantikan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor yang baharu, jawatan Bendahara Johor-Pahang mengikut adat tradisi Raja-Raja Melayu dibuang terus dan kemudiannya digantikan dengan jawatan Bendahara yang bersifat simbolik semata<sup>156</sup>. Walaupun Raja Bendahara Pahang yang sebenar, iaitu Dato' Seri Maharaja Tun Abdul Rahman masih hidup sehingga memberanakkan seorang waris lelaki dalam tahun 1885M<sup>157</sup>, malangnya pengaruh British sudah terlalu mencengkam di bumi Johor dan Pahang, lalu telah meminggirkannya terus. Golongan kaum bangsawan dari Orde Melayu Baru yang kini menjadi kuat di bawah naungan British juga tidak dapat menyelamatkan aturan tradisi raja-raja dan pembesar Melayu.



Dalam hal ini, bagi mengukuhkan hubungan setiakawan diantara pihak Sultan Ahmad dan Sultan Abu Bakar serta memantapkan mertabak mereka sebagai raja, puteri Sultan Abu Bakar yang bernama Tengku Mariam (gambar kiri) telah dikahwinkan dengan putera Sultan Ahmad yang bernama Tengku Besar Mahmud (kemudian menjadi Sultan Pahang dalam tahun 1914-1917M). Tengku Mariam merupakan cucu Tun Mutahir dari puteri baginda Che Puan Besar Chik Zabedah yang telah berkahwin dengan Sultan Abu Bakar sebelum baginda bergelar Temenggong lagi, iaitu dalam tahun 1858M. Perkahwinan diantara Tengku Mariam dan Tengku Mahmud berlangsung dalam tahun 1897M setelah tertunda untuk tempuh selama lima tahun. Bagaimanapun, ditakdirkan perkahwinan tersebut tidak menghasilkan sebarang zuriat.

Pemerintahan golongan bangsawan dari resam Orde Melayu Baru telah kemudiannya membawa kepada kemasukan sistem Residen

<sup>156</sup> Tengku Mahmud ibni Sultan Abdullah ibni Sultan Ahmad (Tun Ahmad) menjadi Tengku Arif Bendahara I Pahang. Sementara di Johor pula, Tengku Abu Bakar ibni Sultan Sir Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar (Temenggong Abu Bakar) menggunakan gelaran Tengku Aris Bendahara Johor.

<sup>157</sup> Perkahwinan Tun Abdul Rahman (Tun Aman) dengan sepupu baginda Nik Empuk binti Tun Ismail (Engku Panglima Besar Chenor, adinda Tun Mutahir) telah memberanakkan seorang waris lelaki yang bernama Wan (Tun) Tahir di Kampung Pahang, Johor Bharu. Wan Tahir mangkat dalam tahun 1929M dan menurut cerita orang-orang tua kami (penulis adalah cicit Wan Tahir), majlis pengkebumiannya adalah menurut adat istiadat orang istana, lengkap dengan kain kuning beserta segala adat kebesaran dan protokol Keluarga Diraja.

Inggeris yang menggantikan tempat Bendahara sebagai penasihat Sultan. Dengan terbentuknya sistem Residen Inggeris ini, pemerintahan bercorak tradisi secara berperingkat-peringkat telah digantikan dengan pemerintahan bercorak barat. Sistem politik, ekonomi, pendidikan dan perundangan mula berpaksikan kepada sistem barat. Adat dan agama hanya 'main di tepi' kepada corak pemerintahan baru ini.

### ***Post Mortem: Berakhirnya Empayar Johor***

Dinasti Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah I telah terpaksa membayar dengan harga yang begitu mahal apabila meminta pertolongan Opu Bugis lima beradik dalam menentang penguasaan Raja Kechil atas negeri Johor. Jasa yang dicurahkan oleh putera Bugis itu yang kerananya mereka dianugerahkan kuasa sebagai Yam Tuam Muda Riau telah membuka suatu lembaran sedih dalam sejarah pemerintahan Kesultanan Johor Lama.

Kesilapan yang dibuat oleh para pembesar Melayu Johor di waktu itu ialah apabila membuka peluang kepada para pembesar Bugis untuk berkongsi kuasa dengan mereka tanpa meletakkan hak persempadanan kuasa, khususnya dalam hal perlantikan Raja Johor. Jika generasi Opu lima beradik yang ditawarkan kuasa atas jasa membantu Sultan Sulaiman mengalahkan Raja Kechil merasa selamat dengan kuasa dalam tangan, namun generasi kemudian mulai bimbang bahawa kekuasaan kerajaan Johor yang belum lama berada dalam gengaman mereka akan terluput.

Hakikatnya, semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan Johor pembesar Bugis bukanlah raja atau pembesar tradisi kepada orang-orang Melayu, oleh itu kalau dulu jasa dapat membeli kuasa, tetapi apa yang boleh ditawarkan oleh para pembesar Bugis yang belakangan yang boleh melayakkan mereka untuk terus kekal berkuasa dalam Kesultanan Johor Lama yang belum lama diperolehi itu? Apakah generasi raja dan pembesar Melayu yang belakangan akan terus mahu berkongsi kuasa dengan mereka, sedangkan jasa Opu Bugis lima beradik yang terdahulu makin lama makin terluput dari lubuk ingatan mereka?

Oleh itu bagi menjamin kuasa tetap berada dalam tangan mereka, Yam Tuan Muda Riau yang kemudiannya telah memastikan bahawa sesiapa jua yang dilantik sebagai Raja Johor akan terus menjaga kepentingan sukunya, sebagaimana di zaman Sultan Sulaiman dahulunya. Jika bagi mencapai maksud ini bermakna adat dan aturan perlantikan Raja-Raja Melayu perlu disanggah, itulah yang tetap akan dilakukannya!!

Hakikatnya, adat dan tata tertib perlantikan Raja Melayu pada asalnya dirangkakan untuk melindungi bangsa Melayu dari terlibat dalam kancas siasah yang amat memudaratkan itu. Amalan yang dipraktikkan dengan kerasnya semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka dalam menjaga tertib Raja-Raja Melayu sebagai *zilullah-fil-ardh* merupakan adat

yang begitu sakaral dan dijunjung bangsa<sup>158</sup>. Pemerintah yang melanggar adat ini ditakuti akan ditimpa musibah pada kerajaannya.

Malangnya amalan tersebut menjadi korban bagi memberi ruang kepada pihak Yam Tuan Muda Riau untuk melantik mana-mana pemerintah dengan sesuka hatinya, asal sahaja Raja Johor yang baharu itu mampu memberikan kesinambungan pada kuasa politik Bugis.

Pembesar Bugis paling merasa tergugat dengan jawatan Bendahara Johor-Pahang yang mana antara tanggungjawabnya adalah memastikan perlantikan Raja dibuat mengikut tertib yang telah digariskan oleh hukum adat dan syarak serta dengan permuafakatan para pembesar Melayu tradisi.

Bak kata pepatah Melayu, '*keruh di hulu, keruhlah di hilir*', dan tragedi pelanggaran adat Raja-Raja Melayu dalam kerajaan Johor Lama disingkap sebagai punca utama kepada pergolakan hebat yang kemudiannya melanda kesultanan tersebut. Apabila siasah mula menyelina masuk dalam hal pentadbiran orang Melayu, pemerintahan mengikut adat digantikan dengan konsep '*siapa kuat, dia kudrat*'.

Tindakan Yam Tuan Muda Raja Jaafar dalam tahun 1812M dalam memberikan penghormatan kepada pihak Belanda untuk menaungi raja pilihannya (Sultan Abdul Rahman) serta menjemput pihak British pula bagi menghalang Bendahara Ali dalam menjalankan tanggungjawabnya memperbetulkan adat merupakan suatu episod malang dalam sejarah pemerintahan bangsa Melayu.

Apabila penjajah bukan Islam diberi 'penghormatan' untuk berjinak-jinak dan campur tangan dalam hal-ehwal pemerintahan umat Islam, maka sudah tentu peluang ini tidak akan dilepaskan begitu sahaja untuk '*menanggung di air keruh*'. Maka bermulalah era dimana kuasa-kuasa barat ini mulai merasa berhak untuk berperanan sebagai '*King Maker*' sebenar menggantikan kerja tradisi para pembesar Melayu.

Penobatan Sultan Abdul Rahman di bawah naungan pihak Belanda sebagai pemerintah Riau-Lingga, dan kemudiannya perlantikan Sultan Husin sebagai sultan Singapura-Johor oleh pihak British telah mencetuskan era pergolakan hebat bagi Kesultanan Johor Lama.

Tragedi pemakzulan Sultan Mahmud Muzaffar Shah dari persada pemerintahan Kesultanan Johor Lama oleh pihak Belanda dengan restu para pembesar Bugis menjadi satu lagi episod malang dalam kerajaan tersebut. Dalam peristiwa tersebut, bukan sahaja para pembesar Melayu tidak dirujuk dalam keputusan untuk memakzulkan Sultan Mahmud, malahan perlantikan Sultan Johor yang baharu pun tidak langsung dibawa berunding dengan Bendahara dan para pembesar Melayu yang lainnya. Perlantikan Sultan Sulaiman yang terang-terang telah melanggar adat istiadat Raja-Raja Melayu itu merupakan suatu tamparan hebat kepada Institusi Raja-Raja dan Pembesar Melayu.

---

<sup>158</sup> Bagi rujukan lanjut bab adat, sila baca buku karangan (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, '*Mencari Sejarah Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang 1857-1863M*', hlm 43-54

Dalam hal ini, pemakzulan Sultan Mahmud dilihat sebagai simbol terkuburnya Kesultanan Johor Lama.

Dengan terlerainya ikatan para pembesar tradisi Melayu dengan Rajanya di Lingga, maka jadilah umpama layang-layang putus talinya. Kini lebih mudahlah pihak British untuk merangka strategi jangka panjang, iaitu menjalankan peranan sebagai 'King Maker', khususnya dalam negeri Johor yang sudah tidak bertuan itu.

British yang melihat perkembangan di Lingga sebagai berita baik untuk mencapai agendanya telah mengambil pendirian tegas untuk menghalang sebarang ikhtiar dari mana-mana pihak untuk mendirikan semula Kesultanan Johor Lama yang berjaya dipecah-belahkannya itu. Dalam hal ini, bukti-bukti kukuh yang boleh didapati dari rekod-rekod rasmi serta surat-surat persendirian menunjukkan bahawa British sememangnya mempunyai hasrat untuk menghancurkan terus kerajaan Johor Lama yang dilihat sebagai kesinambungan dari Kesultanan Melayu Melaka yang amat dibenci oleh pihak barat itu. Pendirian ini dapat menjelaskan mengapa ia kemudiannya beria-ia tidak mahu mana-mana waris daripada Kesultanan Johor Lama untuk menapak semula di Tanah Melayu yang kini menjadi sasaran agenda penjajahan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, pihak British telah meletakkan Temenggong Ibrahim sebagai 'de facto' pemerintah di Johor.

Tanpa mepedulikan tata tertib yang selama ini menjadi pegangan orang-orang Melayu, pihak British yang bersekongkol dengan Belanda sewenang-wenangnya telah campur tangan dalam urusan perlantikan Raja-Raja Melayu dengan menaikkan orang-orang yang tidak sepatutnya kepada persada pemerintahan negeri-negeri Melayu. Para pembesar tradisi pula dipinggirkan dari tanggungjawab mereka dan akhirnya jawatan tersebut dilupuskan terus dan digantikan dengan sistem Residen British. Akhirnya British berjaya dalam matlamatnya untuk membinasakan terus saki baki warisan Kesultanan Melayu Johor Lama.



Perhatikan; Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah II, pemerintah Riau-Lingga yang tidak diiktiraf oleh Bendahara Tun Mutahir sebagai Sultan Johor (Lama), memerintah dalam tahun 1857-1883M. Dalam masa itu pembesar Bugis telah mendominasi sepenuhnya kerajaan Lingga tanpa campur tangan pembesar Melayu tradisi yang sudah berputus asa dengan mainan politik mereka. Selepas kemangkatan baginda, kesultanan Lingga tidak beraja selama dua tahun kerana Sultan Sulaiman tiada waris lelaki dan para pembesar Bugis tercari-cari kerabat raja yang layak menggantikannya mengikut adat. Bagaimanapun pencarian mereka gagal. Dalam keadaan yang terdesak itu, akhirnya dalam tahun 1885M, pembesar Bugis telah melantik Raja Abdul Rahman (gambar kiri) sebagai Sultan Lingga yang baharu, bergelar



Sultan Abdul Rahman Shah II. Sultan Abdul Rahman adalah anakanda kepada Raja Muhammad Yusuff<sup>159</sup> ibni Raja Ali, Yam Tuan Muda Riau yang ke sepuluh (1858-1899M), yang juga merupakan menantu kepada Sultan Mahmud Muzaffar (berkahwin dengan puteri baginda, Tengku Embong Fatimah). Sultan Abdul Rahman Mu'adzam Syah kemudiannya dimakzulkan Belanda dalam tahun 1911M. Dengan ini berakhirilah kekuasaan Kesultanan Lingga.

Dinasti Yam Tuan Muda Riau juga akhirnya terhapus terus apabila Yam Tuan Muda Raja Muhammad Yusuff dimakzulkan dalam tahun 1899M dan dihapuskan terus jawatan tersebut.

Negeri Pahang yang pernah menjadi sebahagian dari Kesultanan Johor Lama juga tidak terlepas dari siasah British. Hakikatnya, jawatan Bendahara Johor-Pahang merupakan secebis lagi warisan kerajaan Johor Lama yang telah berjaya diporak perandakan itu. British sedar jawatan tradisi Bendahara sebagai Penabal Raja dalam perlantikan Raja-Raja Melayu, serta fungsinya sebagai 'penjaga' sistem kerajaan tradisi Melayu dan juga bangsa Melayu, adalah suatu halangan besar bagi pihak British untuk mencapai matlamat jangka panjangnya. Malahan pendirian Tun Mutahir untuk berpegang kuat pada teras

'Orde Melayu Lama', yang mengamalkan sistem pemerintahan Melayu tradisi di bumi Pahang dilihat sebagai penghalang kepada agenda mereka. Pendirian ini mampu menjelaskan mengapa pihak British mendokong dari belakang cita-cita Tun Ahmad untuk merampas kuasa pemerintahan Pahang dari Bendahara Tun Mutahir dan kemudiannya merestui tindakannya melantik dirinya kepada mertabat Sultan. Maka akhirnya Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali, cebisan warisan Orde Melayu Lama juga berjaya dihapuskan, dirinya dan legasi yang diwakilinya.



Gambar kiri menunjukkan Tengku Embong Fatimah binti Tengku Besar Abdullah, anak saudara Al-Marhum Sultan Abdul Rahman, bekas Sultan Riau-Lingga. Beliau sedang memegang nafiri, yang pernah menjadi salah satu alat nobat yang dibawa bersama ayahanda saudaranya apabila dipaksa meninggalkan Lingga dalam tempoh 24 jam apabila baginda dimakzulkan Belanda dalam tahun 1911M. Kebanyakan kerabat Sultan Abdul Rahman yang diusir keluar dari Lingga telah menetap di Singapura sebagai orang kebanyakan. (Petikan akhbar Singapore Straits Time).

<sup>159</sup> Raja Muhammad Yusuff inilah yang menjadi punca perbalahan diantara Sultan Mahmud dengan pembesar Bugis, yang mana Sultan Mahmud mahu melantiknya sebagai Yam Tuan Muda tetapi disanggah oleh para pembesar Bugis. Dengan sebab perbalahan ini Sultan Mahmud akhirnya dimakzulkan. Dalam hal perlantikan Sultan Abdul Rahman II sebagai Sultan Lingga, mengikut adat Melayu, baginda tidak berkecualan untuk menjadi seorang Raja Melayu. Bagaimanapun, akibat tindak tanduk pembesar Bugis membuang terus peranan tradisi pembesar Melayu dalam tahun 1857M dalam urusan perlantikan Raja Johor di Lingga, maka Sultan Abdul Rahman bolehlah disebut sebagai Raja Bugis di Lingga yang pertama dan yang terakhir.

## Penutup

Pengkajian sejarah keruntuhan Dinasti Bendahara Johor-Pahang telah memperlihatkan bahawa zaman campurtangan British yang bercita-cita untuk menghapuskan pengaruh dan kekuatan golongan penguasa dari resam Orde Melayu Lama dan digantikan dengan golongan penguasa dari Orde Melayu Baru merupakan era yang amat tragik dalam sejarah pemerintahan Raja-Raja Melayu tradisi. Pertembungan para penguasa dari resam Orde Melayu Lama dengan golongan yang mengikuti resam Orde Melayu Baru telah mengakibatkan munculnya era pemberontakan, perang saudara dan gejolak politik yang hebat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu sepanjang abad ke 19M. Malangnya, dengan kedudukan British sebagai suatu kuasa dunia dengan empayarnya yang besar di zaman itu, golongan penguasa dari Orde Melayu Lama tidak mempunyai peluang untuk mempertahankan warisan nenek moyang mereka yang dijunjung dari zaman Kesultanan Melayu Melaka yang gemilang itu. Apatah lagi, kesatuan pembesar Melayu tradisi telah hampir terlerai disebabkan ujudnya unsur-unsur pengkhianatan dari dalam.

Susulan darinya, ramai penguasa-penguasa dari resam Orde Melayu Baru secara berperingkat telah menggantikan tempat para penguasa tradisi dari Orde Melayu Lama, bernaung di bawah kuasa penjajah British. Penguasa-penguasa baru ini membawa sistem dan idealisma barat pada kedudukan baru mereka yang empuk itu, menggantikan idealisme dan sistem pemerintahan tradisi orang-orang Melayu yang bersendikan kanun, adat, resam, faham dan syarak. Dan itulah yang menjadi matlamat penjajah British.

Orang Melayu dahulu kala percaya bahawa, apabila '*adat disanggah, Melayu mendapat tulah*'. Benarkah demikian? Hakikatnya, kajian sejarah Melayu membuktikan memang benar terjadinya peristiwa tulah. Tulah bukan sahaja boleh menimpa hamba Melayu yang menderhaka pada rajanya, malahan Raja Melayu yang melanggar wa'adnya pun boleh terkena tulah. Rujuk pada tragedi fitnah Bendahara Tun Mutahir (Melaka) anak beranak, fitnah Hang Tuah, peristiwa '*Marhum Mangkat Di Julangan*', berpecahnya empayar Johor, tragedi tergadainya bumi Singapura ke tangan penjajah British, termakzulnya Raja Melayu di Kesultanan Riau-Lingga, musibah yang menimpa bumi Pahang (selepas peristiwa Perang Pahang), dan banyak lagi sejarah yang seumpamanya.

Apabila Raja-Raja Melayu bertakhta tanpa adat dan daulatnya, maka tertutuplah payung perlindungan Allah pada bangsanya. Malangnya, keluarga bangsa Melayu telah terlebih dahulu kehilangan Institusi Bendaharanya yang secara berkurun menjadi tunggak pemelihara adat Melayu, menjadi benteng pertahanan Melayu dari siasah kotor dan menjijikkan itu. Tercantasnya fungsi tradisi Bendahara dari persada pemerintahan umat Melayu telah melumpuhkan teras kekuatan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Apabila Institusi Bendahara menjadi lumpuh, adat demi adat yang dilangkah tidak ada siapapun yang dapat melarang, ketelusan pemerintahan digantikan dengan siasah hebat yang subur dalam kekaburan. Maka terdedahlah bangsa Melayu kepada berbagai kepincangan, musibah dan kegawatan yang jika tidak dibendung, mampu membinasakan bangsa dan agama.

Jikalau pada suatu masa dahulu pihak Yam Tuan Muda Riau, yang diberi peluang berkongsi kuasa dengan para pembesar Melayu telah memaksakan aturan '*siapa kuat dia kudrat*' yang lebih mengutamakan 'menang-kalah' dari 'benar-salahnya' dalam urusan perlantikan raja-raja Johor, maka kini pihak Belanda dan British juga menggunakan kaedah yang sama. Sebagaimana pihak pembesar Bugis yang meminta agar '*budi dibalas budi*' apabila berjaya menolong Raja Sulaiman mengusir keluar Raja Kechil dari kerajaan negeri Johor, iaitu menuntut untuk berkongsi kuasa dengan pembesar Melayu, begitu jugalah yang dibuat oleh pihak Inggeris-Belanda apabila menuntut jasa mereka dibalas setelah dapat menolong mempertahankan kepentingan politik suku Yam Tuan Muda Riau. Pembesar Bugis telah terpaksa akur apabila kedua-dua pihak Belanda dan British ini memaksakan kuasa mereka ditancapkan di bumi Melayu.

Begitu juga apabila pihak Yam Tuan Muda Riau menggunakan jalan kekerasan untuk terus mentancapkan otoritas mereka dalam kerajaan Johor Lama apabila dirasakan budi yang diberi itu telah terlunas, kaedah yang sama juga dibuat oleh pihak Belanda dan British supaya kuasa yang baru didapati itu terus tetap berada dalam genggaman mereka. Kini, '*modus operandi*' yang selama ini digunakan oleh pihak Yam Tuan Muda Riau untuk memelihara kepentingan politik sukunya akhirnya telah 'makan tuan'.

Begitulah '*modus operandi*' British dalam menghancurkan kerajaan Johor Lama, begitulah '*modus operandi*' nya dalam membinasakan kerajaan Pahang<sup>160</sup>, dan begitu jugalah '*modus operandi*' nya dalam memporak-perandakan negeri-negeri Melayu yang lainnya sehingga satu persatu negeri-negeri ini berjaya dijajahnya dalam masa yang singkat !!

Perang Bendahara Pahang dikenang sebagai simbol konfrontasi atau pertembungan diantara golongan bangsawan Melayu yang tetap mahu berpegang dengan kerasnya pada resam Orde Melayu Lama dengan pihak yang kepingin untuk menangkap resam Orde Melayu Baru, yang dinaungi oleh penjajah British itu. Malangnya, pihak British yang mampu menawarkan 'pembaharuan' yang dilihat sebagai lebih canggih, moden dan mempesonakan dibandingkan kehidupan bangsa Melayu tradisional yang serba sederhana tetapi teguh dalam pengamalan hukum adat dan syariat Islam, telah mengaburi segolongan kaum bangsawan Melayu untuk berpihak pada agenda mereka.

Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali, secebis dari warisan Kesultanan Johor Lama, mangsa kerakusan politik British dan kaum bangsawan dari resam Orde Melayu Baru, akhirnya terkubur sebagai pelarian dengan membawa bersama jasad baginda legasi resam pemerintahan Melayu tradisi. Dengan terkuburnya resam Orde Melayu Lama, kini golongan bangsawan dari resam Orde Melayu Baru yang lebeh selesa dengan corak kehidupan barat menjadi kuat dan berkuasa. Sistem barat yang kemudiannya dibiarkan menular ke semua institusi-institusi Melayu dan dapat menyelinap masuk mentancapkan akar umbinya ke dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan, perundangan dan sebagainya

---

<sup>160</sup> Tun Ahmad yang kemudiannya menjadi Sultan Pahang kehilangan kuasa mutlaknya dalam tahun 1888M apabila British memaksanya untuk menerima seorang Residen British.

akhirnya berhasil menjadikan bangsa Melayu terpisah jauh dari jatidiri, fitrah, fikrah, hakikat dan identiti bangsanya yang sebenar.

Maka benarlah firasat Raja Hamidah apabila saudaranya Yam Tuan Muda Raja Jaafar melanggar adat dalam urusan perlantikan Sultan Johor. Katanya :“ .....*Adat perlantikan dari manakah yang diikutnya? Perbuatan yang tidak adil seperti inilah yang menyebabkan kerajaan Johor akan segera rosak binasa!!*’ Dan kami menambah “ *serta menyebabkan bangsa Melayu juga telah menjadi porak peranda!!*”


Sekian.



*'Di kawasan inilah terkuburnya jasad Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali yang membawa bersama jenazah baginda warisan Orde Melayu Lama.....'*

Selepas mangkatnya Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan anakanda baginda Bendahara Seri Maharaja Tun Koris hanya selang 4 hari diantara satu sama lain dalam tahun 1857M, iaitu selepas menemui kekalahan dalam tragedi Perang Bendahara Pahang, kedua-dua marhum tersebut dimakamkan di puncak Bukit

Timbalan, Johor Bahru. Kawasan makam tersebut kemudiannya menjadi 'Makam Kerabat Pahang' shinggalah pada tahun 1938M apabila tempat tersebut dicerobohi oleh kontraktor China dan Ingeris yang ditugaskan membina bangunan Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar. Apa yang lebih menyedihkan, tidak ada satu pihak pun yang mahu bertanggungjawab di atas kejadian itu. Walaupun bangunan Sultan Ibrahim yang besar itu tidak dibina betul-betul di atas tapak makam tersebut, namun ianya tetap terbiar dengan tidak bertanda sehinggalah ke hari ini. Gambar di bawah merupakan salinan asal kawasan tapak makam Tun Mutahir (lihat perkataan 'makam' dalam tulisan Jawi di bahagian bawah sebelah kiri peta). *Sesungguhnya, tragedi pemusnahan makam Tun Mutahir dan kerabat baginda menjadi simbol ikhtiar sesetengah pihak yang ingin menghapuskan terus apa jua kenangan warisan Orde Melayu Lama.....*



**Syair :**

*“Permata Melayu yang Hilang”*

**Syair**  
*'Permata Melayu yang Hilang'*

Assalamu'alaikum, saudara sekalian,  
Sejarah Melayu, sila dengarkan,  
Raja Melayu, semulia bangsawan,  
Iskandar Zulkarnain, asal titisan.

Sultan Iskandar, tiga turunan,  
Musafir kelana, jauh-jauhan,  
Hingga tertakdir, suratn Tuhan,  
Tanah Andalas, akhir singgahan.

Negeri Palembang, Tanah Andalas,  
Bukit Siguntang, menjadi emas,  
Orang berhuma, sangatlah cemas,  
Kisah ajaib, tersebar luas.

Negeri Palembang, zaman silamnya,  
Demang Lebar Daun, nama rajanya,  
Iskandar Zulkarnain, juga moyangnya,  
Asal Melayu, dialah tuannya.

Demang Lebar Daun, mendengar riwayat,  
Tiga saudara, ajaib hikayat,  
Lalu segera, pergi mendapat,  
Jadikan anaknya, diambil berkat.

Tiga saudara, terkenal sudah,  
Dirajakan orang, diberi daulah,  
Alam Minangkabau, Sang Sapurba perintah,  
Krishna Pandita, Tanjung Pura diserahkan.

Saudara ketiga, tetap tinggalnya,  
Negeri Palembang, dapat tuahnya,  
Sang Nila Utama, nama dirinya,  
Seri Teri Buana, juga gelarnya.

Sang Nila Utama, masyur namanya,  
Bukit Siguntang, tempat mainannya,  
Demang Lebar Daun, mengambil berkatnya,  
Raja Melayu, ditabalkannya.

Demang Lebar Daun, meletak adat,  
Berpatik bertuanku, bahasa dibuat,  
Bertaat setia, mengucap selamat,  
Menjunjung duli, pada Hadirat.

Demang Lebar Daun, bangsawan gahara,  
Dari asalnya, semua Bendahara,  
Pada dianya, raja berura,  
Cari muafakat, memutus bicara.

Demang Lebar Daun, empunya puteri,  
Muda rupawan, Radin Chandra Puri,  
Sang Nila Utama, berperi-peri,  
Minta dijadikan, ia permaisuri.

Demang Lebar Daun, terima lamaran,  
Lalu keduanya, diijabkabulkan,  
Itulah punca, asal titisan,  
Raja Melaka, waris turunan.

Iskandar Zulkarnain, asal hakikat,  
Raja-Bendahara, daulatnya pekat,  
Darah bersatu, jalinan diperkuat,  
Daulat ! Bertambah daulat!

Demang Lebar Daun, sukanya amat,  
Sang Nila Utama, menantu dibuat,  
Walau begitu, ia bersyarat,  
Baginda raja, diminta berwa'ad.

Wahai Tuanku, mari bersumpah,  
Sebagai Sultan, Duli Khalifah,  
Mohon Tuanku, adil perintah,  
Jangan zalimi, rakyat menyembah.

Hamba Melayu, bakti dicurah,  
Kepada raja, khidmat diserahkan,  
Jangan aibi, mencari parah,  
Harap Tuanku, junjung amanah.

Demang Lebar Daun, terus berura,  
Hamba Melayu, yang buat angkara,  
Beri hukuman, kadar setara,  
Jangan dinista, seisi negara.



Setelah Memanda, selesai berkata,  
Bertitah pula, raja yang *pokta*<sup>161</sup>,  
Hasrat Memanda, kabullah beta,  
Janji diikat, tetap dikota.

Kepada Bendahara, raja meminta,  
Rakyat sekelian, curahkan setia,  
Taburlah bakti, raja di takhta,  
Hamba Melayu, jangan durhaka.

Duli Hadirat, terus berperi,  
Walau turunannya, jahat pekerti,  
Jangan darahnya, ditiitiskan ke bumi,  
Itu pintanya, harap mengerti.

Duli Hadirat, terus menambah,  
Hamba Melayu, yang langgar sumpah,  
Dibalikkan Tuhan, bumbung rumah,  
Dapat segera, ditimpa *tulah*<sup>162</sup>.

Dato' Memanda, memberi sembah,  
Hasrat Tuanku, patik kabullah,  
Wa'ad dibuat, jangan disanggah,  
Nescaya kita, mendapat padah.

Dato' Memanda, pinta muafakat,  
Jika turunan, Duli Hadirat,  
Dengan sesuka, melanggar wa'ad,  
Turunan patik, tak lagi terikat.

Raja Melayu, yang hilang adilnya,  
Nescaya binasa, takhta negerinya,  
Mendapat bencana, kerajaannya,  
Luputlah Raja, dari daulatnya.

Kabullah pada, Duli Pertuan,  
Sumpah terikat, pada turunan,  
Wa'ad yang suci, bukan mainan,  
Raja Melayu, jangan abaikan.

Demikian adanya, sumpah setia,  
Asal Melayu, Bendahara tuannya,  
Hamba Melayu, amanah pundaknya,  
Raja Melayu, diserah tunggaknya.

---

<sup>161</sup> Bahasa Melayu Lama; yang paling baik, indah; (tentang kelakuan, pekerjaan atau paras rupa)

<sup>162</sup> Bahasa Melayu Lama; bencana yang menimpa kerana melanggar adat dan aturan, sumpah, kutukan

Syahadan demikian, sedia aturan,  
Bangsa Melayu, dirahmat Tuhan,  
Wa'ad dijunjung, zaman berzaman,  
Jika dilanggar, luputlah aman.

Wa'ad Melayu, sudahlah terang,  
Bangsa Melayu, adatnya terbilang,  
Raja Melayu, manikam benderang,  
Bendahara Melayu, permata gemilang.

Negeri Melaka, masyur sedunia,  
Aman sentosa, semua rakyatnya,  
Terbilang riwayat, raja-rajanya,  
Payung Melayu, indah kurnia.

Raja- pembesar, saling muafakat,  
Bangsa Melayu, mendapat rahmat,  
Dipelihara syariat, dijunjung adat,  
Kuat berdaulat, negara berkat.

Bendahara Melaka, sangat masyurnya,  
Bendahara Johor, apa kurangnya,  
Bendahara Pahang, ikut adatnya,  
Unggul wibawa, tiada taranya.

Wahai saudara, sila dengarkan,  
Riwayat Bendahara, semulia bangsawan,  
Sejarah silam, kami sembahkan,  
Kisah yang nyata, bukan rekaan.

Bendahara Tun Perak, bijak-bistari,  
Arif wibawa, mentadbir negeri,  
Maju Melaka, tiada terperi,  
Raja di *puri*<sup>163</sup>, berlapang diri.

Dato' Memanda, telah anjurkan,  
Kerajaan yang jauh, kita dekatkan,  
Mana yang dapat, kita mesrakan,  
Daulat Melaka, dapat besarkan<sup>164</sup>.

---

<sup>163</sup> Bahasa Melayu Lama; istana

<sup>164</sup> Tun Perak telah mengamalkan dasar '.... daripada banyak seteru, baik berbilang sahabat' dalam hal pentadbiran negeri Melaka. Tun Perak menganjurkan persahabatan dengan negeri China sehingga terjadi perkahwinan diantara Sultan Mansur Shah dengan puteri Maharaja China yang bernama Hang Li Po. Atas syor Tun Perak juga, Sultan Mansur Shah menjalin persahabatan dengan kerajaan Majapahit dan berkahwin dengan puteri rajanya. Setelah dapat mengalahkan Siam sebanyak dua kali dalam peperangan, Melaka juga menghulurkan salam persahabatan yang kemudiannya diterima dengan baik. Dasar luar yang disyorkan

Raja Melaka, terima nasihat,  
Negeri Siam, dibuat sahabat,  
Puteri Majapahit, jalinan diikat,  
Puteri China, juga dipikat.

Raja Melaka, daulat berbadi,  
Mencari kawan, ramai yang sudi,  
Banyak negeri, terhutang budi,  
Rancangan Memanda, sudah menjadi.

Bendahara Tun Perak, fikirnya dalam,  
Pada semuanya, sering berkalam,  
Raja Melayu, *zillullah fil 'alam*<sup>165</sup>,  
Taatkan raja, tuntutan Islam<sup>166</sup>.

Bendahara Tun Perak, terus beralil,  
Pembesar Melayu, haraplah *khalil*<sup>167</sup>,  
Raja Melayu, mestilah adil,  
Janganlah rakyat, dipandang kecil.

Bawah perintahnya, jajahan meluas,  
Agama dan adat, dijadikan teras,  
Dicurah bakti, sampailah puas,  
Melaka merempuh, zaman emas<sup>168</sup>.

Bendahara Tun Perak, sudah terbilang,  
Budi jasanya, tetap ditatang,  
Walaupun sudah, lama menghilang,  
Bangsa Melayu, masih mengenang.

---

oleh Tun Perak telah mampu membuah hasil yang lumayan, sehingga Melaka menjadi sebuah empayar yang besar, kuat dan agung.

<sup>165</sup> Bahasa Arab; bayangan Tuhan di mukabumi

<sup>166</sup> Tun Perak pernah membuat wasiat seperti berikut: "*Hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah SWT dan RasulNya. Dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktian kepada raja kamu....Maka kata hukuman, adalah raja yang adil itu dengan Nabi SAW umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zillullah-fil-'alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah SWT, Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan RasulNya, dan akan raja ( Surah An-Nisa': 59).*"

<sup>167</sup> Bahasa Arab: bersahabat

<sup>168</sup> Bendahara Paduka Raja Tun Perak sempat berkhidmat dengan empat Raja Melaka, iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Bendahara Tun Perak memegang tampuk pentadbiran negeri Melaka selama lebih kurang setengah abad, iaitu hampir setengah usia Kesultanan Melayu Melaka. *Sejarah Melayu* menyebut mengenai tokoh bangsawan ini seperti berikut:

"*Syahandan, Bendahara Paduka Raja (Tun Perak) itulah dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana, di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kenayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja.*

Tun Teja, jadi sebutan,  
Bak bidadari, indah rupawan,  
Raja Melaka, sudah tertawan,  
Puteri idaman, menjadi igauan.

Tiada kata, secantik bahasa,  
Tun Fatimah, serikandi bangsa,  
Duli Pertuan, dicurah jasa,  
Tetap di sisi, senang dan siksa.

Adat Melayu, itulah laziman,  
Puteri Bendahara, menjadi Ampuan,  
Bendahara dan Sultan, seperti sebadan,  
Dara jelita, penghubung ikatan.

Bendahara Tun Mutahir, bangsawan mulia<sup>169</sup>,  
Makmur Melaka, bawah perintahnya,  
Anugerah Tuhan, tua hatinya,  
Rakyat mendapat, faedah darinya.

Suatu ketika, Peringgi berkira,  
Menjajah Melaka, buat angkara,  
Namun tak sanggup, Peringgi mara,  
Selagi hidupnya, Dato' Bendahara.

Peringgi pernah, menyerang sekali,  
Dato' Memanda, tiadalah *khali*<sup>170</sup>,  
Perintahkan panglima, pertahan duli,  
Peringgi tewas, lalu kembali.

Tun Hassan Temenggong, anak Bendahara,  
Budayawan Melayu, yang tiada tara<sup>171</sup>,  
Ketua Panglima, Peringgi divedera<sup>172</sup>,  
Putera Memanda, menjadi wira.

Bendahara Mutahir, harum namanya,  
Datangkan iri, pada musuhnya,  
Mencari jalan, buat aniaya,  
Biar Memanda, dapat racunnya.

<sup>169</sup> Merupakan anak saudara kepada Tun Perak

<sup>170</sup> Bahasa Melayu Lama; *leka, alpa*

<sup>171</sup> Menurut *Sejarah Melayu*; "Tun Hassan Temenggong yang pertama melabuhkan baju Melayu, dan membesarkan pangkal tangan baju, dan memanjangkan tangan baju, akan dahulu baju Melayu kecil."

<sup>172</sup> Tun Hassan Temenggong menjadi ketua Panglima Melaka dalam peperangan dengan Peringgi. *Sejarah Melayu* mencatatkan: "Maka bertemulah segala orang Melaka dengan segala Peringgi lalu berperang, terlalu sabur, rupa senjata seperti hujan lebat; lalu ditempuh Tun Hassan Temenggong dengan hulubalang Melaka, maka segala Peringgi pun patahlah perangnya, dan banyak matinya lalu undur."

Apalah malang, Bendahara Melaka,  
Difitnah onar, dusta belaka<sup>173</sup>,  
Jasa dicurah, tiada berharga,  
Dihukum bunuh, satu keluarga<sup>174</sup>

Sanak saudara, merasa gundah,  
Ingin membela, mempertahankan maruah,  
Namun dihalang, Bendahara yang tabah,  
Dengang sabdanya, yang penuh madah.

Sultan Melaka, tiada bersalah,  
Khilaf baginda, tertakdir sudah,  
Jangan durhaka, melawan titah,  
Kepada Illahi, kita berserah<sup>175</sup>.

Bendahara budiman, jiwa sejati,  
Membuat wasiat, seikhlas hati,  
Segala hartanya, dibuat bakti,  
Raja dijunjung, sampai ke mati<sup>176</sup>.

Sultan Mahmud, memberi kuasa,  
Jalankan hukuman, tanpa periksa,  
Takdir Illahi, Melaka binasa,  
Peringgi melanggar, sesingkat masa<sup>177</sup>.

Raja Melaka, sesallah sudah<sup>178</sup>,  
Pahit ditelan, tak dapat diluahkan,  
Wa'ad disanggah, negeri disumpah,  
Sultan Mahmud, sikap berubah.

---

<sup>173</sup> Tun Mutahir difitnah oleh dua saudagar Tamil yang bernama Kitul dan Raja Mandeliar, kononnya Tun Mutahir mempunyai rancangan hendak merampas takhta dan merajakan dirinya di Melaka.

<sup>174</sup> Sultan Mahmud I telah menitahkan dihukum bunuh Bendahara Tun Mutahir, puteranya Tun Hassan Temenggong dan anak saudara yang juga menantunya Tun Ali (suami Tun Fatimah sebelum Sultan Mahmud I)

<sup>175</sup> Menurut riwayat *Sejarah Melayu*, Tun Mutahir menempelak kaum keluarga, anak buah dan rakyat jelata yang berkumpul di rumahnya, siap dengan alat senjata untuk membela dirinya. Anakandanya Tun Hassan Temenggong hendak melawan lalu ditegahnya sambil berkata : " *Hei Hassan! Hendak membinasakan nama orang tua-tua kitakah engkau? Kerana adat Melayu tiada pernah derhaka.*" Kemudian Tun Mutahir berkata pada Tun Sura Diraja yang dititah melaksanakan hukum bunuh padanya : " *Barang yang telah berlaku, pada hukum Allah itu, hamba pun redholah.*"

<sup>176</sup> Selepas mengambil air sembahyang, Tun Hassan Temenggong mengambil peti emas simpanan ayahandanya untuk dibuangkan ke laut. Bagaimanapun ditegah oleh Tun Mutahir dengan berkata : " *Hei! Hei! Hassan! Mengapa maka peti emas itu hendak dibuangkan? Kerana Yang Dipertuan membunuh kita bukanlah hendakkan emas kita! Jikalau kita sudah mati, biarlah emas kita diambil oleh Yang Dipertuan akan kebaktian kita.*" Maka tidaklah jadi dibuang peti emas tersebut itu dan kemudiannya dipersembahkan kepada Sultan Mahmud.

<sup>177</sup> Tragedi di atas berlaku dalam tahun 1510M, sementara Portugis melanggar Melaka dalam tahun 1511M.

<sup>178</sup> Sultan Mahmud kemudiannya dapat tahu perihal fitnah saudagar Tamil dan memerintahkan dijalankan hukuman keras ke atas mereka, iaitu dengn diumbut.

Tersebut kisah, Paduka Tuan,  
Ganti Bendahara, Raja titahkan,  
Zaman mudanya, handal melawan,  
Banyak jajahan, dapat ditawan.

Bendahara Tun Tepok, nama timangan,  
Usia yang tua, hilang kekuatan,  
Badannya lumpuh, sudah suratan,  
Ditandu orang, atas usungan<sup>179</sup>.

Peringgi datang, melanggar negeri,  
Kerabat Tun Tepok, bawanya lari,  
Dengan semangat, cuba berdiri,  
Sambil Memanda, berperi-peri.

Janganlah kamu, bawaku pergi,  
Segala kudratku, biarku bagi,  
Tiada ku takut, tidak ku rugi,  
Langgarkan aku, pada Peringgi<sup>180</sup>.

Dato' Bendahara, permata bangsa,  
Sedia berbakti, mencurah jasa,  
Tetap sedia, senang dan siksa,  
Walau usia, tinggallah sisa.

Bendahara Tun Tepok, ayuhai tuan,  
Luhur jiwamu, tiada bandingan,  
Kudrat berbaki, ingin curahkan,  
Bangsa Melayu, jadikan teladan.

Peringgi melanggar, alang kepalang,  
Sultan Mahmud, sangatlah berang,  
Titah baginda, pada hulubalang,  
Beta juga, ingin berjuang.

---

<sup>179</sup> Dikenali juga dengan nama Bendahara Lubok Batu. Merupakan putera Tun Perak dan dijadikan Bendahara oleh Sultan Mahmud selepas tragedi pembunuhan Tun Mutahir satu keluarga. Apabila dimaklumkan akan titah Sultan untuk melantiknya menjadi Bendahara, langsung ia berkata: "*Bendahara apatah ini, yang tepok dan lesu demikian ini ?*" Maka Paduka Tuan bermohon tidak mahu jadi Bendahara, tetapi Sultan Mahmud tetap berkeras dan tetaplah ia setia menurut perintah baginda.

<sup>180</sup> Menurut riwayat *Sejarah Melayu*, Bendahara Tun Tepok telah berkata pada Si Lamat Gagah, orang yang menandunya: "*Baliklah! Baliklah! Langgarkan aku pada Peringgi!*". Apabila tidak dihiraukan oleh kaum kerabatnya, Tun Tepok terus menempelak: "*Ceh! Cabarnya segala orang muda-muda ini, apa daya aku telah tepok, kalau aku lagi kuasa, mati aku dengan negeri Melaka ini!*"

Pembesar Melaka, tidak indahkan,  
Raja Melayu, tunggak kedaulatan,  
Duli Pertuan, mesti diselamatkan,  
Biar hulubalang, negeri pertahankan<sup>181</sup>.

Mengundur dirinya, Sultan Melaka,  
Membawa nasib, hidup melata,  
Keluarga Bendahara, tetap setia,  
Senang dan susah, khidmat sedia<sup>182</sup>.

Raja Melaka, membawa diri,  
Pergi ke Johor, membuka negeri,  
Bendahara Melaka, ikut sekali,  
Mengikut titah, tiadalah khali.

Peringgi durjana, Melaka ditawannya,  
Membuat angkara, dengan zalimnya,  
Masjid Melaka, dan makam rajanya,  
Diredah geledah, tanpa belasnya<sup>183</sup>.

Kubu dibina, di atas tapaknya,  
Megah berdiri, Famosa namanya,  
Peringgi menjajah, tiada adatnya,  
Anggaran lebih, sekurun lamanya<sup>184</sup>.

---

<sup>181</sup> Menurut riwayat Portugis, Sultan Mahmud dan anakandanya Raja Ahmad memainkan peranan utama dalam mengatur strategi peperangan dengan Portugis. Bagaimanapun, apabila dilihat tanda-tanda kekalahan negeri Melaka, Sultan Mahmud diminta oleh para pembesar negeri untuk mengundur dirinya. Pada mulanya baginda enggan dengan sabdanya: "Kerana istiadat raja-raja itu, negeri alah rajanya mati." Pembesar baginda menjawab: "Benarlah titah Duli Pertuan, hanya pada kali ini tiadalah Duli Pertuan patik beri mati dengan negeri Kopak ini."

<sup>182</sup> Sultan Mahmud, kaum keluarga beserta para pengiring baginda menyusuri kaki Gunung Bentan dalam keadaan yang sangat lapar, lalu baginda titahkan Seri Nara Diraja mencari nasi. Walaupun pada masa itu semua pengiring baginda juga sudah kelaparan dan tidak berdaya lagi, Seri Nara Diraja tetap memerintahkan Seri Wak Raja mencari nasi. Menurut *Sejarah Melayu*, di hadapan Sultan Mahmud, Seri Nara menyindir: "Benar bicara diri, melebihi benar daripada tuan. Hei Seri Wak Raja, siapa yang membunuh bapa kita dua bersaudara, mati di Melaka itu? Raja mana? Bukankah raja ini? Pada masa inilah kita membalas kasihnya akan bapa kita mati empat beranak itu. Pergi Orang Kaya carikan Duli Yang Dipertuan nasi sangat-bangat (cepat-cepat), kerana baginda tiga berputera sangat lapar." Setelah Sultan Mahmud mendengar kata Seri Nara Diraja itu, maka baginda pun tunduk dengan sesalnya akan pekerjaan baginda yang telah lalu itu. Maka Seri Wak Raja pun pergilah dengan budak-budak tiga empat orang mencari nasi di kampung berdekatan sampai dapat. Apabila divedukkan nasi, baginda enggan dan menyuruh keluarganya sahaja makan. Setelah beberapa lama Sultan Mahmud masih tidak mahu makan, Seri Nara Diraja bertegas kepada baginda: "Mari patik basuh tangan Tuanku, baik Yang di Pertuan santap, jikalau Tuanku tidak mendengar sembah patik, patik amuk; sekali inilah Melayu derhaka! Maka Sultan Mahmud ikutilah nasihat Seri Nara Diraja dan menjamah nasi yang disediakan.

<sup>183</sup> Pemimpin Portugis yang bernama Alfonso De Albuquerque telah meruntuhkan masjid besar Melaka yang didirikan oleh Sultan Mansur Shah, dan di atas tapaknya didirikan kubu La Famosa dengan menggunakan nisan perkuburan orang-orang Islam dan makam diraja sebagai bahan-bahan binaan.

<sup>184</sup> Portugis menjajah Melaka dari tahun 1511-1641M

Bendahara Tun Zainal, gagah orangnya,  
Bendahara Sekudai, juga gelarnya,  
Mencari ikhtiar, dengan menterinya,  
Melanggar Peringgi, dalam kubunya.

Sultan Johor, memberi kuasa,  
Bendahara Sekudai, pahlawan perkasa,  
Melanggar Peringgi, walaupun siksa,  
Demi pertahanan, agama dan bangsa.

Kubu Famosa, menjadi sasaran,  
Benteng Peringgi, tempat bertahan,  
Pahlawan Melayu, tiada pilihan,  
Nyawa dan badan, jadi taruhan.

Kubu dipanjat, lapis-lapisan,  
Sudah bertekad, mencari lawan,  
Azmat suasana, sorak tempikan,  
Hulubalang Melayu, beramuk-amukan.

Pahat beliung, penggada berduri,  
Ditembak dibedil, tentera Peringgi,  
Pahlawan Melayu, kanan dan kiri,  
Satu persatu, gugur ke bumi<sup>185</sup>.

Bendahara Sekudai, telah bersumpah,  
Pahlawan Melayu, junjung amanah,  
Sekali-kali, tidakkan menyerah,  
Selagi Peringgi, tidak dialah.

Darah pendekar, dibaja subur,  
Pencetus semangat, jiwa nan luhur,  
Amuk Melayu, jihad yang mabrur,  
Dapat akhirnya, Peringgi terkubur.

Tersebut kisah, Bendahara Muhammad,  
Mendapat titah, Duli Hadirat,  
Walaupun dirasa, beban yang amat,  
Sedia dipikul, penuh semangat.

---

<sup>185</sup> Menurut catatan yang disebut dalam *Hikayat Hang Tuah*, Bendahara Sekudai telah memerintahkan dipasang sigai pada kubu Famosa, lalu bersama-sama dengan hulubalang Johor memanjat sigai itu dan menyerbu ke dalam benteng, hanya dengan bercawat sahaja. Ramai pahlawan Melayu yang gugur kerana dibedil dengan penggada yang berduri seperti duri, dengan pahat dan beliung, namun hulubalang Johor naik juga dan naik terus, bertimbun mayat jatuh bergelimpangan namun yang lain terus naik sehingga sampai ke atas kubu. Bendahara sendiri dapat memimpin anak buahnya masuk ke dalam kubu, dan beramuk-amukan menyerang Portugis sehingga habislah mati dan jatuhlah benteng Portugis yang berdiri megah untuk lebih 130 tahun lamanya.



Sultan Johor, beri amanat,  
Bukukan kisah, serta riwayat,  
Raja Melayu, dan adat istiadat,  
Supaya tak hilang, sampai Kiamat.

Dato' Bendahara, jalankan titah,  
Tiada berkira, penat dan lelah,  
Penuh *tafahus*<sup>186</sup>, menyusun sejarah,  
Agar kisah, menjadi *ibrah*<sup>187</sup>.

*Sejarah Melayu*, terbuku sudah,  
Duli Pertuan, dibawa sembah,  
Jasa Bendahara, telah dicurah,  
Bangsa Melayu, dapat faedah<sup>188</sup>.

*Sejarah Melayu*, agungnya karangan,  
Bendahara Muhammad, jadi sebutan,  
Tun Seri Lanang, nama timangan,  
Pujangga Melayu, tiada tandingan.

Suatu ketika, tersebut riwayat,  
Raja-Bendahara, hilang muafakat,  
Cuba pulihkan, tidaklah dapat,  
Berpisah haluan, tak dapat disekat<sup>189</sup>.

Bendahara Johor, berhati rawan,  
Terlerai sudah, tali ikatan,  
Kalau begitu, kehendak Sultan,  
Apa nak buat, terpaksa turutkan.

Negeri Johor, apalah malang,  
Dato' Bendahara, kini menghilang,  
Baginda Sultan, tiada terhalang,  
Mengikut rasa, alang kepalang.

Laksamana Paduka, jadi pilihan,  
Ganti Memanda, di sisi Sultan,  
Pembesar Melayu, tiadalah aman,  
Tingkah Laksamana, datangkan keruan.

---

<sup>186</sup> Bahasa Melayu Lama; memeriksa dengan cermat dan berhati-hati

<sup>187</sup> Bahasa Arab; ibarat, pengajaran

<sup>188</sup> Bendahara Tun Seri Lanang berpesan dalam *Sejarah Melayu* : "...supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahadan, adalah beroleh faedahlah ia daripadanya."

<sup>189</sup> Rujuk Lampiran II di bawah tajuk 'Kehilangan Dato' Bendahara selama lebih 60 tahun di istana Johor Lama' untuk sejarah terperinci.

Negeri diatur, sewenang-wenang,  
Adat disanggah, alang kepalang,  
Laksamana Paduka, menjadi dalang,  
Segala perintahnya, tak boleh dibangkang.

Duduk di Riau, Sultan Johor,  
Rencana Laksamana, jelas tersohor,  
Muafakat bersama, sudah terkubur,  
Daulat raja, hilanglah luhur.

Enam *dasawarsa*<sup>190</sup>, berlalu masa,  
Laksamana sekeluarga, masih berkuasa,  
Duli Pertuan, tiada periksa,  
Pembesar Melayu, menjadi sisa.

Sultan Johor, mangkatlah sudah,  
Putera baginda, kerajaan diserahkan,  
Tingkah Laksamana, tetap tak ubah,  
Duli Pertuan, berhati gundah.

Sampai masanya, yang bersesuaian,  
Titah diberi, Duli Pertuan,  
Adat Melayu, ikutlah aturan,  
Supaya kita, tidak kerugian.

Bendahara-Sultan, seperti sebadan,  
Janganlah cuba, pisah-pisahkan,  
Tali yang lerai, kita ikatkan,  
Warisan Melaka, kita sambungkan.

Ingin kembali, duli yang bahari,  
Ke tanah Johor, bersama menteri,  
Khabar gembira, tiada terperi,  
Gegak gempita, seisi negeri.

Belumpun sempat, balik negeri,  
Sekonyong mangkat, raja yang bahari,  
Diracun oleh, Laksamana sendiri,  
Angkara nafsu, pentingkan diri.

Putera Al-Marhum, setahun jagung,  
Takhta negeri, Laksamana mendokong,  
Bertambah keras, semakin sombong,  
Negeri Johor, dilanda rundung.

---

<sup>190</sup> Bahasa Melayu Lama; *Dekad, masa sepuluh tahun*

Membuat aniaya, Paduka Laksamana,  
Temenggong dibunuh, tidak semena,  
Darjat yang mulia, menjadi hina,  
Gelagat Laksamana, menempah bencana.

Dato' Bendahara, ayu hai tuan,  
Pembesar Melayu, menaruh harapan,  
Amanah bangsa, jangan siakan,  
Petaka negeri, tolong pulihkan.

Tun Abdul Majid<sup>191</sup>, bangsawan mulia,  
Bendahara Habib, dialah juga,  
Nasab yang luhur, tinggi darjatnya,  
Memuncak berseri, bintang *saud*<sup>192</sup>nya.

Bendahara Habib, bijak bistari,  
Masygul hatinya, melihat negeri,  
Angkara Laksamana, berperi-peri,  
Memerintah Johor, sesuka sendiri.

Dato' Bendahara, bawa muafakat,  
Bersatu hati, kita bertekad,  
Bersama Raja, pulihkan adat,  
Supaya negeri, kembali berkat.

Dato' Bendahara, sudah putuskan,  
Adat Melayu, mesti kembalikan,  
Walau terpaksa, guna kekerasan,  
Itu yang tetap, akan dilakukan.

Hilanglah kelam, timbullah terang,  
Bendahara Tun Habib, turun gelanggang,  
Dengan panglima, sama menyerang,  
Dato' Memanda, tunjukkan garang.

Laksamana Paduka, tak sempat lari,  
Disekat laluan, kanan dan kiri,  
Sedia ditentang, hulubalang negeri,  
Apa nak buat, maut hampiri.

---

<sup>191</sup> Bendahara Seri Maharaja (Padang Saujana) Tun Habib Abdul Majid mempunyai darah Nabi Muhammad SAW dan Raja-Raja Melaka. Baginda merupakan bapa, atau '*patriach*' kepada Kesultanan Terengganu serta Dinasti Bendahara Pahang dan Johor.

<sup>192</sup> Bahasa Melayu Lama; bahagia, beruntung

Laksamana Paduka, matilah sudah,  
Rakyat semua, hilanglah gundah,  
Urusan negeri, menjadi mudah,  
Ikut muafakat, tiada berbalah.

Tersebutlah pula, Duli Pertuan,  
Sultan Mahmud<sup>193</sup>, hidup tak aman,  
Angkara sendiri, ganjil kelakuan,  
Tidak siapa, berani melawan.

Sultan Mahmud, sangatlah garang,  
Kelaku baginda, sudahlah terang,  
Raja yang zalim, lagi pemberang,  
Jadi umpatan, sekalian orang.

Sampai kemuncak, laku Hadirat,  
Ditimpa gila, yang amat sangat,  
Isteri pembesar, yang sedang sarat,  
Dihukum bunuh, perut dikerat.

Megat Seri Rama, berhati walang,  
Isteri tercinta, mendapat malang,  
Menurut rasa, alang kepalang,  
Keris dihayun, bersilang-silang.

Megat Seri Rama, mengadap Memanda,  
Mengadu nasibnya, kehilangan adinda,  
Dato' Bendahara, dapat petanda,  
Mala petaka, bakal melanda.

Tun Abdul Jalil, Dato' Bendahara<sup>194</sup>,  
Pembesar Melayu, dibawa bicara,  
Raja yang zalim, punya angkara,  
Negeri Johor, sudahlah cedera.

Payung Melayu, patahlah sudah,  
Amanat Tuhan, Raja menyanggah,  
Duli Pertuan, hilanglah daulah,  
Kepada bangsanya, menjadi barah.

---

<sup>193</sup> Sultan Mahmud II inilah yang dipangku riba oleh Laksamana Paduka Tun Abdul Jamil (bonda tiri kepada Sultan Mahmud) merupakan puteri Laksamana Paduka) sepanjang tiga tahun pemerintahannya atas negeri Johor secara mutlak. Dengan peristiwa pembunuhannya dalam tahun 1688M, Sultan Mahmud dibawa kembali ke tanah besar Johor dan dipangku riba oleh Tun Habib mengikut adat Melayu sehingga Tun Habib mangkat dalam tahun 1697M.

<sup>194</sup> Merupakan waris tua kepada Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Tun Habib Abdul Jalil menjadi Bendahara Paduka Raja pada tahun 1697-1699M.

Pembesar Melayu, tiada pilihan,  
Payung Melayu, mesti pulihkan,  
Raja yang zalim, perlu dilawan,  
Cederanya banyak, bersarang tebuau.

Megat Seri Rama, sudahlah nekad,  
Membunuh Raja, hati bertekad,  
Pembesar Melayu, tidak menyekat,  
Memberi restu, dengan muafakat.

Sampai ketika, tertakdir sudah,  
Megat Seri Rama, membawa padah,  
Raja dijulungan, terus disergah,  
Lalu ditikam, sampai mangkatlah.

Sultan Mahmud, dapat kemalangan,  
Nyawa berakhir, di atas julangan,  
Terbayar sudah, segala hutangan,  
Sejarah baginda, menjadi kenangan.

Pembesar menghadap, Dato' Bendahara,  
Balairung seri, tempat berura,  
Mencari muafakat, kadar segera,  
Kerana Al-Marhum, tiada berputera.

Tidak berehat, sekalian menteri,  
Cari muafakat, berhari-hari,  
Melantik pengganti, raja yang bahari,  
Tunaikan harapan, seisi negeri.

Adat Melayu, diambil kira,  
Mencari pemutus, kata bicara,  
Jikalau Marhum, tiada berputera,  
Pilihlah kerabat, antara yang gahara.

Pembesar Melayu, sudah mesyuarat,  
Melantik ganti, Raja yang mangkat,  
Dato' Pasir Raja, waris terdekat<sup>195</sup>,  
Kerabat teraula, mengikut adat.

---

<sup>195</sup> Menurut catatan manuskrip '*Salasilah Raja-Raja Temenggong Muar (Salasilah Muar)*', pembesar Johor menghadap Dato' Pasir Raja meminta baginda menjadi ganti Sultan Johor. Dato' Pasir Raja merupakan saudara tua kepada Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Saudara perempuan mereka yang bergelar Marhum Bakal adalah permaisuri Sultan Ibrahim Shah, dan kemudiannya melahirkan Sultan Mahmud Shah II. Jajahan Muar diberi kepada Dato' Pasir Raja sebagai anugerah atas perkahwinan Sultan Ibrahim kepada Marhum Bakal. Keturunan Raja-Raja Temenggong Muar masih ramai di Muar dan Segamat hingga ke hari ini.

Dato' Pasir Raja, Muar jajahannya,  
Menjadi Raja, tidaklah sedia,  
Alasan diberi, dengan hibanya,  
'Seolah menyukai, anakanda perginya'<sup>196</sup>.

Dato' Pasir Raja, beri fikiran,  
Dato' Memanda, menjadi pilihan<sup>197</sup>,  
Kerabat gahara, cukup kelayakan,  
Pembesar Melayu, tiada bantahan.

Dato' Bendahara, kerajaan diserahkan,  
Amanat dijaga, Duli Khalifah<sup>198</sup>,  
Kebesaran daulat, makin bertambah,  
Rakyat jelata, berdatang sembah.

Sultan Abdul Jalil, raja bernobat,  
Memerintah negeri, dengan beradat,  
Musibah yang lalu, tak jadi melarat,  
Rakyat Johor, mendapat rahmat.

Duli Hadirat, adil perintahnya,  
Sangat budiman, luhur hatinya<sup>199</sup>,  
Rakyat negeri, setia padanya,  
Raja dijunjung, hingga akhirnya.

Sampailah sudah, edaran masa,  
Adat Melayu, nak rosak binasa,  
Bahangnya nanti, amat dirasa,  
Bangsa Melayu, menjadi mangsa.

Kisah bermula, disebut orang,  
Raja Kecil, datang menyerang<sup>200</sup>,  
Sultan Johor, ditunjukkan garang,  
Dengan lagaknya, ajak berperang.

---

<sup>196</sup> Pertalian Dato' Pasir Raja dan Tun Habib Abdul Majid dengan Sultan Mahmud adalah berpangkat ayahanda saudara.

<sup>197</sup> Dato' Pasir Raja tidak mengesyorkan adiknya Tun Habib Abdul Majid kerana ia telah pun mangkat terlebih dahulu. Maka secara adatnya, yang paling berkelayakan selepas itu ialah Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil, sepupu kepada Sultan Mahmud.

<sup>198</sup> Bendahara Tun Habib Abdul Jalil kemudiannya bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718M)

<sup>199</sup> Sultan Abdul Jalil dikenang sebagai seorang raja yang baik. Baginda suka beribadat dan gemar duduk dalam majlis-majlis agama.

<sup>200</sup> Raja Kechil mendakwa dirinya adalah waris kepada Sultan Mahmud. Ibunya Cik Pong membuat suatu kenyataan yang pelik mengenai hubungannya dengan Sultan Mahmud, sehingga melahirkan Raja Kechil.

Raja Kecil, Johor ditawan,  
Tiada siapa, dapat melawan,  
Rakyat Johor, tidak berkenan,  
Apa nak buat, dah takdir Tuhan.

Raja Kecil, sangatlah gagah,  
Sultan Johor, mudah di alah<sup>201</sup>,  
Duli Pertuan, berhati gundah,  
Keluar Johor, pergi berpindah.

Sultan Johor, raja terbuang,  
Membawa diri, ke Kuala Pahang,  
Raja Kecil, hati tak lapang,  
Takut baginda, kembali pulang.

Raja Kecil, resah gelisah,  
Selalu teringat, Sultan yang alah,  
Lalu menurut, nafsu amarah,  
Kepada Panglima, beri perintah.

Pergi bersiap, janganlah lama,  
Bawa pengikut, bersama-sama,  
Jangan hiraukan, bisikan sukma,  
Bunuhlah Sultan, kerja utama.

Walau berat, rasa dihati,  
Apa nak buat, titah dah diberi,  
Tidak terdaya, Panglima mungkir,  
Ke Kuala Pahang, Panglima pergi.

Sultan Johor, lepas sembahyang,  
Sekonyong baginda, terus diserang,  
Keris dihunus, lalu dilayang,  
Menusuk ke dada, Sultan yang malang.

Sultan Johor, gagahkan diri,  
Menghunus keris, lalu berdiri,  
Lapan hulubalang, tak sempat lari,  
Dengan tangannya, dibunuh sendiri.

Suratan takdir, apakan daya,  
Sultan Johor, hilanglah nyawa,  
Hancur luluh, hati rakyatnya,  
Duli Pertuan, mangsa aniaya.

---

<sup>201</sup> Raja Kecil dapat memerintah Johor selama empat tahun, iaitu dari 1718-1722M. Baginda bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.

Putera Al-Marhum, Raja Sulaiman,  
Pada saudaranya, memberi bayan,  
Selagi nyawa, ditanggung badan,  
Raja Kechil, perlu dilawan.

Raja Sulaiman, mendapat fikiran,  
Opu bersaudara, diberi jemputan,  
Ambil kembali, Johor yang ditawan,  
Raja Kechil, harap usirkan.

Opu berlima, saudara sedarah,  
Handal berkeris, amat terserlah,  
Hulubalang setia, lalu dikerah,  
Raja Kechil, mesti di sesah.

Walau begitu, Opu bersyarat,  
Sebelum berjuang, janji diikat,  
Jika menangnya, diberi daulat,  
Berkongsi kuasa, jangan disekat.

Opu Bugis, menambah lagi,  
Harap fikirkan, supaya tak rugi,  
Jika berkuasa, dialah laki,  
Duli Pertuan, menjadi bini.

Raja Sulaiman, amat terdesak,  
Bantuan Bugis, ia berkehendak,  
Baik-buruknya, difikir tidak,  
Terima sahaja, tidak berbolak.

Opu Bugis, ke medan perang,  
Memegang perisai, berderang-derang,  
Raja Kechil, bukan sembarang,  
Cukup segala, askar dan orang.

Setelah berlalu, beberapa waktu,  
Pahlawan Bugis, keras kematu,  
Raja Kechil, dah penat beradu,  
Terus menyerah, kerana buntu.

Lalu dipulangkan, kebesaran negeri,  
Penuh beradat, dibawa ke puri,  
Meledak rasa, wajah berseri,  
Waris Marhum, putera dan puteri.



Opu sudah, bekerja keras,  
Negeri Johor, dapat dibebas,  
Jasa ditabur, harus dibalas,  
Janji dibuat, mesti dilunas.

Opu berlima, muda bangsawan,  
Dapat kurnia, menjadi Yam Tuan<sup>202</sup>,  
Raja berperu, kuatkan ikatan,  
Bersatu dengan, raja-raja perempuan.

Maka bermula, sejarah malang,  
Yam Tuan Muda, siasahnya terbilang,  
Pembesar Melayu, mertabatnya hilang,  
Kecewa rasanya, sampai ke tulang.

Duli Pertuan, berdiam diri,  
Yam Tuan Muda, memerintah negeri,  
Dengan semangat, berperu-peru,  
Kuasa diagih, sesama sendiri.

Yam Tuan Muda, mengambil mudah,  
Pembesar Melayu, dipandang rendah,  
Aturan Melayu, tak ambil kisah,  
Tidak peduli, benar dan salah.

Yam Tuan Muda, tak ikut adat,  
Tamakkan kuasa, sampai mudarat,  
Nasihat Bendahara, tak ambil berat,  
Tingkah Yam Tuan, melarat-larat.

Lebih sekurun, Yam Tuan perintah,  
Warisan Melaka, menjadi goyah,  
Bugis-Melayu, sering berbalah,  
Dato' Memanda, berkeluh kesah.

Perintah negeri, amanat Tuhan,  
Telah sedia, adat dan aturan,  
Pelihara kerukunan, zaman berzaman,  
Bangsa Melayu, tetaplah aman.

Apalah malang, Yam Tuan berkuasa,  
Adat Melayu, rosak binasa,  
Pembesar Melayu, menjadi sisa,  
Duli Pertuan, menjadi mangsa.

---

<sup>202</sup> Iaitu menjadi Yang Dipertuan Muda Riau, atau Yam Tuan Muda Riau.

Cacing sudah, naik ke mata,  
Siapa di bawah, siapa di takhta,  
Dato' Memanda, berdukacita,  
Menggambil bicara, memutus kata.

Bendahara Tun Ali, cuba betulkan,  
Aturan leluhur, adat bangsawan,  
Yam Tuan Muda, tidak berkenan,  
Perintah Memanda, tidak hiraukan.

Yam Tuan Muda, semakin nekad,  
Singkir Memanda, itulah tekad,  
Mencari cedera, membuat khianat,  
Supaya siasahnya, tiada yang sekat.

Yam Tuan Muda, terus bersiasah,  
Kepada Belanda, kerajaan diserahkan,  
Inggeris pula, dipanggil sudah,  
Bendahara Tun Ali, minta dicegah.

Inggeris Belanda, mencari peluang,  
Memporak-peranda, menjadi dalang,  
Pucuk dicita, ulam mendatang,  
Perintah Yam Tuan, terus ditatang.

Inggeris mula, mengatur langkah,  
Bendahara Tun Ali, lalu disergah,  
Perintah Yam Tuan, jangan disanggah,  
Nescaya dirinya, mendapat padah.

Yam Tuan Muda, sangatlah kuat,  
Dengan Memanda, buang muafakat,  
Inggeris-Holanda, sekutu dibuat,  
Baik-buruknya, tiada beringat.

Yam Tuan Muda, terhutang budi,  
Inggeris-Holanda, tuan abadi,  
Menjadi penaung, amatlah sudi,  
Daulat Melayu, hilanglah badi.

Tingkah Yam Tuan, mula ditiru,  
Terujud bangsawan, Melayu Baru,  
Payung Inggeris, mula diburu,  
Tanah Johor, menjadi haru.

Semenjak itu, bermulalah zaman,  
Pertembungan Melayu, dua aliran,  
Bangsawan Lama, adat kekalkan,  
Bangsawan Baru, adat leraikan.

Walau Inggeris, cuba baratkan,  
Bangsawan Baru, tidak hiraukan,  
Restu Inggeris, jadi rebutan,  
Dapat mencapai, kuasa di tangan.

Bangsawan Baru, hilanglah bakti,  
Warisan Melaka, sedia khianati,  
Asal mendapat, kuasa nan pasti,  
Adat Melayu, pergilah mati.

Bangsawan Baru, fikiran singkat,  
Menjadi mainan, Inggeris keparat,  
Negeri Johor, dipotong sekerat,  
Inggeris-Holanda, sama mendapat.

Remuklah sudah, hati Bendahara,  
Negeri Johor, sudah cedera,  
Dengan pembesar, berkira-kira,  
Negeri Pahang, bawa bicara.

Negeri Pahang, tanah kurnia,  
Anugerah Raja, sekurun lamanya,  
Dato' Memanda, Pahang daulahnya,  
Sultan Johor, tetap sembahnya.

Namun sekarang, apa nak buat,  
Raja-Bendahara, dah dapat mudarat,  
Seperti badan, tinggal sekerat,  
Terlerai sudah, tali pengikat.

Johor berpecah, suatu hakikat,  
Pembesar Pahang, putus muafakat,  
Gejolak Johor, jangan merebak,  
Jangan sampai, Pahang terjebak.

Pembesar Pahang, Bendahara titahkan,  
Aturan lama, kita panjangkan,  
Adat Melayu, terus daulatkan,  
Petaka Johor, jadikan teladan.

Bendahara Tun Ali, mulia orangnya,  
Negeri Pahang, baik perintahnya,  
Dibantu oleh, warak wazirnya,  
Rakyat jelata, aman bahagia.

Isteri Tun Ali, lahirkan putera,  
Encik Wan Ahmad, khabar gembira,  
Malangnya nanti, buat angkara,  
Sejarah Bendahara, dapat cedera.

Sampai ketika, Tun Ali mengundur,  
Anakanda Tun Tahir<sup>203</sup>, memegang mohor,  
Jadi pengganti, Memanda yang luhur,  
Bendahara Tun Tahir, wibawa tersohor.

Sudah tertakdir, Yang Maha Esa,  
Tun Ali mangkat, tibalah masa,  
Sekonyong Wan Ahmad, nak rampas kuasa,  
Bendahara Tun Tahir, terkejut rasa.

Bangsawan Baru, ramai menunggu,  
Rancangan Ahmad, sedia dibantu,  
Mencari jalan, tidaklah buntu,  
Dato' Bendahara, jadi termangu.

Bangsawan Baru, berebut-rebutan,  
Ahmad dibantu, tiadalah beban,  
Jika Ahmad, rampas kerajaan,  
Minta darinya, dijadikan Sultan.

Salah benarnya, tidaklah kisah,  
Adat Melayu, diturut disangah,  
Jadi mainan, dalam siasah,  
Bangsawan Baru, tidak bermaruah.

Inggeris melihat, penuh minat,  
Sudah sedia, menyimpan hasrat,  
Dato' Bendahara, kuasanya kuat,  
Sudah tersurat, di dalam adat.

Aturan Melayu, Inggeris membenci,  
Ke sini-sana, mencaci-caci,  
Aturan bangsanya, pula dipuji,  
Konon sempurna, tiada yang keji.

---

<sup>203</sup> Nama sebenar baginda ialah Tun Muhammad Tahir atau Tun Mutahir.

Inggeris menyimpan, hasrat terpendam,  
Dato' Memanda, sedia didendam,  
Tunjang Melayu, semenjak silam,  
Bendahara di Pahang, mesti digodam.

Pucuk dicita, ulam mendatang,  
Hasrat Wan Ahmad, sudahlah terang,  
Negeri Pahang, Ahmad menyerang,  
Inggeris membantu, dari belakang.

Enam tahun lamanya, Perang Saudara,  
Pengkikut Wan Ahmad, teruslah mara,  
Salah benarnya, tiada berkira.  
Asal mendapat, kuasa segera.

Enchik Wan Ahmad, sampainya hati,  
Memburu Tun Tahir, sampailah mati,  
Hilang segala, jasa dan bakti,  
Bangsa Melayu, Ahmad khianati.

Amanat Memanda, pusaka warisan,  
Penabal Raja, bayangan Sultan,  
Apakan daya, dah takdir Tuhan,  
Tunjang Melayu, tak dapat selamatkan.

Rakyat Pahang, hati terguris,  
Ahmad mendapat, payung Inggeris,  
Digenggam peluru, dibuang keris,  
Diambil semua, kurap dan kudis.

Mangkat Tun Tahir, di Tanjung Puteri,  
Rakyat sekalian, membawa diri,  
Waris baginda, terpaksa lari,  
Tempat berlindung, perlu dicari.

Anakanda Tun Aman<sup>204</sup>, sayu merundung,  
Keliling dirinya, pembesar menghurung,  
Adat Melayu, pinta disambung,  
Mengganti Marhum, sebelum berkabung.

Kerajaan Wan Ahmad, sudah terdiri,  
Inggeris durjana, restu diberi,  
Banyaknya kini, onak dan duri,  
Bendahara Tun Aman, gagahkan diri.

---

<sup>204</sup> Nama sebenar baginda ialah Tun Abdul Rahman.

Dato' Bendahara, dalam buangan,  
Tetapkan hati, teruskan perjuangan,  
Berebekal semangat, azam dan kenangan,  
Namun terlalu, banyak rintangan.

Aturan lama, tiadalah tempat,  
Pusaka bangsa, kini merempat,  
Inggeris durjana, masihlah sempat,  
Adat Melayu, sering diumpat.

Memanda terbuang, apa nak buat,  
Tiada kuasa, yang dapat menyekat,  
Bangsawan Baru, mengganti tempat,  
Adat Melayu, terus dikhianat.

Bila Memanda, sudah terbuang,  
Warisan Melaka, hilanglah tunjang,  
Siasah berlaku, alang kepalang,  
Bangsawan Baru, ambil peluang.

Bangsawan Baru, menjadi raja,  
Inggeris durjana, jadi penaja,  
Budaya Inggeris, subur dibaja,  
Adat Inggeris, dipandang waja.

Bangsawan Baru, lantang mendakwa,  
Turunan kita, bangsa raja jua,  
Bandingan permata, intan dan kaca,  
Asalnya bumi, satulah punca.

Walau demikian, intan dan kaca,  
Satu berharga, satu tiada,  
Akan Inggeris, mengatur raja,  
Dibuang intan, diganti kaca.

Bangsawan Baru, buat mudarat,  
Pedoman baru, berganti tempat,  
Siapa kuat, dia kudrat,  
Tanah Melayu, jangkitnya melarat.

Ditolak ketepi, benar dan salah,  
Dinilai kira, menang dan alah,  
Bangsawan Baru, adat diubah,  
Akhimya Melayu, mendapat tulah.

Sampai waktunya, sudah tersurat,  
Tanah Melayu, binasa adat,  
Raja Melayu, hilang hakikat,  
Bangsa Melayu, hilanglah daulat.

Bangsawan Baru, mendapat kudrat,  
Dengan Inggeris, ambil muafakat,  
Dari Illahi, putuslah rahmat,  
Tanah Melayu, Inggeris mendapat.

Dato' Bendahara, pusaka bangsa,  
Menabur budi, mencurah jasa,  
Tetap setia, senang dan siksa,  
Hilang baktinya, amat dirasa.

Sudah suratan, apalah malang,  
Petaka bangsa, tak dapat dihalang,  
Warisan murni, runtuhlah tiang,  
Permata Melayu, sudahlah hilang.

Sekian bicara, akhir kalamnya,  
Moga mendapat, faedah ibrahnya,  
Tamatlah sudah, syair adanya,  
Buat ingatan, kita semua.

## LAMPIRAN



## Teori alternatif identiti Mani Purindan

*Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang menyebut tentang kemunculan seorang anak raja dari benua 'Keling', iaitu Mani Purindan, yang datang ke Melaka di akhir abad ke 14 atau awal abad ke 15 Masihi. Putera raja ini diterima dengan penuh kebesaran dan kemuliaan oleh Sultan Muhammad Syah, raja Melaka yang ketiga (1424-1444M). Dari zuriat Mani Purindanlah asalnya susur galur raja-raja Melayu Melaka melalui perkahwinan puterinya, Tun Ratna Wati dengan Sultan Muhammad Syah<sup>205</sup>. Mani Purindan juga merupakan moyang kepada bendahara-bendahara, temenggung-temenggung Melaka dan keturunan-keturunan mereka melalui zuriat puteranya, Tun Ali.

Dalam konteks ini terdapat sebilangan ahli akademik tempatan dan orientalis yang mengembar-gemburkan asal usul Mani Purindan dengan menuduh bahawa beliau sebenarnya hanyalah seorang pedagang Tamil biasa yang dapat masuk ke istana raja-raja Melayu atas kepintarannya 'berpolitik'. Melalui perhubungan akrab dengan pihak istana, keturunan Mani Purindan pula dituduh sebagai kaum Tamil yang tamakkan kuasa, penuh dengan helah dan tipu daya, giat memanipulasi keadaan sehingga berjaya mendapat kedudukan sebagai raja-raja, bendahara-bendahara dan temenggung-temenggung Melaka. Tema ini akhirnya mula diterima pakai oleh sebilangan sarjana sejarah Melayu, dengan ini meminggirkan terus kenyataan Tun Seri Lanang bahawa Mani Purindan sememangnya seorang putera raja<sup>206</sup>.

Hakikatnya, maklumat mengenai identiti Mani Purindan hanya boleh didapati dari buku *Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang, dan di sini pun Tun Seri Lanang tidak memberi maklumat lebih selain menyatakan asal usul Mani Purindan seperti berikut;

*" Alkisah maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri di benua Keling, Pahili namanya, Nizamul Muluk Akbar Syah nama rajanya, adapun raja itu Islam dalam agama Nabi Muhammad SAW, maka baginda beranak tiga orang, dua lelaki dan seorang perempuan, yang tua Mani Purindan namanya, dan yang tengah, Raja Akbar Muluk Syah namanya, dan yang perempuan Damia Sri Wandu namanya.....<sup>207</sup> "*

Persoalannya, benarkah Mani Purindan merupakan seorang saudagar Tamil biasa dimana melalui helahnya dan helah anak cucunya, dapat memerangkap Raja Pasai dan Melaka pada 'jerat yang dipasang' sehingga akhirnya keturunan Mani Purindan yang berbangsa Ajam (bukan Arab), berdarah Tamil dan dari orang kebanyakan (bukan gahara) itu mendapat kedudukan-kedudukan yang tertinggi dalam Kesultanan Melaka dan Pasai?

<sup>205</sup> A. Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, hlm 82

<sup>206</sup> Rujuk Sir Roland Braddell, *The study of ancient times in the Malay Peninsular & Straits of Malacca & Notes on ancient times in Malacca*, hlm 508, R.O Winstedt dalam *Malay Annals (12th Annals)*, JMBRAS 16 dan Dr. Muhammad Yusoff Hasyim, *Kesultanan Melayu Melaka* untuk bacaan lanjut.

<sup>207</sup> A Samad Ahmad, op. cit, hlm 80

Bagi menjawab pertanyaan ini, moleklah jika kita cuba mengupas persoalan asal usul sebenar Mani Purindan bagi menentukan samada beliau sememangnya seorang saudagar Tamil biasa yang licik mainan politiknnya, atau kemungkinankah hakikat latarbelakang keluarganya menyebabkan beliau dan keturunannya mendapat tempat yang mulia di sisi masyarakat Melayu Melaka dan Pasai. Dalam konteks ini, kita juga akan cuba mengketengahkan suatu teori alternatif mengenai identiti sebenarnya dengan berpandukan kepada latarbelakang sosio-politik, pegangan agama dan adat masyarakat Melayu masa itu, lanskap pemerintahan Islam di India lama yang dikatakan disitulah asalnya, serta peristiwa kedatangan Mani Purindan ke Alam Melayu.

### ***Latarbelakang sosio-politik masyarakat zaman Melayu Melaka***

Tarikh pengislaman Melaka berlaku pada abad ke-15 Masihi apabila Raja Melaka mula menganut agama Islam. Mengikut catatan Wang Gungwu dalam *The First Three Rulers of Malacca*<sup>208</sup>, Raja Melaka yang pertama memeluk agama Islam mengambil nama Megat Iskandar Syah, dan dikatakan umur baginda diwaktu itu ialah 72 tahun. Baginda diagakkan memerintah antara tahun 1414-1423/24M. Baginda telah mengadakan hubungan kekeluargaan dengan Kesultanan Pasai melalui perkahwinannya dengan puteri negeri tersebut. Kesultanan Pasai pada masa itu merupakan sebuah pusat ilmu pengetahuan Islam yang pesat. Catatan tentang Pasai telah dibuat oleh Ibnu Battutah semasa lawatannya ke sana sekitar tahun 1345-1346M. Beliau menyebut bagaimana Sultan Pasai amat berminat dengan ilmu pengetahuan Islam. Baginda sangat menggalakkan perkembangan ilmu agama dalam negerinya sehingga menjemput cendekiawan-cendekiawan dari negara-negara Islam seperti Amir Sayyid dari Shiraz, Taj al Din dari Isfahan, Amir Delwasa dari Delhi dan lain-lain lagi untuk mengajar di Pasai<sup>209</sup>. Pasai menjadi pesat sebagai pusat pengetahuan Islam dan pusat kegiatan-kegiatan agama mubaligh-mubaligh selama beberapa waktu sehingga diserang oleh Portugis pada tahun 1521 Masihi.

Selepas Megat Iskandar Syah menganut Islam, ia diikuti oleh para pembesar negeri, kemudian tersebar di kalangan rakyat jelata. Dari istana Melaka Islam berkembang ke negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu serta daerah-daerah lain di Kepulauan Melayu. Lahirnya pemerintahan Islam di Melaka adalah sebagai menyambung peranan Pasai dalam mewujudkan kesinambungan pemerintahan Islam dan seterusnya meningkatkan penyebaran agama Islam di Alam Nusantara. Lebih-lebih lagi peranan pemerintahan Islam di zaman Kesultanan Melaka kemudiannya menjadi lebih bertenaga dan berwibawa kerana Melaka di kala itu bukan sahaja menjadi tempat peradaban Islam yang terunggul di rantau Melayu tetapi juga merupakan kuasa politik yang besar serta diiktiraf sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang menjadi tumpuan para pedagang dari seluruh dunia atas kelebihannnya menguasai jalan perdagangan yang menghubungkan Timur dengan Barat.

<sup>208</sup> Wang Gungwu, *The first three rulers of Malacca*, JMBRAS, X4, 1, hlm 11-22

<sup>209</sup> Dr. Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*, 1986, hlm 88

Megat Iskandar Syah dikatakan seorang raja yang bijaksana. Di bawah naungan dan perlindungan dari negeri China, baginda menggalakkan pedagang-pedagang mengunjungi Melaka dengan menjamin keselamatan kapal-kapal dagang yang menggunakan Selat Melaka. Pasukan keselamatan yang ditubuhkan juga ditugaskan menarik perhatian pedagang-pedagang supaya singgah ke Melaka. Dasar-dasar yang dibuat ini telah menjadikan Melaka berkembang sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang berwibawa. Dikatakan di zaman kemuncak kegemilangan Melaka, penduduknya telah mencecah bilangan 190,000 orang<sup>210</sup>, satu angka yang dikira besar dalam zaman dahulu kala, dan bercakap dalam sekitar 84 bahasa.

Sebagai sebuah pusat perdagangan yang pesat yang menjadi penghubung antara barat dan timur, Melaka sudah tentu biasa menerima kedatangan orang-orang luar khususnya kaum Arab yang memainkan peranan terpenting dalam perdagangan dengan dunia di timur jauh pada waktu itu. Kapal-kapal perdagangan yang datang kebanyakannya adalah dari negeri-negeri Arab, sebuah empayar Islam yang terbesar dan kuat. Oleh itu, gabungan daripada suasana pemerintahan Daulah Islamiyyah dan campur baur orang-orang Melaka dengan pedagang-pedagang Arab tentu sekali menyebabkan wujudnya suasana harmoni antara para pedagang Arab dengan masyarakat Melayu Melaka atas dasar persaudaraan seagama dan perhubungan rakan-rakan sepertiagaan. Berlebih lagi di waktu itu kapal-kapal yang menyinggah harus menunggu pertukaran angin monsoon bagi membolehkan mereka berangkat ke pusat-pusat pelabuhan yang lain seperti China ataupun berangkat pulang ke negeri mereka. Tempoh menunggu yang memakan masa sehingga tiga empat bulan sudah tentu digunakan untuk bermesra dan berkenalan dengan masyarakat Melayu Melaka. Dan logiknya apabila ini berlaku, bahasa Arab yang menjadi bahasa agama Islam diterima pakai dan digunakan secara berleluasa di Melaka. Itulah sebabnya raja-raja Melaka sering menggunakan ayat-ayat al-Quran dalam wasiat-wasiat mereka.

Suasana selepasnya kedatangan Islam merupakan suasana dimana raja dan rakyat mengamalkan hukum hakam agama secara menyeluruh. Para mubaligh yang telah mengislamkan raja dan rakyat meneruskan khidmat mereka mengajar dan menasihati pihak istana, pembesar-pembesar negeri serta rakyat jelata mengenai hukum hakam agama. Kebanyakan mubaligh yang datang ketika itu asalnya kaum Arab, keturunan Arab atau Farsi. Pengaruh ajaran Islam juga ternyata jelas terdapat didalam hukum kanun Melaka yang menjadikan hukum Islam (hudud) sebagai dasar perundangan negara. Antara ulama yang tinggal di Melaka untuk menjalankan kegiatan dakwah dan memberi pengajaran agama ialah Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadhi Yusuff, Qadhi Menua, Qadhi Menawar Syah, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin<sup>211</sup>. Sultan Muhammad Syah sendiri dikatakan dibimbing secara peribadi oleh Sayyid Abdul Aziz dan dikelilingi oleh para alim ulamak selama lapan tahun<sup>212</sup>.

<sup>210</sup> *Sejarah Melayu* dalam hlm 244 menyebut 'rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya dalam negeri juga itu'. 'Laksa' diasalkan dari perkataan Sanskrit yang membawa maksud 'ratus ribu'. Masih lagi digunakan dalam Bahasa Hindi sehingga hari ini. Juga dikenali dalam Bahasa Inggeris sebagai 'lakh'.

<sup>211</sup> Dr Ismail Hamid, op. cit, hlm 108

<sup>212</sup> *Ibid*, hlm 109

Kegiatan keagamaan yang bercorak pelaksanaan ibadat dan sembahyang jemaah di masjid Melaka bukan sahaja dilakukan oleh rakyat biasa, tetapi juga oleh raja-raja Melaka. Kegiatan agama dan pendidikan Islam yang diusahakan oleh ulama dan para mubaligh begitu mempengaruhi rakyat jelata dan raja-raja mereka. Satu contoh yang dapat dilihat ialah peristiwa dimana Sultan Muhammad Syah begitu memuliakan bulan Ramadhan terutama pada 27hb Ramadhan disamping menunaikan terawikh bersama-sama rakyat jelata. Shellabear menyatakan :

*“Hatta jikalau pada bulan Ramadhan, malam dua puluh tujuh, tatkala pada siangnyanya mengarak sejadah ke masjid, Temenggong mengempalakan gajah. Maka pun segala alat kerajaan dan gendang semuanya diarak dahulu ke masjid, setelah malam maka raja berangkat ke masjid, seperti adat hari raya, sembahyang terawikh.”*

Dengan berlatarbelakangkan suasana pemerintahan Islam dan pengamalan hukum hakam agama secara menyeluruh oleh raja, pembesar-pembesar negeri serta rakyat jelata di zaman Melaka awal abad ke-15 Masihi, sudah jelas dan nyata bahawa Melaka pada masa itu sudah pun mempunyai tamaddun dan peradaban masyarakat madani yang dipelopori oleh Rasulullah SAW di Madinah. Berlebih lagi kedudukannya sebagai pusat penyebaran dan perkembangan Islam yang pesat serta pusat perdagangan yang maju telah mendedahkan masyarakat Melayu Melaka dan raja-raja mereka kepada kematangan intelek serta kewibawaan pemerintahan.

Hakikat inilah yang menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka sering diakui dan disanjung sebagai mercu kegemilangan dan keunggulan pemerintahan Melayu Islam dan sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang terunggul di Alam Melayu.

### ***Siapakah Mani Purindan yang sebenarnya?***

Kemunculan Mani Purindan ke Melaka adalah dengan berlatarbelakangkan suasana yang disebutkan ini. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa kedatangan Mani Purindan ke Alam Melayu adalah lengkap dengan *“alat dan lasykarnya (armada), penghulu lasykarnya bernama Khoja Ali Tandil Muhammad, dengan tujuh buah kapal sertanya.”* Mani Purindan juga dikatakan telah pergi ke Pasai sebelumnya dan dikahwinkan dengan anak Raja Pasai.

Jika Mani Purindan seorang pedagang Tamil biasa, sudah tentulah tiada kelebihan beliau dengan saudagar-saudagar lainnya. Oleh itu secara logik, adalah mustahil baginya untuk mempunyai sebuah armada tujuh kapal. Adakah boleh diterima akal seorang saudagar biasa datang ke pelabuhan Melaka dengan satu armada tujuh kapal ?? Dan kalaupun diandaikan bahawa adalah sesuatu yang lumrah bagi pedagang dahulu kala mempunyai armada besar kapal-kapal seperti Mani Purindan, maka apakah pula kehebatan dan keistimewaan seorang ‘saudagar Tamil dari kasta rendah’ yang langsung diterima dengan penuh kemuliaan oleh Raja Pasai dan kemudiannya Raja Melaka pula; Raja Pasai dan

pembesar Melaka<sup>213</sup> mengambilnya sebagai menantu, sedangkan Raja Melaka memilihnya pula sebagai menteri tanpa banyak persoalan??

Adat Melayu lama secara tegasnya mengambil kira persoalan darah dan keturunan terutamanya bagi kalangan keluarga raja dan pembesar. Contohnya, antara kelaziman adat yang dipegang ialah bahawa bahawa seorang anak raja hanya layak menjadi Sultan jika bondanya dari darah 'gahara' , ataupun ayahandanya merupakan seorang ahlul-bait Rasulullah SAW yang mengahwini puteri raja yang memerintah. Dalam konteks ini buku *Sejarah Umat Islam* mencatatkan bahawa selepas kemangkatan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh, putera sulungnya dari isteri berdarah 'gahara' tidak dapat menggantikannya kerana mangkat dikenakan hukuman hudud atas suatu kesalahan agama yang dilakukannya, manakala putera kedua sultan tidak dapat menjadi raja kerana bondanya tidak gahara. Akhirnya terpaksa dipilih menantu Iskandar Muda yang merupakan putera dari istana Pahang bagi menaiki takhta kerajaan selepas kemangkatannya. Begitulah kerasnya pegangan agama dan adat orang-orang Melayu di zaman silam.

Oleh itu, logikkah dua orang raja Melayu sekaligus yang menjadi tunggak agama dan adat bangsanya begitu mudah diperbodoh dan dipermainkan dengan tipu daya seorang saudagar Tamil, lalu diterima ia sebagai menantu dan pembesar tanpa sebarang keraguan? Adakah kita mahu memperlekeh dan memperkecilkan kematangan intelek dan wibawa seorang Raja Pasai dengan kesultannya yang mempunyai sejarah peradaban Islam terawal di Alam Melayu, dan seorang Raja Melaka yang menjadi tunggak sebuah Daulah Islamiyyah yang unggul dengan pusat perdagangan yang bertaraf antarabangsa, dengan menuduh mereka dan anak cucu mereka mudah terperangkap dengan mainan politik seorang saudagar Tamil biasa dan keturunannya??

Apakah jahil dan kerdilnya institusi raja-raja dan pembesar-pembesar negeri Pasai dan Melaka yang tidak dapat mengesan 'penipuan dari saudagar Tamil biasa' yang dilakukan, jika benarlah ianya suatu penipuan!! Orang Melayu lama ada berkata 'benih yang baik jika dibuang kelaut pasti akan menjadi pulau' dan 'sebutir mutiara tidak akan sama dengan pasir di tepian pantai'. Jika benarlah Mani Purindan orang kebanyakan, tidak mungkin ia dapat mencero bohi dan melepasi penelitian raja, para pembesar negeri, penasihat-penasihat agama serta rakyat jelata dua negeri yang mempunyai hubungan akrab antara satu sama lain. Sedangkan hakikatnya Mani Purindan dengan senang hati diterima oleh semua pihak dengan penuh adat dan kemuliaan.

Persoalannya, apakah rasional atau alasan Raja Pasai dan Melaka menerima Mani Purindan masuk ke istana? Mengapakah para ulamak serta pembesar kedua-dua negeri ini yang mempunyai hubungan rapat dengan pihak istana sebagai penasihat agama dan pentadbiran negeri memberikan kerjasama mereka dalam menerima kedatangan Mani Purindan ? Mengapakah Mani Purindan dan keturunannya dilihat sebagai 'berdaulat' sehingga dapat menjadi raja-raja dan para pembesar secara turun temurun??

---

<sup>213</sup> Pembesar Melaka yang dimaksudkan itu ialah Seri Nara Diraja. Rujuk A. Samad Ahmad, op. cit, hlm77

Kita mengambil kesempatan ini untuk mengketengahkan suatu teori alternatif yang lebih rasional dalam menjawab misteri identiti sebenar Mani Purindan, penerimaan baik oleh pihak istana, para pembesar dan rakyat jelata dari Kesultanan Pasai dan Melaka serta 'daulat' keturunan Mani Purindan yang dapat kekal bertahan menjadi pemerintah-pemerintah umat Melayu sehinggalah ke hari ini.

### *Suatu teori alternatif identiti Mani Purindan*

Bersandarkan beberapa fakta yang dikemukakan mengenai suasana latarbelakang sosio-politik zaman Kesultanan Melaka, oleh itu dalam konteks penerimaan Mani Purindan ke istana Raja Melaka yang memerintah, sudah tentu pertamanya pertimbangan zuriatnya telah diambil kira. Tidak timbul persoalan nasab dalam perlantikan keturunannya pada taraf raja dan taraf bendahara secara turun temurun. Tidak juga perlu dipertikaikan akan nasabnya yang dikatakan sebagai seorang asing bangsa Ajam, dari kasta rendah. Kerana raja serta masyarakat Islam Melaka dan Pasai yang bertamaddun dan teguh pada pegangan agama Islam sudah tentu mempunyai pertimbangan waras, matang dan berwibawa. Mereka semestinya berpandukan pada teras hukum hakam agama dan adat Melayu lama dalam membuat penelitian, penilaian serta pemilihan Mani Purindan dan anak cucunya sebagai pemerintah-pemerintah umat Islam yang berdaulat.

Rujuk pada persoalan hukum feqah yang menegaskan akan keutamaan pemilihan penguasa dari kalangan orang Arab. Pertamanya, mengikut hukum feqah, ciri zuriat diutamakan dalam pemilihan penguasa bagi umat Islam. Keduanya, melalui warqah-warqah Rasulullah SAW, baginda memberi jaminan kepada raja-raja yang memeluk agama Islam, bahawa mereka akan tetap dikekalkan pada takhta kebesaran dan adat resam mereka, asal sahaja ia berada dalam lingkungan batasan syariat..

Berdasarkan suasana masyarakat dan sistem pemerintahan Melayu Pasai dan Melaka yang mengamalkan ajaran agama secara menyeluruh dan tegas, sudah tentu kedua-dua peraturan ini dipatuhi sebagaimana hukum hakam agama yang lainnya.

Dari sini bagaimana mahu menghubungkait Mani Purindan sebagai seorang putera raja yang berkemungkinan mempunyai darah Arab Quraisy yang dikira dapat memberikannya kelayakan untuk masuk ke istana Raja Pasai dan pembesar Melaka sebagai menantu, dan terpilih pula sebagai pembesar Melaka? Dalam lain perkataan, adakah Mani Purindan berdarah Quraisy? Kalau teori ini boleh dibuktikan, maka sudah tentu dapat dilihat rasionalnya jika beliau diterima masuk ke istana Pasai dan Melaka dengan sambutan baik dari para pembesar dan rakyat jelata, dan keturunan seterusnya dipilih dengan senang hati menjadi raja dan para pembesar negeri bagi dua kerajaan Melayu yang cemerlang itu.

Dalam ikhtiar kita untuk menentukan hubungkait zuriat Mani Purindan dengan bangsa Arab, soalan yang relevan dan logik untuk ditanya seterusnya ialah; Apakah ada bangsa Arab Quraisy yang menapak di kawasan asal usul Mani Purindan, iaitu dikatakan dari 'benua Keling' disebuah tempat bernama Pahili di zaman Kesultanan Melaka sekitar abad ke 14 dan 15M? Untuk itu, kita akan menfokus pada lanskap politik di India sekitar

abad tersebut dengan memberi penumpuan pada wilayah yang mempunyai pemerintahan Islam pada masa itu .

Jika dikaji pada buku *Dinasti-Dinasti Islam* karya C.E Bosworth dengan memberikan penumpuan khusus kepada pemerintahan Islam di India, kita akan dapati bahawa Kesultanan-kesultanan Islam di India bermula seawal abad kesebelas Masihi bermula dengan kerajaan kecil Sabaktikin (1004-1186M). Dalam kajian kita, fokus dan pengkhususan akan diberikan pada zaman Kesultanan Delhi sekitar pertengahan abad ke 14 Masihi kerana gelaran 'Nizamul Mulk' yang merupakan gelaran ayahanda Mani Purindan dikatakan berasal dari gelaran anugerah Kesultanan Delhi bagi gabenor-gabenor Islam yang memerintah di wilayah-wilayah Nizam India, sekitar abad ke 14 Masihi<sup>214</sup>, dan asal gelaran itu dari gelaran bangsawan Farsi. Mani Purindan pula datang ke tanah Melayu sekitar awal abad ke-15M.

Siapakah pemerintah Kesultanan Delhi yang terdapat di sana pada abad sasaran kita, iaitu antara pertengahan abad ke 14 sehingga awal abad ke-15M, yang dapat dikaitkan dengan pemerintahan bangsa Quraisy keluarga ahul-bait Rasulullah SAW?

### ***Kesultanan Tughluq di Delhi (1320-1398M)***

Kesultanan Tughluq yang memerintah di Delhi lama diasaskan oleh seorang pembesar Kesultanan Khilji, Tughluq Syah yang berbangsa Turki yang menduduki takhta kerajaan Khilji dalam tahun 1320M di Delhi. Dikatakan dalam zaman pemerintahan sultannya yang bernama Muhammad Tughluq (1325-1351M), Kesultanan Delhi berada di mercu kegemilangan dengan menguasai 24 wilayah yang merupakan sebahagian besar benua India<sup>215</sup>. Baginda mewakili gabenor-gabenor dalam wilayah-wilayah yang dinaunginya bagi melicinkan pentadbiran.

Bagaimanapun dalam masa akhir pemerintahannya banyak berlaku keributan dan pemberontakan politik. Maharaja-maharaja dan amir-amir di luar Delhi kemudiannya satu demi satu memisahkan diri dari Daulah Tughluq dan Sultan Muhammad Syah tidak dapat membendung pemberontakan ini. Antara yang melepaskan wilayah mereka termasuklah Raja Dekan, Raja Malawa, Raja Benggal, Raja Oud dan Raja Gujerat<sup>216</sup>. Pemerintah-pemerintah yang menggantikannya kemudian hanya menunggu masa untuk rebah.

Dalam tahun 1398 Masihi, Kesultanan Delhi telah diserang oleh tentera Mongol yang dipimpin oleh Timurlane. Sultan Mahmud III Tughluq yang memerintah pada masa itu telah cuba membendung kedatangan tentera Mongol yang amat besar bilangannya, namun pertahanannya sangat lemah. Maka dengan mudah sahaja Timurlane dapat

---

<sup>214</sup> Dato' Sir Roland Braddell, *The study of ancient times in the Malay Peninsular & Straits of Malacca & Notes on ancient times in Malacca*, hlm 508

<sup>215</sup> Haji Dusuki Haji Ahmad, *Ikhtisar perkembangan Islam*, hlm 452

<sup>216</sup> Prof Dr. Hamka, *Sejarah Islam*, hlm 496

mematahkan pertahanannya dan menembusi kubu kota Delhi, pusat kerajaan Tughluq dan akhirnya berhasil merebut kekuasaan dari tangan Dinasti Tughluq<sup>217</sup>.

Setelah Timurlane memperolehi kemenangan, ia kembali ke pusat pemerintahannya di Samarkand dan meletakkan seorang gabenor kepercayaannya di Delhi bagi menguruskan pentadbiran kerajaan Delhi. Timurlane kini bercita-cita pula untuk menakluki China, namun cita-citanya tidak kesampaian kerana dalam tahun 1404M, beliau mangkat di Samarkand. Selepas kemangkatannya, penggantinya tidak mampu serta tidak mempunyai kaliber sepertinya untuk meneruskan cita-cita menawan China lalu tentera yang sedang bersiap untuk menyerang China tidak jadi berangkat dan wilayah kerajaannya menjadi pecah belah.

Apabila ini berlaku, gabenor-gabenor yang mewakili wilayah-wilayah dalam Kesultanan Delhi mengambil kesempatan memerdekakan wilayah-wilayah mereka dan membentuk kesultanan-kesultanan yang tersendiri. Antara yang besar ialah Benggala, Jawanpur, Gujerat dan Dekan sementara kesultanan-kesultanan kecil pula termasuklah Kerajaan Malura, Kandash serta beberapa kesultanan kecil lainnya<sup>218</sup>. Kerajaan Tughluq yang kembali memegang tampuk kekuasaan pada kali ini hanya dapat mentancapkan otoritas di wilayah Delhi dan sekitarnya sahaja.

Sekarang marilah kita beralih pula menjejaki kedatangan kaum Arab, khususnya ahlul-bait Rasulullah SAW dan peranan mereka dalam lanskap pemerintahan Islam di India sekitar abad ke 14 sehingga awal abad ke 15 Masihi yang menjadi tumpuan kita.

### ***Jejak-jejak ahlul-bait dalam kesultanan di India***

Dalam period pemerintahan Sultan Muhammad Tughluq (1325-1351M) dari Dinasti Tughluq yang berbangsa Turki, beliau telah melantik gabenor-gabenor Islam untuk mentadbir terus wilayah-wilayah naungannya. Ramai di antara para pembantunya dipilih dari kaum Arab, termasuk Ibni Batuttah, seorang pengembara Arab yang termasyur<sup>219</sup>.

Sejarah jejak-jejak penghijrahan ahlul-bait Rasulullah SAW dapat mengaitkan beberapa peristiwa penghijrahan ahlul-bait dari Hadramaut di jazirah Arab ke India<sup>220</sup>. Khususnya peristiwa penghijrahan seorang Sayyid, iaitu Sayyid Abdul Malik, dimana beliau bersama-sama jemaahnya dari kaum Alawiyyin telah berhijrah dari Hadramaut ke Nasharabad, India akibat peristiwa penjarahan Baghdad dalam tahun 1258M dan kemaraan tentera Monggol ke jazirah Arab yang mengakibatkan ramai umat Islam melarikan diri ke negeri-negeri di sebelah timur seperti India dan Alam Melayu. Sayyid Abdul Malik mempunyai beberapa orang anak lelaki dan perempuan, di antaranya ialah

---

<sup>217</sup> Ibid

<sup>218</sup> Prof Dr. Hamka, Sejarah Umat Islam, 1997, hlm 497

<sup>219</sup> Ibnu Batuttah dilahirkan di Tangiers, Morocco dalam tahun 1304M. Pernah mengembara ke seluruh wilayah Islam di Asia Barat, Afrika dan Alam Nusantara. Sampai ke India dalam tahun 1333M.

<sup>220</sup> Baca Hj Muzaffar Dato' Hj Muhammad dan (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Ahlul-Bait Rasulullah SAW & Raja-Raja Melayu*, 2001



Sayyid Amir Khan Abdullah Syahansyah yang dilantik menjadi gabenur Delhi. Sayyid Abdullah pula dikatakan mempunyai 17 orang putera, sebilangan mereka menjadi penguasa-penguasa dalam Kesultanan Delhi yang mencakupi sebahagian besar benua India di masa itu.

Di antara puteranya ada seorang yang bernama Maulana Ahmad Syah Mu'azhzhahm Syah yang dikatakan menjadi orang besar dalam Kesultanan Delhi<sup>221</sup>. Beliau pernah diutus oleh Sultan Delhi ke Asadabad dan Raja Sind kemudiannya dilantik pula menjadi wazir.

Maulana Ahmad Syah Mu'azhzhahm Syah inilah yang terkenal dengan nama Ahmad Syah Jalal, ayahanda kepada Sayyid Hussein Jumadil Qubra, pengasas atau '*patriach*' kepada keturunan kebanyakan ahul-bait di Alam Nusantara seperti Wali Songo, keturunan Raja Patani, Champa dan Kelantan dan ulama-ulamak besar seperti ulamak keturunan Al-Fathani di Kelantan, Kedah dan Siam.

Sebagaimana pemilihan Sayyid Amir Khan Abdullah Syahansyah sebagai salah seorang gabenur Kesultanan Delhi, waris-warisnya seperti Sayyid Ahmad Syah Jalal juga dipilih sebagai penguasa-penguasa tempatan oleh Kesultanan Delhi mengikut hukum feqah atas jati diri mereka sebagai bangsa Quraisy, berlebih lagi dari keturunan Rasulullah SAW. Kejadian ini berlaku sekitar pertengahan abad ke 14 sehingga pada abad ke 15M.

Bermula dari tahun 1414M, keturunan ahul-bait Rasulullah SAW dapat merampas kuasa dari dinasti Tughlug dan memegang tampuk pemerintahan di wilayah Delhi dan sekitarnya selama 37 tahun. Empat generasi ahul-bait memerintah, iaitu Khidr Khan (1414-1421M), Mu'izuddin Mubarak Syah II (1421-1435M), Muhammad Syah IV (1435-1446M) dan Alauddin Alam Syah (1446-1451M)<sup>222</sup>. Adalah dijangkakan bahawa dinasti ahul-bait ini berkemungkinan merupakan kesinambungan dari pemerintahan gabenur-gabenur ahul-bait empayar Delhi di zaman Kesultanan Tughlug yang kemudiannya mengambil alih pemerintahan mereka. Selain itu, berkemungkinan juga di antara gabenor-gabenor yang memisahkan wilayah mereka dalam zaman kemerosotan Sultan Muhammad Tughluq dan kemudiannya membentuk kesultanan-kesultanan terbitan selepas serangan dari Timurlane, ada yang merupakan kerabat Sayyid Abdullah dan puteranya Sayyid Ahmad Syah Jalal, gabenor Delhi dalam zaman Kesultanan Tughlug seperti yang telah disebutkan, kerana diketahui mereka berdua mempunyai ramai waris<sup>223</sup>.

Dalam masa pemerintahan dinasti ahul-bait dan keujudan kesultanan-kesultanan terbitan di India utara inilah masanya cocok dengan masa kedatangan Mani Purindan ke Alam Melayu. Namanya, iaitu 'Mani Purindan' bermaksud 'penyimpan khazanah', dan nama ini mungkin nama gelarnya. Harus diingat, apabila dikatakan Mani Purindan itu berasal dari benua Keling, tidaklah bermakna ia secara automatik seorang Tamil, kerana

<sup>221</sup> H.M.H Al- Hamid Al-Husaini, op. cit, hlm 179

<sup>222</sup> CE Bosworth, op. cit, hlm 211,216

<sup>223</sup> Ahmad Syah Jalal sendiri dikatakan mempunyai 11 orang putera. Rujuk Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, 1996, *Islam di Kedah DarulAman, Hubungan Ulamak Patani & Kedah: Kekeluargaan, pertalian, Ilmu dan karya*, hlm 8

benua India itu besar dengan jumlah penduduk yang ramai, dan bangsa Tamil hanya merupakan salah satu bangsanya yang menapak di bahagian selatan India dan mendapat Islam lebih lewat dari India Utara. Sedangkan kedatangan Islam yang jauh lebih awal di India Utara dan di sekitar persisiran pantai baratnya telah mengujudkan bangsa-bangsa dari darah Arab, Farsi, Turki disamping adunan bangsa-bangsa ini dengan penduduk asal mereka<sup>224</sup>. Dikatakan juga, oleh kerana Islam datang ke India melalui usaha penaklukan 'orang-orang luar' seperti kaum Turki, Farsi dan Arab, maka pemerintahan umat Islam di sini tentu sekali berada dibawah tangan-tangan bangsa-bangsa ini atau keturunan mereka dan bukan dalam tangan raja-raja India asal.

Sejarah juga ada mencatatkan bahawa ramai bangsa Arab dan Bani Hasyim telah menapak dalam Kesultanan Gujerat yang terbit selepas kejatuhan empayar Delhi dan berdiri selama lebih seratus tahun dengan diperintah oleh raja-raja yang adil dan menjadi pusat perkembangan dan pengajian agama Islam yang mashur.

### ***Latarbelakang politik bumi Arab abad ke 13-15M***

Selepas kewafatan Sayyidina Al-Hassan puteri Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah SAW, dan saudaranya Al-Hussein dalam tragedi Karbala', pemerintah-pemerintah dari Dinasti Umayyah dan kemudiannya Abbassiyah merasa tidak selamat dengan kerusi kekhalfahan mereka akibat takut dirampas oleh para ahlul-bait Rasulullah SAW yang sudah tentunya mendapat sokongan umat Islam yang simpatisan dengan mereka, lalu bersambung-sambung menjalankan berbagai bentuk tekanan, penindasan dan kekejaman bagi menjamin kuasa pemerintahan tidak direbut oleh para ahlul-bait.

Suasana politik yang begitu menekan ini telah menyebabkan ramai ahlul-bait telah keluar menuju ke beberapa wilayah Islam di bumi Arab dimana empayar Islam telah menjadi besar, kuat dan berkuasa, lalu dengan sokongan dan dokongan umat Islam tempatan berjaya membina beberapa dinasti ahlul-bait seperti dinasti Idrissiyah, Hammudiyah, Fatimiyah dan lain-lain lagi.

Begitulah latarbelakang siasah politik Arab yang merupakan perebutan kerusi kekhalfahan secara terbuka antara Bani Ummayah dan kemudiannya Abbassiyah dengan para ahlul-bait Rasulullah SAW.

Walau bagaimanapun, peristiwa penjarahan Baghdad oleh tentera Mongol dalam tahun 1258M dan Peperangan Salib telah merubah lanskap politik ahlul-bait dimana sebahagian dari mereka mula bergerak ke India dan ke Asia Tenggara untuk menyambung kerja penyebaran dakwah yang telah menjadi suatu yang resam bagi mereka selain melarikan diri dari bencana besar yang menimpa umat Islam. Berbeza dengan bumi Arab, di India dan terlebih lagi di Alam Nusantara, ancaman dari musuh-musuh ahlul-bait banyak berkurang. Di India contohnya, percaturan dan pergolakan politik tempatan kurang

---

<sup>224</sup> Sila lihat Lampiran II di bawah tajuk '*Ringkasan sejarah kedatangan kaum Arab, Farsi dan ahlul-bait Rasulullah SAW serta pengaruh mereka di Gujerat, India*'.

melibatkan ahul-bait Rasulullah SAW, ia lebih berbentuk penaklukan dan rampasan kuasa antara pihak-pihak yang memerintah India dan wilayah-wilayah sekitarnya.

Oleh itu apabila segelintir ahul-bait dari Hadramaut mula menapak di India Utara, mereka diterima dengan baik oleh umat Islam tempatan dan dilantik sebagai pemimpin-pemimpin mereka. Begitu jugalah senario politik Alam Nusantara, ahul bait Rasulullah SAW diterima dengan penuh mesra serta dilantik menjadi raja-raja, para pembesar dan alim ulamak negeri.

Harus ditekankan semula bahawa sudah menjadi lumrah dan resam umat Islam dimanapun di dunia pada suatu waktu dahulu untuk memilih kalangan ahul-bait Rasulullah SAW sebagai pemimpin-pemimpin mereka, berdasarkan pada hukum feqah mengenai ciri-ciri zuriat yang harus dipertimbangkan dalam pemilihan penguasa-penguasa bagi umat Islam.

### ***Kesimpulan***

Dari beberapa faktor yang disebutkan di atas, teori Mani Purindan sebagai seorang putera raja yang berdarah ahul-bait merupakan suatu kemungkinan besar. Berkemungkinan kerajaan ayahandanya merupakan salah sebuah kesultanan terbitan yang ujud selepas kemerosotan empayar Delhi dalam pertengahan abad ke 14 Masihi. Nama gelaran bangsawan ayahandanya, iaitu Nizamul Mulk yang asalnya dari Farsi menunjukkan kesultannya itu terletak di sebelah India Utara kerana di situlah terdapat banyak pengaruh Arab dan Farsi, terlebih lagi diketahui memang terdapat seorang pembesar di sekitar Gujerat yang memakai gelaran Nizamul Mulk dalam tahun 1363M<sup>225</sup>.

Jika dilihat pada peta memang terdapat sebuah tempat bernama Pali yang terletak berdekatan wilayah Gujerat, dan predikat 'Khoja' pada nama penghulu kapal Mani Purindan memberikan bangsanya sebagai Gujerat. Dalam hal ini telah diketahui pula bahawa terdapat ahul-bait Rasulullah SAW yang menapak di India, yang kemudiannya ada di antara mereka mendapat tempat sebagai gabenor di wilayah-wilayah Kesultanan Delhi yang besar itu. Akhirnya sebahagian dari mereka membentuk kerajaan terbitan dan dinasti ahul-bait selepas kejatuhan empayar Delhi, termasuklah di Wilayah Gujerat dan sekitarnya

Teori yang dikemukakan berdasarkan fakta-fakta semasa sosio-politik bumi Arab, India dan Alam Nusantara serta pegangan agama dan adat masyarakat Melayu lebih logik dan kukuh rasionalnya berbanding dengan andaian-andaian melulu akan identiti sebenar Mani Purindan serta siasah politiknya dan anak cucunya tanpa sebarang dalil kukuh. Jika sekiranya nama 'Mani Purindan' itu sahaja yang dijadikan modal bagi memberikan rasional identiti Mani Purindan sebagai pedagang Tamil dari kasta rendah, lihat sajalah nama Wali Songo yang berdarah Rasulullah SAW tetapi lebih dikenali dengan nama Jawa mereka seperti Sunan Ampel (Maulana Rahmatullah), Sunan Gunung Jati (Syarif Hidayatullah), Sunan Kudus (Jaafar Sadiq), Sunan Lamongan (Ahmad Hassam) dan

<sup>225</sup> Sir Roland Braddell, op. cit, hlm 508

sebagainya. Lihat pula contoh ahlu-bait dari dinasti Champa dan Patani yang menggunakan nama-nama seperti Wan Bo (Bo Tri-Tri), Po Rome dan Patch Karma Wijaya atau Wan Demali.

Dengan membuat kesimpulan bahawa Mani Purindan berkemungkinan berdarah ahlu-bait Rasulullah SAW, dengan ini lebih mudahlah kita mencari rasional penerimaan baik raja dan rakyat kesultanan Melayu Pasai dan Melaka terhadapnya sehingga dijadikan menantu pula, dan anak cucunya ada yang menjadi bendahara, temenggung dan ada pula yang menjadi raja turun temurun. Berlebih lagi Mani Purindan juga ada gelaran mulia, iaitu '*maqadarhu sirrhu*' dan gelaran ini dikaitkan dengan andaian bahawa keluarga awal bendahara di Melaka merupakan para pendeta yang sangat dimuliakan<sup>226</sup>.

Kemunculan Mani Purindan di istana Melaka telah membawa bersamanya pengaruh dari istana Farsi yang pernah menjadi suatu empayar dunia yang hebat dan gemilang. Pengkajian sejarah Kesultanan Melayu Melaka memperlihatkan kepada kita bahawa adat istiadat negeri Melaka banyak dipengaruhi oleh istana Farsi. Prediket 'Shah' yang diguna pakai oleh Raja-Raja Melaka juga digunakan oleh Raja-Raja Farsi dan Gujerat<sup>227</sup>. Raja-Raja Melaka juga sering menggunakan bidalan dan ungkapan-ungkapan Farsi. Apakah ia suatu kebetulan juga bahawa dalam tempoh tersebut Gujerat juga muncul sebagai sebuah pusat penyebaran dan ajaran Islam yang terunggul di India sebagaimana bumi Pasai dan Melaka???

Perlu disebut sekali lagi bahawa Mani Purindanlah moyang kepada sultan-sultan Melaka melalui cucunya Sultan Muzaffar Shah (1446-1456M) yang merupakan putera kepada Tun Ratna Wati (puteri Mani Purindan) dengan Sultan Muhammad Shah (1424-1444M). Dari kesatuan zuriatnya, zuriat Demang Lebar Daun dan zuriat Sang Nila Utama juga lahirlah keturunan bendahara-bendahara dan temenggung-temenggung Melaka melalui puteranya, Tun Ali. Tun Seri Lanang, penyusun *Sejarah Melayu* adalah cucu cicit kepada Tun Ali.

Sekarang terpulanglah kepada mana-mana pihak yang berminat melangkah seterusnya membuka rahsia sebenar identiti Mani Purindan berpandukan pada fakta yang diperolehi dari *Sejarah Melayu* dan latarbelakang sebenar lanskap politik, agama dan adat bumi Melayu, India dan Arab di sekitar abad 13 sehingga 15 Masihi.

---

<sup>226</sup> R.O Windstedt, *The Bendehara & Temenggungs*, JMBRAS, Vol X, pt 1, 1932

<sup>227</sup> Cucu Mani Purindan yang bernama Sultan Muzaffar Shah (1446-1456M) mempunyai nama yang serupa dengan Sultan Gujerat yang memerintah dalam tahun 1391 sehingga 1411M.

## LAMPIRAN II

### Ringkasan sejarah kedatangan kaum Arab, Parsi dan ahlul-bait Rasulullah SAW serta pengaruh mereka di Gujarat, India.

Hubungan awal bangsa Arab dengan India merupakan hubungan perdagangan yang dibuat melalui jalan laut. Bangsa Arab Hadhramaut (Yaman) dan Oman menjadi agen utama dalam perdagangan antara kerajaan Mesir dan India sekitar tahun 2350 Sebelum Masihi (SM), iaitu dalam era pemerintahan Firaun ke-11<sup>228</sup>. Semenjak dari itu berlakulah penghijrahan penduduk Arab dari wilayah Hadramaut ke pesisiran pantai India Barat. Orang-orang Arab ini memusatkan diri mereka di Gujarat sehingga menjadi suatu bangsa yang besar yang dikenali sebagai 'Arabito' oleh kaum India, sementara penempatan mereka dipanggil 'perkampungan Arabito'<sup>229</sup>. Hubungan perdagangan Arab-India terjalin dengan baik secara berterusan. Kapal-kapal layar kedua-dua bangsa ini hilir mudik di perairan Laut Arab dan Teluk Parsi dan terdapat juga yang terus ke bahagian selatan Semenanjung Arab menuju ke Yaman dan Laut Merah.

Orang Parsi Majusi (penyembah api) pula muncul di India mulai abad ke 10 Masihi. Mereka melarikan diri dari kampung halaman selepas jatuhnya kerajaan Parsi (Iran pada hari ini) kepada tentera muslimin. Penempatan pertama mereka adalah di Sanjan, iaitu di selatan Gujarat. Dari sini, kaum Farsi ini tersebar ke seluruh India.

Akibat dari asimilasi dan percampuran antara penduduk asal dengan kaum Arab dan Parsi di Gujarat selama berkurun lamanya, bentuk badan dan raut muka orang India yang tinggal di bahagian ini sekarang mempunyai banyak persamaan dengan orang Arab dan Parsi berbanding dengan kaum India yang asal. Dikatakan sehingga hari ini kebanyakan orang India yang menduduki jawatan-jawatan penting dalam bidang perniagaan, perusahaan dan akademik mempunyai darah Arab dan Parsi dalam diri mereka. Bahasa Urdu yang menjadi salah satu bahasa di India pula adalah campuran dari bahasa Arab, Parsi dan Hindi. Banyak kitab-kitab agama karangan alim ulamak India yang mashur dikarang dalam bahasa ini.

Dalam konteks ini, tercatat dalam sejarah kedatangan Islam di India bahawa kebanyakan kaum Muslimin yang menetap di sebelah India barat dan selatan menganut Mazhab Syafi'ee kerana menerima Islam dari kaum Arab dari Jazirah Arab sedangkan kaum Muslimin di bahagian utara dan timur hampir keseluruhannya bermazhab Hanafi kerana menerima ajaran Islam dari orang-orang Afghanistan dan Turki yang kebanyakannya bermazhab Hanafi<sup>230</sup>. Itulah sebabnya umat Islam di Alam Melayu juga menganut Mazhab Syafi'ee kerana mereka menerima Islam secara langsung dari kaum Arab dan keturunannya yang singgah atau bermukim di India terlebih dahulu selain dari orang-orang Arab yang terus datang dari Semenanjung Arab sendiri.

<sup>228</sup> Dr. Adil Muhyid bin Al-Allusi, *Sejarah kedatangan Islam ke India & Indonesia*, 1994, hlm 57

<sup>229</sup> Ibid, hlm 9, 58

<sup>230</sup> Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, op. cit, hlm 31

Selain daripada perubahan pada raut wajah, bentuk badan dan bahasa yang digunakan, asimilasi penduduk asal di persisiran pantai barat India dengan kaum Arab dan Parsi juga telah menyebabkan terbitnya kesenian, kesusasteraan dan kebudayaan mereka yang banyak dipengaruhi seni, sastera serta budaya Arab dan Parsi. Contohnya dalam masa pemerintahan Sultan Mahmud Al-Ghaznawi (1005-1030M), lahirah dua sasterawan Arab yang agung iaitu Abul Fadhlal Badiuzzaman Al-Hamdzani dan Abu Bakar Al-Khawarizmi serta seorang ahli kaji bumi bernama Abu Raihan Al-Bairuni. Dalam masa ini juga muncul penyair-penyair agung Parsi yang terkenal seperti Al-Unshuri Al-Farukhli, Al-Asjudi dan Al-Firdausi<sup>231</sup>.

Ulamak dari wilayah-wilayah India Utara dan barat, khususnya di Gujerat, ramai juga yang mempunyai darah Arab dan Parsi. Diantaranya termasuklah Maulana Muhammad Qassim An-Natuwi, pengasas madrasah Darul Uloom Deoband yang terkenal itu, dan Maulana Saadat Ali As-Sahranpuri yang menjadi pemimpin pertama madrasah Mazhahirul Uloom Saharanpur<sup>232</sup>. Syeikhul Hadeeth Maulana Muhammad Zakariyya Al-Kandhlawi, Syeikh Ahmad bin Abdul Ahad as-Sirhindi (Al-Farouqi) Ahmad Syeikh Waliyullah Ad-Dahlawi, Maulana Ashraf Ali Thanwi, Sayyid Abdul Awwal Al-Huseini dan Sayyid Abu Hassan Ali An-Nadwi adalah diantara ulama India yang termashur dan mempunyai darah Parsi, Arab atau darah Rasulullah SAW sendiri.

Dalam konteks ini, telah disebut bahawa latarbelakang politik bumi Arab dalam abad ke 13-15 Masihi serta peristiwa penjarahan Baghdad oleh tentera Mongol telah memberi kesan yang mendalam kepada sejarah kedatangan ahlul-bait Rasulullah SAW di bumi India dan alam Nusantara. Contohnya peristiwa kekejaman gabenor Iraq, Hajaj bin Yusuff Ath-Thaqafi kepada ahlul-bait telah menyebabkan ramai diantara mereka melarikan diri ke India, khususnya di Gujerat. Sebahagian dari keturunan mereka pula kemudiannya menapak di Alam Melayu memberi sumbangan dalam penyebaran Islam mulai pertengahan abad ke 14 Masihi..

Peristiwa perpindahan kaum Sayyid Alawiyyin (Ba Alawi) dari Hadramaut ke India merupakan salah satu peristiwa penghijrahan ahlul-bait Rasulullah SAW ke bumi India. Di zaman Kesultanan Delhi (1206-1555M), sebahagian mereka telah dilantik menjadi gabenor-gabenor yang memerintah wilayah-wilayah Delhi yang luas itu, antaranya termasuklah juga Gujerat. Keturunan ahlul-bait ini kemudiannya ada yang membentuk dinasti ahlul-bait Sayyidah (1414-1451M) yang menggantikan sisa-sisa Kesultanan Delhi di zaman kemerosotannya, sementara sebahagian lain yang pernah menjadi gabenor-gabenor Kesultanan Delhi pula mengisytiharkan kemerdekaan pada wilayah-wilayah yang diperintah dan membentuk kesultanan-kesultanan terbitan yang tersendiri.

Keturunan ahlul-bait inilah yang kemudiannya meneroka Alam Nusantara dengan membawa bersama ajaran agama Islam, iaitu bermula di Tanah Jawa dengan kedatangan tiga orang ahlul-bait bersaudara iaitu Sayyid Husein Jamadil Kubra, Sayyid Majduddin, Sayyid Qamaruddin dan Sayyid Thanauddin dalam pertengahan abad ke 14 Masihi. Mereka merupakan putera-putera Ahmad Syah Jalal, seorang gabenor dalam masa

<sup>231</sup> Prof Hamka, op. cit, hlm 488

<sup>232</sup> Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, op. cit, hlm 153

pemerintahan Sultan Muhammad Tughluq (1325-1351M) dari Kesultanan Delhi. Dari keturunan mereka muncul Wali Songo serta dinasti ahlul-bait Champa, Patani dan Kelantan serta 'alim-ulamak yang termashur di Alam Melayu.

Dalam konteks ini disebut bahawa pelopor Wali Songo, iaitu Maulana Malik Ibrahim yang merupakan salah seorang putera Sayyid Hussein Jamadil Kubra, diimpor nisannya dari Gujerat seperti juga kebanyakan nisan yang dijumpai dalam masa tersebut<sup>233</sup>.

Era pemerintahan Kesultanan Gujerat mulai tahun 1391-1583 Masihi yang menjadi salah sebuah dari kesultanan terbitan yang memerdekakan diri dari empayar Delhi, menjadi saat bermulanya kerajaan Gujerat sebagai pusat perkembangan dan kemajuan Islam yang begitu pesat sekali. Negeri ini menjalin hubungan akrab dengan negeri-negeri Arab Islam lainnya. Di masa itulah sultan-sultan yang memerintah telah menggalakkan perkembangan ilmu Islam sehinggakan ramai alim ulama, cendekiawan dan mubaligh-mubaligh agama di India Timur berpindah ke wilayah ini untuk menyelamatkan diri dari ancaman penaklukan Timur Lank yang mashur itu, supaya dapat menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada kerja-kerja agama dalam keadaan yang lebih aman<sup>234</sup>. Masjid, musafir khanah, madrasah dan majlis-majlis agama berkembang dengan pesatnya sehingga Gujerat terkenal sebagai pusat penyebaran dan perkembangan agama Islam yang terunggul di India.

Ramai mubaligh Gujerat dalam era ini kemudiannya telah melangkah ke Alam Melayu bagi menyampai dan menyebarkan seruan Islam ke sini seperti yang tercatat dalam sejarah perkembangan agama Islam di Asia Tenggara, dan kebanyakan dari mereka berdarah atau berketurunan Arab terutamanya dari ahlul-bait Rasulullah SAW. Antaranya ialah Maulana Malik Ibrahim (Wali Songo), kebanyakan Wali Songo yang lainnya serta keturunan mereka, dan Syaikh Nuruddin Ar-Raniri, iaitu seorang ulamak ahlul-bait yang terkenal di Aceh.

Lihat mukasurat sebelah untuk peta Gujerat di India

---

<sup>233</sup> Dr Ismail Hamid, op. cit, hlm 57. Prof Hamka, op. cit, hlm 745

<sup>234</sup> Dr. Adil Muhyid bin Al-Allusi, op. cit, hlm 80-84

## Gujerat di India



Sejarah mencatatkan bahawa Teluk Kembayat & Pantai Malabar merupakan persinggahan pedagang-pedagang & pendakwah-pendakwah Arab dimana sebahagian dari mereka terus menetap & menikahi wanita tempatan



### Kehilangan Dato' Bendahara selama lebih 60 tahun di istana Johor Lama

Semasa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Aceh menyerang Johor secara besar-besaran dalam tahun 1613M dan menjadikan Sultan Alauddin Riayat Shah III, adinda baginda Raja Abdullah Maayah Shah serta para pembesar Johor termasuklah Bendahara Tun Seri Lanang sebagai tawanan baginda di Aceh, dikatakan tawanan-tawanan ini dilayan sebaik mungkin sesuai dengan mertabat mereka sebagai orang-orang besar dalam kesultanan negeri Johor.

Tun Seri Lanang kemudiannya berbaik-baik dengan ulamak-ulamak yang terkenal di Aceh seperti Nuruddin Ar-Raniri, Tun Aceh, Tun Burhat, Hamzah Fansuri, Syeikh Sumatrani (Kadhi Malikul Adil yang rapat dengan Sultan Iskandar Muda) dan lain-lain lagi<sup>235</sup>. Tun Seri Lanang diberi penghormatan, anaknya Tun Rembau pula mendapat gelaran Seri Paduka Tuan di Aceh<sup>236</sup>. Puteranya Tun Rembau itu kemudiannya menjadi Panglima Aceh<sup>237</sup>. Sementara itu, putera Tun Seri Lanang yang bernama Tun Jenal (Bendahara Sekudai) mempunyai seorang puteri yang kemudiannya berkahwin dengan Sayyid Zainal Abidin, seorang ahlul bait Rasulullah SAW dari Keluarga Diraja Aceh. Sayyid Zainal Abidin inilah yang menjadi nenda kepada Bendahara Padang Saujana Sri Maharaja Tun Habib Abdul Majid (mangkat 1697M).

Jika dikaji sejarah Johor, kita dapati bendahara-bendahara Johor yang disepakati ialah Tun Khoja Ahmad (Tun Pikrama), Tun Isap Berakah, Tun Isap Misai, Tun Muhammad (Tun Seri Lanang), Tun Mas Anum, Tun Jenal, Tun Habib Abdul Majid dan Tun Habib Abdul Jalil. Bendahara-bendahara ini semuanya dari susur galur atau keluarga yang sama dan merupakan kesinambungan dari keluarga bendahara-bendahara Melaka.

Walaubagaimanapun, selepas perlantikan putera-putera Tun Seri Lanang, iaitu Tun Mas Anum dan Tun Jenal (Bendahara atau Dato' Sekudai) sebagai bendahara-bendahara Johor sekitar awal kurun ke 17M, tiada catatan dibuat mengenai sejarah keluarga Bendahara Johor sehinggalah pada tahun 1983M, iaitu dalam masa pemerintahan Tun Habib Abdul Majid sebagai Bendahara Johor yang seterusnya. Tempuh keluarga Bendahara Johor 'menghilangkan diri' dari senario politik Johor diagakkan lebih dari enam puluh tahun. Lebih tepat lagi, selepas dari tahun 1623M, catatan sejarah tentang bendahara-bendahara Johor terlalu sedikit berbanding sebelumnya, dan nama Laksamana Tun Abdul Jamil tampil menggantikan tempat Bendahara Johor sebagai orang yang paling berkuasa di belakang raja yang memerintah.

<sup>235</sup> Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*

<sup>236</sup> Daniel Crecelius & E.A. Beardow, *A reputed Acehnese Sarakata of the Jamalullail Dynasty*, JMBRAS, Vol 52, pt 2, 1979 hlm 52

<sup>237</sup> Tun Sri Lanang, *Sejarah Melayu (suntingan Shellabear)*, 1986, hlm 156

Mengapakah selama lebih setengah kurun begitu kurang diriwayatkan tentang keluarga Bendahara Johor ini sedangkan sebelumnya sejarahwan-sejarahwan Melaka dan Johor berupaya memperihalkan kisah-kisah keluarga bendahara ini dengan terperinci?

Jika kita kaji semula sejarah perhubungan politik antara Aceh dan Johor, kita akan dapat membuat kesimpulan bahawa antara yang menjadi sebab 'menghilangnya' buat sementara waktu keluarga Bendahara Johor ialah berpunca dari keretakan hubungan diantara dua sultan Johor dengan keluarga Bendaharanya, iaitu Sultan Abdullah Maayah Shah (1615-1623M) dan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah III (Raja Bujang;1623-1677M), dipercayai bermula semenjak zaman penawanan Bendahara Tun Seri Lanang di Aceh. Keretakan ini dipercayai terjadi akibat perbezaan pendapat dan sikap mengenai musuh politik Johor, iaitu negara Aceh, diantara kedua-dua sultan Johor ini dengan keluarga Bendaharanya.

Hakikatnya, mulai pertengahan abad ke 16 sehingga awal abad ke 17M, kerajaan Johor seringkali diganggu gugat oleh pemerintah Aceh sehingga menimbulkan berbagai-bagai kesusahan kepada keluarga dirajanya<sup>238</sup>. Sultan Alauddin Riayat Shah II (1529-1564M) contohnya, ditawan dan dihukum bunuh di Aceh<sup>239</sup>. Nasib yang sama menimpa Sultan Alauddin Riayat Shah III (1597-1615M) yang ditawan buat pertama kalinya dalam tahun 1613M bersama dengan Bendahara Tun Seri Lanang dan dibebaskan, tetapi kemudian ditawan dan dihukum bunuh kerana mengkhianati perjanjian dengan Aceh yang antara lain, tidak mahu Johor bersengkokol dengan penjajah Portugis dan Belanda.

Pengganti baginda, Sultan Abdullah Maayah Shah (1615-1623M) pula terpaksa mengharungi hidup sebagai pelarian akibat tindak-tanduk Aceh dan akhirnya mangkat di Pulau Tambelan. Raja Bujang (1623-1677M), anakanda Sultan Alauddin Riayat Shah

---

<sup>238</sup> Penumpuan para pedagang Islam ke pelabuhan-pelabuhan di Aceh seperti Singkel, Barus, Pariaman, Padang dan lain-lain lagi selepas zaman kejatuhan Melaka dalam tahun 1511 telah menyebabkan Portugis bercita-cita untuk meluaskan pengaruhnya di Aceh. Dari situlah bermulanya era permusuhan Aceh dengan pihak Portugis, dimana kerajaan Aceh tidak suka melihat penjajah kuffar cuba bermaharajalela di Alam Melayu dan merasakan perlu diadakan jihad fi sabilillah bagi memusnahkan kekuasaan Portugis dari pusatnya di Melaka yang dianggap sebagai negara *Darul Harb*. Pada pertengahan abad ke 16M, kerajaan Johor, Perak dan Pahang telah berbaik dengan Portugis dan ini menyebabkan perasaan kesal dan marah di pihak istana Aceh. Dalam tahun 1564M Sultan Al-Qahhar mengangkat angkatan perang yang besar menghadapi Semenanjung Tanah Melayu dan menyerang dari tiga jurusan, iaitu Johor, Melaka dan Pattani. Dalam peperangan tersebut, ramai yang terkorban di kedua-dua belah pihak. Akhirnya Aceh dapat menakluki Johor walaupun benteng Portugis di Melaka tidak dapat ditawannya.

<sup>239</sup> Pertikaian Aceh dan Johor bermula dalam zaman Sultan Alauddin Riayat Syah II (1528-1564M). Ianya bermula apabila Johor masuk campur mempertahankan Aru dari ditakluk oleh Aceh. Aru yang diperintah oleh seorang ratu tidak mahu tunduk dibawah kuasa Aceh dan lebih bersedia untuk masuk di bawah naungan Johor. Aceh kemudiannya menyerang dan mengalahkan Aru. Ratu Aru memohon bantuan dari Sultan Alauddin Riayat Shah II yang kemudiannya berkahwin dengan Ratu Aru. Susulan darinya baginda menyerang Aceh beserta dengan bantuan angkatan perang dari kesultanan bersaudaranya Perak dan Pahang. Peristiwa yang berlaku dalam tahun 1540M ini telah menyebabkan beribu-ribu askar Aceh dan beratus-ratus buah perahu perangnya musnah. Apabila Aceh kemudiannya menyerang beberapa negeri di Tanah Melayu termasuk Johor dalam tahun 1564M, Sultan Johor telah ditawan dan dibawa ke Aceh beserta dengan anak isteri baginda. Sultan Alauddin kemudiannya mangkat di Aceh, dan sesetengah riwayat mengatakan bagindalah yang bergelar *Marhum Syahid Mangkat di Aceh*.

III yang pada mulanya didudukkan pada takhta pemerintahan Pahang dengan bantuan pihak Portugis juga mengalami nasib malang di tangan pemerintah Aceh. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang tidak suka sebarang pengaruh Portugis dalam negeri-negeri Tanah Melayu telah melakukan serangan besar-besaran di Pahang dalam tahun 1617M sehingga menyebabkan Raja Bujang terpaksa turun takhta dan melarikan diri ke Lingga dan kemudiannya berpindah ke Pulau Tambelan. Selepas kemangkatan Sultan Abdullah Maayah Shah di Pulau Tambelan, Raja Bujang dilantik menjadi Sultan Johor yang berikutnya, bergelar Sultan Abdullah Riayat Shah IV.

Walaupun tujuan Aceh menyerang negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu adalah untuk membebaskannya dari pengaruh Portugis, namun serangan dan ancaman yang tidak putus-putus dibuat dalam tempoh lebih setengah abad telah menimbulkan perasaan benci dan marah rakyat dan pemerintah-pemerintah mereka pada kuasa Aceh kerana telah menghuru-harakan negeri-negeri di Tanah Melayu seperti Johor dan kerajaan bersaudaranya Perak dan Pahang. Hanya apabila Aceh dalam pemerintahan raja-raja perempuan (mulai tahun 1641-1699M) barulah ia melepaskan genggamannya pada kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu ini.

Berdasarkan latar belakang demikian, kita dapat membuat kesimpulan bahawa buat pertama kalinya dalam sejarah perhubungan Sultan Johor dan keluarga Bendaharanya, perhubungan antara kedua pihak mulai retak dan dingin bermula di zaman Sultan Abdullah Maayah Shah dan Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang.

Perhatikan fakta-fakta berikut;

1. Dalam zaman pemerintahan Raja Aceh yang bernama Sultan Alauddin Mansur Shah, ia bernenankan Sultan Johor yang bernama Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah. Perhubungan kekeluargaan ini telah menyebabkan Sultan Aceh menganggap Johor sebagai negeri di bawah naungannya, dan ini menimbulkan perasaan murka Sultan Ali Jalla pada ayahanda mertuanya itu. Namun hajat Sultan Aceh untuk menawan Johor melalui peperangan gagal apabila ia mangkat terlebih dahulu. Dua Sultan Johor yang berikutnya juga mengalami pengalaman buruk dengan kesultanan Aceh, oleh itu merasakan daulatnya sebagai raja yang memerintah Johor telah tercabul. Raja Bujang yang kemudiannya menjadi Raja Johor khususnya membenci Aceh kerana ayahanda baginda yang bernama Sultan Alauddin Riayat Shah III telah dihukum bunuh oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam kerana mengkhianati perjanjian dengan Aceh untuk tidak bersekutu dengan Portugis. Ayah saudara Raja Bujang yang bernama Raja Hasyim pula dibunuh di Aceh akibat pergolakan politik istana. Ayah saudaranya Sultan Abdullah Maayah Shah (1615-1623M) juga mengalami nasib yang sama apabila baginda mangkat sebagai pelarian di Pulau Tambelan akibat di serang dan diusir oleh tentera Aceh. Raja Bujang sendiri menjadi pelarian di tangan kuasa Aceh.

2. Sebaliknya pula, keluarga Bendahara Johor terutamanya mulai zaman Tun Seri Lanang telah mengadakan hubungan baik dengan kesultanan Aceh dan alim ulamaknya. Berkemungkinan atas alasan agama, keluarga Bendahara Johor lebih menyebelahi pihak Aceh yang tidak suka Johor berbaik dengan Portugis, kerana diketahui Tun Seri Lanang

belajar agama secara mendalam di Aceh selepas peristiwa penawanannya berserta Raja Johor itu. Ini boleh dijadikan hujjah mengapa Tun Seri Lanang memilih untuk terus tinggal di Aceh sehingga mangkat di sana sedangkan Raja Johor yang ditawan serta adindanya Raja Abdullah dibebaskan oleh Aceh dan kembali ke Johor.

3. Sayyid Zainal Abidin yang mengahwini cucu Tun Sri Lanang mempunyai pertalian kekeluargaan yang erat dengan Sultan Aceh, iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang melakukan serangan secara besar-besaran atas Johor dan Pahang. Nenda (tiri) Sayyid Zainal Abidin, permaisuri Sultan Alauddin Mansur Shah dan nenda lelaki Sultan Iskandar Muda adalah saudara kandung, ini bermakna perhubungan diantara Sayyid Zainal Abidin dengan Sultan Iskandar Muda adalah saudara dua pupu. Pertalian ini dikira merapatkan lagi hubungan kekeluargaan diantara keluarga Bendahara Johor dengan keluarga diraja Aceh.

Walaupun kesultanan Johor sendiri mempunyai pertalian kekerabatan dengan kesultanan Aceh dimana dua rajanya mengahwini puteri istana Aceh (Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah dengan puteri Sultan Alauddin Mansur Shah dan Raja Abdullah Maayah Shah mengahwini adinda Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam), namun hubungan kekeluargaan tidak terjalin dengan baik. Sultan Ali Jalla telah berpatah aral dengan bapa mertua baginda yang telah merancang menundukkan kerajaannya sedangkan Sultan Abdullah Maayah Shah pula menceraikan permaisurinya, adinda Iskandar Muda kerana bosan dengan sikap Aceh. Tindakan Sultan Abdullah inilah yang mencetuskan kemarahan Aceh lalu menyerang Johor dalam tahun 1623M sehingga menyebabkan baginda terpaksa menjadi pelarian dan akhirnya mangkat di Pulau Tambelan.

Kesimpulannya, walaupun sultan-sultan Johor/Pahang mengalami berbagai peristiwa pahit getir dengan Aceh sehingga menimbulkan perasaan marah dan membenci Aceh, keluarga Bendahara semenjak masa Tun Seri Lanang yang ditawan dan dibawa ke Aceh sebaliknya menjalin hubungan akrab dengan kesultanan Aceh, pembesar-pembesarnya dan alim ulamaknya sehinggakan telah menerima seorang kerabat Aceh sebagai menantu melalui perkahwinan Sayyid Zainal Abidin (dua pupu pada Sultan Iskandar Muda Aceh) dengan cucu Tun Seri Lanang, dan hakikat ini sukar ditelan oleh Sultan Abdul Jalil Riayat Shah III (Raja Bujang). Apatah lagi keluarga Bendahara Johor lebih berpihak kepada Aceh yang berpegang pada prinsip jihad Islami pada kafir Harbi, iaitu penjajah Portugis di Melaka dan menyerang mana-mana pemerintah negeri-negeri Melayu yang berbaik dengan pihak Portugis itu.

Itulah sebabnya, dalam zaman akhir pemerintahan Sultan Abdullah Maayah Shah, dan sepanjang pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang), riwayat Johor mencatatkan bahawa pembesar Johor yang paling berkuasa ialah Laksamana Tun Abdul Jamil dan bukan Bendahara Johor. Dikatakan juga terlalu besarnya kuasa Laksamana tersebut sehinggakan beliau sendiri telah mengambil alih kuasa dan tanggungjawab Bendahara dengan melantik Raja Bujang (yang pada masa itu menjadi pelarian di Pulau Tambelan) menjadi Sultan Johor apabila Sultan Abdullah Maayah Shah mangkat dalam tahun 1623M.

Keluarga Bendahara Johor yang tidak ingin menderhaka pada raja terpaksa merelakan raja bersikap dingin serta meminggirkan, malahan membelakangkan keluarganya. Berlebih lagi, keluarga Bendahara juga merasa perlu bersikap 'low profile' kerana akur bahawa sentimen raja Johor/Pahang itu sudah pasti dikongsi bersama oleh rakyat jelata kerana serangan-serangan Aceh telah mencetuskan berbagai huru hara, kesusahan dan penderitaan kepada mereka. Oleh itu raja dan rakyat tidak mahu ada kena mengena dengan orang Aceh, dan mana-mana rakyat Johor yang berbaik dengan mereka, berlebih lagi mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Keluarga Diraja Aceh, sudah tentu dipandang serong kerana ia dianggap sebagai pengkhianat. Apatah lagi jika perkara ini berlaku pada pembesar negeri seperti keluarga bendahara sebagai penasihat Sultan dan penghulu jemaah pembesar negeri!!

Maka apabila ini berlaku, Laksamana Tun Abdul Jamil mengambil peluang yang terbuka dengan seluas-luasnya itu untuk menjadikan dirinya paling berkuasa menggantikan Bendahara Johor, walaupun pada hakikatnya jawatan tersebut tetap tidak dapat dimilikinya kerana ia milik pusaka turun temurun keluarga bendahara Johor dari zaman kesultanan Melaka lagi.

Maka selama lebih kurang 60 tahun berikutnya, Laksamana Tun Abdul Jamillah yang menjadi orang yang terpenting selepas raja Johor. Sultan Abdullah Maayah Shah yang menggalakkan dan merestui Laksamana menjadi orang terkanan baginda, diikuti pula oleh Sultan Abdul Jalil Syah III, yang juga mempunyai sebab untuk membenci Aceh, menyebabkan beliau berupaya mengembangkan kuasa politiknya dengan penuh keyakinan sehingga merasakan tidak perlu lagi bermuafakat dengan lain-lain pembesar negeri. Akhirnya, bak kata papatah Melayu, '*cacing sudah naik ke mata*'. Kerana sudah terlalu lamanya Sultan Abdul Jalil membiarkan Laksamana berbuat sesuka hatinya, akhirnya Laksamana melantik anak-anak lelakinya sendiri memegang jawatan-jawatan terpenting dan beliau sendiri mendapat kurnia Sultan dengan gelaran Paduka Raja. Seorang anak lelakinya dilantik menggantikan beliau sebagai Laksamana, seorang lagi menjawat jawatan Temenggong (jawatan yang dipegangnya selepas Laksamana membunuh Temenggong Johor di Riau dalam tahun 1678) anak lelaki yang ketiga bergelar Sri Perdana Menteri, anak yang keempat bergelar Sri Bija Diraja, yang kelima bergelar Sri Nara Diraja dan yang keenam Sri Amar Diraja<sup>240</sup>.

Pembesar-pembesar Johor terpaksa mendiamkan diri kerana segala perangai yang menjolok mata dari Laksamana telah direstui raja sehingga menjadikan ia begitu berkuasa sekali.

Semenjak penghujung pemerintahan Sultan Abdullah Maayah Syah, iaitu sekitar awal tahun 1620an sehingga dalam tahun 1683M, keluarga Bendahara seolah-olah hilang dari persada pemerintahan negeri Johor dan Laksamanalah orangnya yang diihat seolah-olah menggantikan jawatan Bendahara, malahan lebih dari itu apabila akhirnya ia cuba pula membolot kuasa raja.

<sup>240</sup> Leonard Y. Andaya; *Kerajaan Johor, 1641-1728 Masihi, pembangunan ekonomi dan politik*, (terjemahan), hlm 188-189, 200

Bagaimanapun dalam tahun 1683M, pihak Belanda merasa amat terkejut kerana setelah sekian lama keluarga Bendahara menghilang, tiba-tiba pihaknya mendapat sepucuk surat resmi daripada Bendahara Johor, iaitu Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid. Dalam suratnya, Bendahara telah memohon kebenaran untuk menghantar seorang Penggawa Laut ke Rembau mengusir semua pegawai yang memberontak dan menggantikan mereka dengan pegawai yang baru.

Sungguhpun surat daripada Bendahara itu kelihatan tidak membahayakan kepada pihak Belanda tetapi ia memberi isyarat bahawa keluarga Bendahara kini telah bersedia untuk mengambil balik hak tradisi mereka sebagai penguasa terpenting di Johor yang kini telah dibolot oleh Laksamana anak beranak untuk suatu tempuh yang panjang. Apatah lagi nasib menyebelahi pihak Bendahara apabila dengan kemangkatan Sultan Abdul Jalil Shah dalam tahun 1677M, anakanda baginda yang bernama Sultan Ibrahim Shah (1677-1685M) bercadang untuk kembali semula ke tanah besar Johor yang merupakan kubu kuat bagi keluarga Bendahara. Sultan Ibrahim Shah telah berkahwin dengan adinda Tun Habib Abdul Majid yang bergelar Marhum Bakal dan kemungkinan perkahwinan inilah yang telah mempereratkan semula keluarga Bendahara dengan keluarga diraja Johor Lama.

Tidak seperti ayahandanya, Sultan Ibrahim mula lemas dengan siasah Laksamana, dan sedar bahawa pembolotan kuasa oleh Laksamana anak beranak telah mengganggu gugat hubungan tradisi seorang raja Johor dengan para pembesar tradisinya, khususnya dengan keluarga Bendahara. Malahan kekuasaan Laksamana telah menjadi suatu ancaman pada keselamatan diri baginda pula.

Keputusan Sultan Ibrahim untuk merapatkan kembali hubungan dengan keluarga Bendahara dan hendak bersemayam semula di tanah besar Johor telah menggembirakan hati para pembesar Melayu Johor, yang merasakan tindakan ini dapat merenggangkan cengkaman Laksamana Tun Abdul Jamil pada baginda. Walaubagaimanapun, berita ini tidak menggembirakan Laksamana kerana hakikatnya, pengaruh turun temurun keluarga Bendahara Johor amat kuat di tanah besar dan ini boleh menyebabkan kedudukan kuasa politiknya anak beranak terancam. Sekonyong-konyong dalam tahun 1685M Sultan Ibrahim mangkat di Riau, setengah riwayat mengatakan baginda mangkat diracun oleh salah seorang isteri baginda, yang mana kebetulan salah seorangnya adalah puteri Laksamana, dipercayai baginda diracun bagi menjaga kepentingannya sendiri<sup>241</sup>. Dengan kemangkatan Sultan Ibrahim maka terbantutlah usaha para pembesar Johor untuk mencantas monopoli kekuasaan politik Laksamana Tun Abdul Jamil itu.

Dengan kemangkatan Sultan Ibrahim juga, maka kekuasaan politik Johor berada sepenuhnya dalam genggamannya Laksamana kerana putera Sultan Ibrahim, iaitu Sultan Mahmud Shah II (1685-1699M) masih berusia kurang sepuluh tahun dan belum boleh menerajui takhta Johor. Oleh kerana puteri Laksamana merupakan bonda tirinya<sup>242</sup>, maka beliau telah mengambil kesempatan menjadi Pemangku Raja. Dalam masa tiga

<sup>241</sup> Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm 90-91.

<sup>242</sup> Andaya, op. cit, hlm 186

tahun setelah mangkatnya Sultan Ibrahim, Laksamana Tun Abdul Jamil telah mengabaikan amalan permuafakatan dengan para pembesar tradisi Johor secara total.

Bendahara Tun Habib Abdul Majid yang tidak sanggup melihat situasi yang kalut ini berpanjangan akhirnya telah membuat keputusan untuk memperbetulkan keadaan. Maka dalam tahun 1888M, dengan pertolongan para pembesar Muar yang juga merupakan kaum kerabatnya yang terdekat, Tun Habib telah bertindak meregut Sultan Mahmud yang masih kecil itu dari tangan keluarga Laksamana<sup>243</sup>. Susulan darinya, tercetuslah konfrontasi terbuka diantara para pembesar Johor yang dipimpin oleh Tun Habib Abdul Majid dengan keluarga Laksamana Tun Abdul Jamil. Akhirnya angkatan Tun Habib berjaya membunuh Laksamana dan membawa Sultan Mahmud kembali bersemayam di tanah besar Johor.

Semenjak itu, urusan pentadbiran kesultanan Johor yang dipegang semula oleh penguasa tradisinya dari keluarga Bendahara telah dijalankan sebagaimana adat resam Melayu turun temurun, yang mana permuafakatan raja dan para pembesar dapat dikembalikan. Zaman pentadbiran Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid dikenang sebagai zaman penuh adat, muafakat dan berkat bagi Kesultanan Johor.

---

<sup>243</sup> Tun Habib Abdul Majid merupakan ayahanda saudara kepada Sultan Mahmud Shah II





## Transliterasi Arkib Negara

### YA GHAFURURRAHIM.

Daulat Tuanku Shahdan (pujian dalam Bahasa Arab) ampun Tuanku beribu-ribu ampun, ampun Patek iaitu Bendahara hamba tua merafakan sembah Kebawah Duli Tuanku iaitu Baginda Yang Amat Mulia yang Termulia telah beroleh taufik dan hidayah serta pangkat dan darjat yang amat kebesaran dan ketinggian serta berdaulat lagi amat mulia iaitu yang ada kepada termasa ini bersemayam di atas singhhsana didalam Negeri Lingga dengan di kekalkan Allah subahanahu Wata'ala dengan berkat Nabi Mohamad yang akhir zaman serta berkat sekalian Nabi dan Wali yang rasul-rasul yang darulaman wal ihsan serta sekalian daerah dan taklukannya. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patek kebawah Duli.

Daripada Itu maka adalah patek persembahkan sacharik warkah serta tiada dengan seperti adatnya akan menjadi ganti perhubungan kalam antara patek memaklumkan segala perkara hal dan ahwalnya Kebawah Duli Tuanku seperti surat almukaramah dan walmuazim yang Duli Tuanku kurniai kepada anak patek itu Tan Dangang maka telah wasilah dengan kemalehnya terjunjung diatas otak kepala patek dengan sapenuh-penuhnya kepada ketika yang sentosa dan kepada saat yang amat sempurna, maka patek sambotlah warkah itu dengan beberapa (bahasa Arab). Maka serta terpatahlah daripada lipatannya.

Maka di bacha daripada awal (bahasa Arab) sehingga sampailah kepada akhir yang tamam maka mana mana titah dari bawah Duli Yang Masharphah pada itu maka patek satelah fahamlah semua-semuanya ampun Tuanku beribu ampun sembah patek kebawah Duli maka adalah seperti titah dari bawah Duli Tuanku memereksai patek akan hal anak patek itu Temenggong Sri Maharaja yang ada kepada masa ini didalam Negeri Singapura itu Temenggong Siap.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patek ke Bawah Duli maka adalah kepada faham patek selama lamanya. Apabila sudah patek jadikan Temgonggong itu melainkan sah dengan nyatanya menjadi Temenggong Ke Bawah Duli Tuanku kemudia daripada itu jikalau kiranya yang ada lainnya maka tiada mahu ia bertuan ke Bawah Duli Tuanku janganlah anaka saudara kepada patek. Jikalau anak patek jasadkan dari badan patek sekalipun tiada mahu bertuankan ke Duli Tuanku melainkan bercerailah anak patek itu dengan patek dunia akhirat.

Dan yang kedua fasal titah Duli Tuanku memereksai patek seperti orang mengakhtiarkan menjadi Raja Paduka Ayahanda Raja Ali itu didalam Negeri Singapura jangankan patek masok serta muafatkan Raja itu tahu pun patek tiada lillahitalala.

Dan fasal yang ketiga Duli Tuanku memereksai patek saperti perbahagian antara Kampeni Inggeris dan bahagian Kampeni Belanda itu pun patek kurang pereksa kerana patek tiada di masokan bicara dengan kerana Allah Ta'ala sekali kali patek tiada mengetahui maka adalah aturan segala orang orang tua zaman dahulu, barang siapa sudah menjadi Raja melainkan Raja itulah yang mempunyai sekelain daerah jajahan tanah Johor ini serta segala tokong dan pulau Sembilan itu maka tiada boleh orang yang lain mengambil dia jikalau tiada dengan dikurnia. Demikianlah adanya.

Ampun Tuanku beribu ribu ampun sembah patek ke Bawah Duli yang patek seorang tiada berniat akan berbuat durhaka dan chelaka ke Bawah Duli Tuanku


Hanya Tuan, patek ke Bawah Duli dunia akhirat yang lain daripada Duli Tuanku putuslah tangan patek tiada patek sembah. Ampun Tuanku sembah patek Kebawah Duli maka telah haraplah patek akan Duli Tuanku Kurnia ampun dengan kekal selama lama nya.

Kemudian daripada itu maka suatu pun tiada alamat akan menjadi persembahan patek ke Bawah Duli hanyalah, do'a (bahasa Arab) serta (bahasa Arab) adanya

Termaktub kepada 4hb. Haji hari Arba'a jam pukul 11.00 siang.

Tarikh: 1272 sanah.

## LAMPIRAN V: Sultan-sultan Johor yang tidak ditabal Bendahara



## BIBLIOGRAFI

- Hj Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, 1972
- Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*, 1980
- A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, 1985
- Aruna Gopinath, *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*, 1993
- Aruna Gopinath, *Pahang, 1880-1933. Pahang, a political history*, MBRAS, Monograph no 18, 1991
- Dr Muhammad Yusuff Hasyim dan Dr Aruna Gopinath, *Tradisi pensejarahan Pahang Darul Makmur, Pahang Darul Makmur, 1800-1930*, 1992
- W. Linchan, *A History of Pahang, MBRAS reprint*, 1973
- Raja Hj Ahmad & Raja Haji Ali, *Tuhfat Al-Nafis* (suntingan Virginia Mattheson), 1997
- ?, *Hikayat Pahang, (versi Rumi)*, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, (edisi asal, 1882)
- Hikayat Pahang*, (edisi Kalthum Jeran), simpanan Arkib Negara, 1986
- Norazit Selat, *Pahang-Dahulu & Sekarang*, 1996
- Dato' Hj Zakaria Hitam, *Asal-usul tempat bersejarah, negeri Pahang Darul Makmur*, 1989
- Syharom Hussein, *Sejarah Johor, kaitannya dengan negeri Melayu*, 1995
- Tun Sri Lanang, *Sejarah Melayu (suntingan A. Samad Ahmad)*, 1986
- R.O Winstedt, *Bendaharas & Temenggungs, JMBRAS, Vol X, pt 1, 1932*
- R.O Winstedt, *The early rulers of Perak, Pahang & Acheh, JMBRAS, Vol X, pt 1, 1932*
- R.O Winstedt, *A History of Johor (1365-1895M)*, JMBRAS, Vol X, pt 3, 1932
- Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917, pentadbiran dan perkembangannya*, 1988
- Leonard Y. Andaya; *Kerajaan Johor, 1641-1728 Masihi, pembangunan ekonomi dan politik, (terjemahan)*

- Dato' Hj Muhammad Salleh Hj Awang, *Sejarah Darul Iman hingga 1361H-1942M*, 1978
- M. C. ff Sheppard, *A short history of Terengganu*, JMBRAS, Vol XXII, Pt III, 1949
- Straits Settlement Adiministrative Report, Annual Report, Administration of Straits Settlement, 1861-62, CO 275/1-33, 1855-1867, simpanan Arkib Negara
- Lapuran Setiausaha Kerajaan India kepada Sir C Wood*, 8 Disember 1862, Surat Keterangan Terengganu, 1862, S.S.R., India Office, 28 Julai 1862,
- Cant R. G, *An historical geography of Pahang, Pahang in 1888, The eve of British Administration*, MBRAS, 1972
- Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor*, 1996
- Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Hj Md Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja*; Suatu Pendekatan, 1998
- Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Salasilah Tun Habib Abdul Majid (terbukti dari keturunan Raja-Raja Melayu Melaka & zuriat Nabi Muhammad SAW)*, 2001
- Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Ahlul-Bait Rasulullah SAW & Raja-Raja Melayu*, 2001
- Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad & (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu dan Akhir Zaman*, 2002
- (Tun) Suzana (Tun) Hj Othman, *Mencari Sejarah Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang, 1857-1863M*, 2001
- Surat-surat Persendirian, Koleksi Sultan Baginda Omar*, SP/6, simpanan Arkib Malaysia, Kuala Lumpur
- Dokumen-dokumen koleksi Setiausaha Sulit, siri 'S', Arkib Negara Malaysia, cawangan Wilayah Selatan, Johor Bharu
- Surat sumpah Dato' Bendahara Siwa Raja Pahang ke atas Tun Ahmad*, S5, Arkib Negara Malaysia, cawangan Wilayah Selatan, Johor Bharu
- Surat-surat Persendirian, Koleksi Temenggung Abu Bakar*, simpanan Arkib Malaysia, Wilayah Selatan, Johor Bharu
- Kertas-Kerja Seminar Adat Melayu Serantau/Serumpun*, 9-11 September 1996, anjuran Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM)

## MENGENAI PENULIS

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman lahir di Singapura pada 28hb November 1965M. Anak ke-tiga kepada Al-Marhum Ayahnda (Tun) Hj. Othman, atau Hj M.Osman dan Bonda HjH Moliana Afida. Ayahndanya adalah cicit kepada Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Rahman (Tun Aman) ibni Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali, pemerintah negeri Pahang bagi tahun 1847-1863M. Pernah bersekolah di Bukit Bintang Girls School dan Sek. Men. Sains Selangor. Melanjutkan pelajaran di Australian National University, Canberra, Australia dan mendapat ijazah dalam bidang Ekonomi. Telah mengunjungi berbagai negara di dunia seperti Australia, United Kingdom, Arab Saudi, South Africa dan negara-negara Asean bersama keluarganya.

Beliau dan suaminya Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad merupakan ahli Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan negeri Johor. Pasangan suami isteri ini mengambil inisiatif sendiri untuk mengkaji secara mendalam salasilah Raja-Raja Melayu, khususnya yang berkaitan dengan zuriat Nabi Muhammad SAW. Mereka juga banyak membuat kajian mengenai sejarah kesultanan negeri Melaka, Johor dan Pahang, khususnya yang berkaitan dengan pemerintahan raja-raja dan keluarga bendaharanya. Hasil pengkajian mereka telah dibukukan, selain ditulis dalam bentuk monograf sejarah serta kertas kerja.



(Tun) Suzana sendiri amat berminat dengan sejarah pemerintahan dinasti bendahara-bendahara Johor-Pahang, khususnya yang berkaitan dengan peristiwa Perang Bendahara Pahang yang berlaku dalam tahun 1857-1863M. Buku yang diterbitkan dalam tahun 2001M bertajuk '*Mencari Sejarah; Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*' dan kini '*Institusi Bendahara-Permata Melayu yang Hilang*' ini ditulis hasil daripada kaji selidiknnya.

Gambar di atas adalah gambar (Tun) Suzana dan suaminya Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad. Sementara gambar dibawah ialah gambar bonda saudaranya Tun Hajah Zabedah, cicit dan waris tertua kepada Al-Marhum Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Abdul Rahman ibni Al-Marhum Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir.



## JUDUL-JUDUL LAIN DARI PENULIS

- i. *Ahlul-Bait (keluarga) Rasulullah SAW & Raja-Raja Melayu*, edisi Pertama, 2001 (usahasama Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad)
- ii. *Salasilah Tun Habib Abdul Majid- Bendahara Padang Saujana (Tun Habib Abdul Majid, mangkat 1697M, moyang bagi KesultananPahang, Terengganu & Johor terbukti berketurunan Raja-Raja Melayu Melaka dan zuriat Nabi Muhammad SAW)*, edisi Pertama, 2000 (usahasama Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad)
- iii. *Mencari Sejarah; Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863M)*, edisi Pertama, 2001
- iv. *Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu & Akhir Zaman*, edisi Pertama, 2002 (usahasama Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad)
- v. *Pusaka Peninggalan; Bendahara Seri Maharaja Pahang, Tun Mutahir Tun Ali (1813-1863)*, 2000, Monograf Sejarah, Arkib Negara Malaysia Wilayah Selatan.
- vi. *'Dinasti-Dinasti Quraisy (Bani Hasyim) di Alam Melayu dan 'Peranan kaum Sayyid Al A'idrus dalam pemerintahan Raja-Raja Melayu'*, 2001; Kertas Kerja sebagai bahan rujukan dalam *'Wacana Intelektual Pensejarahan Islam di Pahang; Hubungan Pahang dengan Brunei'* yang telah diadakan di Kuantan, Pahang pada 21-22 Mei 2001. (usahasama Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad)

Judul-judul lain yang sedang dalam penulisan :

- i. *Adat Melayu disanggah, Bangsa Melayu di 'tulah'*
- ii. *Potensi Melayu Hakikat di Akhir Zaman*